PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
(416087-U)

KE ARAH NILAI MAMPAN

LAPORAN TAHUNAN 2015

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ke-19	**TARIKH** 25 Mei 2016 (Rabu) **MASA** 10.00 pagi **TEMPAT** Concorde I Concorde Hotel Shah Alam Aras 2, No. 3 Jalan Tengku Ampuan Zabedah C9/C 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

KE ARAH NILAI MAMPAN

Kami sentiasa berusaha untuk menghasilkan prestasi mampan dalam operasi Syarikat. Perniagaan kami memiliki kekuatan tersendiri yang merupakan model yang mampan dalam aspek penciptaan nilai. Sebahagian daripada kekuatan ini adalah berdasarkan kepada hakikat bagaimana syarikat kami dibentuk dan beroperasi sebagai sebuah syarikat, sama ada ia bertunjangkan kepada kekuatan kewangan, pemahaman mendalam mengenai komuniti dan kawasan perkhidmatan ataupun bersandarkan kepada pendekatan perniagaan kami. Prestasi holistik kami merangkumi kedua-dua aset iaitu aset ketara dan aset tidak ketara, dan ia memberikan nilai kepada setiap pelaburan tanpa melupakan asas penubuhan Syarikat ini.

VISI KAMI

Untuk Menjadi Peneraju Serantau Penyediaan Penyelesaian Bersepadu Perkhidmatan Air, Air Sisa Dan Alam Sekitar Dengan Penglibatan Dalam Sektor Minyak Dan Gas, Dan Muncul Sebagai Entiti Perniagaan Penting Dalam Sektor Perladangan Dan Pembangunan Hartanah.

MISI KAMI

- Untuk menghadapi peningkatan cabaran terhadap keperluan kepada air, kejuruteraan air sisa dan alam sekitar, sektor pembangunan hartanah, perladangan dan pembinaan melalui pelaksanaan yang berterusan dalam perancangan strategik, piawaian berkualiti tinggi, kecekapan perkhidmatan, pembangunan modal insan, inovasi teknologi dan sistem operasi.

- Untuk mengambil bahagian secara aktif dalam peluang-peluang perniagaan yang berkaitan dengan aktiviti teras Syarikat di peringkat tempatan, serantau dan global.

- Untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran kami melalui Perkongsian Pintar Perniagaan, Perkongsian Awam Swasta atau lain-lain model inovasi perniagaan dalam usaha meningkatkan pertumbuhan perniagaan.

CIRI-CIRI BAHARU DALAM LAPORAN TAHUNAN INI

01 Kami berusaha mengurangkan pengulangan agar tidak mengganggu keselesaan pembacaan anda. Kami juga telah menyediakan rujukan silang. Ikon ini akan membolehkan anda mencari maklumat yang berkaitan dalam laporan tahunan ini.

ms.__

02 Laporan tahunan ini boleh dilayari di www.puncakniaga.com.my

03 Untuk mengakses Laporan Tahunan kami, sila muat turun pembaca kod QR pada telefon pintar anda dengan mengimbas imej di sebelah kiri.

ISI KANDUNGAN

01

MENGENAI KAMI

2 Nilai-nilai Puncak
3 Tentang Laporan Ini

02

BAGAIMANA PRESTASI KAMI

4 Sorotan Penting Kewangan Bagi Tempoh Lima Tahun
5 Prestasi Kumpulan Bagi Tempoh Lima Tahun
6 Harga Saham & Jumlah Didagangkan
7 Kalendar Kewangan

03

PERUTUSAN KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM

8 Perutusan Pengerusi Kepada Para Pemegang Saham
12 Perbincangan Dan Analisis Pihak Pengurusan

04

D.N.A. ORGANISASI KAMI

20 Profil Korporat
22 Maklumat Korporat
24 Struktur Korporat
26 Struktur Organisasi PNHB
28 Lampiran Fakta Kumpulan PNHB

05

KEPIMPINAN KAMI DAN PERANAN MEREKA

30 Lembaga Pengarah
32 Profil Lembaga Pengarah
43 Profil Kakitangan Utama – Kumpulan PNHB

06

APA YANG TELAH KAMI CAPAI

50 Pencapaian Penting
54 Berita Puncak
55 Pencapaian Korporat
56 Sorotan Penting 2015

07

BAGAIMANA KAMI MENCIPTA NILAI MENERUSI KEMAMPANAN

58 Penyata Kemampanan
- Pengenalan
- Tadbir Urus Kemampanan
- Skop
- Penglibatan Pemegang Kepentingan

61 Prestasi Kemampanan Berkenaan Isu Penting [Mewujudkan Nilai Ekonomi]
64 Prestasi Kemampanan Berkenaan Isu Penting [Nilai Alam Sekitar]
66 Prestasi Kemampanan Berkenaan Isu Penting [Nilai Kepada Kakitangan Kami]
73 Prestasi Kemampanan Berkenaan Isu Penting [Nilai Kepada Komuniti Kami]
76 Acara-acara Korporat

08

BAGAIMANA KAMI DITADBIR

78 Penyata Tadbir Urus Korporat
93 Maklumat Pematuhan Tambahan
96 Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
102 Laporan Jawatankuasa Audit
108 Dasar Pendedahan Korporat
109 Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat
110 Dasar Kesihatan, Keselamatan Dan Alam Sekitar
111 Dasar & Laporan Perhubungan Pelabur
114 Dasar Kualiti
115 Dasar Kepelbagaian Jantina
116 Penyata Tanggungjawab Pengarah Bagi Penyediaan Penyata Kewangan

09

ANGKA KEWANGAN KAMI

117 Penyata Kewangan

10

MAKLUMAT LAIN

236 Analisis Sekuriti Syarikat
242 Senarai Hartanah
243 Indeks GRI

11

NOTIS MESYUARAT

246 Notis Mesyuarat Agung Tahunan
250 Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan

LAIN-LAIN

- Borang Proksi
- Notis Data Peribadi

NILAI-NILAI PUNCAK

NILAI-NILAI SYARIKAT KAMI, NILAI-NILAI PUNCAK MEMBENTUK BUDAYA ORGANISASI DAN MEMACU CARA KAMI MENJALANKAN PERNIAGAAN. IA DISEPADUKAN DALAM PROSES-PROSES PERNIAGAAN DAN NILAI-NILAI TERAS KAMI.

DI PUNCAK, KAMI SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENJADI:

Passionate

Bersemangat dalam perniagaan kami untuk mengekalkan prestasi mampan.

United

Bersatu padu dalam strategi tanggungjawab korporat kami selaras dengan Visi kami Untuk Menjadi Peneraju Serantau Penyediaan Penyelesaian Bersepadu Perkhidmatan Air, Air Sisa Dan Alam Sekitar Dengan Penglibatan Dalam Sektor Minyak Dan Gas, Dan Muncul Sebagai Entiti Perniagaan Penting Dalam Sektor Perladangan Dan Pembangunan Hartanah.

Nurture

Memupuk modal insan kami ke arah pembentukan tenaga kerja yang diteladani.

Corporate Governance

Tadbir Urus Korporat memacu cara kami menjalankan perniagaan di dalam persekitaran dunia perniagaan sejagat yang sentiasa berubah.

Accountable

Bertanggungjawab dalam semua tindakan dan proses rundingan kami dengan semua pihak berkepentingan.

Knowledgeable

Berpengetahuan dalam semua aspek operasi perniagaan kami dan terus menjadi penyedia perkhidmatan yang boleh dipercayai dan diharapkan.

TENTANG LAPORAN INI

KE ARAH NILAI MAMPAN

2015 MENJADI TAHUN YANG MELAKAR TRANSFORMASI BUAT PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD ("PUNCAK NIAGA" ATAU "PNHB") RENTETAN PENSTRUKTURAN SEMULA SEKTOR PERKHIDMATAN AIR SELANGOR SECARA BESAR-BESARAN. PENSTRUKTURAN SEMULA INI MENYAKSIKAN PNHB MELUPUSKAN PNSB WATER SDN BHD (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI PUNCAK NIAGA (M) SDN BHD) ("PNSB") DAN SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD ("SYABAS") KEPADA PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD ("AIR SELANGOR").

Dengan selesainya penjualan aset perkhidmatan air kami, PNHB kini sedang mengatur hala tuju dan tumpuan terhadap perniagaan baharu yang akan membawa kami ke fasa seterusnya dalam perkembangan Syarikat. Meskipun begitu, kepimpinan yang beretika dan tegas tetap menjadi kepentingan dalam keupayaan kami untuk mencipta nilai dan kemampanan jangka panjang.

Era baharu ini menghidangkan peluang dan cabaran baharu serta cara baharu dalam bekerja: lebih tertumpu, lebih terkhusus serta lebih berdaya tahan, dan yang amat penting, kami melangkah maju ke hadapan sebagai sebuah organisasi yang lebih berkesan dan berdaya saing. Kemampanan begitu penting bagi membolehkan kami menzahirkan hasil di tengah-tengah perubahan penting yang mencorak sejarah Syarikat dan menjadi pendorong kepada pertumbuhan masa depan.

Syarikat juga berhadapan dengan cabaran operasi yang ketara pada 2015. Harga komoditi yang jatuh merudum serta keadaan pasaran dan ekonomi yang secara amnya tidak memberangsangkan, telah memberi tekanan tambahan kepada PNHB yang sedang beralih menjadi sebuah entiti perniagaan yang lebih pelbagai dan berdaya tahan.

Tumpuan Laporan pada tahun ini ditujukan tepat kepada usaha bagaimana kami menzahirkan strategi kami meskipun diselubungi persekitaran kerja yang mencabar.

Berlatarkan keadaan ini, perbandingan tahun-ke-tahun perlu melibatkan sikap berhati-hati. Prestasi kemampanan kami tertumpu kepada isu yang menjejaskan kejayaan jangka panjang perniagaan kami dan berkait dengan sebarang perkara yang kami lakukan yang memberi kesan mendalam terhadap ekonomi, alam sekitar atau masyarakat komuniti di tempat kami beroperasi. Kami akan dapat menyediakan laporan berbekalkan data yang lebih komprehensif pada 2016. Kami juga akan menambah baik penilaian kami tentang bidang tumpuan yang material pada tahun akan datang bersandarkan perjalanan yang diatur secara progresif.

Laporan ini menyasarkan khalayak yang luas merangkumi para pemegang kepentingan, termasuk kakitangan, masyarakat komuniti setempat, badan bukan kerajaan ("NGO"), pelanggan serta kerajaan. Pendedahan yang dibuat adalah selaras dengan rangka kerja Inisiatif Laporan Global ("GRI") dan memenuhi keperluan piawaian baharu Laporan GRI, G4-Teras. Butiran tentang pematuhan terhadap penunjuk GRI G4 dikemukakan pada muka surat 243 sehingga 245.

ms.243

Laporan ini disediakan buat semua pemegang kepentingan dalam bentuk salinan cetak berdasarkan permintaan. Salinan lembut Laporan ini juga boleh diakses oleh orang ramai melalui laman web kami di www.puncakniaga.com.my.

TEMPOH LAPORAN

1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015

HAD LAPORAN

Laporan ini merujuk kepada tempoh dari 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2015 (kecuali dinyatakan sebaliknya pada bahagian tertentu), dan:

- merujuk kepada semua aktiviti Kumpulan PNHB (termasuk syarikat subsidiari-subsidiari utama)
- menyentuh semua operasi Kumpulan PNHB
- mengandungi keputusan kuantitatif dan kualitatif untuk semua penunjuk yang dikemukakan selama tiga tahun lepas (kecuali dinyatakan sebaliknya)

MAKLUM BALAS

Semua komen, pandangan dan ulasan boleh ditujukan kepada:

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
d/a Jabatan Kesetiausahaan
Tingkat 10, Wisma Rozali
No.4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Telefon : 03 5522 8589
Faks : 03 5512 0220
Emel : investors@puncakniaga.com.my

SOROTAN PENTING KEWANGAN BAGI TEMPOH LIMA TAHUN

	31-Dis-15 RM'000	31-Dis-14 RM'000	31-Dis-13 RM'000	31-Dis-12 (Dinyatakan semula) RM'000	31-Dis-11 (Dinyatakan semula) RM'000
KEPUTUSAN PENTING					
Hasil					
- Operasi berterusan	188,694	606,635	514,348@	1,563,032	1,015,668
- Operasi dihentikan	475,194	562,734	632,356@	-	-
Jumlah	663,888	1,169,369	1,146,704	1,563,032	1,015,668
(Kerugian)/Keuntungan Sebelum Cukai					
- Operasi berterusan	(152,430)	(8,884)	(79,501)@	325,372	365,935
- Operasi dihentikan	267,380	302,354	315,865@	-	-
Jumlah	114,950	293,470	236,364	325,372	365,935
Keuntungan Bersih pemilik syarikat induk	65,576	248,383	200,551	259,389	243,907
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN					
Hartanah, loji dan peralatan	195,194	244,414	426,219	419,799	412,671
Harta pelaburan	181,557	181,495	-	-	-
Aset operasi kewangan	-	-	743,771	813,812	890,959
Aset konsesi perkhidmatan	61,203	64,512	84,562	67,880	65,908
Aset bukan semasa lain	27,712	45,438	1,883,573	1,632,326	1,285,905
Aset semasa	1,400,297	703,944	1,508,230	1,313,581	1,081,715
Aset dikelaskan dipegang untuk jualan	-	3,618,098**	-	-	-
Jumlah aset	1,865,963	4,857,901	4,646,355	4,247,398	3,737,158
MODAL YANG DITERBITKAN DAN BERBAYAR					
Modal saham	449,284	415,960	411,261	411,143	411,143
Rizab	1,229,116	1,659,988	1,365,495	1,173,304	916,337
Ekuiti pemilik syarikat induk	1,678,400	2,075,948	1,776,756	1,584,447	1,327,480
Aset bersih sesaham pemilik syarikat induk (RM)	3.75	5.02	4.34	3.87	3.24
NISBAH DAN STATISTIK					
Margin keuntungan bersih pemilik syarikat induk (%)	9.88	21.24	17.49	16.60	24.01
Pendapatan asas sesaham pemilik syarikat induk (sen)	15.58	60.51	49.02	63.40	59.62
Pinjaman dan Peminjaman (RM'000)	71,182	221,361*	2,053,751	1,935,717	1,837,840
Nisbah penggearan (%)	4	10	54	55	58
Nisbah semasa (kali ganda)	9.31	1.68	3.31	1.21	1.40

** Aset dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan terdiri daripada perkara-perkara berikut:-

Hartanah, loji dan peralatan	-	2,596
Aset operasi kewangan	-	780,058
Aset konsesi perkhidmatan	-	14,329
Perdagangan belum terima dan lain-lain	-	2,567,324
Inventori	-	5,857
Cukai diperoleh semula	-	80,173
Tunai dan kesamaan tunai	-	167,761
	-	3,618,098
* Pinjaman dan peminjaman yang disertakan dalam liabiliti dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan	-	1,725,899

\# Perbandingan ini telah dinyatakan semula dengan mengambil kira kesan penggunaan MFRS 10 & 11
@ Perbandingan ini telah dinyatakan semula dengan mengambil kira kesan penggunaan MFRS 5

PRESTASI KUMPULAN BAGI TEMPOH LIMA TAHUN

HASIL
(RM'000)



EKUITI PEMILIK SYARIKAT INDUK
(RM'000)



KEUNTUNGAN BERSIH PEMILIK SYARIKAT INDUK
(RM'000)



JUMLAH ASET
(RM'000)



PENDAPATAN ASAS SESAHAM PEMILIK SYARIKAT INDUK
(sen)



ASET BERSIH SESAHAM PEMILIK SYARIKAT INDUK
(RM)



HARGA SAHAM & JUMLAH DIDAGANGKAN

PERGERAKAN HARGA SAHAM

NAMA STOK: PUNCAK KOD STOK: 6807

	2015												2016		
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb	Mac
Jumlah Saham Didagangkan ('000)	34,310	16,507	23,966	12,870	15,162	20,963	25,172	9,946	16,790	19,150	36,494	24,119	25,881	11,182	75,525
Purata Bulanan Harga Penutupan Saham (RM)	2.78	2.69	2.64	2.66	2.59	2.67	2.71	2.56	2.60	2.80	2.85	1.70	1.32	1.12	1.21



KALENDAR KEWANGAN

-TAHUN- 2015

21 MEI 2015
/ KHAMIS /

KEPUTUSAN SUKU PERTAMA BERAKHIR 31 MAC 2015

25 OGOS 2015
/ SELASA /

KEPUTUSAN SUKU KEDUA BERAKHIR 30 JUN 2015

24 NOVEMBER 2015
/ SELASA /

KEPUTUSAN SUKU KETIGA BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2015

-TAHUN- 2016

25 FEBRUARI 2016
/ KHAMIS /

KEPUTUSAN SUKU KEEMPAT BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

30 MAC 2016
/ RABU /

PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

28 APRIL 2016
/ KHAMIS /

PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN 2015

25 MEI 2016
/ RABU /

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KESEMBILAN BELAS

PERUTUSAN PENGERUSI KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM

YBHG TAN SRI ROZALI ISMAIL
Pengerusi Eksekutif Kumpulan PNHB

PARA PEMEGANG SAHAM SEKALIAN,

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan penuh sukacitanya mengemukakan Laporan Tahunan Puncak Niaga Holdings Berhad ("Puncak Niaga") bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 ("TK2015").

Ia merupakan tahun yang penuh peristiwa bagi Puncak Niaga apabila akhirnya, pada 15 Oktober 2015, kami dapat menyelesaikan isu yang telah lama berlarutan berhubung dengan penjualan aset air kami kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd ("Air Selangor"), sebuah entiti milik penuh Kerajaan Negeri Selangor, untuk bayaran tunai berjumlah RM1,555.3 juta. Penyempurnaan usaha tersebut yang merupakan sebahagian daripada penggabungan/penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya, menandakan berakhirnya suatu bab yang begitu bermakna dalam lipatan sejarah Syarikat.

Kami telah memulakan operasi sebagai penggiat dalam bidang infrastruktur air di Selangor lebih dua dekad yang lalu, dan kami mengekalkan kepakaran yang cukup ketara dalam industri ini dan akan terus memainkan peranan dalam industri air. Walau bagaimanapun, kami sedar bahawa sebagai sebuah syarikat, kami perlu meneruskan langkah dengan meneroka sempadan pertumbuhan baharu bagi tempoh sepuluh tahun akan datang dan seterusnya. Selain itu, kami juga berada pada kedudukan yang menguntungkan untuk melakukannya kerana kami telah menempah nama yang sangat baik di dalam industri air dan perniagaan berasaskan konsesi. Malah, kini kami memiliki pegangan tunai yang signifikan serta tahap penggearan yang rendah dalam buku.

Namun, sebelum membincangkan apa yang bakal menanti untuk Puncak Niaga dan Kumpulan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada ribuan bekas kakitangan PNSB Water Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Puncak Niaga (M) Sdn Bhd) ("PNSB") dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS"). Mereka telah menjadi komponen utama dalam perjalanan kami, mempamerkan profesionalisme, dedikasi serta komitmen terbaik dalam memberi perkhidmatan kepada para pengguna di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya sejak Kumpulan mula menceburi industri perkhidmatan air Selangor pada tahun 1994.

Komitmen yang telah mereka tampilkan untuk memastikan perkhidmatan pengagihan bekalan air bersih yang diyakini dan cekap pada tahun-tahun sebelumnya dan tempoh sembilan bulan pertama 2015, walaupun berhadapan dengan pelbagai ketidaktentuan dan cabaran dalam operasi harian akibat

PERUTUSAN PENGERUSI KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM

penangguhan penjualan PNSB dan SYABAS kepada Air Selangor, merupakan sesuatu yang amat mengagumkan. Kami percaya bahawa mereka akan berterusan menunjukkan tahap profesionalisme, dedikasi serta komitmen di bawah pengurusan baharu Air Selangor/Kerajaan Negeri Selangor, memandangkan pengagihan bekalan air bersih yang mencukupi adalah keperluan asas buat jutaan rakyat Malaysia yang berada di bawah bidang kuasa mereka.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham yang telah bersama-sama kami sepanjang tempoh peralihan ini. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Puncak Niaga dengan jelasnya kekal sebagai sebuah syarikat berpotensi besar dan saya berharap para pemegang saham kami akan terus menyokong dan menemani kami dalam perjalanan akan datang yang mengujakan ini.

MEWUJUDKAN NILAI UNTUK PEMEGANG SAHAM

Keputusan kewangan bagi TK2015 mencerminkan sebuah syarikat yang sedang mengalami peralihan besar-besaran. Jadual di bawah memberikan gambaran keseluruhan tentang prestasi perniagaan kami bagi tahun berkaitan:

	RM'000
Hasil	
Daripada Operasi Dihentikan	475,194
Daripada Operasi Berterusan	188,694
Jumlah	**663,888**
Keuntungan/(Kerugian) Selepas Cukai	
Daripada Operasi Dihentikan	198,328
Daripada Operasi Berterusan	(135,270)
Keuntungan Selepas Cukai	**63,058**

Sumbangan daripada operasi berterusan pada TK2015 adalah hasil campuran sumbangan daripada sektor Minyak dan Gas ("O&G") mencatatkan kerugian disebabkan oleh kejatuhan dalam harga minyak mentah sehingga mencecah paras terendah sejak bertahun-tahun. Para penggiat O&G di peringkat global telah terjejas dengan kejatuhan harga minyak mentah sehingga mengakibatkan penangguhan serta pembatalan projek yang melibatkan perbelanjaan modal. Walaupun kami kekal optimistik bahawa PETRONAS mungkin akan melancarkan projek yang telah dirancangnya untuk tahun 2016 di bawah Kontrak B Pakej Pan Malaysia, kami menjangka pemulihan dalam harga minyak mentah tidak akan berlaku dalam tempoh terdekat ini, memandangkan harganya kini berada pada paras terendah iaitu di bawah US$40 setong - satu tahap yang tidak pernah didengari sepanjang sedekad yang lalu.

Sehubungan dengan itu, Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan Puncak Niaga telah menilai dan akan terus mengkaji semula perniagaan O&G kami. Kumpulan juga telah melakukan tindakan pensaizan wajar di Bahagian O&G pada bulan Mei 2015, September 2015 dan pada awal tahun 2016 bersandarkan pandangan yang agak suram terhadap sektor O&G. Kami akan terus memantau dengan teliti perkembangan dalam sektor O&G dan melakukan perubahan yang bersesuaian mengikut keperluan.

Sementara itu, sumbangan daripada segmen Pembinaan kami menyaksikan kerugian sebelum faedah dan cukai mencecah RM8.4 juta daripada keuntungan sebanyak RM8.6 juta setahun yang lalu. Menyempurnakan tiga tahun penuh operasinya pada 2015, cabang Pembinaan kami yang khusus dalam projek pembinaan berkaitan infrastruktur air dan air sisa dengan jelasnya telah menunjukkan tanda pertumbuhan di kawasan operasi kami di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Kami optimistik terhadap projek yang diumum oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-11 ("RMK11"), dimana lebih RM10 billion telah dibajetkan oleh Kerajaan dibawah peruntukan bekalan air yang bersih dan terawat dibawah Program Bekalan Air Luar Bandar. Memandangkan cabang Pembinaan kami dilengkapi dengan lesen serta kepakaran kejuruteraan dan pembangunan yang diperlukan untuk projek tersebut, kami menaruh harapan terhadap peluang kami dalam memperolehi sebahagian daripada projek tersebut.

Baru-baru ini, Puncak Niaga Construction Sdn Bhd ("PNCSB") telah memperolehi tender yang dikeluarkan oleh Jabatan Bekalan Air, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ("KeTTHA") bagi mengendali dan menguruskan loji pembersihan air di Beaufort, Sabah untuk tempoh tiga tahun bermula dari 1 Februari 2016. Justeru, kami kekal positif bahawa segmen Pembinaan akan menjadi kunci pertumbuhan yang utama bagi Kumpulan, meskipun menanggung kerugian pada tahun kewangan di bawah tinjauan.

PERUTUSAN PENGERUSI KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM

Untuk membuktikan komitmen kami terhadap para pemegang saham dan sebagai tanda penghargaan terhadap sokongan berterusan yang telah mereka berikan, kami telah membayar Dividen Khas sebanyak RM1.00 sesaham pada 23 Disember 2015, yang berjumlah RM447.2 juta daripada hasil jualan aset air kami kepada Air Selangor. Walaupun kami tidak akan melihat lagi sumbangan daripada operasi air yang dihentikan, namun kami yakin akan dapat mewujudkan nilai positif buat para pemegang saham bagi tempoh jangka panjang menerusi gabungan perancangan strategik dan pelaburan bijak dalam perniagaan sedia ada dan juga dalam bidang perniagaan baharu.

KE ARAH NILAI MAMPAN

Puncak Niaga sejak dahulu lagi amat perihatin tentang kewajipannya dalam memastikan kemampanan, berpaksikan DNA kami sebagai penggiat dalam sektor pembersihan air dan pengagihan air. Justeru itu, telah terbina dalam diri kami rasa hormat dan kesedaran tentang tanggungjawab kami terhadap alam sekitar dan masyarakat dalam setiap perkara yang kami lakukan, dan sebagai pemegang konsesi air, tanggungjawab kami terhadap ekonomi negara.

Sebahagian besar operasi perniagaan kami inilah secara intrinsiknya berkait dengan kemampanan, sebagai bukti akitiviti cabang pembinaan kami untuk menyediakan akses yang baik kepada masyarakat luar bandar Malaysia untuk mendapatkan air bersih. Kami tetap komited sepenuhnya untuk terus menerapkan kemampanan dalam aktiviti perniagaan kami agar dapat mengemukakan tiga matlamat muktamad Bursa Malaysia bagi ekonomi, alam sekitar dan masyarakat ("EES"), di samping memastikan kemampanan di tempat kerja yang mampu memupuk kepelbagaian dalam segala aspek.

Dari segi operasi perniagaan, Puncak Niaga telah memulakan suatu strategi bersepadu bagi mengenal pasti potensi untuk mengambil alih pelaburan strategik dan/atau menjalin kerjasama strategik, membentuk usaha sama atau perkongsian dalam perniagaan sedia ada dan perniagaan baharu yang dapat memberi impak segera terhadap aliran hasil kami. Namun demikian, kami akan melakukannya dengan berhati-hati dan akan memastikan bahawa apa sahaja pengambilalihan yang dilakukan menepati kriteria pelaburan dan profil risiko kami, serta dapat disepadukan secara lancar dengan operasi kami yang sedia ada. Sementara itu, kami komited terhadap pengurusan yang cekap dari segi pegangan tunai dan operasi bagi memastikan kedua-dua kos dan pulangan dapat dioptimumkan. Kami percaya bahawa kami perlu mengekalkan sikap berhemat dalam persekitaran ekonomi yang mencabar ini, namun sentiasa bersedia agar dapat merebut peluang sekiranya ia muncul di depan mata.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Sepanjang tahun kewangan yang lalu, Syarikat telah menerima beberapa anugerah termasuk Anugerah Kecemerlangan Industri untuk Syarikat Pembinaan dan Projek Infrastruktur daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan ("NACRA") untuk Laporan Tahunan edisi 2014. Anugerah ini mengiktiraf usaha Syarikat kami untuk menggalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban yang lebih hebat dalam laporan tahunan, yang kami anggap sebagai kewajipan penting terhadap

PERUTUSAN PENGERUSI KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM

pemegang kepentingan. Kami lebih lagi gembira menerima anugerah ini pada 2015 kerana ia menandakan tamatnya kemarau selama enam tahun sejak kali terakhir kami memenangi anugerah tersebut pada 2009.

Selain daripada anugerah NACRA, Puncak Niaga turut menerima pengiktirafan berikut pada 2015:

- Anugerah "Century International Quality ERA" yang dianjurkan oleh Business Initiative Directions untuk Kecemerlangan dan Inovasi dalam Kategori Emas
- "European Quality Award" oleh Dewan Perniagaan Eropah
- Anugerah Platinum dan Emas 3 Bintang daripada International Exposition on Team Excellence
- Anugerah "The World Business Leader, The BIZZ 2015" oleh World Confederation of Businesses

Kesemua anugerah ini menggalakkan kami untuk terus menambah baik prestasi sebagai sebuah entiti perniagaan yang menjadi teladan, di samping mengesahkan keyakinan bahawa kami menuju ke arah yang tepat berhubung dengan kedua-dua amalan perniagaan dalaman dan luaran. Kami berharap dapat mengekalkan tahap prestasi cemerlang yang tinggi pada tahun-tahun berikutnya.

PENGHARGAAN

Sesungguhnya, tahun ini merupakan tahun yang tidak dapat dilupakan bagi Puncak Niaga, dan saya ingin berterima kasih kepada pihak Pengurusan, kakitangan Kumpulan - mereka yang pernah bersama kami dan mereka yang sedia ada - serta rakan-rakan Pengarah saya di atas segala usaha dan pengorbanan yang telah mereka lakukan. Ia bukanlah tahun yang mudah bagi kami memandangkan kami perlu menangani begitu banyak cabaran dan isu operasi yang dihadapi oleh Syarikat dan Kumpulan. Menerusi kerja keras rakan sekerja saya inilah, maka kami berupaya mengetengahkan prestasi yang mengagumkan biarpun dihimpit kesukaran.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada YBhg Datuk Haji Syed Hisham Bin Syed Wazir yang telah menyertai kami sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Puncak Niaga pada 6 November 2015. Kami mengalu-alukan sumbangan beliau dalam melaksana dan menyokong hala tuju serta pertumbuhan masa depan Kumpulan pada 2016 dan seterusnya. Saya juga menyambut baik kehadiran anak lelaki saya, Azlan Shah Tan Sri Rozali yang baru dilantik sebagai Pengarah Gantian kepada saya pada 6 Januari 2016.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin menyampaikan penghargaan yang tulus ikhlas kepada para pemegang saham dan pemegang kepentingan kami termasuk para pelabur, pelanggan, pembiaya dan rakan niaga di atas sokongan mereka yang tidak ternilai di sepanjang tahun. Kami berharap keyakinan anda terhadap kami telah dapat kami balas dan kami menantikan kesempatan untuk mencipta lebih banyak peluang yang saling menguntungkan buat semua yang terlibat.

Ucapan terima kasih yang khusus ditujukan kepada Kerajaan dan pelbagai pihak berkuasa kawal selia, agensi-agensi dan organisasi-organisasi yang telah meletakkan kepercayaan mereka terhadap kami sebagai vendor pilihan. Saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa Puncak Niaga akan terus mengekalkan komitmennya untuk membangunkan negara dari segala aspek, dan kami menyambut baik lebih banyak peluang untuk berkhidmat kepada negara.

Terima kasih.

Tan Sri Rozali Ismail
Pengerusi Eksekutif, Kumpulan PNHB
30 Mac 2016

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PIHAK PENGURUSAN

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD MERUPAKAN SEBUAH SYARIKAT PEMEGANG PELABURAN DENGAN PENGLIBATAN UTAMA SYARIKAT SUBSIDIARINYA DALAM SEKTOR PENYELESAIAN BERSEPADU BAGI AIR, AIR SISA DAN ALAM SEKITAR SERTA MINYAK DAN GAS ("O&G"). SETELAH SELESAINYA PENJUALAN ASET AIR DI SELANGOR KEPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR, PUNCAK NIAGA TELAH DIKLASIFIKASIKAN KE DALAM SEKTOR 'PEMBINAAN' DARIPADA SEKTOR 'SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR' BERKUATKUASA MULAI 13 NOVEMBER 2015.

Puncak Niaga terus terlibat dalam perniagaan terasnya, iaitu kejuruteraan alam sekitar yang melibatkan sektor air, air sisa, sisa pepejal dan tenaga menerusi cabang pembinaannya, Puncak Niaga Construction Sdn Bhd ("PNCSB") yang telah menyempurnakan dua buah projek di Sarawak masing-masing pada Oktober dan Disember 2015. Buat masa ini ia sedang mengendalikan sebuah projek di Sabah dan sebuah lagi projek pembetungan di Kuala Lumpur. Puncak Niaga juga menjalankan operasi di China melalui pemilikan 98.65% syarikat subsidiari di Singapura iaitu Sino Water Pte Ltd ("Sino Water"). Kepentingan Kumpulan di China adalah di dalam sektor bekalan air dan rawatan air sisa. Sementara itu, kepentingannya dalam O&G diwakili oleh Kumpulan Puncak Oil & Gas yang menawarkan beberapa perkhidmatan, termasuk pemasangan luar pesisir dan penyewaan kapal DLB 264 untuk sektor O&G.

TEMPOH PERALIHAN

Penyempurnaan penjualan aset air Puncak Niaga iaitu PNSB dan SYABAS kepada Kerajaan Negeri Selangor telah mengundang cabaran serta peluang baharu buat Kumpulan. Sungguhpun Syarikat kini telah kehilangan sumber hasil utamanya, namun ia telah menerima sebanyak RM1,555.3 juta sebagai pertukaran untuk aset, dan daripada jumlah tersebut, RM447.2 juta telah dibayar sebagai Dividen Khas kepada para pemegang saham Syarikat pada 23 Disember 2015. Seterusnya, sebanyak RM200.0 juta telah digunakan untuk pembelian semula kesemua baki tertunggak Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus 5-Tahun pada 3 Disember 2015 dan bakinya akan dilabur dan digunakan secara strategik bagi meningkatkan prospek perniagaan untuk jangka panjang. Kami akan membuat pengumuman yang bersesuaian kepada bursa saham berkenaan sebarang pelaburan strategik dan/atau kolaborasi, usaha sama atau pengambilalihan strategik dalam perniagaan kami yang sedia ada atau dalam bidang perniagaan baharu pada masa hadapan.

Sementara itu, kami akan terus tertumpu kepada usaha untuk mengembangkan kehadiran kami di Malaysia, iaitu di Semenanjung Malaysia dan di Malaysia Timur. Kami percaya bahawa negara ini terus memegang peluang penting terhadap Kumpulan kami, khususnya dalam bentuk projek kerja kejuruteraan alam sekitar dan infrastruktur, seperti yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia ke-11 ("RMK11") dan projek-projek lain.

Setelah membina kecekapan teras dalam segmen kejuruteraan dan pembinaan infrastruktur sepanjang 20 tahun lalu, khususnya dalam sektor air, air sisa dan kejuruteraan alam sekitar, Puncak Niaga berada pada kedudukan yang baik untuk mendapat sebahagian daripada projek yang diumumkan dalam RMK11 atau projek-projek lain. Walaupun kami sedar PNCSB secara relatifnya merupakan tambahan baharu kepada Kumpulan Syarikat kami - ia telah menyempurnakan operasinya genap tiga tahun pada 2015 - dengan memperlihatkan potensi yang agak besar meskipun industri pembinaan di Malaysia amat berdaya saing.

Bagi Bahagian O&G pula, kami berhadapan dengan rintangan yang menjadikannya amat sukar bagi Bahagian ini untuk mengekalkan operasi normalnya pada 2015. Kejatuhan harga minyak mentah ke paras terendah sejak bertahun-tahun telah menjejaskan kesemua penggiat industri O&G, sama ada dalam negara, mahupun di peringkat global, dan operasi O&G kami tidak terkecuali. Kami menyaksikan PETRONAS menangguhkan projek perbelanjaan modal (capex) yang telah dirancang kerana sebahagian besar daripada projek ini telah dirangka berdasarkan harga purata minyak mentah berada di paras US$110 setong. Dengan harganya kini berada di bawah US$40 setong dan tiada jangkaan bahawa ia akan mengalami pemulihan yang ketara pada 2016/2017, kami sedang mengkaji secara serius pendedahan kami dalam sektor ini. Kami telah melakukan tindakan pensaizan wajar di Bahagian O&G kami - pada Mei 2015, September 2015 dan awal tahun 2016 - di mana kami telah mengurangkan bilangan kakitangan dan memperkemaskan kos operasi ke tahap minimum disebabkan kurangnya projek yang diperolehi pada 2015/2016.

TINJAUAN KEWANGAN TK2015

Hasil yang dilaporkan oleh Kumpulan pada TK2015 adalah sebanyak RM188.7 juta berbanding RM606.6 juta yang dicatat pada TK2014. Kerugian sebelum cukai ("LBT") bagi TK2015 telah mencecah RM152.4 juta berbanding RM8.9 juta pada tahun sebelumnya. Sejajar dengan itu, Kumpulan mencatatkan kerugian selepas cukai ("LAT") sebanyak RM135.3 juta daripada operasi berterusan berbanding LAT daripada RM7.2 juta pada 2014.

Dari segi keseluruhan prestasi, Kumpulan mencatatkan keuntungan selepas cukai ("PAT") sebanyak RM63.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 termasuk sumbangan PAT sebanyak RM198.3 juta daripada operasi dihentikan.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PIHAK PENGURUSAN

Ini dibandingkan dengan PAT sebanyak RM247.9 juta daripada operasi berterusan dan dihentikan seperti dilaporkan dalam TK2014.

PRESTASI KEWANGAN MENGIKUT SEGMEN

Sementara itu, segmen Pembinaan melaporkan kerugian sebelum faedah dan cukai ("LBIT") sebanyak RM8.4 juta daripada keuntungan sebelum faedah dan cukai ("PBIT") sebanyak RM8.6 juta pada TK2014. Hasil dan keuntungan segmen Pembinaan kami menerima kesan daripada kos operasi yang lebih tinggi.

Segmen O&G kami menyaksikan pembalikan yang besar dalam prestasinya dengan melaporkan LBIT sebanyak RM126.7 juta berbanding PBIT berjumlah RM24.3 juta pada tahun sebelumnya, yang disebabkan oleh kemerosotan dalam sektor O&G di peringkat global. Kumpulan juga telah melakukan kejejasan terhadap nilai muhibah dan aset yang berjumlah RM85.5 juta pada TK2015.

Dalam segmen perniagaan Air dan Air Sisa, Kumpulan mencatatkan LBIT sebanyak RM26.2 juta berbanding LBIT sebanyak RM8.2 juta setahun yang lalu. Prestasi segmen ini telah menerima kesan daripada kejejasan terhadap muhibah dan aset yang berjumlah RM15.8 juta.

Bagi Operasi Dihentikan yang merangkumi segmen pembersihan air, ia mencatatkan PBIT yang lebih rendah berjumlah RM366.3 juta daripada RM433.9 juta yang dilaporkan pada tahun kewangan terdahulu. PBIT adalah lebih rendah kerana hasil yang dijana oleh segmen pembersihan air adalah lebih rendah memandangkan operasi pembersihan air kami telah dihentikan pada 15 Oktober 2015 berikutan selesainya penjualan aset kami.

PERBINCANGAN TENTANG VARIANS HASIL DALAM OPERASI BERTERUSAN

Hasil daripada operasi berterusan Kumpulan merosot kepada RM188.7 juta pada TK2015 daripada RM606.6 juta setahun lalu. Punca utama kejatuhannya adalah disebabkan sumbangan hasil yang lebih rendah daripada segmen O&G kami berpunca daripada kemerosotan dalam sektor O&G. Pada 2016, kami menjangka akan menyaksikan pertumbuhan yang berterusan di Bahagian Pembinaan walaupun kami turut menjangkakan kelesuan akan berlanjutan di Bahagian O&G.

Prestasi kewangan yang kurang memberangsangkan yang dilaporkan pada tahun ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh sumbangan yang lebih rendah daripada Bahagian O&G yang berpunca daripada kemerosotan dalam industri O&G global. Faktor lain yang menyumbang kepada keadaan ini termasuklah kejejasan kerugian terhadap muhibah dan aset, serta kos pengendalian yang lebih tinggi dalam segmen Pembinaan. Selain itu, Kumpulan hanya memasuk kira sumbangan daripada operasi dihentikan sehingga 15 Oktober 2015 berbanding dengan tahun sebelumnya yang menyaksikan Kumpulan memasuk kira sumbangan untuk setahun penuh daripada operasi dihentikan.

MEMBERI GANJARAN KEPADA PEMEGANG SAHAM KAMI

Kumpulan telah membayar Dividen Khas sebanyak RM1.00 sesaham pada 23 Disember 2015 apabila selesainya penjualan aset air kami. Tindakan ini adalah untuk memberi ganjaran dan sebagai mengiktiraf sokongan berterusan para pemegang saham kami semasa Kumpulan melalui tempoh peralihan manakala kami memulakan perjalanan untuk meneroka sempadan pertumbuhan baharu bagi mencipta kemampanan nilai jangka panjang buat para pemegang saham kami berlatarkan persekitaran ekonomi tempatan dan global yang serba mencabar. Memandangkan buat masa ini kami sedang menyatukan kedudukan kewangan dan melakukan penjimatan sebelum bermulanya pengembangan secara besar-besaran, maka, Lembaga Pengarah tidak mencadangkan apa-apa dividen tambahan untuk dibayar berhubung dengan TK2015.

KAMI AKAN TERUS TERTUMPU KEPADA USAHA UNTUK MENGEMBANGKAN KEHADIRAN KAMI DI MALAYSIA, IAITU DI

SEMENANJUNG MALAYSIA DAN DI MALAYSIA TIMUR

KAMI MEMULAKAN PERJALANAN UNTUK MENEROKA SEMPADAN PERTUMBUHAN BAHARU BAGI MENCIPTA

KEMAMPANAN NILAI JANGKA PANJANG BUAT PARA PEMEGANG SAHAM KAMI BERLATARKAN PERSEKITARAN EKONOMI TEMPATAN DAN GLOBAL YANG SERBA MENCABAR

RM447.2JUTA

TELAH DIBAYAR SEBAGAI DIVIDEN KHAS KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM SYARIKAT

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PIHAK PENGURUSAN

TINJAUAN MENGIKUT SEGMEN:

PEMBERSIHAN DAN PENGAGIHAN AIR

HASIL:

RM475.2 JUTA

KEUNTUNGAN SEBELUM FAEDAH DAN CUKAI:

RM366.3 JUTA

AIR TERAWAT

547.9 JUTA M^3

KEPENTINGAN KUMPULAN DALAM PERNIAGAAN PEMBERSIHAN DAN PENGAGIHAN AIR TELAH DIPINDAHKAN KEPADA PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD, IAITU ENTITI MILIK PENUH KERAJAAN NEGERI SELANGOR, PADA 15 OKTOBER 2015 BERIKUTAN SELESAINYA PROSES PENYATUAN/PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR DI NEGERI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA.

Kumpulan berusaha untuk memastikan perkhidmatan air disampaikan dengan sebaik mungkin sebelum tarikh penyerahan. Untuk maklumat lanjut mengenai pengurusan aset air Kumpulan untuk tahun-tahun sebelumnya, sila rujuk kepada laporan-laporan tahunan kami yang lepas di www.puncakniaga.com.my.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PIHAK PENGURUSAN

TINJAUAN MENGIKUT SEGMEN:

PEMBINAAN

HASIL:

RM125.2 JUTA

KERUGIAN SEBELUM FAEDAH DAN CUKAI:

RM8.4 JUTA

PNCSB BERJAYA MENYEMPURNAKAN

DUA PROJEK PEMBEKALAN AIR DI SARAWAK

MASING-MASING PADA OKTOBER DAN DISEMBER 2015 UNTUK KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH ("KKLW")

AKTIVITI PERNIAGAAN KAMI DALAM SEKTOR PEMBINAAN TERUTAMANYA DIKENDALIKAN OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI MILIK PENUH KAMI, PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN BHD ("PNCSB"). BERAKHIRNYA TAHUN 2015 MENANDAKAN TIGA TAHUN PENUH PNCSB TELAH BEROPERASI. PNCSB BERJAYA MENYEMPURNAKAN DUA PROJEK PEMBEKALAN AIR DI SARAWAK MASING-MASING PADA OKTOBER DAN DISEMBER 2015 UNTUK KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH ("KKLW"). BUAT MASA INI IA SEDANG MELAKSANAKAN PROJEK PEMBETUNGAN DI KUALA LUMPUR UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN DAN PROJEK TERSEBUT DIJANGKA SIAP PADA FEBRUARI 2018. DI SAMPING ITU, BARU-BARU INI PNCSB BERJAYA MEMPEROLEHI TENDER YANG DIPANGGIL OLEH JABATAN BEKALAN AIR, KEMENTERIAN TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR ("KETTHA") BAGI OPERASI DAN PENYELENGGARAAN LOJI PEMBERSIHAN AIR DI BEAUFORT, SABAH UNTUK TEMPOH TIGA TAHUN, BERMULA PADA 1 FEBRUARI 2016.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PIHAK PENGURUSAN

Meskipun berhadapan dengan cabaran dalam industri pembinaan yang berdaya saing, PNCSB telah memperlihatkan potensi pertumbuhan yang ketara bertunjangkan rekod prestasi dan pengalaman yang teguh dalam perniagaan sektor air. Selain itu, terdapat juga perkembangan positif yang menyaksikan PNCSB membuat bidaan yang cukup bertenaga menentang para pesaing bagi mendapatkan tender bersaiz sederhana sehinggalah kepada yang bersaiz mega, terutamanya dalam sektor kejuruteraan alam sekitar. Antara kelebihan daya saingnya yang utama termasuk memiliki pengalaman dan sumber yang mengkhusus kepada bidang kerja kejuruteraan alam sekitar, pengurusan projek secara profesional, mempunyai akses kepada teknologi pembinaan terkini, menjalin kerjasama dengan rakan niaga dan penyedia teknologi pakar, serta memiliki aset pembinaannya sendiri.

PROSPEK

PROSPEK KESELURUHAN DALAM NEGARA

Sektor bekalan air dan air sisa akan terus berkembang untuk menampung penduduk yang semakin meningkat, keperluan untuk menaik taraf yang lama dan sedia ada serta kemudahan yang usang, dan juga untuk meningkatkan kawasan liputan perkhidmatan. Di sanalah akan terdapat penekanan kepada penjagaan alam sekitar yang berterusan. Oleh itu lebih banyak projek alam sekitar yang berkaitan seperti pengurusan sisa pepejal dan sisa berbahaya serta pelupusan akan diperkenalkan oleh Kerajaan.

Di samping itu, pembinaan kekal sebagai pemacu penting ekonomi Malaysia pada 2015, dan merupakan salah satu daripada segelintir sektor yang mencatatkan prestasi mengikut jangkaan penganalisis. Aktiviti pembinaan ini didorong oleh projek infrastruktur Kerajaan yang diumumkan sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Negara ("NTP"), termasuk sistem Transit Laju Massa ("MRT") Lembah Klang dan program untuk membawa air bersih kepada warga Malaysia di kawasan luar bandar. Kerajaan turut memperbaharui penekanannya terhadap sektor pertumbuhan utama yang mengundang minat Kumpulan, termasuk bidang kejuruteraan alam sekitar, kecekapan tenaga dan tenaga boleh diperbaharui.

'Settled Water Channel' di LPA Sarikei, Sarawak

Prospek untuk sektor ini terus didorong oleh belanjawan pembangunan Kerajaan sebanyak RM52 bilion pada 2016, dengan peruntukan yang agak besar diberi kepada inisiatif pembangunan luar bandar dan pengangkutan awam bandar. Lebih penting lagi, untuk penyediaan air bersih dan terawat di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar, lebih daripada RM10 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020), yang merupakan petanda baik bagi Kumpulan Puncak Niaga memandangkan rekod prestasi kami yang kukuh dalam industri ini dalam tempoh 20 tahun yang lalu.

PROSPEK KUMPULAN

Selepas selesainya Cadangan Penjualan pada 15 Oktober 2015, Kumpulan terus-menerus berusaha untuk mengembangkan operasinya dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan teras serta kecekapan terasnya dalam bidang air dan air sisa, pembetungan, kejuruteraan alam sekitar dan pembinaan, sama ada di dalam mahupun di luar negara, di samping meneroka peluang dalam sektor perniagaan baharu seperti perladangan kelapa sawit, pembangunan hartanah serta sektor makanan dan minuman.

Di dalam sektor kejuteraan persekitaran, Kumpulan akan terus terlibat dalam pembinaan kemudahan berkaitan air dan pembetungan. Projek Kumpulan yang ada pada masa ini meliputi pembinaan rangkaian paip pembetungan baharu dan stesen pam, termasuk menyahtauliah infrastruktur pembetungan sedia ada di Bunus, Kuala Lumpur, serta operasi dan penyelenggaraan loji pembersihan air di Beaufort, Sabah. Buat masa ini, Kumpulan juga terbabit dalam beberapa tender pembinaan yang sedang dijalankan berkaitan dengan sektor air dan alam sekitar di Malaysia.

Oleh kerana harga minyak mentah jatuh menjunam dan tidak ada projek yang diperolehi pada 2015, maka amat sukar untuk mengekalkan aktiviti operasi yang normal di Bahagian Minyak dan Gas. Kumpulan telah melakukan tindakan pensaizan wajar bagi mengurangkan kakitangan dan kos operasi ke tahap minimum sementara Kumpulan mengkaji kedudukannya dalam sektor ini.

PROJEK

SARAWAK

PNCSB telah menyempurnakan projek menaik taraf Loji Pembersihan Air Bayong di Sarikei lebih awal daripada yang dijadualkan pada Oktober 2015. Projek tersebut yang telah dianugerahkan oleh KKLW, meliputi kerja membina, menguji dan mentauliah sebuah loji pembersihan baharu dengan kapasiti 30 juta liter sehari ("JLH"), sebuah takungan 5 juta liter di Kim San, menaik taraf kemasukan air mentah sedia ada dan memasang talian paip baharu sejauh 14km. Projek tersebut bernilai RM97.0 juta.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PIHAK PENGURUSAN

Projek Pakej D44, Bunus - 'Pipe Jacking' di Jalan Gombak

PNCSB juga telah menyelesaikan sebuah projek bernilai RM53.4 juta di Pakan, Sarawak pada Disember 2015. PNCSB bertanggungjawab membekal, menyambung dan menyerahkan talian paip pam dan graviti serta membina, menguji dan mentauliah tiga takungan air dan stesen penggalak yang sepadan. Ia turut bertanggungjawab terhadap pembekalan dan pemasangan semua peralatan mekanikal dan elektrikal yang diperlukan.

KUALA LUMPUR

Sebuah kontrak daripada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, KeTTHA, yang dianugerahkan kepada Kumpulan pada 2014 telah kemudiannya dinovasikan kepada PNCSB. Di bawah kontrak untuk Pakej D44 bernilai RM394 juta, PNCSB bertanggungjawab mereka bentuk dan membina rangkaian paip pembetungan di Bunus, Kuala Lumpur, sebagai sebahagian daripada inisiatif NTP 'Greater Kuala Lumpur River of Life'.

Matlamat projek ini adalah untuk memberi nafas baru kepada kawasan di sekitar Sungai Klang bagi menambah baik imej Kuala Lumpur sebagai sebuah hab perdagangan dan pelancongan. Projek ini mencakupi:

- Kerja mereka bentuk dan membina pembetungan di kawasan tadahan Bunus
- Menaik taraf dua buah stesen pam pembetungan sedia ada
- Mengubah lima buah Loji Rawatan Kumbahan ("LRK") sedia ada kepada stesen pam rangkaian baharu
- Menyahtauliah 73 buah atau lebih LRK
- Membina 632 buah lurang baharu
- Membina kira-kira 52km saluran kumbahan utama dan lateral yang baharu

Keluasan kawasan pembinaan projek ialah kira-kira 72 kilometer persegi. Projek ini telah dirangka agar dapat memenuhi keperluan perluasan pada masa hadapan dan menyediakan perkhidmatan kepada kira-kira 1.1 juta penduduk di kawasan Kuala Lumpur dan Ampang Jaya. Projek ini bakal menyaksikan paip kumbahan utama di loji rawatan kumbahan sedia ada disambungkan kepada loji rawatan kumbahan serantau di Bunus.

Sehingga kini, kerja reka bentuk untuk projek ini telah 98% siap, manakala kerja pembinaan telah bermula pada awal tahun 2015. Pembinaan dua rangkaian stesen pam sedang dijalankan dan paip kumbahan telah pun dipasang sejauh 6.1km. Aktiviti pembinaan dijangka mencapai kemuncaknya pada 2016 dan 2017 dengan projek tersebut dijangka siap menjelang Februari 2018.

CHINA

Projek Bekalan Air di Perbandaran Daerah Lushan

Buat masa ini, Kumpulan membekalkan lebih kurang 2.0 JLH air kepada kira-kira 7,300 akaun pengguna di Perbandaran Daerah Lushan melalui Luwei (Pingdingshan) Water Co Ltd, yang 93.81% dimilik oleh syarikat subsidiari kami, Sino Water.

Fasa 1 Projek Bekalan Air Lushan telah siap pada September 2013 dengan menyaksikan pembinaan sebuah loji pembersihan air 30 JLH yang baharu, pemasangan talian paip air mentah sepanjang 14.7km dan pemulihan rangkaian pengagihan air di Daerah Lushan.

Projek Rawatan Air Sisa di Daerah Yangxin

Syarikat subsidiari milik penuh Sino Water, Xinnuo Water (Binzhou) Co Ltd bertanggungjawab terhadap pembinaan loji rawatan air sisa 30 JLH. Pembinaan loji tersebut telah dibahagikan pada dua fasa dengan setiap satunya 15 JLH. Fasa pertama telah pun siap dan beroperasi sepenuhnya pada Ogos 2012 dengan volum aliran masuk air sisa dalam julat 2.5 JLH hingga 5.0 JLH.

Tujuan utama loji ini adalah untuk merawat air sisa yang dilepaskan daripada kilang penyamakan Chenlou Industrial & Commercial Park. Jumlah sisa perindustrian yang dilepaskan dijangka meningkat sehingga 15 JLH apabila kesemua kilang penyamakan yang sedia ada mencapai keupayaan pengeluaran penuh. Mengikut rancangan pembangunan 'Commercial Park' tersebut, pembinaan fasa kedua dijangka bermula pada 2018.

Projek Bekalan Air Perindustrian Yuanshi di Daerah Yuanshi

Sebelum ini, Kumpulan telah terlibat dalam Projek Bekalan Air Perindustrian Yuanshi di Daerah Yuanshi melalui syarikat subsidiari yang dahulunya 80% milik Sino Water, iaitu Hebei Sino Panlong Industrial Water Supply Co Ltd ("Hebei Sino Co Ltd"). Sino Water telah menandatangani Perjanjian Pemindahan Ekuiti bersama Yuanshi County Panlong Industrial Water Supply Co Ltd untuk melupuskan keseluruhan kepentingan ekuitinya pada 12 Ogos 2015. Pihak berkuasa pengawalseliaan di Republik Rakyat China telah mengeluarkan Lesen Perniagaan pada 8 Disember 2015 yang meluluskan pemindahan kepentingan ekuiti Syarikat dalam Hebei Sino Co Ltd kepada Yuanshi County Panlong Industrial Water Supply Co Ltd. Justeru, berkuatkuasa mulai 8 Disember 2015, Hebei Sino Co Ltd telah terhenti menjadi syarikat subsidiari Sino Water.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PIHAK PENGURUSAN

TINJAUAN MENGIKUT SEGMEN:
MINYAK & GAS

HASIL:
RM62.1 JUTA

KERUGIAN SEBELUM FAEDAH DAN CUKAI:
RM126.7 JUTA

PENGLIBATAN UTAMA BAHAGIAN INI ADALAH DALAM PENYEDIAAN PERKHIDMATAN LOGISTIK LUAR PESISIR DAN PENGURUSAN MARIN BUAT PENGELUAR MINYAK NEGARA,

PETRONAS SERTA RAKANNYA DALAM KONTRAK PERKONGSIAN PENGELUARAN ("PSC").

BAHAGIAN O&G PUNCAK NIAGA DIWAKILI OLEH PUNCAK OIL & GAS SDN BHD ("POG") SERTA SYARIKAT SUBSIDIARI MILIK PENUHNYA, GOM RESOURCES SDN BHD ("GOM RESOURCES") DAN KGL LTD ("KGL"). PENGLIBATAN UTAMA BAHAGIAN INI ADALAH DALAM PENYEDIAAN PERKHIDMATAN LOGISTIK LUAR PESISIR DAN PENGURUSAN MARIN BUAT PENGELUAR MINYAK NEGARA, PETRONAS SERTA RAKANNYA DALAM KONTRAK PERKONGSIAN PENGELUARAN ("PSC").

Sungguhpun GOM Resources masih lagi melaksanakan tempoh kontrak keduanya (2014-2016) sebagai Kontraktor Pemasangan Luar Pesisir di bawah Kontrak PETRONAS Pan Malaysia, namun kejatuhan merudum harga minyak mentah telah menyebabkan PETRONAS terpaksa menangguhkan sebilangan besar projek dalam perancangannya. PETRONAS kemudiannya telah mengumumkan pemotongan perbelanjaan operasi dan perbelanjaan modal secara menyeluruh sebanyak 15%.

Rentetan itu, GOM Resources tidak dianugerahkan projek 2015 di bawah Kontrak Pan Malaysia, yang telah ditangguhkan oleh PETRONAS pada TK2015. Tindakan ini telah memberi kesan ketara terhadap prestasi kewangan dan sumbangan hasil dalam mengatur langkah seterusnya. Kemerosotan ketara dalam prospek untuk sektor O&G turut menyebabkan KGL, yang merupakan pemilik kapal DLB 264, terus terbiar sepanjang tahun kewangan.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PIHAK PENGURUSAN

LPA Kg Lawa Gadong di Beaufort, Sabah

TINJAUAN MASA DEPAN

Ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang pada tahun 2016 sekalipun pada kadar yang lebih perlahan berbanding tahun-tahun kebelakangan ini. Setelah mengambil kira persekitaran ekonomi semasa, Kerajaan telah menyemak semula pertumbuhan KDNK untuk 2016 kepada 4.0%-4.5%, seperti yang diumumkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada majlis Perutusan Khas berkenaan Pengubahsuaian Bajet 2016 pada 28 Januari 2016. Harga komoditi dan Ringgit dijangka kekal lemah pada setengah tahun pertama 2016, lantas terus menghambarkan aktiviti perniagaan.

Sepertimana dengan para penggiat O&G yang lain, meskipun operasi O&G Puncak Niaga telah terjejas teruk oleh kelembapan dalam sektor ini di peringkat global, namun kami optimistik bahawa cabang Pembinaan, secara amnya tidak akan terbantut memandangkan pihak Kerajaan akan terus menjana projek-projek untuk meningkatkan pertumbuhan domestik. Walau bagaimanapun, kami masih perlu mengekalkan sikap berhemat dan berhati-hati berhubung dengan sebarang dan segala cabaran yang mungkin timbul semasa tahun kewangan.

Malah, penting juga untuk diingat bahawa buat masa ini, Puncak Niaga memiliki tahap tunai yang memuaskan, yang akan menjadi penampan penting dalam menghadapi cabaran baharu. Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan kini sedang meninjau dan mencari aset serta perniagaan yang berdaya maju untuk memberikan aliran hasil serta-merta dan secara tetap. Keputusan yang sesuai tentang sebarang pengambilalihan yang dilihat memiliki potensi hanya akan dibuat setelah melakukan pertimbangan teliti dan sewajarnya berkenaan segala aspek yang terlibat.

Kami tetap yakin bahawa gabungan antara kedudukan kewangan yang mantap, pengurusan berhemat dan tumpuan terhadap perniagaan yang mampan akan memastikan pertumbuhan jangka panjang dan kejayaan Kumpulan.

PROFIL KORPORAT

KUMPULAN PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD ("PNHB") ADALAH PENERAJU SERANTAU PENYEDIAAN PENYELESAIAN BERSEPADU PERKHIDMATAN AIR, AIR SISA DAN ALAM SEKITAR DENGAN PENGLIBATAN DALAM SEKTOR MINYAK DAN GAS.

PNHB merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan manakala penglibatan utama syarikat subsidiarinya adalah dalam sektor pembinaan, kejuruteraan air, air sisa, pembetungan dan alam sekitar, termasuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan teknologi untuk sektor air, air sisa dan alam sekitar, pengurusan dan khidmat nasihat, penyediaan pengangkutan bersepadu dan pemasangan kemudahan pesisir pantai bagi sektor minyak dan gas.

Ditubuhkan pada 7 Januari 1997, PNHB telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (kini dikenali sebagai Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad) pada 8 Julai 1997. Pada 31 Disember 2015, PNHB mempunyai permodalan pasaran sebanyak RM656.0 juta. Ia merupakan syarikat konsesi pembersihan dan pembekalan air yang pertama disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad menurut garis panduan Syarikat Projek Infrastruktur yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, dan baru-baru ini, ia telah diklasifikasikan kepada sektor Pembinaan pada 13 November 2015.

PROFIL KORPORAT

TERAS PERNIAGAAN DAN KEMAMPUAN KAMI

Aktiviti perniagaan utama Puncak Niaga Construction Sdn Bhd ("PNCSB") yang merupakan syarikat subsidiari milik penuh kami meliputi kerja-kerja pembinaan, kontrak am dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Sebagai cabang pembinaan PNHB, PNCSB telah menyiapkan dua (2) buah projek bekalan air masing-masing pada Oktober dan Disember 2015 di Sarawak dan kini menguruskan satu (1) projek bekalan air di Sabah dan satu lagi projek pembentungan di Kuala Lumpur.

Pada pertengahan tahun 2008, Kumpulan PNHB berjaya menembusi pasaran China melalui syarikat subsidiari yang dahulunya adalah 80% (kini 98.65%) milikan PNHB, iaitu Sino Water Pte Ltd ("Sino Water"), syarikat yang diperbadankan di Singapura dengan tumpuan utama terhadap pasaran yang berpotensi di China. Sino Water mempunyai beberapa syarikat subsidiari di Republik Rakyat China untuk menjalankan projek air minum dan air sisa di beberapa wilayah di China.

Pada pertengahan tahun 2010, PNHB telah menubuhkan Puncak Niaga Overseas Capital Pte Ltd yang merupakan syarikat subsidiari miliki penuhnya di Singapura bagi memudahkan rancangan pengembangan Kumpulan PNHB dalam sektor air dan perniagaan baharu di Asia Tenggara.

Pada 10 Mac 2011, PNHB telah menubuhkan Puncak Niaga Infrastructures & Projects Private Limited, sebuah syarikat subsidiari milik 100% di India, yang akan memberi tumpuan terhadap pasaran yang berpotensi di India.

Pada 28 September 2011, Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG") telah menyempurnakan 100% pengambilalihan ekuiti daripada dua (2) buah entiti minyak dan gas, iaitu GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources") dan KGL Ltd. ("KGL") yang memiliki rekod pencapaian yang telahpun terbukti dalam melaksanakan kerja-kerja minyak dan gas untuk Petronas. Pengambilalihan ini membolehkan Kumpulan Puncak memasuki sektor minyak & gas, lantas mempelbagaikan kegiatannya.

Pada 9 Januari 2013, POG telah memperbadankan sebuah syarikat berhad milik penuh di Republik Kesatuan Myanmar ("Myanmar") iaitu GOM Resources Limited untuk meninjau peluang perniagaan yang berpotensi di Myanmar.

PNHB mempunyai dua (2) buah pejabat cawangan di Asia Tenggara, iaitu Puncak Niaga Holdings Berhad (Cawangan Myanmar) yang akan memudahkan Kumpulan PNHB meneroka peluang perniagaan yang berpotensi di Myanmar yang berkaitan dengan air dan air sisa, serta Puncak Niaga Holdings Berhad (Cawangan Brunei) bagi memudahkan usaha membangunkan perniagaan Kumpulan PNHB di Brunei Darussalam.

Puncak Niaga Management Services Sdn Bhd menyediakan pengurusan dan khidmat nasihat kepada Kumpulan PNHB, manakala Murni Estate Sdn Bhd dan Unggul Raya (M) Sdn Bhd merupakan syarikat subsidiari perladangan dan pembangunan hartanah yang dimiliki sepenuhnya oleh PNHB.

Setelah terlibat dalam industri perkhidmatan air Selangor sejak 1994, akhirnya pada 15 Oktober 2015, kedua-dua PNSB Water Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Puncak Niaga (M) Sdn Bhd) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd telah dijual kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd dan terhenti menjadi syarikat subsidiari milik penuh serta entiti kawalan bersama Kumpulan PNHB, sejajar dengan penggabungan industri perkhidmatan air Selangor oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor.

WARGA KERJA KAMI

Bersandarkan kekuatan tenaga kerja kami yang melebihi 500 kakitangan dalam Kumpulan PNHB, lebih separuh daripadanya mencakupi anggota pengurusan, profesional, eksekutif teknikal dan penyeliaan yang memiliki kemahiran teras dalam bidang kejuruteraan, perakaunan, perundangan, pengurusan, pentadbiran dan perniagaan; di mana ia memainkan peranan penting dalam menyokong perniagaan dan operasi Kumpulan yang ada kini dan pada masa hadapan.

KOMITMEN KAMI TERHADAP WARGA KORPORAT

Kumpulan PNHB komited dalam mendokong prinsip tadbir urus korporat dan nilai-nilai teras yang baik seperti kualiti, nilai, perkhidmatan, inovasi, integriti dan kepercayaan dalam mengendali perniagaan kami kerana ia memainkan peranan penting dalam kejayaan Kumpulan selama bertahun-tahun ini. Kami juga telah berulang kali menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan bagi tadbir urus, laporan tahunan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang baik; serta laporan alam sekitar dan kemasyarakatan.

RANCANGAN MASA DEPAN

Selaras dengan matlamat Kumpulan PNHB untuk mengembangkan perniagaannya dan memberi nilai kepada para pemegang kepentingan, kami akan berusaha untuk meluaskan lagi operasi kami dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan perniagaan teras dan kecekapan teras kami dalam bidang air dan air sisa, pembetungan, kejuruteraan alam sekitar dan pembinaan, sama ada di dalam mahupun di luar negara, di samping meneroka peluang dalam sektor perniagaan baharu seperti perladangan kelapa sawit, pembangunan hartanah serta sektor makanan dan minuman.

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Yang Berbahagia
Tan Sri Rozali Ismail
Pengerusi Eksekutif

Yang Berbahagia Datuk Haji
Syed Hisham Syed Wazir
Pengarah Urusan

Yang Berbahagia
Dato' Ruslan Hassan
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

Yang Berbahagia
Dato' Ir Lee Miang Koi
Pengarah Eksekutif, Bahagian
Operasi

Yang Berbahagia Tan Sri
Dato' Hari Narayanan
Govindasamy
Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif

Yang Berbahagia Tan Sri
Dato' Seri Dr Ting Chew Peh
Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif

Yang Amat Mulia Tengku
Dato' Rahimah Almarhum
Sultan Mahmud
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

Yang Berbahagia Tan Sri
Dato' Ahmad Fuzi Haji
Abdul Razak
Pengarah Bebas Bukan
Eksekutif

Encik Ng Wah Tar
Pengarah Eksekutif
Bahagian Kewangan Korporat

Encik Azlan Shah Tan Sri
Rozali
Pengarah Gantian kepada
Yang Berbahagia Tan Sri
Rozali Ismail

KETUA PEGAWAI KEWANGAN

Puan Wong Ley Chan

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA SYARIKAT

Puan Tan Bee Lian
(MAICSA 7006285)

Cik Lee Siew Yoke
(MAICSA 7053733)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 10, Wisma Rozali
No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603-5522 8428
Faks : +603-5512 0220

PEJABAT UTAMA

Wisma Rozali
No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603-5522 8589
Faks : +603-5522 8598
e-mel (am):
pr@puncakniaga.com.my
e-mel (pelabur):
investors@puncakniaga.com.my
laman web:
www.puncakniaga.com.my

PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN DI MALAYSIA

Pejabat Pulau Pinang
No. 12C, Jalan Todak 5
Pusat Bandar Seberang Jaya
13700 Perai, Pulau Pinang
Tel : +604-397 8589

Pejabat Sarawak
Lot 10864
Seksyen 64, KTLD
Jalan Mendu
93200 Kuching, Sarawak
Tel : +6082-332 589
Faks : +6082-337 589

Pejabat Tapak Sarikei
Tingkat 1, No. 82C
Wisma CS Kua
Jalan Masjid Lama
96100 Sarikei, Sarawak
Tel : +6084-656 206
Faks : +6084-656 208

Pejabat Sabah
No. 5, Tingkat 1, Blok A
Lorong Plaza Permai 1
Alamesra
Sulaman Coastal Highway
88400 Kota Kinabalu
Sabah
Tel : +6088-486 070
Faks : +6088-486 069

PEJABAT-PEJABAT SUBSIDIARI

MALAYSIA

Pejabat Puncak Niaga Management Services Sdn Bhd
Wisma Rozali
No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603-5522 8589
Faks : +603-5522 8598

Pejabat Puncak Niaga Construction Sdn Bhd
Tingkat 3, Wisma Rozali
No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603-5522 8589
Faks : +603-5510 1196

Pejabat Puncak Oil & Gas Sdn Bhd
Wisma Rozali
No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603-5522 8589
Faks : +603-5522 8598
e-mel : info@puncakoil.com

Pejabat GOM Resources Sdn Bhd
Wisma Rozali
No. 4, Persiaran Sukan
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel : +603-5522 8589
Faks : +603-5522 8598
e-mel : info@gomresources.com

Pejabat KGL Ltd.
Aras 15(A1)
Main Office Tower
Financial Park Labuan
Jalan Merdeka
87000 Labuan
Wilayah Persekutuan
Tel : +6087-443118
Faks : +6087-441288
e-mel : info@gomresources.com

SINGAPURA

Pejabat Sino Water Pte Ltd dan Puncak Niaga Overseas Capital Pte Ltd
No. 8, Eu Tong Sen Street
#22-85 & #22-86
The Central
Singapore 059818
Tel : +65 6224 9220
(Talian Utama)
+65 6222 7926
Faks : +65 6222 6812

CHINA

Pejabat Sino Water Environmental Consultancy (Shanghai) Co. Ltd
Room 1758
CCIG International Plaza
No. 331, North Caoxi Road
Xuhui District
Shanghai, 200030
People's Republic of China
Tel : +86-21-24225257
Faks : +86-21-24225240

Pejabat Luwei (Pingdingshan) Water Co. Ltd
No. 6, ShunCheng Road (East)
Lushan County
Henan Province, 467300
People's Republic of China
Tel/Faks : +86-375-589 1036

Pejabat Xinnuo Water (Binzhou) Co. Ltd
Chenlou Industrial &
Commerce Park
Laodian Town
Yangxin County
Shandong Province, 251802
People's Republic of China
Tel/Faks : +86-543-898 3008

MAKLUMAT KORPORAT

INDIA
Puncak Niaga Infrastructures & Projects Private Limited
No. 12, 7th Main Road
First Floor, Kasturibai Nagar
Adyar, Chennai 600020
Tamil Nadu, India
Tel : +91-44-4210 2058
Faks : +91-44-4210 2028

MYANMAR
GOM Resources Limited
c/o Building C 1
Room No. 005, Ground Floor
Hninnsi Street
Yuzana Highway Complex
Kamayut Township
Yangon, Myanmar
Tel : +951 701 225/
+951 700 659
Faks : +951 524 828

CAWANGAN-CAWANGAN DI LUAR NEGARA

MYANMAR
Puncak Niaga Holdings Berhad (Cawangan Myanmar)
c/o Building C 1
Room No. 005, Ground Floor
Hninnsi Street
Yuzana Highway Complex
Kamayut Township
Yangon, Myanmar
Tel : +951 701 225/
+951 700 659
Faks : +951 524 828

BRUNEI
Puncak Niaga Holdings Berhad (Cawangan Brunei)
c/o Bilik 308B, Tingkat 3
Wisma Jaya, Jalan Pemancha
Bandar Seri Begawan
BS 8811
Negara Brunei Darussalam
Tel : +673 223 2780/1/2
Faks : +673 223 2783

TARIKH DAN TEMPAT DIPERBADANKAN

7 Januari 1997, Malaysia

NOMBOR SYARIKAT

416087-U

JURUAUDIT

Tetuan KPMG (AF 0758)

PENASIHAT CUKAI

Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd

BANK-BANK UTAMA

RHB Islamic Bank Berhad (680329-V)
RHB Bank Berhad (6171-M)
OCBC Bank (Malaysia) Berhad (295400-W)
Hong Leong Bank Berhad (97141-X)
United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K)

PEGUAMCARA

Tetuan Adnan Sundra & Low
Tetuan Belden
Tetuan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill
Tetuan Skrine
Tentuan Alvin John & Partners
Tetuan Rozali Ismail & Co

PENDAFTAR SAHAM

(tempat simpanan semua daftar sekuriti)
Tricor Investor & Issuing House Services Sdn Bhd (11324-H)
Unit 32-01, Aras 32, Tower A
Vertical Business Suite
Avenue 3, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur
Tel : +603-2783 9299
Faks : +603-2783 9222

PENYENARAIAN BURSA SAHAM

Pasaran Utama
Bursa Malaysia Securities Berhad
Sektor Pembinaan

JAWATANKUASA EKSEKUTIF

Pengerusi:
Yang Berbahagia Tan Sri Rozali Ismail

Ahli-ahli:
Yang Berbahagia Datuk Haji Syed Hisham Syed Wazir (Pengerusi Gantian)
Yang Berbahagia Dato' Ir Lee Miang Koi
Yang Berbahagia Dato' Nasir Khan Illadad Khan
Puan Wong Ley Chan
Encik Ng Wah Tar
Puan Tan Bee Lian
Puan Faridatulzakiah Mohd Bakhry
Encik Azlan Shah Tan Sri Rozali

Setiausaha:
Cik Lee Siew Yoke

JAWATANKUASA AUDIT

Pengerusi:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh

Ahli-ahli:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy
Yang Amat Mulia Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak

Setiausaha-setiausaha:
Puan Tan Bee Lian
Cik Lee Siew Yoke

JAWATANKUASA GANJARAN

Pengerusi:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak

Ahli-ahli:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh
Encik Ng Wah Tar

Setiausaha-setiausaha:
Puan Tan Bee Lian
Cik Lee Siew Yoke

JAWATANKUASA PENCALONAN

Pengerusi:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak

Ahli-ahli:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh

Setiausaha-setiausaha:
Puan Tan Bee Lian
Cik Lee Siew Yoke

JAWATANKUASA PEMATUHAN, KAWALAN DALAMAN DAN DASAR RISIKO (CICR)

Pengerusi:
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh

Ahli-ahli:
Yang Berbahagia Datuk Haji Syed Hisham Syed Wazir
Yang Berbahagia Dato' Ir Lee Miang Koi
Puan Wong Ley Chan
Encik Ng Wah Tar
Puan Tan Bee Lian
Encik Azlan Shah Tan Sri Rozali
Tuan Haji Sonari Solor

Setiausaha:
Puan Johty Priyatharashani Tiagarajah

STRUKTUR KORPORAT

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
(416087-U)

PEMEGANG PELABURAN

100%
(MALAYSIA)

PUNCAK NIAGA MANAGEMENT SERVICES SDN BHD

menyediakan pengurusan, khidmat nasihat dan perkhidmatan perundingan

100%
(MALAYSIA)

PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN BHD

kerja pembinaan, kontrak am dan aktiviti berkaitan

100%
(MALAYSIA)

PUNCAK RESEARCH CENTRE SDN BHD

penyelidikan & pembangunan serta pembangunan teknologi untuk sektor air, air sisa dan alam sekitar

98.65%
(SINGAPORE)

SINO WATER PTE LTD

pelaburan dalam projek air dan air sisa di China

100%
(CHINA)

SINO WATER ENVIRONMENTAL CONSULTANCY (SHANGHAI) CO. LTD

perkhidmatan pakar runding untuk projek air dan air sisa

93.81%
(CHINA)

LUWEI (PINGDINGSHAN) WATER CO. LTD

rawatan dan pengagihan air dan perkhidmatan berkaitan

100%
(CHINA)

XINNUO WATER (BINZHOU) CO. LTD

rawatan air sisa dan perkhidmatan berkaitan

100%
(SINGAPORE)

PUNCAK NIAGA OVERSEAS CAPITAL PTE LTD

tidak aktif

100%
(INDIA)

PUNCAK NIAGA INFRASTRUCTURES & PROJECTS PRIVATE LIMITED

tidak aktif

100%
(MALAYSIA)

PUNCAK SERI (M) SDN BHD

aktiviti yang berkaitan dengan makanan dan minuman

STRUKTUR KORPORAT

100%
(MALAYSIA)

PUNCAK NIAGA (INDIA) SDN BHD

tidak aktif

100%
(MALAYSIA)

PUNCAK OIL & GAS SDN BHD

pegangan pelaburan dan menyediakan perkhidmatan logistik luar pesisir serta pengurusan marin

100%
(MALAYSIA)

GOM RESOURCES SDN BHD

menyediakan perkhidmatan pemasangan luar pesisir bagi pengangkutan bersepadu dan pemasangan kemudahan luar pesisir

100%
(MYANMAR)

GOM RESOURCES LIMITED

tidak aktif

100%
(LABUAN)

KGL LTD.

penyewaan kapal luar pesisir mengikut carter masa

100%
(MALAYSIA)

MURNI ESTATE SDN BHD

tidak aktif

100%
(MALAYSIA)

MAGNUM NATURE SDN BHD

tidak aktif

100%
(MALAYSIA)

IDEAL WATER RESOURCES SDN BHD

tidak aktif

100%
(MALAYSIA)

UNGGUL RAYA (M) SDN BHD

tidak aktif

100%
(MALAYSIA)

ANUGERAH PRASARANA SDN BHD

tidak aktif

50%
(MALAYSIA)

SYARIKAT BERSEKUTU

PURNAMA PERSADA SDN BHD

tidak aktif

STRUKTUR ORGANISASI PNHB

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
(416087-U)

LEMBAGA PENGARAH

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Ganjaran
- Jawatankuasa Pencalonan
- Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman Dan Dasar Risiko
- Jawatankuasa Eksekutif

PENGERUSI EKSEKUTIF

YBhg Tan Sri Rozali Ismail

PENGARAH URUSAN

YBhg Datuk Haji Syed Hisham Syed Wazir

Bahagian Hartanah	Bahagian Perladangan	Bahagian Kewangan	Bahagian Kewangan Korporat	Bahagian Perkhidmatan Korporat	Bahagian Operasi	Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran	Bahagian Sumber Strategik & Perhubungan Awam	Bahagian Pembangunan Perniagaan	Jabatan Teknologi Maklumat
Pengarah Urusan	**Pengarah Urusan**	**Ketua Pegawai Kewangan**	**Pengarah Eksekutif**	**Pengarah Eksekutif**	**Pengarah Eksekutif**	**Pengarah Eksekutif**	**Pengarah Eksekutif**	**Pengarah Eksekutif**	**Ketua**
Kosong	YBhg Dato' Zainal Abidin Salleh	Puan Wong Ley Chan	Encik Ng Wah Tar	Puan Tan Bee Lian	YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi	Puan Faridatulzakiah Mohd Bakhry	YBhg Prof Dato' Dr Mohd Zainul Fithri Othman	YBhg Dato' Nasir Khan Illadad Khan	Encik Azlan Shah Tan Sri Rozali



PUNCAK NIAGA SEJAK DAHULU LAGI AMAT PRIHATIN TENTANG KEWAJIPANNYA DALAM MEMASTIKAN KEMAMPANAN

LAMPIRAN FAKTA KUMPULAN PNHB

LAMPIRAN FAKTA PNHB

Modal Saham Yang Dibenarkan pada 31 Disember 2015

RM1,300,000,000

terdiri daripada 1,300,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham

Modal Saham Berbayar pada 31 Disember 2015

RM449,283,784

terdiri daripada 449,283,784 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham

Bilangan Saham Diterbitkan pada 31 Disember 2015

449,283,784

Bilangan Waran Belum Ditukar pada 31 Disember 2015

5,269,720

Tarikh Matang Waran **20 Julai 2018**

LAMPIRAN FAKTA GOM RESOURCES

Bilangan Vesel Barj
(Penyewaan mengikut carter masa daripada KGL Ltd, syarikat sekutu GOM Resources)

01

Hasil

RM 62.1 juta

LAMPIRAN FAKTA PNCSB

Bilangan Lokasi Projek

03

Hasil

RM123.3 juta

LAMPIRAN FAKTA KUMPULAN PNHB

SENARAI KEAHLIAN KORPORAT

		AHLI SEJAK TAHUN
1.	Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (MASSA)	1995
2.	Persekutuan Syarikat-Syarikat Tersenarai Awam (FPLC)	1997
3.	Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)	1999
4.	Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT)	2001
5.	Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC)	2002
6.	Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Perancis (MFCCI)	2002
7.	Majlis Perniagaan Malaysia-Rusia	2002
8.	Dewan Perniagaan British Malaysia (BMCC)	2003
9.	Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA)	2003
10.	Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM)	2003
11.	Institut Pemasaran Malaysia (IMM)	2003
12.	Persatuan Air Singapura	2006
13.	Persatuan Perhubungan Pelabur Malaysia (MIRA)	2008
14.	Persatuan Pengurusan & Penyelidikan Alam Sekitar Malaysia (ENSEARCH)	2009
15.	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)	2012
16.	Dewan Perniagaan Arab-Malaysia	2012
17.	Dewan Perniagaan dan Industri EU-Malaysia	2012

LEMBAGA PENGARAH

YBHG TAN SRI ROZALI ISMAIL

Pengerusi Eksekutif
Kumpulan PNHB

YBHG DATUK HAJI SYED HISHAM SYED WAZIR

Pengarah Urusan
Kumpulan PNHB

YBHG DATO' RUSLAN HASSAN

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif PNHB

YBHG DATO' IR LEE MIANG KOI

Pengarah Eksekutif,
Bahagian Operasi PNHB
dan Pengarah Urusan
Puncak Niaga
Construction Sdn Bhd

YBHG TAN SRI DATO' HARI NARAYANAN A/L GOVINDASAMY

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif PNHB

LEMBAGA PENGARAH

YBHG TAN SRI DATO' SERI DR TING CHEW PEH

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif PNHB

YAM TENGKU DATO' RAHIMAH ALMARHUM SULTAN MAHMUD

Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif PNHB



YBHG TAN SRI DATO' AHMAD FUZI HAJI ABDUL RAZAK

Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif PNHB

ENCIK NG WAH TAR

Pengarah Eksekutif,
Bahagian Kewangan
Korporat PNHB

ENCIK AZLAN SHAH TAN SRI ROZALI

Pengarah Gantian kepada
YBhg Tan Sri Rozali Ismail

PROFIL LEMBAGA PENGARAH

YBHG TAN SRI ROZALI ISMAIL

PENGERUSI EKSEKUTIF KUMPULAN PNHB

59 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Tan Sri Rozali Ismail adalah pengasas PNSB Water Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Puncak Niaga (M) Sdn Bhd) ("PNSB"), Pengerusi Eksekutif Kumpulan Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB"), dan pemegang saham utama PNHB. Beliau telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNHB pada 24 April 1997. Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") PNHB dan Naib Pengerusi Eksekutif Bahagian Minyak & Gas PNHB.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya pada tahun 1981, YBhg Tan Sri Rozali memulakan kerjaya beliau sebagai Penasihat Undang-undang di Perbadanan Pembangunan Bandar ("UDA") sebelum menyertai Bank Islam (M) Berhad pada tahun 1983. Beliau telah merangka konsep institusi perbankan Islam pertama di Malaysia bersama beberapa orang kakitangan perintis bank tersebut. Kemudiannya pada 1987, beliau memulakan firma guamannya sendiri sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara selama tujuh tahun, mengkhusus kepada kerja-kerja berkaitan korporat, hartanah dan perbankan.

Pada tahun 1989, YBhg Tan Sri Rozali telah menubuhkan sebuah syarikat milik keluarga yang menerokai sektor pembangunan hartanah yang terlibat dalam beberapa projek pembangunan di Lembah Klang, Kuantan dan Johor. Di bawah naungan syarikat Puncak Alam Housing Sdn Bhd, beliau telah membangunkan sebuah perbandaran baharu yang dikenali sebagai Bandar Baru Puncak Alam. Syarikat milik keluarga ini juga telah menceburi bidang perniagaan utiliti pada tahun 1989 melalui penubuhan PNSB. Berbekalkan pengalaman yang luas dalam pelbagai bidang, beliau, melalui PNSB, telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menguruskan loji pembersihan air di seluruh Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Rentetan itu, PNHB telah ditubuhkan pada bulan Januari 1997 sebagai syarikat induk PNSB dan telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (kini dikenali sebagai Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad) pada 8 Julai 1997.

YBhg Tan Sri Rozali telah dikurnia Anugerah 'Fellowship' oleh Institut Pemasaran Malaysia [Institute of Marketing Malaysia ("IMM")] pada 6 November 2001 di atas sumbangannya yang tidak ternilai dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan pasaran hartanah Malaysia. Bagi mengiktiraf sumbangannya yang begitu menyerlah dalam memperjuangkan kecemerlangan pengurusan dan amalan terbaik dalam industri air dan air sisa Malaysia, YBhg Tan Sri Rozali telah dikurniakan anugerah berprestij, Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Air Asia 2002 – Kategori Individu, peringkat Asia oleh Institut Teknologi Alam Sekitar Serantau pada 26 Mac 2002. YBhg Tan Sri Rozali juga merupakan antara 10 Calon Terbaik bagi Anugerah Usahawan Tahunan Ernst & Young – Malaysia 2002 dan Malaysia 2003 (Kategori Usahawan Pakar) sebagai pengiktirafan terhadap kecemerlangan kemahiran keusahawanan dan kepimpinan yang beliau tampilkan. Beliau turut dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah Kehormat dalam bidang Perubatan Pelengkap (Perkhidmatan Kemanusiaan) oleh Open International University for Complementary Medicines, Colombo, Sri Lanka pada 24 September 2004. YBhg Tan Sri Rozali telah dikurniakan pingat Jaksa Pendamai ("JP") sempena ulang tahun kelahiran ke-72 Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 9 Oktober 2010.

Pada 30 November 2007, YBhg Tan Sri Rozali telah dikurniakan Anugerah Platinum SME 2007 oleh Persatuan Industri Kecil dan Sederhana [Small Medium Indutry ("SMI")] Malaysia atas ciri-ciri keusahawanan dan kepimpinan serta pencapaiannya yang cemerlang dalam industri air. Anugerah ini mencerminkan pengiktirafan Persatuan SMI Malaysia terhadap YBhg Tan Sri Rozali sebagai teladan kepada para usahawan

PROFIL
LEMBAGA PENGARAH

yang sedang meningkat, terutamanya kerana kejayaan beliau memajukan diri dengan pesat daripada seorang usahawan perniagaan kecil dan sederhana sehingga menjadi Ketua Pegawai Eksekutif sebuah syarikat senarai awam yang besar. Pada 16 Januari 2009, YBhg Tan Sri Rozali telah dianugerahkan pangkat Kolonel Kehormat Rejimen Pakar Pengendalian Air ke-60 RAJD (AW). Sebagai tanda menghargai kecemerlangan perkhidmatan beliau yang dicurah dengan penuh dedikasi demi kesejahteraan masyarakat pula, YBhg Tan Sri Rozali dengan bangganya menjadi penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Vokasional 2009 yang disampaikan oleh "Paul Harris Fellow Award" dan dilantik sebagai Ahli Rotary Kehormat oleh Kelab Rotary Kuala Lumpur Barat pada 6 November 2009. Pada 16 Jun 2010, YBhg Tan Sri Rozali menerima Anugerah Perdana (Kepimpinan) iaitu Anugerah Ulung untuk Kepimpinan pada majlis penyampaian Anugerah Usahawan Bumiputera 2010 anjuran Gagasan Badan Ekonomi Melayu ("GABEM"). Pada 20 Jun 2010 pula, YBhg Tan Sri Rozali dianugerahkan "Top Achiever Of The Year 2009 Award" di majlis penyampaian "Fourth Business of The Year Award" anjuran "SMI & SME Worldwide Network".

Pada 28 Jun 2011, YBhg Tan Sri Rozali telah diberi penghormatan dengan penerimaan gelaran "Technology CEO of the Year-Global Award" oleh World Finance Magazine di bawah World Finance Technology Awards 2011 sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau kepada sektor air di Malaysia dan di rantau ini sepanjang 15 tahun yang lalu dan iltizam beliau untuk terus menginovasi dan seiring dengan itu meningkatkan taraf hidup masyarakat. YBhg Tan Sri Rozali dianugerahkan pangkat Brigedier Jeneral (Kehormat) Pakar Pengendalian Air Ke-60 RAJD (AW) pada 4 Julai 2011. Pada 20 Julai 2011, YBhg Tan Sri Rozali telah meraih anugerah berprestij "Entrepreneur of the Year 2011" semasa berlangsungnya "Asia Pacific Entrepreneurship Awards 2011". Pada 28 Julai 2011 pula, YBhg Tan Sri Rozali telah dikurniakan "Masterclass Leader Award" pada majlis "International Standard Quality ("ISQ") Award 2011". Pada 9 Januari 2012, beliau telah diberi pengiktirafan menerusi anugerah "International Distinguished Entrepreneur of the Year" untuk Asia Pacific International Brands Summit (Malaysia) 2011, anjuran Asia Entrepreneur Alliance. Pada 23 Februari 2012, YBhg Tan Sri Rozali menerima anugerah bagi Kategori Pencapaian Khas Individu di majlis Anugerah Pencapaian Malaysia Yang Pertama 2012. Seterusnya, pada 10 Februari 2015, YBhg Tan Sri Rozali berjaya menjulang anugerah "Utility Man of The Year" pada majlis "Brandlaureate Brand Leadership Award 2014-2015". Pada 27 Mac 2015, YBhg Tan Sri Rozali telah dikurniakan Pingat Munisaraphoin oleh Perdana Menteri Kemboja, H.E Hun Sen dan pada 18 Oktober 2015, beliau telah menerima dua (2) pengiktirafan antarabangsa iaitu "Certificate of World Business Leader" kerana menjadi pemimpin yang berjaya dan bekerja secara inovatif, berpengetahuan luas serta sistematik dan juga "Certificate of Exellence in Business Leadership" dari World Confederation of Businesses ("WORLDCOB").

YBhg Tan Sri Rozali menganggotai pelbagai persatuan badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang berpengaruh seperti Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi, Institut Pengarah-pengarah Malaysia, Majlis Perniagaan Malaysia-British, Majlis Perniagaan Malaysia-Indonesia, Persidangan Meja Bulat Korporat Malaysia, Majlis Perniagaan Malaysia-Rusia, Majlis Perniagaan Malaysia-India, Perkongsian Komanwel bagi Perkongsian Teknologi, Yayasan Budi Penyayang Malaysia, Institut Pengurusan Malaysia [Malaysian Institute of Management ("MIM")]. Beliau juga adalah Pemegang Amanah Yayasan Kepimpinan Perdana. Beliau turut menjadi Penasihat kepada IMM, Pengelola Malaysia bagi Yayasan Persekutuan Pemasaran Asia Pasifik dan Penasihat Persatuan Bola Sepak Melayu Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda Berhad dan Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Melayu.

YBhg Tan Sri Rozali merupakan bekas Timbalan Presiden Persatuan Air Malaysia [Malaysian Water Association ("MWA")] (Sesi 2003/2005), bekas Ahli Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia (2004-2006), bekas Penasihat Majlis Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya (21 Mei 2004 hingga 20 April 2007), bekas penasihat Gabungan Persatuan Usahawan Melayu Selangor/Wilayah Persekutuan ("GAPUMS") (2005 – 2008), bekas Pemegang Amanah Yayasan WAQAF Malaysia (Januari 2008 – Disember 2009), bekas Presiden Dewan Perniagaan Melayu Negeri Selangor (2005-2013), bekas Presiden Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya ("SWAn") (2006 – 2013), sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang mewakili kepentingan bersama seluruh industri bekalan air dan air sisa di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya yang bertujuan menggalakkan interaksi dengan orang ramai serta mempertingkatkan pemahaman mereka tentang sumber air, dan beliau juga adalah bekas Pro-Canselor Universiti Putra Malaysia (Julai 2007 – Jun 2015).

YBhg Tan Sri Rozali adalah pemegang saham utama sebuah syarikat tersenarai awam, iaitu TRIplc Berhad yang terlibat dalam bidang hartanah.

Beliau merupakan ayah kepada Encik Azlan Shah Tan Sri Rozali, yang telah dilantik sebagai Pengarah Gantian beliau pada 6 Januari 2016.

YBhg Tan Sri Rozali telah menghadiri 6 daripada 7 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PROFIL
LEMBAGA PENGARAH

YBHG DATUK HAJI SYED HISHAM SYED WAZIR

PENGARAH URUSAN KUMPULAN PNHB

62 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Datuk Haji Syed Hisham Syed Wazir menyertai Puncak Niaga Holdings Berhad sebagai Pengarah Urusan PNHB pada 6 November 2015. Beliau adalah Pengerusi Gantian dan Ahli EXCO PNHB, Ketua Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko [Compliance, Internal Control and Risk Policy Committee ("CICR")] dan Ketua Pegawai Eksekutif di Bahagian Minyak & Gas PNHB.

Sebelum menyertai PNHB, beliau pernah berkhidmat sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan di UMW Holdings Bhd. Beliau telah mendapat pendedahan yang meluas dalam industri motor sewaktu memegang jawatan di peringkat pengurusan kanan. Sebelum menyertai UMW, beliau merupakan Ketua Pegawai Operasi di Naza Kia Sdn Bhd dan Naza Kia Services Sdn Bhd. Kerjaya beliau dalam bidang automotif bermula pada tahun 1983 ketika menyertai HICOM Berhad dan beliau kemudiannya telah dipinjamkan kepada Perusahaan Otomobil Nasional Berhad ("PROTON") sebagai Timbalan Pengurus Perkhidmatan Pemasaran, sebelum berkhidmat di Bahagian Perniagaan syarikat tersebut sebagai Pengurus Kanan. Beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Besar Proton Corporation Sdn Bhd, syarikat subsidiari PROTON, yang terlibat dalam pengedaran dan pemasaran kereta PROTON untuk pasaran tempatan dan luar negara. YBhg Datuk Haji Syed Hisham kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Proton Cars (UK) Pte Ltd dan dari tahun 1998 hingga 2000, beliau bertugas sebagai Pengurus Besar, Perniagaan Antarabangsa di DRB-HICOM Export Corporations Sdn Bhd. Pada 2001, beliau menjadi Pengurus Besar, Bahagian Pemasaran di Honda Malaysia Sdn Bhd sebelum dilantik sebagai Presiden/Ketua Pegawai Operasi pada 2003. Pada 2005, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Edaran Otomobil Nasional Berhad dan berkhidmat sehingga tahun 2009.

YBhg Datuk Haji Syed Hisham adalah pemegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Ohio State University, USA serta Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal daripada Plymouth University, UK.

YBhg Datuk Haji Syed Hisham menghadiri 1 daripada 1 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 memandangkan beliau hanya dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNHB pada 6 November 2015.

PROFIL
LEMBAGA PENGARAH

YBHG DATO' RUSLAN HASSAN

PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF PNHB

60 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Dato' Ruslan Hassan menyertai PNSB pada 1 November 1995 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Perundangan.

Apabila Puncak Niaga Holdings Berhad ditubuhkan dan disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad, YBhg Dato' Ruslan telah dilantik menyertai Lembaga Pengarahnya pada 24 April 1997. Pada 6 April 1999, beliau dilantik sebagai Naib Pengerusi Eksekutif PNHB. Bersama Pengerusi Eksekutif, YBhg Tan Sri Rozali Ismail, YBhg Dato' Ruslan memainkan peranan utama dalam menjayakan hak penswastaan bagi pengagihan air bersih di Selangor. Selepas PNHB mendapat konsesi pengagihan bekalan air bagi Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 1 Januari 2005, YBhg Dato' Ruslan telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO") pertama Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd ("SYABAS") dan menganggotai Lembaga Pengarah SYABAS serta Perbadanan Urus Air Selangor Berhad ("PUAS"). Dengan pelantikan beliau sebagai CEO dan Pengarah SYABAS, jawatan YBhg Dato' Ruslan kemudiannya diubah daripada Naib Pengerusi Eksekutif PNHB kepada Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2005. Setelah selesainya pengambilalihan SYABAS oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 15 Oktober 2015, YBhg Dato' Ruslan telah meletak jawatan sebagai Pengarah SYABAS dan PUAS masing-masing pada tarikh yang sama.

YBhg Dato' Ruslan telah menjadi ahli Panel Majikan Mahkamah Perindustrian mulai 1 Januari 2004 hingga kini. YBhg Dato' Ruslan juga merupakan ahli Institut Pengarah-pengarah Malaysia, Persatuan Air Malaysia, Institut Pemasaran Malaysia dan Persatuan Air Antarabangsa.

Setelah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya pada tahun 1981, YBhg Dato' Ruslan memulakan kerjayanya sebagai Penasihat Undang-undang di syarikat petroleum multinasional, Esso Malaysia Bhd dan kemudiannya sebagai Kounsel Undang-undang Kanan ESSO Production Malaysia Inc. Pada 1985, beliau menyertai Kumpulan Sime Darby dan dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Kumpulan serta Setiausaha Syarikat Pernas Sime Darby Holdings Sdn Bhd yang mempunyai kepentingan perniagaan dalam bidang automotif, perladangan dan jentera berat. YBhg Dato' Ruslan mempunyai 4 tahun pengalaman sebagai Peguamcara dan Peguambela dalam kapasitinya sebagai rakan kongsi di sebuah firma guaman bersaiz sederhana. Pada tahun 1993, beliau menyertai kumpulan syarikat sekuriti dan perbankan Rashid Hussain Berhad sebagai Pengurus Besar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Korporat dan kemudiannya dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan RHB. Beliau turut dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Rashid Hussain Berhad, Rashid Hussain Securities Sdn Bhd dan pelbagai syarikat subsidiari RHB, di samping turut berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit di kedua-dua syarikat tersebut.

YBhg Dato' Ruslan telah menghadiri 7 daripada 7 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PROFIL
LEMBAGA PENGARAH

YBHG DATO' IR LEE MIANG KOI

PENGARAH EKSEKUTIF, BAHAGIAN OPERASI PNHB DAN PENGARAH URUSAN PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN BHD

62 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi adalah Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi dan Pengarah Urusan Puncak Niaga Construction Sdn Bhd ("PNCSB"). Beliau adalah Ahli EXCO dan CICR PNHB.

YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi memulakan kerjaya di Kumpulan PNHB apabila beliau menyertai PNSB pada tahun 1995 sebagai Pengurus Besar, Pembangunan Perniagaan.

YBhg Dato' Ir Lee kemudiannya dilantik sebagai Pengarah PNSB dan Pengarah PNHB, masing-masing pada 2 Februari 1999 dan 1 September 1999. YBhg Dato' Ir Lee meletakkan jawatan sebagai Pengarah PNSB pada 30 September 2005. Pada 1 Oktober 2005, jawatan YBhg Dato' Ir Lee telah diubah daripada Pengarah Eksekutif, Bahagian Projek dan Pembangunan Perniagaan PNHB kepada Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB. Pada 6 November 2015, jawatannya telah ditukar kepada Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi PNHB.

YBhg Dato' Ir Lee merupakan bekas Ketua Pegawai Operasi SYABAS (1 Januari 2005 - 17 Jun 2015) dan bekas Penasihat kepada Pengerusi Eksekutif/Lembaga Pengarah SYABAS (17 Jun 2015 - 15 Oktober 2015) sehingga peletakan jawatan sebagai Pengarah SYABAS pada 15 Oktober 2015.

YBhg Dato' Ir Lee menamatkan pengajian sebagai jurutera awam dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1978 dan pada tahun 1989, beliau memperolehi Ijazah Sarjana Kejuruteraan Alam Sekitar dengan pengkhususan dalam bidang pembekalan air dan kejuruteraan air sisa dari Asian Institute of Technology di Bangkok. YBhg Dato' Ir Lee mempunyai 38 tahun pengalaman bekerja dalam sektor bekalan air dan pernah menyandang pelbagai jawatan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kerja Air di Malaysia, dengan pengkhususan dalam pelbagai aspek perkhidmatan bekalan air. Beliau juga pernah menyandang jawatan Pengarah Jabatan Kerja Air Negeri Sembilan. Beliau meninggalkan Jabatan Kerja Raya pada tahun 1991 dan menyertai Ranhill Bersekutu Sdn Bhd dengan memegang pelbagai jawatan daripada Jurutera Kanan sehinggalah sebagai Naib Presiden di Bahagian Bekalan Air. Beliau adalah ahli Persatuan Air Malaysia, Institut Pengarah-pengarah Malaysia dan Institut Pemasaran Malaysia.

YBhg Dato' Ir Lee telah menghadiri 7 daripada 7 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PROFIL
LEMBAGA PENGARAH

YBHG TAN SRI DATO' HARI NARAYANAN A/L GOVINDASAMY

PENGARAH BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF PNHB

66 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy, yang merupakan seorang ahli perniagaan telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad pada 1 Julai 1999 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan adalah ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari University of Northumbria, England.

Beliau adalah ahli Institut Pengarah-pengarah Malaysia dan merupakan Jurutera Profesional Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia. Beliau berpengalaman luas dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik dan pernah menyandang pelbagai jawatan penting di beberapa buah syarikat ternama sebagai seorang jurutera dan usahawan.

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan adalah Pengerusi IEV Holdings Limited, Singapura. Beliau turut memegang jawatan pengarah di beberapa syarikat swasta yang lain.

YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan telah menghadiri 6 daripada 7 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PROFIL
LEMBAGA PENGARAH

YBHG TAN SRI DATO' SERI DR TING CHEW PEH

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF PNHB

73 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad pada 15 Julai 2000 sebagai seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB pada 27 Jun 2001 dan beliau kini merupakan Pengerusi bagi kedua-dua Jawatankuasa Audit serta Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko PNHB.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya pada tahun 1970 dan memperolehi Ijazah Sarjana Sains dari University of London pada 1972. Beliau juga memiliki Ijazah Doktor Falsafah yang diperolehi dari University of Warwick pada tahun 1976. YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting adalah ahli Institut Pengarah-Pengarah Malaysia.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting memulakan kerjaya sebagai pensyarah di Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial di Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 1974 hingga 1980 dan selepas itu sebagai Profesor Madya di Fakulti yang sama sehingga tahun 1987. Dari tahun 1979 hingga 1986, YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting telah menerbitkan dua buah buku bertajuk "Konsep Asas Sosiologi" dan "Hubungan Ras dan Etnik".

Pada tahun 1987, YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting menceburi arena politik apabila beliau dipilih sebagai Ahli Parlimen Kawasan Gopeng, jawatan yang dipegangnya sehingga pilihanraya umum pada tahun 2008. Sebelum itu beliau pernah memegang jawatan Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (1988-1989), Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1989-1990), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1990-1999) dan Setiausaha Agung, Persatuan Cina Malaysia ("MCA") (1990-2005). Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Hua Yang Berhad, Johan Holdings Berhad, Sycal Ventures Berhad, UTAR Education Foundation dan berkhidmat sebagai pengarah di beberapa syarikat swasta.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting telah menghadiri 7 daripada 7 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PROFIL
LEMBAGA PENGARAH

YAM TENGKU DATO' RAHIMAH ALMARHUM SULTAN MAHMUD

PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF PNHB

50 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YAM Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad pada 1 Ogos 2006 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Pada 1 Januari 2007, jawatan YAM Tengku Dato' Rahimah telah ditukar kepada Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif PNHB berikutan pelantikan beliau sebagai Pengarah Eksekutif Puncak Research Centre Sdn Bhd. YAM Tengku Dato' Rahimah pernah menjadi ahli Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB untuk tempoh bermula dari 1 Ogos 2006 hingga 31 Disember 2006. Pada 26 Februari 2008, YAM Tengku Dato' Rahimah telah dijemput semula untuk menganggotai Jawatankuasa Audit PNHB.

YAM Tengku Dato' Rahimah memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Ekonomi dan Perakaunan dari City of London University, England. Beliau merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia.

Setelah menamatkan pengajian, YAM Tengku Dato' Rahimah memulakan kerjaya beliau bersama Hongkong Bank di London, England, dan sekembalinya ke Malaysia, beliau menyertai Esso Malaysia Berhad dan berkhidmat di syarikat tersebut selama 5 tahun.

Kini, YAM Tengku Dato' Rahimah merupakan Pengerusi Loh & Loh Corporation Berhad. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah beberapa syarikat swasta termasuk syarikat subsidiari milik penuh PNHB, Puncak Research Centre Sdn Bhd.

YAM Tengku Dato' Rahimah telah menghadiri 5 daripada 7 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PROFIL
LEMBAGA PENGARAH

YBHG TAN SRI DATO' AHMAD FUZI HAJI ABDUL RAZAK

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF PNHB

67 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad pada 6 Oktober 2008 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi merupakan ahli Jawatankuasa Audit PNHB dan Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Pencalonan PNHB. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya (1972) dan Sijil Diplomasi (Kursus Perkhidmatan Luar Negara) dari University of Oxford (1974). Sebagai pengiktirafan terhadap perkhidmatan beliau kepada negara, beliau telah dianugerahkan pingat AMN (1979), JSM (1999), DSPN (1999), DMPN (2002), PSM (2003) dan DLSJ Brunei (2014).

Sebelum ini, YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi pernah menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia. Beliau menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia pada tahun 1972 dan telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti di Kementerian Luar Negeri, terutamanya di Bahagian Politik dan di Kedutaan Malaysia di luar negara seperti di Moscow, Hague, Canberra, Washington dan Dhaka. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri.

Buat masa ini YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi adalah Setiausaha Agung Yayasan Forum Ekonomi Islam Sedunia ("WIEF"), Pemegang Amanah bagi MERCY Malaysia, Perdana Global Peace Foundation ("PGPF") serta Yayasan Sarana Pendidikan Malaysia.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi juga merupakan Pengerusi di Amanahraya-REIT Managers Sdn Bhd, Seremban Engineering Berhad, Theatre Management Associates Sdn Bhd, Optima Capital Sdn Bhd, Sofgen (Malaysia) Sdn Bhd, IMAN Research Consulting Sdn Bhd dan Ace Holdings Sdn Bhd; Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Maybank Islamic Berhad dan Pengarah Management Development Institute of Singapore Sdn Bhd, WEROS Technology Sdn Bhd, Lejadi Medimax Sdn Bhd, CGM Alstar Solutions Sdn Bhd dan MDIS Unicampus Sdn Bhd.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi juga merupakan Felow Kehormat, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa; Felow Kehormat, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri; Ahli Jawatankuasa Malaysia bagi Majlis Kerjasama Keselamatan Asia Pasifik; Ahli, Institut Pengajian Islam Lanjutan; Ahli, Lembaga Penasihat; Anugerah Keusahawanan Asia Pasifik.

Beliau juga menjadi Penasihat bagi Xadarcorp Sdn Bhd, Alumni Malaysia Sekolah Tinggi Bukit Mertajam dan Malaysia-Myanmar Chamber of Commerce.

YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi telah menghadiri 6 daripada 7 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PROFIL
LEMBAGA PENGARAH

ENCIK
NG WAH TAR

PENGARAH EKSEKUTIF, BAHAGIAN KEWANGAN KORPORAT PNHB

52 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

Encik Ng Wah Tar telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad dan PNSB pada 1 Januari 2010 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan dan jawatannya telah ditukar kepada Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat pada 1 Januari 2011. Pada 15 Oktober 2015, Encik Ng telah meletak jawatan sebagai Pengarah PNSB berikutan penjualan PNSB kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.

Encik Ng dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Ganjaran, CICR dan EXCO PNHB. Beliau merupakan Ahli Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya ("SWAn"), sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang mewakili kepentingan bersama semua industri bekalan air dan air sisa di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang bertujuan menggalakkan interaksi dengan orang ramai dan mempertingkatkan pemahaman mereka tentang sumber air. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Air Malaysia.

Encik Ng memiliki pengalaman kerja melebihi 32 tahun dalam pelbagai bidang yang meliputi pengauditan, perakaunan, kewangan dan kewangan korporat. Beliau memulakan latihan amali atau articleship di sebuah firma perakaunan pada tahun 1984 dan merupakan ahli MIA, MICPA dan CPA Australia. Sebelum itu, beliau pernah berkhidmat di United Engineers (M) Berhad ("UEM") dari tahun 1994 hingga 2000 dengan bertanggungjawab mengawasi fungsi kewangan dan perakaunan UEM.

Pada bulan Februari 2000, Encik Ng menyertai PNSB sebagai Pengurus Besar, Kewangan & Akaun dan dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar Kanan, Kewangan & Akaun pada 1 April 2006 dan seterusnya ke jawatan Pengarah Eksekutif, Kewangan Korporat di Pejabat Pengerusi Eksekutif pada 1 April 2007. Beliau meninggalkan PNSB pada 1 September 2007 untuk menyandang jawatan Naib Pengerusi Eksekutif WWE Holdings Bhd hingga 30 Jun 2009. Encik Ng meletakkan jawatan sebagai Naib Pengerusi Eksekutif WWE Holdings Bhd dan kembali menyertai Kumpulan PNHB pada 1 Julai 2009.

Encik Ng telah menghadiri 7 daripada 7 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PROFIL
LEMBAGA PENGARAH

ENCIK AZLAN SHAH TAN SRI ROZALI

PENGARAH GANTIAN KEPADA YBHG TAN SRI ROZALI ISMAIL

30 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

Encik Azlan Shah Tan Sri Rozali telah dilantik sebagai Pengarah Gantian kepada YBhg Tan Sri Rozali Ismail, Pengerusi Eksekutif Syarikat pada 6 Januari 2016. Beliau adalah Ahli CICR dan EXCO PNHB. Beliau juga merupakan Ketua Jabatan Teknologi Maklumat yang menyelia keseluruhan keperluan teknologi maklumat kumpulan PNHB.

Encik Azlan Shah menamatkan pengajiannya dari Middlesex University, London, United Kingdom pada tahun 2009 dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Perniagaan dan Pemasaran.

Kerjaya Encik Azlan Shah bermula pada 2009 menerusi latihan amali di sebuah syarikat dagangan pakaian. Berbekalkan prestasi yang hebat serta iltizam yang tinggi, beliau kemudiannya telah dinaikkan pangkat menjadi Pengurus yang bertanggungjawab terhadap fungsi jualan dan pemasaran, pembangunan perniagaan, pengurusan inventori dan pentadbiran di syarikat tersebut. Pada 2010, beliau menyertai SYABAS sebagai seorang Eksekutif dan telah didedahkan serta meraih pengalaman dalam bidang sumber manusia & pentadbiran, kewangan & akaun serta pengurusan pejabat daerah SYABAS. Sebelum itu beliau adalah Pengurus Besar, Jabatan Teknologi Maklumat, PNSB (1 November 2011 - 15 Oktober 2015).

Pada 2011, beliau telah menerima pangkat 'Leftenan Rejimen Pakar Pengendalian Air ke-60 RAJD (Askar Wataniah)'.

Encik Azlan Shah adalah pemegang saham PNHB dan merupakan anak lelaki sulung YBhg Tan Sri Rozali Ismail, Pengerusi Eksekutif dan pemegang saham utama Syarikat.

Walaupun Encik Azlan Shah baru dilantik menganggotai Lembaga Pengarah PNHB pada 6 Januari 2016, beliau telah menghadiri 2 Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB secara jemputan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – KUMPULAN PNHB

PUAN WONG LEY CHAN

KETUA PEGAWAI KEWANGAN

56 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

Puan Wong Ley Chan graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada National University of Singapore yang berprestij.

Puan Wong adalah ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (Malaysian Institute of Certified Public Accountants atau "MICPA") dan Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants atau "MIA"). Beliau mempunyai pengalaman kerja melebihi 32 tahun dan berpengetahuan luas dalam pelbagai bidang meliputi audit, perbankan korporat dan penyusunan semula hutang korporat, kewangan korporat, perakaunan, percukaian dan pengurusan kewangan strategik.

Puan Wong memulakan kerjaya sebagai seorang juruaudit muda di sebuah firma perakaunan terkemuka pada tahun 1984. Sejak itu, beliau telah berkhidmat dengan beberapa syarikat di peringkat pengurusan kanan, termasuk 6 tahun bersama Kumpulan Syarikat UEM Land, lima tahun di TRIplc Berhad dan tiga tahun di SYABAS. Sebelum menyertai Puncak Niaga Holdings Berhad, beliau merupakan Naib Presiden, Kewangan di Scomi Engineering Bhd.

Pada 25 November 2010, beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan di PNSB. Beliau bertanggungjawab terhadap keseluruhan fungsi kewangan dan perakaunan Kumpulan Syarikat Puncak Niaga. Puan Wong juga merupakan Pengarah di Puncak Oil & Gas Sdn Bhd dan GOM Resources Sdn Bhd, yang mana kedua-duanya merupakan syarikat subsidiari Puncak Niaga Holdings Berhad bagi Bahagian Minyak & Gas. Beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah Puncak Niaga Management Services Sdn Bhd dan Murni Estate Sdn Bhd.

Puan Wong dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Puncak Niaga Holdings Berhad pada 15 April 2015. Beliau juga merupakan ahli CICR dan EXCO PNHB.

YBHG TAN SRI DATO' SRI DR WAN ABDUL AZIZ WAN ABDULLAH

PENGERUSI, GOM RESOURCES

64 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources") pada 1 Mac 2013.

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz menamatkan pengajiannya dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Univiersiti Malaya, Ijazah Sarjana Falsafah (Pengajian Pembangunan) dari Institute of Development Studies, University of Sussex, Brighton, United Kingdom, di samping memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (Ekonomi) dari School of Business and Economic Studies, University of Leeds, United Kingdom. Beliau juga pernah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, Boston, Amerika Syarikat.

YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz telah bertugas lebih 38 tahun dalam Perkhidmatan Awam dengan meraih pengalaman yang luas dalam sektor kewangan dan ekonomi. Beliau memulakan kerjayanya pada 1975 sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi ("EPU"), Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya pada 1984, beliau dinaikkan pangkat menjadi Penolong Pengarah Kanan, sebelum menyandang jawatan sebagai Pengarah Seksyen Tenaga di jabatan yang sama. Pada penghujung tahun 1998, YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz telah ditugaskan oleh Kerajaan Malaysia kepada Kumpulan Bank Dunia, Washington D.C, Amerika Syarikat sebagai Pengarah Eksekutif Gantian mewakili Kumpulan Asia Tenggara.

Sekembalinya YBhg Tan Sri Dato' Sri Dr Wan Abdul Aziz ke Malaysia pada 2001, beliau telah menyandang jawatan Timbalan Setiausaha Rendah (Makro), Bahagian Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan ("MOF"). Pada 2004, beliau berkhidmat di EPU, Jabatan Perdana Menteri sebagai Timbalan Ketua Pengarah di Bahagian Perancangan Makro.

Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), MOF pada 2005 dan dinaikkan pangkat pada 28 Februari 2007 sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, MOF. Beliau bersara daripada Perkhidmatan Awam pada 23 Mei 2008 dan kemudiannya meneruskan perkhidmatan sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan sehingga 23 Ogos 2012.

Beliau turut berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif di Bank Pembangunan Islam yang berpangkalan di Jeddah dengan mewakili Asia Tenggara dari 2011 sehingga 2013.

Buat masa ini, beliau adalah Pengerusi Malaysia Airport Holdings Berhad & Kumpulan serta Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad & Kumpulan, Permodalan Nasional Berhad serta RAM Holdings Berhad.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – KUMPULAN PNHB

YBHG DATO' ZAINAL ABIDIN SALLEH

PENGARAH URUSAN MURNI ESTATE SDN BHD

53 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Dato' Zainal Abidin Salleh menyertai Puncak Niaga Holdings Berhad pada Ogos 2015 dan dilantik sebagai Pengarah Urusan kepada Murni Estate Sdn Bhd pada 9 November 2015 bagi menerajui perniagaan perladangan dan pertanian.

Sebelum pelantikan jawatan ini, YBhg Dato' Zainal Abidin merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan di KUB Malaysia Berhad. Beliau telah menyertai Kumpulan KUB sejak Julai 2010 dengan memegang pelbagai jawatan peringkat pengurusan kanan dalam kumpulan tersebut. Antara jawatan yang pernah disandang oleh beliau adalah sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan bagi KUB Malaysia Berhad, Pengarah Eksekutif & Ketua Pegawai Eksekutif bagi Kumpulan KUB Agro Holdings dan juga sebagai Pengarah Eksekutif & Ketua Pegawai Eksekutif bagi KUB Sepadu Sdn Bhd serta KUB Maju Mills Sdn Bhd. Beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah bagi beberapa buah syarikat lain.

YBhg Dato' Zainal Abidin memulakan kerjayanya di Harrison Malaysian Plantations Berhad dan kemudiannya beralih ke Golden Hope Plantations Berhad. Beliau memiliki pengalaman yang cukup luas dalam perniagaan perladangan dan pernah memulihkan kembali beberapa syarikat perladangan sepanjang kerjayanya dalam perladangan. YBhg Dato' Zainal Abidin memiliki lebih 25 tahun pengalaman dalam mengendalikan perniagaan perladangan dan mentransformasi konglomerat yang menceburi perniagaan perladangan, hartanah serta pendidikan. Beliau adalah pakar dalam aspek pemulihan ladang kelapa sawit dan pernah menerima anugerah di atas sumbangannya.

Beliau juga merupakan bekas Pengetua di Universiti Islam Antarabangsa Gombak dan memiliki pengalaman yang luas dalam pengurusan korporat serta pengurusan operasi strategik, khususnya dalam industri perladangan dan pengurusan korporat. Beliau turut didedahkan kepada persekitaran perniagaan di peringkat antarabangsa bilamana beliau berkhidmat di Kumpulan Syarikat Cerio di Itali sewaktu beliau bersama Harrison Malaysian Plantations Berhad.

YBhg Dato' Zainal Abidin adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Perniagaan Tani) dengan Kepujian serta Diploma Sains Pertanian dari Universiti Putra Malaysia. Beliau juga telah menghadiri banyak kursus, terutamanya yang berkaitan dengan kemahiran pengurusan korporat di peringkat antarabangsa.

Selain daripada kerjayanya dalam sektor korporat, YBhg Dato' Zainal Abidin turut terlibat dalam aktiviti sosial dan kebajikan. Beliau adalah bekas Setiausaha Kehormat Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia serta Penasihat kepada Jawatankuasa Biro Hal Ehwal Wanita PEMADAM. Beliau turut memiliki pengalaman yang luas dalam latihan dan pengendalian persidangan, seminar dan bengkel di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

YBHG DATO' NASIR KHAN ILLADAD KHAN

PENGARAH EKSEKUTIF, BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

63 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Dato' Nasir Khan Illadad Khan menyertai PNSB pada 21 Februari 2006 sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Hal Ehwal Korporat sebelum dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Pembangunan Perniagaan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial, Sains Politik (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Pennsylvania State University, Amerika Syarikat. Beliau juga memiliki Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara ("INTAN") dan pernah mengikuti Program Pengurusan Eksekutif di School of Government, Harvard University, Amerika Syarikat. YBhg Dato' Nasir Khan berpengalaman selama lebih 36 tahun berkhidmat dengan Kerajaan dalam bidang sumber manusia, keselamatan, pembangunan tanah dan kewangan. Sebelum menyertai PNSB, beliau pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan, Malaysia. Beliau juga telah dilantik sebagai ahli Majlis Perniagaan Kemboja Malaysia.

Pada 27 Mac 2015, beliau telah dianugerahkan "Munisaraphoin Medal" dari H.E. Hun Sen, Perdana Menteri Negara Kemboja.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – KUMPULAN PNHB

YBHG PROF DATO' DR MOHD ZAINUL FITHRI OTHMAN

PENGARAH EKSEKUTIF, BAHAGIAN SUMBER STRATEGIK & PERHUBUNGAN AWAM

51 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri Othman dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Strategik dan Perhubungan Awam PNSB pada 4 Mac 2014. Beliau merupakan Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Strategik & Perhubungan Awam bagi PNHB pada masa ini.

Minat beliau yang mendalam terhadap bidang pendidikan sememangnya jelas terbukti sejak di awal kerjayanya. YBhg Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri memulakan profesionnya sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1994 dan enam tahun kemudian, beliau menyertai Kolej Unitek Malaysia sebagai Presiden/CEO. Seterusnya beliau berkhidmat sebagai Pengarah Pengajian Pengurusan World Enterprise Institute di Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) pada tahun 2000. Pada tahun yang sama, beliau bertugas pula di Institut Kajian Pembangunan Bangsa sebagai CEO dan Profesor Madya bagi Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universiti Tun Abdul Razak. Beliau merupakan Pengerusi Pertubuhan Antarabangsa Pusat Pentadbiran Perniagaan Malaysia dan juga Setiausaha Politik kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dari tahun 2008 hingga 2009.

YBhg Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri memegang pelbagai jawatan penting semasa di Univeristi Pengurusan & Sains (Management & Science University atau "MSU") dan telah berkhidmat di institusi tersebut untuk tempoh yang agak lama. Sewaktu perkhidmatannya, beliau telah dilantik sebagai Naib Presiden/Timbalan Naib Canselor Perhubungan Perindustrian & Pembangunan Kerjaya Pelajar pada 2003, jawatan yang disandang oleh beliau sebelum beralih ke PNSB. Beliau turut dilantik sebagai Dekan Pusat Pembelajaran Fleksibel, dan pada masa yang sama, sebagai Pengarah Akademi Kaunseling Komuniti Malaysia ("AKKMA") pada 2006. Beliau kemudiannya telah dipinjamkan ke Jabatan Perdana Menteri selama setahun sewaktu memegang jawatan sebagai Profesor Pengajian Polisi pada 2003 sehingga 2008.

YBhg Profesor Dato' Dr Mohd Zainul Fithri memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Sains Politik dan Hubungan Antarabangsa dari Oregon State University, Corvallis, Amerika Syarikat pada tahun 1988 dan Ijazah Sarjana Sastera dalam Hubungan Antarabangsa (Ekonomi Politik Antarabangsa dan Keselamatan) dari University of Hull, United Kingdom pada 1990. Beliau turut memililki Doktor Falsafah dalam Ekonomi Politik Global dari University of Sheffield, United Kingdom sejak tahun 1994.

PUAN TAN BEE LIAN

PENGARAH EKSEKUTIF, BAHAGIAN PERKHIDMATAN KORPORAT DAN SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN

50 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

Puan Tan Bee Lian menyertai PNSB sebagai Setiausaha Syarikat pada 7 November 1994 dan dinaikkan pangkat sebanyak tiga kali sebelum menyandang jawatan sekarang sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat pada 1 Januari 2010. Dalam jawatannya kini sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat PNHB, beliau menyelia Jabatan Undang-undang, Jabatan Kesetiausahaan dan Jabatan Audit Dalaman. Sebagai Setiausaha Syarikat Kumpulan, Puan Tan bertanggungjawab terhadap aspek kesetiausahaan syarikat dan pematuhan kawal selia Kumpulan PNHB. Puan Tan adalah ahli CICR dan EXCO PNHB dan turut memegang jawatan pengarah dalam syarikat subsidiari PNHB iaitu Sino Water Pte Ltd, Puncak Niaga Overseas Capital Pte Ltd dan Puncak Niaga Management Services Sdn Bhd. Puan Tan merupakan Fellow Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia ("MAICSA") dan mempunyai lebih 28 tahun pengalaman kerja dalam amalan kesetiausahaan syarikat serta urusan korporat. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat di Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad ("PLUS") dan Metramac Corporation Sdn Bhd/Metacorp Berhad dan merupakan pemenang Anugerah Setiausaha Syarikat ROC-MAICSA 2001 bagi Kategori Syarikat Tersenarai.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – KUMPULAN PNHB

PUAN FARIDATULZAKIAH MOHD BAKHRY

PENGARAH EKSEKUTIF, BAHAGIAN SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

40 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

Puan Faridatulzakiah memiliki Ijazah Undang-undang (LLB, Kepujian) dari Hertfordshire University, United Kingdom.

Beliau memulakan kerjayanya dalam bidang perundangan di Tetuan Malek & Associate pada tahun 2003, mengendalikan kes-kes sivil dan jenayah. Pada tahun 2006, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Undang-undang di Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad di mana beliau mula terdedah kepada hal ehwal Sumber Manusia dan Perhubungan Perindustrian.

Beliau seterusnya menyertai SYABAS pada tahun 2008 sebagai Penolong Pengurus, Jabatan Undang-undang dan setahun kemudian sebagai Pengurus Perhubungan Perindustrian sebelum dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Kanan pada tahun 2010. Beliau terus menerajui jabatan tersebut sehingga beliau menyertai PNSB pada tahun 2012 sebagai Penolong Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran di mana beliau bertanggungjawab menyelia keseluruhan aspek Pengurusan Sumber Manusia.

Puan Faridatulzakiah menyandang jawatan Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran ("HRAD") pada 1 Februari 2013 PNSB. Beliau kini adalah Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran PNHB dan bertanggungjawab terhadap keseluruhan fungsi HRAD bagi Kumpulan Syarikat Puncak Niaga. Puan Faridatulzakiah adalah ahli EXCO PNHB.

YBHG DATO' MAT HAIRI ISMAIL

PENGARAH EKSEKUTIF, BAHAGIAN TUGAS KHAS

54 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Dato' Mat Hairi Ismail memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1985. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Akauntan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia ("JANM") pada 1985 dan menyandang jawatan Ketua JANM di Labuan pada tahun 1989. YBhg Dato' Mat Hairi kemudian dilantik sebagai Akauntan Perwakilan Malaysia di Pejabat UK dan EIRI, London dari tahun 1990-1992 dan sekembalinya beliau ke Malaysia, YBhg Dato' Mat Hairi telah dilantik sebagai Akauntan Kanan di Lembaga Pembangunan Langkawi hingga tahun 1994.

YBhg Dato' Mat Hairi mula terlibat dalam dunia perniagaan pada tahun 1994 bersama-sama dengan abang beliau, YBhg Tan Sri Rozali Ismail dan YBhg Dato' Shaari Ismail untuk mengasaskan PNSB yang kini telah berjaya menjadi salah satu penyedia penyelesaian pembekalan air bersepadu, air sisa dan alam sekitar yang terkemuka di rantau ini. YBhg Dato' Mat Hairi telah memegang pelbagai jawatan dalam Kumpulan PNHB, termasuk sebagai Pengarah Eksekutif Perkhidmatan Kewangan & Korporat, Pengarah Eksekutif di Pejabat Pengerusi Eksekutif, Naib Presiden Bahagian Sumber Manusia, Pentadbiran, Teknologi Maklumat, Pembangunan Perniagaan & Tugas Khas bagi POG dan Kumpulan dan kini sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Tugas Khas PNHB. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah GOM Resources Sdn Bhd pada 2 Januari 2013 dan Pengarah KGL Ltd. pada 7 Mac 2013.

YBhg Dato' Mat Hairi membawa bersama pengalaman yang luas menjangkau 30 tahun dalam bidang perancangan strategik, kewangan korporat dan pengurusan perniagaan.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA –
KUMPULAN PNHB

YBHG DATO' SYED DANIAL SYED ARIFFIN

PENGARAH/PENGARAH PROJEK D44 (PROJEK KHAS) PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN BHD

58 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

YBhg Dato' Syed Danial Syed Ariffin menamatkan pengajiannya pada tahun 1981 dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kejuruteraan Awam dari University of Aston di Birmingham, United Kingdom.

Profesion YBhg Dato' Syed Danial sebagai jurutera awam dan beliau telah bersama Kumpulan Puncak Niaga Holdings Berhad sejak Disember 1995. Beliau memulakan kerjayanya di PNSB sebagai Pengurus Operasi dan kemudiannya dinaikkan pangkat menjadi Pengurus Kanan, Penolong Pengurus Besar dan Pengurus Besar Operasi. Dari tahun 2004 dan seterusnya, YBhg Dato' Syed Danial telah memegang pelbagai jawatan utama di bawah Kumpulan PNHB, iaitu Pemangku Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi PNSB, Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi 1 PNSB, Ketua Pegawai Operasi PNSB dan PNHB, Pengarah Urusan PNSB dan Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi PNHB.

YBhg Dato' Syed Danial juga adalah Pengarah SYABAS sejak 3 September 2007. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Sino Water Pte Ltd, iaitu syarikat subsidiari dengan 98.65% pemilikan PNHB, bertempat di Singapura pada 1 Januari 2010. Pada 15 Oktober 2015, YBhg Dato' Syed Danial telah meletak jawatan sebagai Pengarah PNSB dan SYABAS berikutan penjualan PNSB dan SYABAS kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd. Buat masa ini beliau merupakan Pengarah/Pengarah Projek D44 (Projek Khas) PNCSB.

YBhg Dato' Syed Danial pernah berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya Pahang selama 10 tahun dengan memegang jawatan-jawatan sebagai Jurutera Projek (1981-1983) sehinggalah kepada Jurutera Daerah bagi JKR Cameron Highlands (1983-1991) dan Jabatan Kerja Air Selangor dari tahun 1991 hingga 1995, di mana beliau merupakan Jurutera Projek Kanan yang menyelia pembinaan Projek Bekalan Air Sg Selangor Fasa 1. YBhg Dato' Syed Danial adalah ahli Persatuan Pemasaran Malaysia, Persatuan Air Malaysia, Jurutera Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia, ahli Lembaga Akademik, Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA (tempoh Oktober 2009 – Mac 2014), Penasihat Institut Kejuruteraan Infrastruktur & Pengurusan Kemampanan, di samping turut menganggotai Lembaga Pengarah beberapa syarikat swasta. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Air Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya ("SWAn"), sebuah persatuan bukan berasaskan keuntungan yang mewakili kepentingan bersama seluruh industri bekalan air dan air sisa di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang bertujuan menggalakkan interaksi dengan orang ramai dan mempertingkatkan pemahaman mereka tentang sumber air. Pada 2 Mei 2012, YBhg Dato' Syed Danial telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Program Pendidikan, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – KUMPULAN PNHB

IR TAN HUI KUAN

PENGARAH PROJEK (PROJEK & PEMEROLEHAN)
PUNCAK NIAGA CONSTRUCTION SDN BHD

62 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

Ir Tan Hui Kuan menyertai PNSB pada bulan Ogos 2003 sebagai Pengurus Besar Jabatan Pembangunan Projek dan Perniagaan. Beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi & Penyelenggaraan pada 1 Januari 2010. Kemudian, pada 1 Ogos 2011, jawatannya ditukar kepada Pengarah Eksekutif Bahagian Kejuruteraan/Pembangunan Projek. Pada 15 Februari 2012, beliau dinaikkan pangkat menjadi Ketua Pegawai Operasi Syarikat. Sewaktu penyusunan semula Kumpulan Syarikat PNHB, beliau telah dipindahkan ke PNCSB dan jawatannya ditukar kepada Pengarah Projek (Projek & Pemerolehan) berkuatkuasa mulai 15 Oktober 2015.

Ir Tan menamatkan pengajiannya dengan memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1979. Beliau mempunyai pengalaman kerja selama 25 tahun dengan Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Lembaga Air Perak dalam bidang pengeluaran, pengagihan, penyelenggaraan dan perkhidmatan pelanggan bagi Jabatan Kerja Air Daerah, penyiasatan geoteknikal, penyelenggaraan untuk kem-kem tentera, pengurusan projek untuk bangunan serta infrastruktur tentera. Sebelum menyertai PNSB, Ir Tan merupakan Penolong Pengarah bagi Kerja Air Tentera di Jabatan Kerja Raya Malaysia. Sewaktu berada di PNSB, beliau menguruskan operasi dan penyelenggaraan loji pembersihan air dan empangan di bawah pelbagai konsesi pegangan Syarikat, selain daripada melaksanakan dan menyiapkan beberapa projek di India, Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

PUAN HAFIZAH AHMAT

PENGURUS BESAR KANAN, JABATAN KONTRAK & PEMEROLEHAN

47 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

Puan Hafizah telah menyertai Syarikat Perunding Ukur Bahan pada bulan Julai 1992 sebagai Jurukur Bahan selama tiga tahun. Beliau menamatkan pengajian dengan memperolehi Diploma Lanjutan Ukur Bahan dari Universiti Teknologi MARA dengan meraih Anugerah Pelajar Terbaik pada tahun 1992. Sebelum menyertai PNSB sebagai Pengurus Besar Jabatan Kontrak & Pemerolehan ("CPD") pada Januari 2010, beliau telah berkhidmat dengan sebuah syarikat pembinaan sejak Oktober 1996.

Secara keseluruhannya, Puan Hafizah memiliki pengalaman selama lebih 24 tahun dalam bidang ukur bahan dalam industri pembinaan. Beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar Kanan CPD, PNSB pada 1 Januari 2013. Beliau kini adalah Pengurus Besar Kanan CPD bagi PNCSB. Beliau dilantik sebagai Pengarah di Puncak Niaga Construction Sdn Bhd pada 15 April 2015.

PROFIL KAKITANGAN UTAMA – KUMPULAN PNHB

TUAN HAJI SONARI SOLOR

PENGURUS BESAR KANAN, JABATAN AUDIT DALAMAN

60 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

Tuan Haji Sonari Solor menyertai PNSB pada 10 September 1998 dan telah dilantik sebagai Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman SYABAS untuk tempoh bermula dari 1 September 2006 sehingga 15 Februari 2012. Beliau kembali menyertai PNSB pada 16 Februari 2012 sebagai Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman. Kini, beliau adalah Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman PNHB.

Tuan Haji Sonari Solor adalah seorang Akauntan Berkanun di Institut Akauntan Malaysia dan ahli Fellow di Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (U.K.). Beliau memiliki kelayakan profesional daripada Chartered Institute of Management Accountants (U.K). Tuan Haji Sonari Solor membawa bersamanya pengalaman kerja yang menjangkau lebih 27 tahun di peringkat pengurusan dalam bidang perakaunan dan pengauditan ketika berkhidmat di beberapa syarikat senarai awam.

Sebelum menyertai PNSB, Tuan Haji Sonari Solor memegang jawatan Ketua Bahagian Kumpulan, Audit Dalaman ketika bersama Land & General Berhad.

CIK IRENE LEE SIEW YOKE

SETIAUSAHA SYARIKAT

44 TAHUN, WARGANEGARA MALAYSIA

Cik Irene Lee Siew Yoke menyertai PNSB pada 27 Jun 2011 sebagai Pengurus Kanan, Jabatan Kesetiausahaan, Bahagian Perkhidmatan Korporat. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Syarikat Bersama PNHB pada 3 Ogos 2015 dan buat masa ini beliau merupakan Ketua Jabatan Kesetiausahaan PNHB. Beliau adalah Setiausaha Berkanun dan Ahli Bersekutu Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (“MAICSA”). Beliau memiliki lebih 20 tahun pengalaman bekerja di syarikat yang melibatkan amalan kesetiausahaan. Sebelum ini, beliau pernah bertugas di Tay & Partners, Securities Services (Holdings) Sdn Bhd serta PROTON Holdings Berhad. Sebelum menyertai Kumpulan PNHB, beliau merupakan Pengurus di Jabatan Kesetiausahaan, PROTON Holdings Berhad.

PENCAPAIAN PENTING

TAHUN 1997

8 JULAI

Penyenaraian di Papan Utama BSKL (berkuat kuasa dari 3 Ogos 2009, ia dikenali sebagai Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad) dan pelancaran Laman Web Puncak Niaga Holdings Berhad ("PNHB").



8 JULAI

TAHUN 1998

14 MAC

Kempen Penjagaan Sungai I bagi murid sekolah telah dilancarkan oleh YB Datuk Haji Mohd Khalid Mohd Yunus, bekas Timbalan Menteri Pelajaran.

14 MAC

TAHUN 1999

4 JANUARI

PNHB disenaraikan di Indeks Komposit BSKL (kini dikenali sebagai Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur).

9 APRIL

Majlis Menandatangani Pindaan Kedua ke atas Perjanjian Pembinaan dan Operasi.

9 APRIL

TAHUN 2000

12 OKTOBER

PNHB memenangi Anugerah Kecemerlangan Korporat BSKL 2000 bagi Syarikat Papan Utama dan Anugerah Sektoral Korporat BSKL 2000 bagi Syarikat Projek Prasarana di Papan Utama.

8 NOVEMBER

PNHB diberi penghormatan dengan Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA 2000 bagi kategori 'Syarikat Pembinaan & Projek Prasarana'.

12 OKTOBER

TAHUN 2001

6 NOVEMBER

PNHB menerima Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA 2001 di bawah kategori 'Syarikat Pembinaan & Projek Prasarana'.

10 NOVEMBER

PNHB telah diberikan Anugerah Citra Laporan Tahunan 2001 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

TAHUN 2002

26 MAC

Pengerusi Eksekutif Kumpulan PNHB, YBhg Tan Sri Rozali Ismail telah dikurniakan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Air Asia 2002 di bawah Kategori Anugerah Individu.

31 OKTOBER

PNHB telah terpilih menerima Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA 2002 bagi kategori 'Syarikat Pembinaan & Projek Prasarana'.

TAHUN 2003

20 FEBRUARI

PNHB menerima Anugerah Tinjauan Tadbir Urus Korporat Asiamoney 2002 bagi 'Piawaian Tadbir Urus Korporat Terbaik Bagi Sektor Utiliti di Malaysia'.

TAHUN 2004

15 DISEMBER

Perjanjian Konsesi bagi Penswastaan Pengagihan Bekalan Air di Selangor dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di antara SYABAS, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor.

31 DISEMBER

Majlis Penyerahan 26 LPA di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya daripada CGE Utilities (M) Sdn Bhd kepada PNSB di LPA Bukit Nanas.

31 DISEMBER

PENCAPAIAN PENTING

TAHUN 2005

1 JANUARI

YAB Dato' Seri Dr Mohd Khir Toyo merasmikan upacara bagi menandakan permulaan operasi SYABAS di Ibu Pejabat SYABAS.

1 JANUARI

TAHUN 2006

16 OKTOBER

PNHB mengumumkan pembayaran balik modal sehingga RM767.84 juta melalui pengagihan tunai sebagai ganjaran kepada para pemegang saham.

TAHUN 2007

30 MAC

Majlis Penyerahan LPA Sungai Sireh daripada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad kepada PNSB.

15 MEI

SYABAS menerima Anugerah Air Malaysia 2007 (Kategori Pengurusan) untuk PUSPEL.

14 NOVEMBER

PNSB menerima Sebutan Khas untuk Briged Penyelamat Sungai PNSB di Majlis Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat Perdana Menteri 2007.

14 NOVEMBER

TAHUN 2008

22 MEI

PNHB disenarai pendek untuk Anugerah Laporan Alam Sekitar Dan Sosial ACCA Malaysia (MESRA) 2007 [sekarang dikenali sebagai Anugerah Laporan Kemampanan ACCA Malaysia (MaSRA)] di bawah Kategori Laporan Sosial.

19 NOVEMBER

PNHB telah dianugerahkan Anugerah Kecemerlangan Industri NACRA 2008 bagi kategori Syarikat Pembinaan & Projek Prasarana di Papan Utama.

TAHUN 2009

10 JANUARI

SYABAS melancarkan logo baharu PUSPEL dengan cogan kata perkhidmatan "Mesra, Komited dan Diyakini" sebagai simbol iltizam SYABAS yang berterusan untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada para pengguna.

13 OGOS

PNHB merupakan pemenang bagi Laporan Bersepadu dalam Laporan Tahunan di Anugerah Laporan Kemampanan ACCA Malaysia ("MaSRA") 2009.

10 JANUARI

13 OGOS

PENCAPAIAN PENTING

TAHUN 2010

14 JANUARI

SYABAS melancarkan rangkaian sosial PUSPEL iaitu "follow@puspel" di laman Twitter dan Facebook.

8 OKTOBER

SYABAS/PUSPEL telah dianugerahkan dalam kategori "Anugerah Pusat Panggilan Baharu Muncul Terbaik 2010" di Majlis Anugerah Pertubuhan Pengurusan Perhubungan Pelanggan & Pusat Panggilan Malaysia 2010.

2 NOVEMBER

Pelancaran rasmi Pusat Kawalan Operasi ("OCC") SYABAS.

8 NOVEMBER

PNHB muncul sebagai pemenang Laporan Bersepadu dalam Laporan Tahunan bagi Anugerah Laporan Kemampanan ACCA Malaysia (MaSRA) 2010.

14 JANUARI

8 OKTOBER

TAHUN 2011

28 SEPTEMBER

POG telah menyelesaikan pengambilalihan baki 60% kepentingan ekuiti dalam GOM Resources dan KGL, justeru, menjadikan GOM Resources dan KGL sebagai syarikat subsidiari milik penuh POG.

4 OKTOBER

PNHB menerima Pengiktirafan untuk Laporan Bersepadu dalam Laporan Tahunan di majlis Anugerah Laporan Kemampanan ACCA Malaysia ("MaSRA") 2011.

13 OKTOBER

PNSB dianugerahkan "Anugerah HR Malaysia 2011 Ke-11 - Majikan Pilihan - Anugerah Perak".

4 OKTOBER

TAHUN 2012

23 FEBRUARI

Pengerusi Eksekutif Kumpulan PNHB, YBhg Tan Sri Rozali Ismail telah dikurniakan Anugerah Pencapaian Malaysia 2012 yang Pertama bagi Kategori Pencapaian Khas Individu.

19 JUN

PNHB menerima dua anugerah daripada Federation of Public Listed Companies Berhad ("FPLC") iaitu Anugerah Pengiktirafan Penajaan 10 Syarikat Tertinggi 2010/2011 – CSR dalam Aktiviti Sukan dan 10 Syarikat Utama Paling Aktif Menyertai Seminar dan Persidangan Pembangunan Profesional.

11 OKTOBER

PNSB memperolehi Anugerah Gangsa di majlis Anugerah HR Malaysia ke-12 - Majikan Pilihan.

27 OKTOBER

PNHB memperolehi anugerah 'Socrates International Award' di Oxford, United Kingdom.

30 NOVEMBER

Makmal Pusat/Makmal LPA SSP2 PNSB telah dikurniakan Anugerah Kecemerlangan Makmal IKM.

19 JUN

PENCAPAIAN PENTING

TAHUN 2013

29 OGOS
Pelancaran rasmi 'Projek Naik Taraf Sistem Agihan Air dari Bernam River Headworks (BRH) ke Sabak Bernam'.

6 SEPTEMBER
Majlis Perasmian Loji Pembersihan Air Luwei (Pingdingshan) Water Co Ltd di Lushan, China.

24 OKTOBER
PNSB memperolehi Anugerah HR Malaysia 2013 (Majikan Pilihan) - Anugerah Perak.

22-25 OKTOBER
PNSB memperolehi Anugerah Kecemerlangan di International Convention on Quality Control Circle 2013 (ICQCC) yang diadakan di Taipei, Taiwan.

29 OGOS

22-25 OKTOBER

24 OKTOBER

TAHUN 2014

23 JANUARI
PNHB telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Urus Niaga Terbaik Berkaitan Ekuiti di Asia Tenggara untuk Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus PNHB pada Nilai Nominal RM165.0 juta pada majlis Tahunan "Alpha Southeast Asia Deal & Solution Awards 2013" yang Ke-7.

29 SEPTEMBER
PNSB telah dikurniakan Anugerah Majikan Terbaik (Cawangan Shah Alam) oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

19 – 22 OKTOBER
PNHB dan Angkatan Tentera Malaysia bersama-sama memperoleh Anugerah Emas di "SGA Kaizen Competition Stream" di majlis 'International Conference on Quality 2014' yang diadakan di Tokyo, Jepun, untuk penciptaan sistem penulenan air mudah alih.

11 NOVEMBER
Penandatanganan Perjanjian Penjualan Saham antara PNHB dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Temasek Tiasa Sdn Bhd) ("Air Selangor") untuk PNHB bagi penjualan PNSB dan SYABAS kepada Air Selangor.

13 NOVEMBER
PNSB telah memperolehi Anugerah HR Malaysia 2014 (Kategori Majikan Pilihan) - Anugerah Perak.

23 JANUARI

29 SEPTEMBER

19-22 OKTOBER

11 NOVEMBER

13 NOVEMBER

BERITA PUNCAK

Puncak Niaga eyes Asean countries for core water business

Puncak Niaga ceburi sektor tani, binaan

Puncak Niaga Holdings Bhd (Puncak Niaga) merancang mempelbagaikan pemiagaannya dalam sektor pertanian dan pembinaan sambil penjualan aset airnya kepada Kumpulan Darul Ehsan Bhd (KDEB).

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Rozali Ismail, berkata syarikat turut menjangkakan lima hingga tiri peratus pertumbuhan dalam perolehan minyak dan gas pada masa depan.

Beliau berkata, permintaan minyak dan gas ketika ini meningkat kira-kira 30-40 peratus kepada perolehan Puncak Niaga.

"Dari tahun 2015, kami akan memumpukan kepada pemiagaan (kejuruteraan) perpaitan dan air sisa, pada masa sama, mempelbagaikan dalam pemiagaan pertanian dan pembinaan," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) syarikat itu di Shah Alam, semalam.

Ditanya sama ada Puncak Niaga menerima lesan daripada kumpulan harga minyak semasa, Rozali berkata syarikat tidak terjejas secara langsung berikutan ia tidak terlibat dalam segmen penerokaan, tetapi segmen penyelenggaraan dan perbikinaan.

Tinjau pasaran ASEAN

"Puncak Niaga mempertoleh kontrak tiga tahun bernilai RM500 juta daripada PETRONAS Carigali Sdn Bhd pada tahun pertama," katanya.

Beliau berkata, syarikat turut meniaga negara ASEAN sebagai pasaran berpotensi untuk mengembangkan kepakarannya dalam sektor perkhidmatan air.

Pada EGM semalam, pemegang saham melulukan dua resolusi untuk menjual 100 peratus dan 70 peratus kepentingan, masing-masing dalam Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (PNM) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), anak syarikat milik penuh KDEB merhabitkan pembayaran tunai RM1.56 bilion.

Rozali berkata, pemegang saham sebelat suara membori kelulusan bagi urus niaga itu, yang dijangka selesai pada 15 Januari ini, dengan Puncak Niaga dan Air Selangor menyerahkan aset dalam perjanjian jual beli (SPA) yang dimeterai pada November 2014.

Katanya, kelulusan itu adalah sebahagian syarat ditetapkan di bawah SPA dan dividen kira-kira RM1 sesaham berjumlah RM514 juta daripada hasil tunai akan diagihkan kepada pemegang saham selepas urus niaga itu selesai.

BERNAMA

Rozali memungkinkan Buku Laporan EGM di Shah Alam, semalam.

Kongsi ilmu pakar Jepun

■ MSU tawar program Pengurusan Bencana

Puncak Niaga switching to agriculture and construction

Proposed takeover will be completed on Jan 16

SunBIZ ON THURSDAY

Puncak Niaga hopes to have a splash overseas

巴洋新濾水站竣工

日產3千萬公升食水

Puncak eyes foreign jobs

It is in talks with several parties to provide O&G maintenance services

By WONG WEI-SHEN

SHAH ALAM: Puncak Niaga Holdings Bhd is in talks with parties overseas to provide maintenance services to the oil and gas (O&G) industries.

Executive chairman Tan Sri Rozali Ismail said that the group was in discussions with China and countries in Latin America and Asean, among others, for the services.

"Hopefully, it'll materialise this year," he said after the company's EGM yesterday.

The company's O&G business will become its main contributor, following the disposal of its water assets and operations.

Yesterday, shareholders of Puncak Niaga finally put an end to the water saga when they approved the proposed disposal of the group's water assets and operations to the Selangor government.

Rozali: "Hopefully, it'll materialise this year."

the industry.

Also, because it is not in the exploration segment of the industry, Puncak Niaga is not too concerned about the fall in oil prices.

It has secured Package B of the Gas Malaysia integrated offshore installation contract worth some RM1.8bil over a three-year period from 2014 to 2016.

Rozali expects the O&G business, which currently contributes some 30% to 40% to Puncak Niaga's revenue, to grow by 15 to 10%.

Meanwhile, the group is looking to diversify into the plantation sector and is currently eyeing some oil palm estates.

"We have already identified a few (estates), but now it is just looking at the valuation and the profit forecasts and also the price of investment. If it is reasonable or not," he said.

Puncak Niaga (M) Bhd's share down 11 sen to RM2.30 yesterday, with 2.4

ROZALI ISMAIL (tengah) menerima Anugerah Century International Quality ERA 2015 daripada Jose E.Prieto di Pusat Konvensyen InterContinental Geneva, Switzerland, baru-baru ini.

Puncak Niaga raih dua anugerah

KUALA LUMPUR 25 Mei - Puncak Niaga Holdings Berhad (PNHB) melakar kejayaan tersendiri apabila menerima anugerah kehormat tertinggi Kemboja iaitu Pingat Musisaraphoin sempena Majlis perasmian Masjid Akerkal Grand di Phnom Penh pada 22 Mac lalu.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen kepada wakil PNHB, Azlan Shah Rozali.

Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Strategik & Perhubungan Awam PNHB, Datuk Dr. Mohd. Zainul Fithri Othman berkata, penganugerahan itu mengiktiraf peranan PNHB dalam menggalakkan perhubungan persiagaan antarabangsa antara Malaysia dan Kemboja.

"Pihak kami merupakan salah sebuah syarikat yang terlibat secara aktif dalam melaksanakan misi kemanusiaan dan program tanggungjawab sosial korporat di tanah ini serta sentiasa memberi sepenuhnya kerjasama dalam pembangunan masyarakat Islam di Kemboja," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

PNHB merupakan syarikat pegangan pelaburan yang terlibat dalam operasi, penyelenggaraan, pengurusan, pembinaan, pemulihan dan pembaikpulih kemudahan rawatan air, pembekalan serta penyaluran air terawat dalam Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sementara itu, PNHB turut mengharumkan nama negara dengan meraih anugerah 'Century International Quality ERA (CQE) 2015' di Pusat Konvensyen InterContinental Geneva, Switzerland pada 22 Mac lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) BID Group One, Jose E.Prieto menyampaikan pingat penghargaan tersebut kepada Pengerusi Eksekutif PNHB, Tan Sri Rozali Ismail.

Menurut kenyataan PNHB, syarikat itu dipilih berdasarkan kepada keberkesanan pelaksanaan dalam kualiti pengurusan operasi yang menyebarsih dan keupayaan syarikat mempamerkan amalan kualiti serta kecemerlangan dalam operasi perniagaan.

Katanya, selain itu, keutamaan syarikat adalah untuk meningkatkan usaha melindungi alam sekitar.

"Oleh sebab itu, PNHB akan sentiasa melibatkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam aktiviti syarikat untuk memastikan alam sekitar sentiasa terpelihara.

"Untuk memberi kesedaran kepada generasi baharu, pihak kami juga memubuhkan Kelab Briged Penyelamat sungai (BPS) di sekolah dan institusi pengajian tinggi di sekitar Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya.

PENCAPAIAN KORPORAT

ANUGERAH "CENTURY INTERNATIONAL QUALITY ERA (CQE)" DI GENEVA, SWITZERLAND UNTUK KECEMERLANGAN DAN INOVASI DALAM KATEGORI EMAS

DIANUGERAHKAN KEPADA:
PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD
PADA 22 MAC 2015

ANUGERAH "EUROPEAN QUALITY", OXFORD, UK 2015

DIANUGERAHKAN
KEPADA:
PUNCAK NIAGA
HOLDINGS BERHAD
PADA 21 APRIL 2015

ANUGERAH "INTERNATIONAL EXPOSITION ON TEAM EXCELLENCE - IETEX 2015", SINGAPURA - ANUGERAH PLATINUM & ANUGERAH EMAS 3 BINTANG

DIANUGERAHKAN
KEPADA:
PUNCAK NIAGA
HOLDINGS BERHAD
DAN ANGKATAN
TENTERA
MALAYSIA PADA
09 - 10 SEPTEMBER 2015

ANUGERAH "WORLD BUSINESS LEADER, THE BIZZ 2015", MUSCAT, OMAN

DIANUGERAHKAN KEPADA:
PUNCAK NIAGA HOLDINGS
BERHAD PADA
18 OKTOBER 2015

ANUGERAH LAPORAN KORPORAT TAHUNAN KEBANGSAAN (NACRA) 2015 - ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI UNTUK SYARIKAT PEMBINAAN & PROJEK INFRASTRUKTUR

DIANUGERAHKAN KEPADA:
PUNCAK NIAGA HOLDINGS
BERHAD PADA
26 NOVEMBER 2015

SOROTAN PENTING 2015

2015 MERUPAKAN TAHUN YANG PENUH PERISTIWA DI MANA PUNCAK NIAGA, AKHIRNYA, BERJAYA MENYELESAIKAN PENJUALAN

PEGANGAN EKUITI DALAM PNSB DAN SYABAS

KEPADA AIR SELANGOR, ENTITI MILIK PENUH KERAJAAN NEGERI SELANGOR PADA 15 OKTOBER 2015

PNCSB BERJAYA

MENYEMPURNAKAN DUA PROJEK BEKALAN AIR DI SARAWAK,

MASING-MASING PADA OKTOBER DAN DISEMBER 2015, UNTUK KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

RM 663.9 JUTA

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015, KUMPULAN TELAH MEMPEROLEHI HASIL SEBANYAK RM663.9 JUTA

RM 63.1 JUTA

KUMPULAN MERAIH KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI SEBANYAK RM63.1 JUTA BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

SOROTAN PENTING 2015

PADA JANUARI 2015, PNCSB TELAH DITAULIAHKAN DENGAN **SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU** OLEH URS CERTIFICATION (M) SDN BHD

1 JUTA

PADA 24 JANUARI 2015, GOM RESOURCES BERJAYA MENCAPAI 1 JUTA JAM MANUSIA TANPA KEHILANGAN MASA AKIBAT KECEDERAAN

PADA 13 NOVEMBER 2015, PNHB TELAH DIKELASKAN SEMULA DARIPADA SEKTOR 'SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR' KEPADA SEKTOR 'PEMBINAAN' OLEH BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

RM 447.2 JUTA

DIVIDEN KHAS BERJUMLAH RM447.2 JUTA TELAH DIBAYAR KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM SYARIKAT YANG LAYAK PADA 23 DISEMBER 2015

PENYATA KEMAMPANAN

PENGENALAN

Pendekatan kami terhadap kemampanan adalah berdasarkan penciptaan dan pembangunan nilai yang menggariskan dengan jelas tentang kebertanggungjawaban, penambahbaikan operasi dan pendekatan yang lebih berdisiplin dalam membina sebuah organisasi yang berkesan dan cekap, demi faedah kesemua pemegang kepentingan kami.

"PEMBANGUNAN MAMPAN ADALAH PERKARA YANG TEPAT UNTUK DILAKUKAN DEMI PLANET, INSAN DAN MASYARAKAT KITA. IA ADALAH TONGGAK YANG MENYOKONG PERTUMBUHAN KAMI SEBAGAI SEBUAH PERNIAGAAN."

Tan Sri Rozali Ismail
Pengerusi Eksekutif Kumpulan PNHB

TADBIR URUS KEMAMPANAN

Di bawah kepimpinan mantap Lembaga Pengarah kami, kami mencipta nilai secara konsisten menerusi pembangunan mampan. Kami mengalu-alukan pindaan kepada Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad berkaitan dengan Penyata Kemampanan dalam Laporan Tahunan pada 2015 dan akan berusaha untuk memasukkan perubahan yang dikehendaki berkenaan penyata kemampanan dengan cara yang lebih bersepadu pada tahun-tahun berikutnya. Komitmen kami terhadap pendedahan dan ketelusan kemampanan sejak kami diperbadankan akan membolehkan kami maju dan menetapkan keutamaan secara lebih konsisten. Laporan ini merujuk kepada garis panduan laporan antarabangsa menerusi Inisiatif Laporan Global ("GRI") G4 - Keperluan teras dalam pendedahan laporan.

Begitu juga dengan Lembaga Pengarah yang giat menyelia rangka kerja tadbir urus korporat, dasar-dasar pengurusan risiko, struktur-struktur dan proses-proses PNHB. Rangka kerja dan struktur-struktur kami dalam membuat keputusan telah dibentuk bagi memastikan PNHB lebih berkesan dengan kebertanggungjawaban yang jelas.

Agar kami dapat beroperasi secara mampan, kami perlu:

- Melibatkan semua pemegang kepentingan secara telus dan terangkum
- Memastikan bahawa struktur dan dasar tadbir urus membolehkan kemampanan disepadukan ke dalam operasi perniagaan kami

Kami mengalu-alukan kehadiran 2016 kerana kami akan dapat melihat kembali amalan kemampanan kami untuk memastikan ia menyokong strategi-strategi perniagaan dan membantu kami memenuhi keperluan para pemegang kepentingan kami, terlibat dan memajukan warga kerja kami serta menzahirkan pertumbuhan yang menguntungkan dan juga kestabilan perniagaan untuk tempoh jangka panjang. Kesudahannya, kami berharap supaya amalan kemampanan akan dapat mengetengahkan penyelesaian perniagaan yang baharu khususnya dalam penyampaian dan pemberian perkhidmatan kepada para pemegang kepentingan kami.

Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2015 - **Anugerah Kecemerlangan Industri** (Pemenang bagi kategori Syarikat Pembinaan & Projek Infrastruktur)	Anugerah "Century International Quality ERA (CQE)" di Geneva, Switzerland **Untuk Kecemerlangan dan Inovasi dalam Kategori Emas**	**Anugerah "European Quality",** Oxford, United Kingdom	**Anugerah "World Business Leader** The BIZZ 2015", Muscat, Oman	Kedudukan ke-72 pada Kumpulan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) **100 Syarikat Tersenarai Awam Teratas 2015** berdasarkan ketelusan dan prestasi

PENYATA KEMAMPANAN

Dasar Awam

Kami memilih untuk menjadi sebuah syarikat yang beretika. Tatakelakuan kami menetapkan prinsip perniagaan kami dan memberi panduan kepada kakitangan bagaimana ia perlu diguna pakai. Bagi menggalakkan tadbir urus yang baik dan perniagaan yang bertanggungjawab, kami melaksanakan pelbagai tatakelakuan dan dasar-dasar. Sebagai pelengkap kepada Nilai-nilai Puncak, entiti-entiti di dalam Kumpulan melaksanakan Kod-kod dan Dasar-dasar berikut:

PNHB	Puncak Oil & Gas Sdn Bhd ("POG")	GOM Resources Sdn Bhd ("GOM Resources")	Operasi People's Republic of China ("PRC")	Puncak Niaga Construction Sdn Bhd ("PNCSB")
• Prosedur Operasi Piawaian • Dasar Pendedahan Korporat • Dasar Teknologi Maklumat (Dasar Lesen Perisian, Dasar Keselamatan IT dan Penyata Perisian Salinan) • Dasar Perhubungan Pelabur • Dasar Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar • Dasar Kualiti • Dasar Pengurusan Risiko • Dasar Gangguan Seksual • Dasar Kepelbagaian Jantina • Dasar Pemberitahuan Maklumat • Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat • Tatakelakuan - Lembaga Pengarah • Tatakelakuan - Kakitangan • Dasar Larangan Merokok • Piagam Lembaga Pengarah • Dasar Pengurusan Tenaga	• Prosedur Operasi Piawaian • Dasar Kualiti • Dasar Kesihatan, Keselamatan dan Perlindungan Alam Sekitar • Dasar Penyalahgunaan Dadah & Alkohol • Dasar Larangan Merokok • Dasar Henti Kerja untuk Keselamatan	• Prosedur Operasi Piawaian • Dasar Kualiti • Dasar Kesihatan, Keselamatan dan Perlindungan Alam Sekitar • Dasar Penyalahgunaan Dadah & Alkohol • Dasar Larangan Merokok • Dasar Henti Kerja untuk Keselamatan	• Dasar Pencegahan Rasuah • Prosedur Operasi Piawaian • Dasar Kawalan Kelahiran • Langkah-langkah Tindak Balas Kecemasan Kejadian Menyelamat	• Sistem Pengurusan Bersepadu • Penyata Dasar Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar (HSE) • Manual HSE • Tatacara HSE

Untuk maklumat lanjut berkenaan dasar-dasar Syarikat kami, sila layari laman web kami di www.puncakniaga.com.my.

SKOP

Skop Penyata Kemampanan ini adalah konsisten dengan skop Laporan Tahunan 2015. Kami telah mengecualikan para pembekal kerana kami tidak mempunyai kawalan operasi ke atas operasi perniagaan mereka.

PENGLIBATAN PEMEGANG KEPENTINGAN

Sepertimana yang ditetapkan dalam nilai-nilai Syarikat, iaitu Nilai-nilai Puncak, kami bertanggungjawab terhadap semua tindakan dan proses penglibatan kami dengan para pemegang kepentingan. Kami menggalakkan dialog dengan para pemegang kepentingan dan berusaha untuk memenuhi keperluan mereka.

Kami terlibat secara berterusan dalam dialog terbuka dengan pemegang kepentingan termasuk pembekal, pelanggan, penggubal dasar awam, badan-badan industri, organisasi bukan kerajaan ("NGO") dan pakar-pakar sektor. Kami memanfaatkan aset kami yang terpenting - kakitangan kami - bagi membantu menzahirkan matlamat kemampanan kami.

Model pengendalian kami turut menetapkan peraturan bagaimana kami perlu bekerjasama. Secara umumnya, model pengendalian kami menghuraikan bagaimana pelbagai unit perniagaan bertumpu untuk mengubah keperluan pelanggan, rakan niaga, kerajaan, pemegang kepentingan dan pemegang saham di peringkat yang lebih luas menjadi penciptaan nilai jangka panjang. Model pengendalian kami menjajarkan komponen perniagaan kami - unit perniagaan strategik dan fungsi-fungsi kumpulan kami - melalui suatu rantaian nilai yang bersepadu.

Asas dalam mengenal pasti dan memilih pemegang kepentingan yang terlibat dengan kami dibentuk secara dalaman. Kami menyenarai dan mengutamakan setiap kumpulan pemegang kepentingan berdasarkan kepentingan dan pengaruh mereka terhadap Kumpulan. Buat sekian kalinya, perkara yang mendasari perhubungan kami adalah perjalanan menuju pembangunan mampan. Walau di peringkat manapun kami berada, objektif kami adalah untuk menerap dan mengamalkan nilai pembangunan mampan agar mencapai matlamat-matlamat kolektif perniagaan kami.

PENYATA KEMAMPANAN

"PERNIAGAAN KAMI ADALAH BERDASARKAN INOVASI DAN KETELUSAN - BAHAN UTAMA UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PEMEGANG KEPENTINGAN YANG PELBAGAI."

Datuk Haji Syed Hisham Syed Wazir
Pengarah Urusan Kumpulan PNHB

PEMEGANG KEPENTINGAN UTAMA KAMI DAN BEBERAPA PENDEKATAN PENGLIBATAN SEPANJANG TAHUN LAPORAN

Kumpulan pemegang kepentingan	Kaedah penglibatan
Pekerja	• Kaji selidik • Mesyuarat awam tidak rasmi (town hall) • Tataetika • Program pembangunan masyarakat • Komunikasi dalaman • Perhimpunan dan mesyuarat bulanan kakitangan • Aktiviti rekreasi dan majlis keagamaan • Kajian prestasi
Pelabur	• Siaran akhbar • Mesyuarat
Komuniti setempat	• Mesyuarat awam tidak rasmi (town hall) • Program pembangunan masyarakat
Masyarakat madani	• Program pembangunan masyarakat • Siaran akhbar • Mesyuarat
Kerajaan	• Mesyuarat dan acara majlis
Media	• Program pembangunan masyarakat • Siaran akhbar • Pengiklanan
Pembekal	• Penilaian terhadap pembekal

Kami juga akan menambahbaik penilaian kami tentang bidang tumpuan penting pada tahun berikutnya sementara kami membuat pendedahan secara progresif.

ISU KEMAMPANAN PENTING YANG DIDEDAHKAN

Aspek	Isu penting
Ekonomi	• Mewujudkan Nilai Ekonomi (muka surat 61)
Alam Sekitar	• Amalan Pengurusan Sisa (muka surat 64) • Jejak Alam Sekitar Dalaman Kami - Tempat Kerja (muka surat 65) • Teknologi dan Inovasi (muka surat 65)
Sosial	• Kakitangan Kami (muka surat 67) • Kepelbagaian di Tempat Kerja (muka surat 67) • Faedah dan Pampasan (muka surat 68) • Mendengar Kakitangan Kami (muka surat 69) • Prestasi dan Penilaian (muka surat 69) • Komitmen terhadap Latihan (muka surat 69) • Hak Asasi Manusia (muka surat 70) • Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (muka surat 70) • Komuniti Setempat (muka surat 75)

Topik dan kemusykilan utama yang khusus dibangkitkan oleh para pemegang kepentingan kami menerusi usaha penglibatan dan maklumbalas Kumpulan terhadap isu di atas akan dibincangkan di seluruh laporan.

PENYATA
KEMAMPANAN

PRESTASI KEMAMPANAN BERKENAAN ISU PENTING
[MEWUJUDKAN NILAI EKONOMI]

Projek Pakej D44, Bunus - Loji Pemisahan "Slurry"

SEBAGAI PENGGIAT DALAM INDUSTRI PEMBINAAN, TANGGUNGJAWAB UNTUK MEWUJUDKAN KERJA TERLETAK PADA KAMI. KAMI MELONJAKKAN EKONOMI TEMPATAN DENGAN MEMBERI PELUANG PEKERJAAN KEPADA KOMUNITI SETEMPAT MENERUSI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI. PROJEK-PROJEK KAMI MENAMBAHBAIK KEHIDUPAN KOMUNITI YANG KAMI DEKATI DAN MEMANDANGKAN KAMI MELABUR DALAM PERTUMBUHAN JANGKA PANJANG YANG MAMPAN, MAKA KAMI MEMASTIKAN BAHAWA KUALITI MENJADI TUNJANG KEPADA PENZAHIRANNYA.

Pembinaan-PNCSB

PNCSB, syarikat subsidiari milik penuh PNHB telah beroperasi selama tiga tahun. Sebagai cabang pembinaan PNHB, PNCSB telah menyempurnakan dua projek bekalan air di Sarawak, masing-masing pada bulan Oktober dan Disember 2015. Buat masa ini PNCSB sedang mengendali satu projek bekalan air di Sabah dan sebuah projek pembetungan di Kuala Lumpur. PNCSB telah dianugerahkan pensijilan Sistem Pengurusan Bersepadu ("IMS") yang merupakan gabungan tiga sistem pengurusan, iaitu Kualiti, Alam Sekitar dan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, yang mula diusahakan oleh PNCSB pada pertengahan tahun 2014. Pada Januari 2015, PNCSB telah diperakui dengan IMS oleh URS Certification (M) Sdn Bhd.

PENYATA KEMAMPANAN

[PROJEK PAKEJ D44, BUNUS]

Projek Pakej D44, Bunus - Pandangan keseluruhan Stesen Pengepaman KLR 289

PNCSB BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP REKA BENTUK DAN PEMBINAAN RANGKAIAN PAIP PEMBETUNGAN DI BUNUS, KUALA LUMPUR ("PROJEK PAKEJ D44, BUNUS") SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA INISIATIF 'SUNGAI NADI KEHIDUPAN GREATER KUALA LUMPUR' DI BAWAH PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA ("NTP"). PROJEK INI BERMATLAMAT MEMBERI NAFAS BARU KEPADA KAWASAN SEKITAR DI SEPANJANG SUNGAI KLANG BAGI MENINGKATKAN IMEJ KUALA LUMPUR SEBAGAI SEBUAH HAB PERDAGANGAN DAN PELANCONGAN. KIRA-KIRA 1.1 JUTA ORANG DIJANGKA AKAN MERAIH MANFAAT DARIPADA PROJEK PAKEJ D44, BUNUS INI.

Kerja kami merangkumi kerja mereka bentuk dan membina rangkaian pembetungan di kawasan tadahan Bunus. Pembinaan tersebut meliputi kawasan perkhidmatan berkeluasan kira-kira 72 kilometer persegi dan ia termasuk Setapak, Ampang, Melawati, AU Keramat serta Dato Keramat. Projek ini akan menampung pembangunan pada masa hadapan dan menyediakan perkhidmatan pembetungan kepada masyarakat Kuala Lumpur dan Ampang Jaya. Projek bernilai RM394 juta ini dijangka siap pada 2018. Sumbangan-sumbangan kami kepada projek ini merangkumi:

- Kerja-kerja mereka bentuk dan membina pembetungan di kawasan tadahan Bunus
- Menaik taraf dua buah stesen pam pembetungan sedia ada
- Mengubah lima buah loji rawatan kumbahan ("LRK") sedia ada kepada stesen pam rangkaian baharu
- Menyahtauliah 73 buah atau lebih LRK
- Membina 632 buah lurang baharu
- Membina kira-kira 52km saluran kumbahan utama dan lateral yang baharu

Projek ini bakal menyaksikan paip kumbahan utama di LRK sedia ada disambungkan kepada LRK serantau di Bunus. Sehingga kini, projek yang bermula pada tahun 2014 ini sedang giat berjalan. Pembinaan dua rangkaian stesen pam sedang dilaksanakan dan paip kumbahan telahpun dipasang sejauh 6.1km. Aktiviti-aktiviti pembinaan dijangka mencapai kemuncaknya pada tahun 2016 dan 2017 dengan projek tersebut dijangka siap pada Februari 2018.

PENYATA KEMAMPANAN

Lawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan & Perancangan), Kementerian Wilayah Persekutuan ke tapak Projek Pakej D44, Bunus pada 5 Oktober 2015

Derrick Lay Barge 264 ("DLB 264") kepunyaan KGL Ltd

PNCSB berhadapan dengan banyak cabaran pada tahun 2015 disebabkan oleh persaingan sengit dalam industri pembinaan, peningkatan kos, projek-projek air dan air sisa yang terhad di pasaran, kemerosotan makroekonomi, pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST") serta persaingan daripada syarikat pembinaan lain yang mantap manakala sentiasa perlu mengendalikan kos.

Walau apa pun cabarannya, kami dapat bekerja dengan Kerajaan untuk menzahirkan projek yang menyokong dan memberi manfaat kepada masyarakat. Pada Februari 2014, melalui proses tender yang kompetitif, Bahagian Pembetungan di Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah memilih Kumpulan sebagai kontraktor bagi membina rangkaian paip pembetungan di Bunus, Kuala Lumpur, yang merupakan sebuah komponen projek 'Sungai Nadi Kehidupan' untuk Sg Klang yang meliputi Greater Kuala Lumpur.

PNCSB telah dianugerahkan projek Pengendalian Dan Penyelenggaraan ("O&M") Loji Pembersihan Air ("LPA") Kg Lawa Gadong, Beaufort, Sabah oleh Bahagian Air, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air melalui proses tender yang kompetitif dan pengendalian LPA tersebut telah diambil alih pada 1 Februari 2016. Tempoh O&M ialah selama tiga puluh enam (36) bulan.

Matlamat kami dalam memaksimumkan impak ekonomi diperkukuh menerusi penzahiran luar biasa kesemua projek kami.

Minyak dan Gas - POG, GOM Resources dan KGL Ltd ("KGL")

Sebagai segmen minyak dan gas bagi Kumpulan, POG menilai dan terlibat secara aktif dalam mencari peluang perniagaan yang berpotensi untuk memacu pertumbuhan Kumpulan melalui syarikat subsidiari milik penuhnya, GOM Resources dan KGL. Aktiviti utama KGL adalah penyewaan kapal luar pesisir berdasarkan carter masa.

GOM Resources adalah rakan niaga Petroliam Nasional Berhad ("Petronas") dan selama bertahun-tahun ini kami telah menjalin hubungan kerja yang baik dengan semua rakan niaga. Walau bagaimanapun, rakan niaga kami telah melaksanakan inisiatif pengurangan kos berikutan merudumnya harga minyak mentah. Kejatuhan menjunam harga minyak mentah dunia sepanjang lapan belas (18) bulan yang lalu telah mengakibatkan pengurangan hasil yang ketara bagi kebanyakan negara pengeksport tenaga. Bagi Malaysia, kejatuhan harga minyak dunia telah memberi kesan buruk terhadap ekonomi negara disebabkan oleh penurunan dalam keluaran dalam negara kasar.

Disebabkan oleh kejatuhan harga minyak mentah yang ketara, ditambah pula ketiadaan projek-projek yang diperolehi pada tahun 2015, ia amat sukar untuk mengekalkan aktiviti-aktiviti pengendalian seperti biasa oleh Bahagian Minyak dan Gas kami. Kumpulan telah melaksanakan kawalan saiz untuk mengurangkan kos-kos melibatkan kakitangan dan operasi ke tahap yang minima kerana Kumpulan mengkaji kedudukannya di dalam sektor yang dijangka akan lebih mencabar pada tahun 2016 dan seterusnya.

PENYATA
KEMAMPANAN

PRESTASI KEMAMPANAN BERKENAAN ISU PENTING
[NILAI ALAM SEKITAR]

Tangki Enapan di LPA Kg Lawa Gadong, Beaufort, Sabah

TUMPUAN KAMI TERHADAP PEMBANGUNAN MAMPAN MEMASTIKAN BAHAWA KAMI SENTIASA MEMANTAU DAN MENILAI IMPAK-IMPAK PERNIAGAAN KAMI TERHADAP ALAM SEKITAR. KAMI BERUSAHA MENGURANGKAN JEJAK ALAM SEKITAR KAMI MANAKALA MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI TINGGI. JUSTERU, KAMI BERILTIZAM UNTUK MELAKUKAN PENGURUSAN SISA DAN BAHAN SERTA MENJANAKAN KESAN ALAM SEKITAR YANG POSITIF MENERUSI TEKNOLOGI INOVATIF. KAMI TURUT BERUSAHA MENGURANGKAN JEJAK KARBON DAN ALAM SEKITAR KAMI DENGAN MENGURANGKAN PENGGUNAAN TENAGA DAN MEMINIMUMKAN PELEPASAN KARBON MELALUI PENGGUNAAN SUMBER SEMULA JADI SECARA LEBIH CEKAP.

Amalan Pengurusan Sisa

Sisa yang terhasil daripada aktiviti perniagaan kami secara umumnya terdiri daripada sisa kertas, bahan sisa pembinaan daripada projek dan program penyelenggaraan kami serta sisa buangan daripada aktiviti minyak dan gas. Dengan pematuhan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974, ("EQA"), kami memantau dengan teliti penghasilan sisa buangan kami dan kaedah pelupusan yang sepadan.

PENYATA KEMAMPANAN

Jejak Alam Sekitar Dalaman Kami - Tempat Kerja

Kami sedar tentang impak perniagaan kami terhadap alam sekitar. Justeru itu, kami telah melaksanakan beberapa inisiatif di tempat kerja yang mesra alam dan melibatkan kecekapan kos. Di PNHB dan Kumpulan, kami mengurangkan penggunaan kertas dengan menggalakkan penggunaan kertas kitar semula serta mencetak pada dua belah muka surat. Mesin fotokopi dengan ciri penjimatan tenaga seperti fungsi pemadaman automatik sementara ia tidak digunakan telah dibeli atau dipajak atau bagi menggantikan mesin fotokopi lama yang ada.

Bertempat di ibu pejabat kami di Wisma Rozali, penggunaan elektrik telah meningkat pada tahun 2015 kerana beberapa subsidiari Kumpulan beroperasi di bangunan tersebut. Di GOM Resources, penggunaan elektrik berkurangan sejak tiga tahun yang lalu sebahagian besarnya disebabkan oleh penggunaan sumber yang lebih cekap dan dengan budaya penjimatan tenaga yang tersemai di kalangan kakitangan.

PENGGUNAAN ELEKTRIK DI WISMA ROZALI DAN GOM RESOURCES

Syarikat	2013	2014	2015
Wisma Rozali	1,817,009 kWh	1,768,619 kWh	1,819,869 kWh
GOM Resources	154,447 kWh	148,507 kWh	136,245 kWh

Teknologi dan Inovasi

Dengan mengekalkan kelebihan teknologi, kami terus mengukuhkan kelebihan daya saing, khususnya dari segi proses inovasi yang memacu hasil dan kecekapan pengeluaran serta mengurangkan impak terhadap alam sekitar. Kami terus tertumpu kepada usaha menggalakkan penambahbaikan dalam produk dan perkhidmatan kami yang sedia ada. Tumpuan penting kepada fungsi teknologi turut memastikan kecemerlangan dalam pelaksanaan projek utama kami.

Pengambilan Air Mentah di LPA Sarikei, Sarawak

Menara Pengudaraan, Tangki Pencampuran Kilatan & Tangki Pengedaran Aliran

Jabatan Teknologi Maklumat ("ITD") yang bertempat di PNHB dan Bahagian Minyak & Gas terus merangka strategi inovatif yang mengurangkan kedua-dua kos pengendalian perniagaan dan jejak alam sekitar kami. ITD memahami dan menangani keperluan kakitangan kami. Justeru, ITD sentiasa mencipta penyelesaian bagi menyelesaikan masalah di seluruh syarikat demi meningkatkan kecekapan kerja di kalangan kakitangan. Bagi menyokong pertumbuhan mampan di syarikat kami, ITD telah menghasilkan pelan perniagaan sebagai panduan keutamaan kami bagi tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang.

Dari segi penyertaan dalam bidaan dan tender yang melibatkan banyak Bahagian-bahagian dan Jabatan-jabatan PNCSB, penggunaan kertas secara relatifnya adalah tinggi. Untuk menangani kelemahan ini, pasukan projek PNCSB dan ITD telah mewujudkan perkongsian folder dalam 'server'. Semua salinan yang diserahkan akan disimpan dalam bentuk salinan lembut melalui 'server' sebagai rujukan masa hadapan, lantas dapat mengurangkan penggunaan kertas dan menjimatkan kos mencetak dengan ketara.

Kami giat mencari kaedah untuk mengurangkan kos dan menghasilkan kecekapan kos bagi mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu, meningkatkan kecekapan dan memperkemaskan proses-proses. Akhirnya, penjimatan yang terhasil daripada pengurangan kos akan dilaburkan semula kepada warga kerja, proses-proses dan teknologi Kumpulan demi pertumbuhan mampan jangka panjang.

PENYATA
KEMAMPANAN

PRESTASI KEMAMPANAN BERKENAAN ISU PENTING
[NILAI KEPADA KAKITANGAN KAMI]

Aktiviti Pencarian Harta Karun PEKA

PADA TAHUN INI, KAMI TELAH MENGKAJI HALA TUJU PERNIAGAAN SYARIKAT DISEBABKAN PERUBAHAN YANG BERLAKU DALAM PERSEKITARAN OPERASI. PERUBAHAN TERSEBUT MEMBERI CABARAN BUAT KAKITANGAN KAMI, TERUTAMANYA KERANA MEREKA TERPAKSA BERHADAPAN DENGAN KEADAAN YANG TIDAK MENENTU YANG PERLU DIHARUNGI SELAMA BERBULAN-BULAN. NAMUN PUJIAN HARUS DIBERI KEPADA KAKITANGAN SERTA BUDAYA SYARIKAT KAMI SECARA KESELURUHANNYA KERANA IA TELAH MENYAKSIKAN KAMI SEMUA BERSAMA-SAMA MENEMPUH FASA INI DI DALAM PERJALANAN KORPORAT KAMI. SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI, KAMI MUNCUL LEBIH TEGUH DAN BERMOTIVASI BERPAKSIKAN SATU TUJUAN YANG FOKUS KEARAH MASA DEPAN SYARIKAT DAN KUMPULAN.

PENYATA KEMAMPANAN

Kakitangan Kami

Secara keseluruhannya kami memiliki budaya kerja yang teguh, mesra dan positif; kakitangan kami gembira bekerja untuk Syarikat dan dengan sesama sendiri dan mempunyai tahap pembabitan yang tinggi.

Salah satu sebab yang mengundang pembabitan kakitangan kami terletak pada cara bagaimana kami menguruskan kesihatan, keselamatan dan kepelbagaian warga kerja kami. Kami melakukan pelaburan yang agak besar dalam warga kerja kami, khususnya dalam proses keselamatan, kesejahteraan kakitangan, latihan dan pembangunan serta amalan penglibatan buruh yang bertaraf dunia. Keselamatan adalah suatu kemestian strategik bagi kemampanan operasi yang berdaya saing dan kami terus berusaha mencapai persekitaran operasi dengan kecederaan sifar. Amalan buruh kami yang terangkum tertumpu kepada kedua-dua warga kerja dan pembekal kami. Untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi, kami bukan sahaja memanfaat dan meningkatkan kepelbagaian demografi, tetapi juga kepelbagaian dalam kemahiran, perspektif dan idea warga kerja kami.

Pada 2016 kami akan melancarkan beberapa program yang bermatlamat memperkukuh dan memantapkan lagi budaya kami, di samping menerap dan mengukur perlakuan kami bagi memastikan kami bertindak sebagai satu pasukan dan menjadikan kepentingan pihak berkepentingan sebagai nadi penggerak dalam segala tindak-tanduk kami. Dengan membuat penyesuaian terhadap perkongsian nilai dan budaya korporat pada tahun 2016, kami akan memberi tumpuan terhadap usaha membangun dan mengekalkan bakat yang cemerlang serta menarik dan merekrut anggota baharu yang terbaik, demi perkembangan Kumpulan. Untuk mendorong perubahan budaya ini, para pemimpin kami memimpin melalui teladan dalam organisasi supaya benar-benar dapat memperjuangkan nilai serta budaya tersebut.

Kepelbagaian di Tempat Kerja

Kepelbagaian tenaga kerja daripada pelbagai latar belakang akademik, pengalaman, kemahiran, bahasa dan fahaman budaya dapat menyelesaikan masalah di tempat kerja dengan cekap dan membolehkan Kumpulan mencipta pengalaman kerja yang tidak dapat dilupakan. Kepelbagaian jantina merangkumi, tetapi tidak terhad kepada usia, etnik dan latar budaya. Ia melibatkan usaha mengenal pasti dan menilai sumbangan, kemahiran, pengalaman dan bakat daripada latar belakang dan kemahiran yang berbeza.

Kumpulan berdedikasi dalam menggalakkan kepelbagaian jantina di tempat kerja dengan tersedianya Dasar Kepelbagaian Jantina.

Kumpulan mengiktiraf kepelbagaian jantina dan menyokong aspirasi negara untuk menyediakan peluang sama rata kepada kedua-dua kakitangan lelaki dan wanita. Kami percaya bahawa kejayaan serta daya saing kami bergantung kepada keupayaan organisasi untuk menerima kepelbagaian dan mempergunakan sebaiknya faedah bagi meningkatkan prestasi, menambah baik pengekalan kakitangan, memperoleh sudut pandangan serta idea yang berbeza dan meraih keuntungan daripada semua bakat.

Tanggungjawab untuk mewujudkan persekitaran yang bebas daripada segala bentuk diskriminasi jantina terletak di tangan pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan. Semua kakitangan diberi peluang untuk memajukan kerjaya mereka tanpa mengira usia, etnik, latar budaya serta ciri-ciri lain yang menjadikan kakitangan kami unik. Kami sentiasa berusaha untuk menambah perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah dan di peringkat Pengurusan Kanan Kumpulan. Pada 2015, peratusan wanita di peringkat pengurusan di seluruh Kumpulan berjumlah 33.1%. Lembaga Pengarah bersama-sama Pihak Pengurusan, sentiasa mengkaji hala tuju strategik dalam Dasar Kepelbagaian Jantina kami agar dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang yang muncul.

PECAHAN BUTIRAN KUMPULAN MENGIKUT JANTINA



PECAHAN BUTIRAN KUMPULAN MENGIKUT JAWATAN



PECAHAN BUTIRAN KUMPULAN MENGIKUT USIA



PENYATA KEMAMPANAN

PECAHAN BUTIRAN KUMPULAN MENGIKUT ETNIK



PECAHAN BUTIRAN KUMPULAN MENGIKUT KEWARGANEGARAAN



Kadar Pusing Ganti

Kadar pusing ganti Kumpulan pada tahun 2015 berada pada 22.07%. Tindakan pensaizan wajar di dalam Kumpulan POG memberi impak secara serdahana kepada kadar pusing ganti kami. Kami juga terus komited dalam memantau kadar pusing ganti kakitangan bagi memastikan tempat kerja yang inklusif untuk semua.

Faedah dan Pampasan

Bagi tujuan pengambilan kerja dan mengekalkan bakat terbaik, kami komited untuk menyediakan kakitangan kami faedah dan pampasan yang menyeluruh. Menerusi Persekutuan Majikan-majikan Malaysia ("MEF") serta sumber luar yang lain, kami sentiasa mengkaji dan menanda aras pakej faedah dan pampasan kami berbanding piawaian industri. Kami prihatin terhadap kakitangan kami dan menjaga kebajikan mereka. Kesihatan kakitangan kami dan anggota keluarga terdekat mereka juga dijaga menerusi perlindungan insurans. Kami turut menawarkan bantuan kewangan seperti pinjaman peribadi serta subsidi ke atas faedah pinjaman perumahan dan kereta kepada kakitangan kami. Faedah dan pampasan ini merangkumi:

- Pakej gaji yang kompetitif
- Perlindungan insurans yang menyeluruh untuk kakitangan dan anggota keluarga terdekat mereka
- Subsidi ke atas faedah pinjaman perumahan dan kereta
- Skim pinjaman bantuan pendidikan tanpa faedah
- Tabung Kebajikan
- Pinjaman komputer peribadi
- Pinjaman peribadi
- Faedah perubatan yang meliputi rawatan pesakit luar, kemasukan ke hospital dan pembedahan, pergigian dan faedah bersalin sehingga lima orang anak
- Kadar caruman berkanun yang tinggi bagi majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") untuk kakitangan yang telah berkhidmat lebih dari dua tahun

Bagi operasi kami di PRC, kami mematuhi kadar gaji minimum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan PRC dan memberi pampasan yang memadai kepada kakitangan kami. Semua kakitangan PRC diambil bekerja atas dasar kontrak, namun mereka berhak mendapat bayaran lebih masa, cuti sebagai ganti, elaun kebajikan, caruman dana persaraan, caruman dana pengangguran, insurans perubatan, insurans kecederaan pekerjaan dan insurans bersalin, seperti yang telah ditetapkan oleh Undang-undang Buruh dan Akta Caruman Sosial PRC. Kos perubatan bagi kakitangan PRC tempatan dilindungi oleh pelan Caruman Insurans Perubatan PRC. Kami mematuhi dasar umur minimum seperti yang termaktub di bawah Undang-undang Buruh PRC dan hanya mengambil pekerja yang berusia 18 tahun ke atas. Kakitangan ekspatriat ditawarkan pelan insurans kemasukan ke hospital, perubatan serta insurans peribadi. Elaun sara diri turut diberikan kepada kakitangan PRC kami untuk sebarang tugas di luar daerah.

Pakej faedah dan pampasan bertindak sebagai strategi untuk mengekalkan dan memberi ganjaran kepada kakitangan yang setia serta berdedikasi dan dalam mengambil bekerja bakat baharu.

Seorang kakitangan menerima Anugerah Lama Berkhidmat daripada Pengerusi Eksekutif, YBhg Tan Sri Rozali Ismail

PENYATA KEMAMPANAN

Mendengar Kakitangan Kami

Kami membina dialog yang berkualiti dengan kakitangan dan kami menghargai pendapat mereka. Kami sentiasa melibatkan diri dengan mereka melalui pelbagai cara, termasuk melalui Program Transformasi Bermotivasi, perhimpunan bulanan kakitangan, aktiviti rekreasi dan majlis keagamaan. Kami juga memudahkan perkongsian bersama ilmu pengetahuan dan maklumat di tempat kerja antara pihak Pengurusan dan kakitangan. Kesimpulannya, kami ingin mewujudkan semangat kekitaan terhadap Kumpulan di kalangan kakitangan.

Prestasi dan Penilaian

Kumpulan menyokong kemajuan peribadi dan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan kakitangan. Kami mengendali penilaian prestasi untuk semua kakitangan di seluruh Kumpulan, kecuali bagi kakitangan yang bekerja di operasi PRC. Prestasi kakitangan ini dinilai setiap setengah tahun.

Bagi Kumpulan PNHB, Jawatankuasa Bebas Kajian Prestasi Kakitangan ("IEPRC") PNHB bertanggungjawab mengkaji, menilai dan menyelaras penilaian serta kadar skor yang diberikan oleh Ketua Jabatan/Bahagian. Saranan muktamad IEPRC diserahkan kepada Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") PNHB dan akhirnya, kepada Lembaga Pengarah PNHB untuk mendapatkan kelulusan dan keputusan mengenai ganjaran yang sesuai berdasarkan prestasi individu setiap kakitangan dan juga prestasi Syarikat. Ia turut mencadangkan pelan tindakan yang bersesuaian untuk mana-mana kakitangan yang tidak memenuhi tuntutan prestasi Syarikat.

Kakitangan dengan prestasi yang kurang memuaskan akan menjalani Program Penambahbaikan Prestasi ("PIP") dengan kaunseling diberikan oleh Ketua Bahagian serta Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran bagi memperbaiki prestasi mereka. Prestasi akan dikaji semula pada setiap bulan untuk tempoh enam bulan.

Komitmen terhadap Latihan

Dengan berkembangnya perniagaan, maka begitulah juga kakitangan kami. Kami memberi mereka latihan yang relevan bagi memastikan mereka memiliki keupayaan yang lebih baik untuk memenuhi keperluan kerja dan mencapai jangkaan pemegang kepentingan. Pada 2015, kakitangan kami telah diberi latihan dalaman dan luar agar dapat memaksimumkan potensi serta produktiviti mereka di tempat kerja.

Sebuah Program Induksi ("IP") yang menyeluruh telah dirangka supaya kakitangan baharu dapat membiasakan diri dengan tugas serta persekitaran kerja dalam Kumpulan.



PENYATA KEMAMPANAN

JUMLAH PERBELANJAAN LATIHAN KUMPULAN PADA 2015

RM490,286

Jenis program latihan yang dikendali untuk kakitangan kami pada 2015 termasuk:

1. Perkembangan Individu dan Kepimpinan
   a. Matlamat: untuk meningkatkan tahap keyakinan dan membangunkan kepimpinan di kalangan kakitangan kami
2. Pengetahuan Fungsi
   a. Matlamat: untuk membangunkan secara berterusan dan meningkatkan kemahiran, kecekapan dan pengetahuan kakitangan kami
3. Pengetahuan Tambahan
   a. Matlamat: untuk meningkatkan kecekapan kakitangan
4. Program Pentauliahan
   a. Matlamat: untuk menghasilkan kakitangan bertauliah

Pada 2015, beberapa latihan dan taklimat kesihatan serta keselamatan telah dikendalikan oleh Kumpulan.

Hak Asasi Manusia

Tidak ada kejadian buruh kanak-kanak, dan buruh paksa atau buruh wajib dalam Kumpulan PNHB. Tiada sebarang pelanggaran hak asasi manusia yang melibatkan hak orang asli pada bila-bila masa dalam sejarah Kumpulan.

Kami mengutamakan kesihatan dan keselamatan. Kami menumpukan perhatian kepada usaha mewujudkan persekitaran kerja yang selamat untuk kakitangan dan pelanggan kami. Oleh itu, kami telah menubuhkan pasukan Polis Bantuan dalaman sejak 9 Jun 2006. Pasukan Polis Bantuan kami telah dilatih sepenuhnya oleh Polis Diraja Malaysia ("PDRM") yang memberi kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan pengawalseliaan.

Objektif penubuhan pasukan Polis Bantuan ini adalah untuk:

- Meningkatkan perkhidmatan keselamatan PNHB
- Mewujud dan memelihara persekitaran kerja yang selamat
- Melindungi pejabat-pejabat, harta-harta dan aset-aset Kumpulan

Tugas utama Polis Bantuan PNHB adalah untuk menjaga semua aspek keselamatan operasi kami. Pada 2015, bilangan Polis Bantuan dan Pengawal Keselamatan adalah berjumlah 34 orang. Mereka ditempatkan di pejabat, kawasan hartanah serta lokasi lain milik Kumpulan PNHB. Selain daripada tugas keselamatan yang umum, Polis Bantuan ini juga menjalankan tugas untuk membangunkan kepercayaan PNHB, Kerajaan dan orang ramai apabila perlu. Kami membentuk ikatan yang kukuh terhadap Kerajaan dan orang ramai menerusi operasi pasukan Polis Bantuan.

Polis Bantuan melakukan tugas pencegahan jenayah seperti berikut:-

- Tugas mengawal kawasan, rondaan dan kawalan statik
- Kawalan orang ramai dan pemeriksaan individu serta kenderaan
- Melindungi dan mengiringi harta majikan
- Mengesan dan menangkap pesalah
- Membantu PDRM menjalankan rondaan bersama di kawasan tertentu di bawah Bidang-Bidang Keberhasilan Utama Negara ("NKRA")
- Menyertai aktiviti rasmi PDRM atas jemputan

Pada tahun 2015, pasukan Polis Bantuan kami terus memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada PNHB dan Kumpulan. Polis Bantuan ini juga menjalin kerjasama erat dengan PDRM serta pihak berkuasa tempatan dalam mengendali sebarang isu keselamatan. Polis Bantuan ini diberi latihan mengenai amalan keselamatan beretika supaya mereka menyedari impak mereka terhadap isu keselamatan dan hak asasi manusia.

Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

Kesihatan dan keselamatan sentiasa menjadi kepentingan utama di saat kami mengendalikan perniagaan. Dalam sektor pembinaan serta minyak dan gas, kesihatan dan keselamatan disepadukan dalam semua proses dan sistem. Kami telah menyediakan rangka kerja kesihatan dan keselamatan yang sesuai untuk menguruskan isu yang tidak dijangka dan memelihara operasi perniagaan biasa.

Di GOM Resources, sebuah Sistem Pengurusan Bersepadu ("IMS") yang terdiri daripada perkara berikut, telah dirumus bagi menghapus dan meminimumkan risiko di tempat kerja:

- ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti
- ISO 14001:2004 Sistem Pengurusan Alam Sekitar
- ISO/TS 29001:2010 (Industri Petroleum, Petrokimia dan Gas Asli - Sistem Kualiti Khusus mengikut Seksyen)
- OHSAS 18001:2007 Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

PENYATA KEMAMPANAN

Di PNCSB, sebuah Sistem Pengurusan Bersepadu yang merangkumi perkara berikut telah dirumus bagi menghapuskan dan meminimumkan risiko di tempat kerja:

- ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti
- ISO 14001:2004 Sistem Pengurusan Alam Sekitar
- OHSAS 18001:2007 Piawaian Siri Penilaian Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- Akta Kilang dan Jentera 1967
- Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
- Akta Bekalan Elektrik 1990, Akta 447
- Rancangan Pengurusan Lalu Lintas: JKR Arahan Teknik Klausa 1.20 (Menyelenggara jalan sedia ada & perlindungan lalu lintas) di JKR I SPJ I 1988 (Spesifikasi Standard untuk Kerja-kerja Membaiki Jalan)
- Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Akta 341
- Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171

Kecederaan Masa Hilang ("LTI")

Bagi GOM Resources dan PNCSB, LTI yang direkodkan pada 2015 adalah seperti berikut:

LTI MELALUI JENIS KECEDERAAN

Jenis Kecederaan	GOM Resources	PNCSB
Kematian	0	0
Kes Hilang Waktu Kerja ("LWC")	0	0
Kes Rawatan Perubatan	0	0
Kes Pertolongan Cemas	0	0
Hampir Cedera	0	0
Kerosakan Harta Benda	1	0
Penyakit Akibat Kerja	0	0
Jumlah Kejadian	1	0
Jam Manusia Bebas LTI Terkumpul	1,492,774	679,693

GOM Resources telah mencapai 1 juta jam-kerja bebas LTI pada 24 Januari 2015 dan sebelum ini ia merupakan pemegang rekod jam manusia bebas LTI terbaik dari 1 September 2010 sehingga 10 April 2014 dengan catatan 5,111,218 jam manusia.

Pada tahun 2015, GOM Resources telah memperolehi sijil pembaharuan tiga tahun Syarikat Kontraktor Gas - Talian Paip daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) bagi membolehkan GOM Resources meneruskan kerja pemasangan talian paip sehingga Januari 2019.

Di PNCSB, kami telah mewujudkan dan mengekalkan tempat kerja yang sihat dan selamat menerusi aktiviti berikut:

- Induksi/Orientasi di tapak kerja
- Pertolongan Cemas/Resusitasi Kardiopulmonari ("CPR")
- Pelan Tindakan Kecemasan
- Peralatan Pelindung Diri ("PPE") & Alat Keselamatan
- Pemberitahuan Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan ("NADOPOD")
- Keselamatan Jalan Raya
- Latihan Kebakaran
- Mengemas kini peti bantuan kebakaran
- Taklimat kotak peralatan
- Pemeriksaan keselamatan di tapak

Semasa kami melakukan pemeriksaan keselamatan di tapak kerja dan taklimat kotak peralatan, kami sentiasa mencari jalan untuk menambah baik amalan kesihatan dan keselamatan kami. Kami menggalakkan kakitangan untuk menjaga pengemasan dan memakai PPE setiap masa. Apabila kami melaksanakan projek pemasangan paip, kami sentiasa memastikan terdapat papan tanda keselamatan yang mencukupi. Penjaga isyarat sentiasa ditempatkan di penjuru jalan, iaitu tempat pemasangan paip dijalankan. Kami mencadangkan kepada kakitangan cara untuk melakukan pernambahbaikan agar dapat meminimumkan insiden kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. Kami ingin memastikan keselamatan kakitangan kami di tempat kerja.

PEKA

Kami prihatin tentang kesejahteraan kakitangan dan kami menggalakkan kakitangan kami mengambil bahagian dalam kegiatan komuniti demi kebaikan mereka sendiri di samping memupuk silatulhrahim di kalangan kakitangan dan komuniti setempat di kawasan Kumpulan beroperasi. Sehubungan itu, Persatuan Kakitangan Kumpulan Syarikat Puncak Niaga ("PEKA") telah ditubuhkan bagi mengendali acara kemasyarakatan untuk kakitangan Kumpulan PNHB.

Pada tahun 2015, PEKA telah menganjur dan mengambil bahagian dalam sejumlah 15 acara yang meliputi kegiatan keagamaan, sukan dan kebajikan untuk kakitangan kami, termasuk Pertandingan Futsal, Program Wakaf Telekung, Program Lawatan Anak-anak ke Kidzania, Pertandingan Tembak Bebola Cat (Paintball), Program Wakaf Karpet, Program Bubur Lambuk, Pertandingan Badminton, Pertandingan Bowling, Malaysia Day Ride, Majlis Ibadah Korban, Program Fiesta Bikers dan aktiviti Pencarian Harta Karun PEKA.

PENYATA KEMAMPANAN

[PEKA – AKTIVITI BAGI ANAK-ANAK KAKITANGAN KAMI]

Anak-anak kakitangan mengunjungi Kidzania pada 10 Jun 2015

SEPERTI TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA, PEKA TELAH MENGANJURKAN LAWATAN KE KIDZANIA SEMASA CUTI SEKOLAH YANG MELIBATKAN ANAK-ANAK KAKITANGAN PADA 10 JUN 2015. SERAMAI 110 KANAK-KANAK (BERUMUR ANTARA LAPAN HINGGA DUA BELAS TAHUN) TELAH MENYERTAI PROGRAM PEMBELAJARAN YANG MENYERONOKKAN INI.

Semasa berlangsungnya kegiatan ini, kanak-kanak tersebut berpeluang mengambil bahagian dalam aktiviti bermain peranan dan merasai pengalaman sebenar sesuatu profesion seperti juruterbang, doktor, doktor gigi, hakim, peguam, polis dan anggota bomba.

PENYATA
KEMAMPANAN

PRESTASI KEMAMPANAN BERKENAAN ISU PENTING
[NILAI KEPADA KOMUNITI KAMI]

Para pelajar Sekolah Rendah Agama Gendangsa mengunjungi Wisma Rozali

BIDANG TUMPUAN UTAMA ADALAH UNTUK MENZAHIRKAN NILAI KEPADA KOMUNITI KAMI BERDASARKAN KEPENTINGAN UNTUK MENGIMBANGI OBJEKTIF MASA KINI DENGAN KEPENTINGAN GENERASI AKAN DATANG. KAMI PERLU TERUS MENAMBAH PELABURAN DALAM INSAN DAN KHUSUSNYA TERHADAP GOLONGAN REMAJA, BAGI MENGGALAKKAN KETERANGKUMAN DAN MEMPERKASAKAN MASYARAKAT MASA DEPAN. SUMBANGAN LEBIH LUAS YANG INGIN KAMI LAKUKAN UNTUK MASYARAKAT ADALAH KRITIKAL KEPADA KESINAMBUNGAN KAMI UNTUK BEROPERASI.

Semasa tempoh pelaporan, kami telah melakukan semakan terhadap Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat ("CSR") agar ia lebih menyeluruh dan mutakhir. Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, kami komited terhadap tanggungjawab kami dan dalam mengatur langkah ke hadapan, dasar yang telah disemak akan dijadikan panduan.

PENYATA KEMAMPANAN

DASAR CSR KAMI MENYENTUH PELBAGAI BIDANG SEPERTI BERIKUT:

ALAM SEKITAR

Kami menyokong kemampanan alam sekitar melalui pengurusan operasi dan aktiviti harian kami secara bertanggungjawab bagi meminimumkan aktiviti yang boleh menjejaskan alam sekitar dan alam semulajadi. Kami menyokong pendekatan berjaga-jaga terhadap cabaran alam sekitar, melaksanakan inisiatif yang mendorong sikap lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan menggalakkan pembangunan serta penyebaran teknologi yang bersifat mesra alam.

KOMUNITI

Kami menyokong sifat dermawan dan sumbangan kebajikan, sokongan dan penglibatan aktif dengan komuniti setempat melalui inisiatif kesukarelawanan dan program-program lain. Kami juga menyokong dan menggalakkan kakitangan kami membantu organisasi dan aktiviti komuniti setempat di kawasan di mana kami beroperasi.

PEMEGANG KEPENTINGAN

Kami menjaga kepentingan dan keutamaan para pemegang kepentingan serta mengurus risiko untuk memaksimumkan keuntungan demi kejayaan dan pertumbuhan Syarikat.

KAKITANGAN

Kami menghormati hak dan kepelbagaian kakitangan kami, tanpa mengira bangsa serta jantina, sambil menyediakan tempat kerja yang dinamik serta kesamarataan peluang, meninggikan lagi kepuasan kakitangan serta mempertingkatkan modal intelek melalui pelaburan berterusan dalam latihan dan pembangunan kemahiran kakitangan demi pertumbuhan kuantum Syarikat.

USAHA SAMA STRATEGIK DAN PENINGKATAN PENGETAHUAN DI SEMUA PERINGKAT

Kami menggalakkan pembelajaran berterusan dan peningkatan pengetahuan di semua peringkat melalui usaha sama dengan institusi pengajian tinggi dan perbadanan tempatan dan antarabangsa.

KAMI JUGA BERAZAM BUKAN HANYA UNTUK MENGEKALKAN PIAWAIAN ETIKA TERTINGGI, MALAH MENCAPAI KEMAMPANAN DALAM OPERASI DAN IMPAK KAMI TERHADAP ALAM SEKITAR UNTUK FAEDAH PARA PELANGGAN, PEMEGANG SAHAM, PEMEGANG KEPENTINGAN DAN RAKAN SEKUTU PERNIAGAAN KAMI. KAMI PERCAYA BAHAWA AMALAN PERNIAGAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB DAPAT MENAMBAHKAN NILAI, MENINGKATKAN DAYA SAING, MEMANTAPKAN REPUTASI SERTA MENAMBAHBAIK JENAMA DAN NILAI PEMEGANG KEPENTINGAN DEMI KECEMERLANGAN PERNIAGAAN DAN KEMAMPANAN KORPORAT.

PENYATA KEMAMPANAN

Komuniti Setempat

Komuniti setempat adalah penting kepada perniagaan kami. Kami memberi sepenuh tumpuan untuk menghasilkan impak positif di kawasan-kawasan di mana kami berada. Selain mengembangkan perniagaan dari segi keuntungan, kami merupakan warga korporat yang bertanggungjawab. Kami ingin mendekati komuniti setempat menerusi kegiatan tanggungjawab sosial korporat. Dasar Tanggungjawab Sosial Korporat ("CSR") Kumpulan menetapkan hala tuju strategik untuk acara-acara penglibatan komuniti kami serta mengukuhkan lagi kehadiran Kumpulan di dalam komuniti setempat. Pada tahun 2015, Kumpulan telah membelanjakan lebih RM17.9 juta untuk Inisiatif Komuniti.

Sistem Penulenan Air Mudah Alih Jernih (JERNIH)

Kami sentiasa terlibat dengan para pemegang kepentingan dan menjalin hubungan strategik agar dapat menyumbang kepada teknologi perkhidmatan air. JERNIH, sistem penulenan air mudah alih adalah contoh yang baik yang telah dibangunkan dan dihasilkan bersama oleh Angkatan Tentera Malaysia dan Kumpulan. JERNIH berupaya menghasilkan 3,000 liter air terawat sehari dan mudah dibawa ke mana sahaja. Buat masa ini, ia digunakan sebagai sebahagian daripada program-program penglibatan kami bersama masyarakat.

Pada 2015, JERNIH telah menerima pengiktirafan antarabangsa dengan memenangi Anugerah Platinum dan Anugerah Emas 3 Bintang semasa berlangsungnya "International Exposition On Team Excellence - IETEX 2015" di Singapura.

Beberapa Acara Melibatkan Komuniti

Berikut adalah beberapa aktiviti yang dijalankan oleh Kumpulan pada 2015 yang mengundang penglibatan komuniti:

- Pada 18 Januari 2015, Kumpulan PNHB telah menyampaikan sumbangan tunai sebagai sebahagian daripada usaha membantu negeri Kelantan yang dilanda banjir.
- Pada 18 April 2015, Kelab Briged Penyelamat Sungai Puncak Niaga ("BPS") telah menganjurkan 'Walkaton BPS - Jimat Air Untuk Masa Depan' di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam sempena sambutan 'Hari Air Sedunia 2015'.
- Pada 20 April 2015, bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Sri Aman, PNHB menaja 'Program Pulihara Alam Sekitar' yang menyokong usaha memulihara alam persekitaran.
- Dari 25 Mei 2015 sehingga 18 Jun 2015, PEKA mengendali 'Program Wakaf Telekung' dan menderma sebanyak 106 pasang telekung diwakafkan kepada beberapa buah surau di stesen petrol serta kawasan hentian rehat.
- Pada 6, 8, 9 dan 13 Julai 2015, PEKA menganjurkan Kunjungan Muhibah yang melibatkan lapan buah keluarga angkat dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.
- Pada 7 Julai 2015, PEKA mengelola 'Progam Bubur Lambuk' sempena bulan puasa untuk memupuk semangat muhibah pada bulan Ramadan yang mulia.
- Pada 13 Julai 2015, PEKA mengunjungi keluarga angkatnya, iaitu keluarga Allahyarham Muhammad Noor (pejabat Pulau Pinang) dan keluarga Allahyarham Sarjan Sabaruddin, Wira Negara yang terkorban di Lahad Datu untuk menyampaikan sumbangan tunai berserta hamper.
- Pada 4 Ogos 2015, PNHB telah diundang oleh pihak Universiti Pengurusan & Sains (MSU) untuk mengendali taklimat dua hari berkenaan kepentingan Pengurusan Bencana.
- Pada 24 September 2015, PEKA, dengan kerjasama Masjid Puncak Alam telah menganjurkan Majlis Ibadah Korban PEKA 2015 dan mengagihkan sehingga 1,300 kg daging lembu korban kepada para peserta dan ahli Qariah Bandar Puncak Alam.
- Pada 23 Disember 2015, PEKA mengunjungi keluarga Allahyarham Muhammad Noor (pejabat Pulau Pinang) yang menjadi keluarga angkatnya, dan menyampaikan sumbangan tunai berserta hamper.
- Pada 31 Disember 2015, PEKA mengunjungi keluarga angkatnya, iaitu keluarga Allahyarham Sarjan Sabaruddin, Wira Negara yang terkorban di Lahad Datu untuk menyampaikan sumbangan tunai berserta hamper.

Sumbangan Hari Raya kepada keluarga angkat

YBhg Puan Sri Faridah Idris, isteri kepada Pengerusi Eksekutif kami menghadiri program CSR pada tahun 2015

ACARA-ACARA KORPORAT

5 JANUARI

14 JANUARI

22 MAC

14 APRIL

21 APRIL

1 JUN

27 JULAI

4 OGOS

9 -10 SEPTEMBER

ACARA-ACARA KORPORAT

18 OKTOBER

1 NOVEMBER

26 NOVEMBER

5 JANUARI 2015
Majlis pembukaan meraikan 20 Tahun Kecemerlangan PNSB

7 JANUARI 2015
Mesyuarat Agung Luar Biasa PNHB

14 JANUARI 2015
PNHB memperluas kerjasama dengan Universiti Pengurusan & Sains dari pelbagai aspek bidang akademik dengan termeterainya Perjanjian Memorandum ("MoA")

22 MAC 2015
PNHB telah dikurniakan anugerah 'Kecemerlangan dan Inovasi' dalam kategori Emas pada majlis anugerah 'Century International Quality ERA ("CQE'") yang diadakan di Geneva, Switzerland

14 APRIL 2015
Kunjungan para perwakilan daripada Kementerian Air, Republik Bersatu Tanzania ke Loji Pembersihan Air Bukit Nanas PNSB

18 APRIL 2015
'Walkaton BPS - Jimat Air untuk Masa Depan' telah dianjurkan oleh Kelab Briged Penyelamat Sungai Puncak Niaga ("BPS") di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam bersempena "Hari Air Sedunia 2015"

21 APRIL 2015
PNHB telah dianugerahkan 'European Quality Award' ("EQA"), Oxford, United Kingdom

1 JUN 2015
Kunjungan para pelajar dari Sekolah Rendah Agama Gedangsa yang mengadakan lawatan sambil belajar di Ibu Pejabat PNHB di Wisma Rozali

16 JUN 2015
Mesyuarat Agung Tahunan ke-18 PNHB

27 JULAI 2015
PNHB menaja para pelajar daripada Bahagian Pengajian Prasiswazah Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia ("UPM") untuk 'Program Mobiliti Global: UPM ke Guilin University of Technology, China'

4 OGOS 2015
PNHB telah diundang oleh pihak Universiti Pengurusan & Sains untuk mengendali taklimat tentang kepentingan Pengurusan Bencana

9 - 10 SEPTEMBER 2015
PNHB dan Angkatan Tentera Malaysia telah memenangi 'Anugerah Emas 3 Bintang' dan 'Anugerah Platinum' semasa berlangsungnya 'International Exposition On Team Excellence - IETEX 2015' di Singapura

15 OKTOBER 2015
Selesainya Cadangan Penjualan PNSB dan SYABAS kepada Air Selangor, sejajar dengan penstrukturan semula industri air di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta Putrajaya

18 OKTOBER 2015
PNHB menerima anugerah 'World Business Leader, The Bizz 2015 Award', semasa berlangsungnya 'Bizz Arabic 2015' yang diadakan di Muscat, Oman

1 NOVEMBER 2015
PNHB menyertai 'Fiesta Bikers' yang dianjurkan bersama oleh Storm Rider Motor Club ("SRMC") dan Jabatan Pengangkutan Jalan ("JPJ") Selangor, bertempat di Stadium Shah Alam

26 NOVEMBER 2015
PNHB telah dikurniakan 'Anugerah Kecemerlangan Industri untuk Syarikat Pembinaan & Projek Infrastruktur' oleh Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan ("NACRA") untuk Laporan Tahunan 2014.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PENYATA PEMATUHAN

Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi di Puncak Niaga. Penyata ini memperlihatkan komitmen jitu Lembaga Pengarah dalam menggalak dan memupuk keteguhan budaya tadbir urus korporat yang baik demi kejayaan yang berterusan dan kemampanan pertumbuhan ekonomi Kumpulan serta kebertanggungjawabannya terhadap para pemegang saham dan pemegang kepentingannya.

Pada tahun 2015, Puncak Niaga telah mematuhi prinsip-prinsip Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 ("MCCG 2012"), kecuali berkenaan saranan tempoh perkhidmatan Pengarah Bebas yang tidak harus melebihi tempoh terkumpul sembilan (9) tahun dan komposisi Lembaga Pengarah yang sebahagian besarnya hendaklah terdiri daripada Pengarah Bebas, dimana Pengerusi Lembaga Pengarah bukan seorang Pengarah Bebas.

Kumpulan percaya bahawa prinsip tadbir urus korporat yang baik adalah penting kepada pertumbuhan dan keupayaan Puncak Niaga bagi memupuk keyakinan di kalangan para pemegang kepentingannya serta meningkatkan nilai para pemegang saham untuk jangka panjang menerusi penambahbaikan prestasi korporat dan kebertanggungjawaban Puncak Niaga manakala mengambilkira kepentingan semua pemegang kepentingan. Justeru itu, Lembaga Pengarah komited untuk memastikan bahawa dimana yang mungkin, prinsip dan saranan MCCG 2012 akan diguna pakai di seluruh Kumpulan Puncak Niaga, demi menjaga kepentingan semua pemegang kepentingan.

Sejak tahun 2003, Lembaga Pengarah telah menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah yang memberi panduan bagaimana untuk mengendalikan perniagaan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan piawaian tadbir urus korporat yang baik. Pada tahun 2004, Lembaga Pengarah juga telah menerima pakai Dasar dan Prosedur Pendedahan Korporat yang dirumus sejajar dengan 'Panduan Amalan Terbaik Dalam Pendedahan Korporat' yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas berkenaan Amalan Terbaik Pendedahan Korporat yang ditubuhkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"). Dari semasa ke semasa, Kumpulan terus memantau, menghalusi dan menyusun semula objektif kewangan, matlamat, dasar dan tatacara, kawalan serta rangka kerja pengurusan risikonya agar menepati persekitaran korporat yang sentiasa berubah.

Rangka kerja tadbir urus korporat Syarikat membolehkan Lembaga Pengarah menyediakan panduan strategik dan pengawasan pengurusan yang berkesan, menjelaskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Pengurusan serta memastikan keseimbangan kuasa. Berikut adalah ilustrasi berkenaan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Puncak Niaga:-



Laporan ini menjelaskan bagaimana Kumpulan mengaplikasi prinsip yang dikemukakan dalam MCCG 2012 dengan mengambil kira saranan yang dinyatakan di bawah setiap prinsip dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama ("MMLR") Bursa Securities serta tahap pematuhannya terhadap prinsip dan saranan tersebut sepanjang tahun 2015.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

(a) LEMBAGA PENGARAH

Kumpulan diterajui oleh Lembaga Pengarah yang berkesan dan berpengalaman, terdiri daripada individu berwibawa dan berkaliber dengan kemahiran serta pengalaman yang diperlukan daripada gabungan pelbagai latar belakang profesional. Dengan menerima pakai Piagam Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah, sama ada dalam kapasiti individu atau secara keseluruhan, berkongsi satu objektif yang sama untuk memastikan supaya Visi dan Misi Syarikat, seperti yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan ini, dicapai dan Kumpulan memenuhi tanggungjawabnya terhadap para pemegang kepentingan.

Setiap ahli Lembaga Pengarah menyedari sepenuhnya tentang kewajipan dan tanggungjawab fidusiari mereka serta kewajipan untuk mengamalkan keperihatinan, kemahiran dan ketelitian yang sewajarnya sebagai Pengarah Syarikat, termasuk pelbagai undang-undang dan peraturan yang mempengaruhi tatalaku mereka sebagai Pengarah Syarikat. Justeru, setiap ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap prestasi Syarikat dan Kumpulan.

Salah satu saranan MCCG 2012 adalah mengenai jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan yang perlu disandang oleh individu berlainan, dimana Pengerusi mestilah merupakan seorang ahli bukan eksekutif Lembaga Pengarah.

Piagam Lembaga Pengarah Syarikat menetapkan hasrat strategik dan peranan serta tanggungjawab khusus Lembaga Pengarah yang perlu dilaksanakan oleh ahli Lembaga Pengarah secara kolektif dalam melaksanakan fungsi fidusiari dan kepimpinan mereka, peranan individu yang dijangka dan diharapkan daripada Pengerusi Eksekutif, Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif, serta peranan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Peranan Pengerusi Eksekutif dalam Perenggan 4.4 Piagam Lembaga Pengarah adalah jelas dan berbeza daripada peranan Pengarah Urusan seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 4.5 Piagam Lembaga Pengarah. Peruntukan tanggungjawab ini mencerminkan satu bentuk hubungan yang dinamik yang perlu oleh Syarikat untuk bersesuaian dengan persekitaran perniagaan yang sentiasa berubah.

Pada bulan November 2014, Lembaga Pengarah telah mengkaji Piagam Lembaga Pengarahnya sejajar dengan perubahan dalam peraturan. Piagam Lembaga Pengarah ini dimuatkan dalam pautan Perhubungan Pelabur - Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my*.

Meskipun MCCG 2012 menyarankan bahawa Lembaga Pengarah mestilah secara majoritinya terdiri daripada Pengarah Bebas dimana Pengerusi Lembaga Pengarah bukan seorang Pengarah Bebas, Lembaga Pengarah yakin bahawa strukturnya pada masa ini mampu melaksanakan perkara yang menjadi keutamaan Lembaga Pengarah secara objektif dengan keseimbangan kuasa dan autoriti dalam Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa Pengarah Bebas, iaitu YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy yang telah berkhidmat selama lebih sembilan (9) tahun dalam Lembaga Pengarah telah mengekalkan taraf kebebasan mereka sepenuhnya memandangkan mereka tidak menyandang sebarang jawatan eksekutif dalam Syarikat/Kumpulan dan bukan merupakan pegawai Syarikat/Kumpulan, dan bukan penasihat atau perunding atau sebagainya, sebelum mereka dilantik ke Lembaga Pengarah dan mereka juga bukan pemegang saham utama, bukan ahli keluarga mana-mana Pengarah Eksekutif, pegawai atau pemegang saham utama Syarikat/Kumpulan, seperti yang digariskan dalam Perenggan 5.4 Piagam Lembaga Pengarah.

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Syarikat, dimana para pemegang saham boleh mengemukakan sebarang kemusykilan kepada beliau. Profil beliau dibentangkan pada muka surat 38 dalam Laporan Tahunan ini.

ms.38

(b) KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah mewujudkan kepelbagaian kepada Kumpulan dalam kemahiran, pengetahuan serta gabungan pengalaman dan kepakaran yang seimbang untuk melaksanakan tanggungjawab Lembaga Pengarah dengan berkesan, agar pengawasan terhadap Kumpulan dapat dilakukan dengan cekap. Bersama-sama, Lembaga Pengarah menerajui pertumbuhan dan hala tuju masa depan Kumpulan.

Profil Ahli Lembaga Pengarah dibentangkan pada muka surat 32 hingga 42 dalam Laporan Tahunan ini.

ms.32

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Tiada Pengarah mempunyai sebarang sabitan kesalahan dalam tempoh sepuluh (10) tahun lepas (selain daripada kesalahan lalu lintas, jika ada) atau sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat atau mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama Syarikat kecuali bagi Encik Azlan Shah Tan Sri Rozali, anak lelaki kepada Pengerusi Eksekutif yang telah dilantik sebagai Pengarah Gantian kepada Pengerusi Eksekutif pada 6 Januari 2016.

Bagi mematuhi Perenggan 15.02 MMLR Bursa Securities dan MCCG 2012, Syarikat, melalui Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat, mengkaji pada setiap tahun keperluan gabungan kemahiran, perwatakan, pengalaman, daya saing, komitmen, kewibawaan, sumbangan dan prestasi, jantina, bangsa, usia dan kualiti lain Lembaga Pengarah serta ahli-ahlinya secara individu, para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas, dan Jawatankuasa Audit serta ahli-ahlinya secara individu. Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah telah merangka kriteria khusus bagi menilai kebebasan para Pengarah Bebas, seperti yang disarankan oleh MCCG 2012. Sehubungan itu, Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa para Pengarah Bebasnya telah memenuhi Perenggan 5.4 Piagam Lembaga Pengarah dan Perenggan 1.01 (Definisi) MMLR Bursa Securities.

Lembaga Pengarah Puncak Niaga terdiri daripada sepuluh (10) orang Ahli yang mana empat (4) orang daripada mereka adalah Pengarah Eksekutif, lima (5) orang adalah Pengarah Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Gantian. Komposisi Lembaga Pengarah Puncak Niaga pada masa ini mematuhi Perenggan 15.02 MMLR Bursa Securities, dimana satu pertiga daripada Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengarah Bebas dan yang mana Syarikat berpendapat bahawa ia merupakan sebuah Lembaga Pengarah yang seimbang dan bersesuaian bagi membentuk sebuah Lembaga Pengarah yang berkesan seperti yang dijelaskan dalam perenggan 6 perkara (a) di atas.



Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif adalah individu yang berkaliber dan boleh dipercayai serta mengamalkan pertimbangan bebas dan berwibawa serta bertindak demi kepentingan Syarikat dan para pemegang sahamnya, khususnya pemegang saham minoriti kerana mereka tidak terlibat dalam pengurusan harian Syarikat dan tidak mengambil bahagian dalam sebarang urusan perniagaan serta tidak terlibat dalam sebarang hubungan lain dengan Syarikat. Ini bertujuan untuk memastikan agar mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka secara berkesan, tanpa sebarang keadaan percanggahan kepentingan. Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif menyediakan sekatan dan imbangan yang relevan serta memastikan supaya piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dikekalkan.

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah telah melalui penilaian tahunan mereka, memutuskan bahawa para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat masih boleh memperuntukkan masa mereka untuk mengendalikan hal ehwal Syarikat serta menyumbangkan pertimbangan yang bebas dan objektif terhadap perbincangan dalam Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran, Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah.

Salah satu saranan MCCG 2012 menyatakan bahawa tempoh penyandangan jawatan bagi Pengarah Bebas hendaklah tidak melebihi tempoh terkumpul selama sembilan (9) tahun.

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah telah berbincang tentang saranan tersebut dan berpuas hati bahawa YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy, yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Puncak Niaga untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun, masih kekal objektif dan bebas dalam menyuarakan pandangan mereka ketika menyertai perbincangan serta proses membuat keputusan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Tempoh perkhidmatan mereka dalam Lembaga Pengarah, dalam apa jua bentuk, tidak mengganggu dalam mempraktikkan pertimbangan bebas mereka dan kemampuan mereka untuk bertindak demi kepentingan Syarikat. Di samping itu, mereka memenuhi kriteria yang digariskan bagi Pengarah Bebas dalam Perenggan 5.4 Piagam Lembaga Pengarah dan Perenggan 1.01 (Definisi) MMLR Bursa Securities.

Kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy telah terbukti sebagai Pengarah Bebas yang berwibawa dengan tahap profesionalisme dan kebolehan mereka yang tinggi serta perspektif

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

perniagaan yang luas, telah memperuntukkan masa dan perhatian yang secukupnya terhadap kewajipan profesional mereka untuk membuat keputusan termaklum dan seimbang, serta telah menyuarakan kesanggupan mereka untuk terus menyandang jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat.

Berdasarkan penilaian tahunan yang telah dilakukan, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah memutuskan dengan sebulat suara untuk mengesyorkan kepada para pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan Kesembilan Belas ("AGM ke-19") yang bakal diadakan supaya meluluskan pemberian kuasa kepada YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy untuk terus bertindak sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya. Sila rujuk Agenda 7 dan 8 dalam Notis AGM ke-19 Syarikat pada muka surat 247 dalam Laporan Tahunan ini.

ms.247

(c) MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bermesyuarat sebanyak tujuh (7) kali pada tahun 2015, semuanya diadakan di Bilik Lembaga Pengarah, Tingkat 12, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, kecuali bagi Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah yang berlangsung di Bilik Sri Tanjung, Tingkat 3, Ibu Pejabat Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd, Jalan Pantai Bharu, 59990 Kuala Lumpur pada 14 September 2015, dengan butiran seperti berikut:-

Hari	Tarikh	Waktu
Khamis	26 Februari 2015	12.40 petang
Isnin	16 Mac 2015	12.00 tengah hari
Isnin	6 April 2015	12.45 petang
Khamis	21 Mei 2015	12.10 petang
Selasa	25 Ogos 2015	12.25 petang
Isnin	14 September 2015	11.00 pagi
Selasa	24 November 2015	12.05 petang

Butiran kehadiran setiap Pengarah ke Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Jawatan	Bil. Mesyuarat Dihadiri	%
YBhg Tan Sri Rozali Ismail	Pengerusi Eksekutif	6 daripada 7	86
YBhg Datuk Haji Syed Hisham Syed Wazir *(dilantik pada 6 November 2015)*	Pengarah Urusan	1 daripada 1	100
YBhg Dato' Ruslan Hassan	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	7 daripada 7	100
YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi *(diubah jawatannya kepada Pengarah Eksekutif pada 6 November 2015)*	Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi	7 daripada 7	100
YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	6 daripada 7	86
YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	7 daripada 7	100
YBhg Dato' Syed Danial Syed Ariffin *(meletak jawatan pada 6 November 2015)*	Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi	6 daripada 6	100
YAM Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 7	71
YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	6 daripada 7	86
Encik Ng Wah Tar	Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat	7 daripada 7	100
Encik Azlan Shah Tan Sri Rozali *(dilantik pada 6 Januari 2016)*	Pengarah Gantian kepada YBhg Tan Sri Rozali Ismail, Pengerusi Eksekutif	*	Tidak Berkenaan

* (Nota: Menghadiri 2 mesyuarat Lembaga Pengarah secara jemputan dalam tahun 2015)

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Mesyuarat Lembaga Pengarah dijadualkan terlebih dahulu pada setiap tahun dan diadakan sekurang-kurangnya lima kali dalam satu tahun kewangan, dengan notis yang secukupnya diberikan untuk semua Mesyuarat Lembaga Pengarah. Tarikh tentatif bagi Mesyuarat Lembaga Pengarah bagi tahun kewangan berikutnya dikeluarkan pada bulan November/Disember tahun sebelumnya oleh Setiausaha Syarikat. Lembaga Pengarah mempunyai jadual rasmi berhubung perkara yang dikhususkan untuk perbincangan dan/atau kelulusan. Semua isu yang dibincangkan dan semua keputusan yang dicapai semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah akan direkodkan dengan sewajarnya oleh Setiausaha Syarikat yang mana kesempurnaan serta ketepatan rekod tersebut akan dikaji oleh Lembaga Pengarah.

Mesyuarat Lembaga Pengarah tambahan akan diadakan sebagaimana dan apabila timbul isu penting yang memerlukan perbincangan, kajian atau keputusan Lembaga Pengarah. Pada tahun 2015, dua (2) Mesyuarat Lembaga Pengarah tambahan telah diadakan.

Dalam selang waktu antara Mesyuarat Lembaga Pengarah, kelulusan berhubung perkara yang memerlukan persetujuan Lembaga Pengarah diperolehi melalui resolusi pekeliling dengan melampirkan semua kertas kerja dan maklumat yang berkaitan dengan maklumat terperinci bagi hal perkara supaya Lembaga Pengarah boleh membuat keputusan termaklum. Semua resolusi pekeliling yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah akan dibentangkan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah yang berikutnya untuk catatan dan pengesahan. Apabila tertimbulnya situasi dengan konflik kepentingan, jika ada, Pengarah yang berkaitan dengan konflik kepentingan tersebut hendaklah mengecualikan diri daripada semua perbincangan dan proses pembuatan keputusan berhubung hal perkara tersebut semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Agung dan akan memastikan supaya semua individu yang mempunyai hubungan dengan beliau turut mengecualikan diri daripada mengundi berkaitan cadangan tersebut di Mesyuarat Agung berkenaan.

(d) TATAETIKA PARA PENGARAH

Para Pengarah terus mematuhi dan mengikuti Tataetika & Tatakelakuan berdasarkan tatakelakuan yang dijangkakan daripada para Pengarah syarikat seperti yang ditetapkan dalam Tataetika Pengarah Syarikat yang digariskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan memastikan pelaksanaan sistem dalaman yang bersesuaian untuk menyokong, menggalak dan memastikan pematuhan terhadap Tataetika & Tatakelakuan Pengarah. Kumpulan juga mempunyai Tataetika & Tatakelakuan untuk Pengarah serta Kakitangan yang menggariskan prinsip serta piawaian amalan baik yang dipatuhi oleh para Pengarah Eksekutif dan kakitangan Kumpulan masing-masing.

Tataetika & Tatakelakuan untuk Pengarah dan kakitangan berserta dengan Dasar Pemberitahuan Maklumat Kumpulan telah dimuatkan dalam pautan Perhubungan Pelabur - Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my*.

(e) BEKALAN MAKLUMAT DAN AKSES KEPADA KHIDMAT NASIHAT

Setiap ahli Lembaga Pengarah dibekalkan dengan maklumat yang tepat, lengkap, mencukupi, tidak terhad dan berkualiti menepati masanya bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Kecuali dalam keadaan tertentu, ahli Lembaga Pengarah diberi notis sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum sebarang Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan dan kertas kerja Lembaga Pengarah yang lengkap diedarkan kepada setiap ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya dua (2) hari bekerja sebelum tarikh Mesyuarat supaya para Pengarah boleh membaca kertas kerja Lembaga Pengarah dan mengkaji isu-isu yang akan dibincangkan pada Mesyuarat Lembaga Pengarah terlebih awal sebelum tarikh mesyuarat. Dimana perlu, kakitangan Syarikat akan dipanggil oleh Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk membentang dan menjelaskan sebarang kertas kerja Lembaga Pengarah yang dibentangkan.

Semua ahli Lembaga Pengarah dikehendaki mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan Lembaga Pengarah dengan menyumbangkan manfaat daripada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kebolehan mereka kepada Lembaga Pengarah. Jika timbul percanggahan dengan tugas dan kepentingan sebagai Pengarah, adalah mandatori bagi Pengarah berkenaan untuk mengisytiharkan fakta serta bentuk kepentingannya dan takat percanggahan tersebut dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah, dan mengecualikan diri daripada perbincangan dan proses membuat keputusan. Sekiranya cadangan tersebut memerlukan kelulusan para pemegang saham, ahli Lembaga Pengarah yang berkepentingan berkenaan akan mengecualikan diri daripada mengundi berhubung resolusi tersebut pada Mesyuarat Agung dan akan memastikan bahawa semua individu yang ada kaitan dengan mereka turut mengecualikan diri daripada mengundi berhubung cadangan berkenaan.

Setiausaha Syarikat mengatur dan menghadiri semua Mesyuarat Lembaga Pengarah serta memastikan supaya semua isu yang dibincangkan berserta keputusannya diminitkan dengan tepat dalam minit setiap Mesyuarat dan semua rekod disimpan dengan sebaiknya di pejabat berdaftar Syarikat.

Lembaga Pengarah kerap dikemas kini dan dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat dan pihak Pengurusan mengenai keperluan seperti sekatan dalam berurusan dengan sekuriti Syarikat dan kemas kini seperti yang dikeluarkan oleh pelbagai pihak berkuasa kawal selia, termasuk perkembangan terkini dalam rangka kerja perundangan dan kawal selia yang memberi kesan kepada Kumpulan. Lembaga Pengarah mempunyai akses dan interaksi yang tidak terhad dan berterusan dengan pihak Pengurusan Kanan Syarikat. Setiap ahli Lembaga Pengarah juga mempunyai akses penuh kepada nasihat dan khidmat Setiausaha Syarikat.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Dimana perlu, para Pengarah boleh, sama ada secara kolektif sebagai sebuah Lembaga Pengarah atau dalam kapasiti individu mereka, mendapatkan khidmat nasihat pakar profesional luar dan bebas berhubung sebarang perkara dalam menjalankan tugas mereka sebagaimana yang mereka fikirkan perlu dan wajar, dengan perbelanjaan ditanggung oleh pihak Syarikat.

(f) SETIAUSAHA SYARIKAT BERTAULIAH DAN CEKAP

Setiausaha Syarikat memainkan peranan penting dalam menasihati Lembaga Pengarah berhubung perkara-perkara tadbir urus dan memastikan bahawa dasar dan prosedur Lembaga Pengarah dipatuhi dan dikaji secara kerap serta bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk memastikan bahawa setiap ahli Lembaga Pengarah menyedari dan diberi panduan mengenai tugas, tanggungjawab dan kuasa mereka. Mereka turut bertanggungjawab memastikan pematuhan Kumpulan dengan semua keperluan berkanun dan kawal selia.

(g) PELANTIKAN PENGARAH

Semua pelantikan dan penyingkiran dalam Lembaga Pengarah (jika ada) hendaklah diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan saranan Jawatankuasa Pencalonan.

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Pencalonan, telah mewujudkan suatu prosedur yang formal dan telus berkaitan penilaian dan cadangan terhadap calon yang akan dilantik menganggotai Lembaga Pengarah dan dalam menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Audit Syarikat dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang lain serta sumbangan setiap Pengarah secara individu, termasuk para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas), Pengarah Bukan Eksekutif, Pengarah Eksekutif, Pengarah Urusan dan Pengarah Gantian.

Proses kajian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah pada setiap tahun adalah berdasarkan kecekapan, komitmen, sumbangan dan prestasi calon/Lembaga Pengarah dan ahli-ahli/Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan ahli-ahli serta gabungan perwatakan, latar belakang profesional dan budaya, kemahiran, pengalaman, jantina, bangsa, usia, integriti dan ciri-ciri lain yang diperlukan daripada Pengarah bagi memastikan Lembaga Pengarah terus berfungsi dengan berkesan dan cekap.

Pada tahun kewangan yang dikaji, terdapat satu (1) pelantikan dan satu (1) peletakan jawatan dalam Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada tiga (3) orang Pengarah yang kesemuanya hendaklah merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut:-

(i) Untuk mengkaji pada setiap tahun komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah dari segi gabungan kepakaran, kemahiran, ilmu pengetahuan dan pengalaman serta ciri-ciri lain yang diperlukan, termasuk kecekapan teras dan kecukupan keseimbangan antara para Pengarah Eksekutif, Pengarah Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas.

(ii) Untuk mengkaji pada setiap tahun komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah bagi mencapai komposisi terbaik dari segi kepelbagaian jantina, bangsa, kewarganegaraan, usia, latar belakang profesional dan budaya bagi memenuhi keperluan Syarikat.

(iii) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon bagi semua jawatan pengarah yang perlu diisi dan menilai serta menaksir Lembaga Pengarah pada setiap tahun dengan mengambil kira masa yang diperlukan daripada para pengarah tersebut untuk menjalankan tugas mereka.

(iv) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon untuk pemilihan semula para pengarah di bawah peruntukan pemilihan semula atau persaraan tahunan, menurut kesesuaian.

(v) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, para Pengarah bagi mengisi jawatan dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, berdasarkan rundingan dengan para Pengerusi jawatankuasa tersebut atau dengan Lembaga Pengarah, bagi jawatan Pengerusi.

(vi) Untuk menilai pada setiap tahun keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan menilai sumbangan setiap Pengarah secara individu.

(vii) Untuk meneliti saiz Lembaga Pengarah dengan tujuan untuk menentukan kesan bilangan ahlinya terhadap keberkesanannya.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

(viii) Dalam hal individu bagi jawatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif untuk menilai kemampuan individu berkenaan memperuntukkan masa yang secukupnya untuk menjalankan tugas bagi melunaskan tanggungjawab/fungsi beliau seperti yang diperlukan daripada para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, khususnya bagi mereka yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah melebihi tempoh sembilan tahun menilai dan mempertimbangkan sama ada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif tersebut perlu kekal bebas dalam jawatan atau diubah jawatannya atau digantikan.

(ix) Untuk menentukan pada setiap tahun sama ada seseorang Pengarah adalah bebas, seperti yang ditakrif dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan mengesyorkan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang sesuai untuk memegang jawatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan.

(x) Untuk mengkaji perkara-perkara penerusan dalam penyandangan jawatan bagi mana-mana pengarah pada bila-bila masa.

(xi) Untuk memastikan bahawa semua Pengarah menerima program induksi dan latihan berterusan yang bersesuaian bagi meluaskan perspektif mereka dan supaya mereka sentiasa termaklum tentang perkembangan pasaran dan perubahan baharu dalam keperluan berkanun.

(xii) Untuk menilai dan mengesyorkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah berhubung perancangan penggantian bagi lembaga pengarah, pengerusi, para pengarah dan kakitangan pengurusan utama.

(xiii) Untuk mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, penyingkiran seseorang Pengarah sekiranya beliau tidak efektif, menyeleweng atau lalai dalam menjalankan tanggungjawabnya.

(xiv) Untuk menilai dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, terma rujukan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan mengkaji kecukupan struktur jawatankuasa dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Berhubung dengan pencalonan dan proses pemilihan para Pengarah baharu, tanggungjawab Jawatankuasa Pencalonan hendaklah meliputi perkara-perkara berikut:-

- Mengumpulkan calon dan pilihan Pengarah sebagai ahli Lembaga Pengarah.
- Mengkaji daya saing, komitmen, sumbangan, integriti dan prestasi calon Lembaga Pengarah/ahli Lembaga Pengarah/ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta gabungan kemahiran, perwatakan, pengalaman, jantina, usia, bangsa serta ciri-ciri lain yang diperlukan daripada para Pengarah.
- Mengesyorkan calon kepada Lembaga Pengarah untuk pelantikan kepada Lembaga Pengarah.
- Membantu dalam program orientasi dan pembelajaran yang relevan untuk ahli baharu Lembaga Pengarah.

Dasar Kepelbagaian Jantina

Lembaga Pengarah telah meluluskan pembentukan Dasar Kepelbagaian Jantina untuk Kumpulan pada tahun 2013 dengan matlamat untuk mencapai kadar jantina yang sama rata dan adil dalam sumber tenaga kerjanya, termasuk wakil wanita di peringkat Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.

ms.115

Dasar Kepelbagaian Jantina Syarikat dikemukakan pada muka surat 115 dalam Laporan Tahunan ini dan dasar ini turut dimuatkan dalam pautan Perhubungan Pelabur - Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my*.

(h) PENILAIAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH

Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, Lembaga Pengarah, dengan bantuan Setiausaha Syarikat telah menjalankan penilaian tahunan rakan sejawat yang berkaitan dengan keberkesanan Lembaga Pengarah dalam bidang utama berikut:-

(i) Pematuhan;
(ii) Mesyuarat Lembaga Pengarah;
(iii) Fungsi Lembaga Pengarah;
(iv) Struktur Lembaga Pengarah;
(v) Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
(vi) Operasi Lembaga Pengarah;
(vii) Peranan dan Tanggungjawab Pengerusi Lembaga Pengarah;
(viii) Laporan Kewangan dan Operasi;
(ix) Perancangan dan Objektif;
(x) Penilaian Risiko;

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

(xi) Peluang dan Projek Perniagaan Baharu;
(xii) Sumber Manusia; dan
(xiii) Pemerhatian dan Ulasan Tambahan Pengarah.

Penilaian prestasi Lembaga Pengarah pada tahun 2015 telah distruktur bagi memastikan kajian yang seimbang dan objektif dilakukan oleh para Pengarah terhadap bidang-bidang utama di atas.

Berikutan penilaian tersebut, Lembaga Pengarah telah membuat kesimpulan bahawa Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan semua jawatankuasanya telah menampilkan prestasi yang baik, berkesan dan mempunyai semua kemahiran, pengalaman, kualiti dan integriti yang diperlukan untuk menerajui Syarikat, dan setiap Pengarah termasuk para Pengarah Bebas, dalam kapasiti mereka sebagai Pengarah Bebas, telah memenuhi tanggungjawab dan kewajipan mereka serta telah menjalankan tugas mereka seperti yang diperlukan dan selaras dengan Piagam Lembaga Pengarah Syarikat.

Pada tahun 2015, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat juga telah menilai kebebasan para Pengarah Bebasnya berdasarkan kriteria yang berkaitan untuk penilaian kebebasan seperti yang telah dirangka oleh Jawatankuasa Pencalonan pada 2012.

(i) JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah mengagihkan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah dengan fungsi dan kuasa yang telah ditentukan mengikut terma rujukan mereka masing-masing dan sejajar dengan saranan MCCG 2012. Jawatankuasa Lembaga Pengarah akan mematuhi peraturan tatakelakuan dan prosedur yang sama seperti Lembaga Pengarah, melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh Lembaga Pengarah. Ringkasan mengenai berbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah di peringkat PNHB serta komposisi masing-masing adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Ganjaran	Jawatankuasa Pencalonan	Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko ("CICR")	EXCO terdiri daripada Pengarah Eksekutif PNHB sahaja (ditubuhkan pada 15 April 2015)
YBhg Tan Sri Rozali Ismail Pengerusi Eksekutif					Pengerusi
YBhg Datuk Haji Syed Hisham Syed Wazir Pengarah Urusan				Ketua CICR	Pengerusi Gantian/Ahli
YBhg Dato' Ruslan Hassan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif					
YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi				Ahli	Ahli
YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Ahli	Ahli	Ahli		
YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Pengerusi	Ahli	Ahli	Pengerusi	
YAM Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	Ahli				

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Nama Pengarah	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Ganjaran	Jawatankuasa Pencalonan	Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko ("CICR")	EXCO terdiri daripada Pengarah Eksekutif PNHB sahaja (ditubuhkan pada 15 April 2015)
YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Ahli	Pengerusi	Pengerusi		
Encik Ng Wah Tar Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat		Ahli		Ahli	Ahli
Encik Azlan Shah Tan Sri Rozali Pengarah Gantian kepada YBhg Tan Sri Rozali Ismail				Ahli	Ahli

Nota:

(1) Jawatankuasa Audit terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif dengan majoritinya adalah Pengarah Bebas (mematuhi Perenggan 15.09 MMLR Bursa Securities).

(2) Jawatankuasa Ganjaran secara eksklusifnya atau majoritinya terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif (seperti yang disarankan dalam MCCG 2012).

(3) Jawatankuasa Pencalonan secara eksklusifnya terdiri daripada para pengarah bukan eksekutif, dengan majoritinya mestilah pengarah bebas (seperti yang disarankan dalam MCCG 2012).

Jawatankuasa Lembaga Pengarah mengamalkan ketelusan dan pendedahan penuh dalam segala urusannya. Sekiranya sesuai, isu tersebut akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dengan saranan yang sewajarnya oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") PNHB telah ditubuhkan secara rasmi pada 15 April 2015 dengan Terma Rujukan yang jelas dimana ia telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Bagi mempercepatkan proses membuat keputusan oleh Lembaga Pengarah di peringkat syarikat beroperasi, EXCO telah dibentuk di POG, GOM Resources dan PNCSB. EXCO ini terdiri daripada Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Kewangan, para Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan. Lembaga Pengarah Sino Water Pte Ltd ("Sino Water"), 98.65% milik subsidiari Syarikat di Singapura, bermesyuarat di Malaysia pada selang masa yang kerap untuk membincangkan hal ehwal operasi.

PNHB secara rasminya telah mewujudkan Had Kuasa ("LOA") pada 15 April 2015.

Setiap syarikat yang beroperasi telah mewujudkan LOA yang mentadbir perkara berkaitan pengurusan operasi Kumpulan dengan tahap kuasa yang relevan diberikan kepada pihak Pengurusan. LOA di setiap syarikat beroperasi dikaji secara berterusan bagi memastikan kecukupan, kecekapan dan kewibawaan sistem kawalan dalaman serta sistem maklumat pengurusan Kumpulan. Lembaga Pengarah menyediakan kepimpinan yang perlu bagi membolehkan Kumpulan mencapai objektif perniagaannya, manakala memastikan bahawa kewajipan Syarikat terhadap para pemegang kepentingannya ditunaikan.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti dalam Terma-terma Rujukannya dan mempunyai akses yang tidak terbatas kepada kedua-dua juruaudit dalaman dan luar serta anggota pengurusan kanan Kumpulan. Aktiviti yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit dibentangkan secara ringkas dalam Laporan Jawatankuasa Audit berserta Ringkasan Terma-terma Rujukan Utama seperti yang terkandung pada muka surat 102 hingga 107 dalam Laporan Tahunan ini.

ms.102

Jawatankuasa Audit memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi piawaian laporan kewangan yang boleh diguna pakai memandangkan ia penting bagi memastikan keutuhan penyata kewangan tersebut. Jawatankuasa Audit turut memastikan kebebasan Juruaudit Luar semasa menjalankan tugasan audit.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

ms.83

Jawatankuasa Pencalonan

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan dibentangkan pada muka surat 83 hingga 84 dalam Laporan Tahunan ini.

Ringkasan aktiviti Jawatankuasa Pencalonan dalam menjalankan tugasnya pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:-

1. Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah;
2. Penilaian Tahunan Jawatankuasa Audit;
3. Penilaian Tahunan Pengarah Bebas;
4. Pemilihan semula, persaraan dan penerusan dalam penyandangan jawatan bagi para Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan;
5. Penilaian Latihan Pengarah;
6. Pelantikan Kakitangan Utama Kanan Kumpulan; dan
7. Pelantikan Pengarah Gantian kepada Pengerusi Eksekutif.

Jawatankuasa Ganjaran

Jawatankuasa Ganjaran dianggotai oleh empat (4) orang Pengarah yang terdiri daripada tiga (3) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan seorang (1) Pengarah Eksekutif Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Ganjaran adalah seperti berikut:-

(i) Untuk menetapkan dan mengkaji pada setiap tahun pakej ganjaran bagi setiap Pengarah Eksekutif supaya tahap ganjaran adalah memadai untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah yang diperlukan untuk mengendali Syarikat dengan jayanya dan sejajar dengan strategi perniagaan serta objektif jangka panjang Syarikat.

(ii) Jawatankuasa Ganjaran akan mengemukakan saranannya kepada Lembaga Pengarah dan setiap Pengarah hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan mengenai ganjaran mereka masing-masing.

Tahap ganjaran para Pengarah Eksekutif hendaklah menggambarkan pengalaman, tahap tanggungjawab, kepakaran dan kerumitan aktiviti Syarikat serta sumbangan mereka kepada Syarikat.

(j) PEMILIHAN SEMULA PENGARAH

Persaraan mengikut giliran

Artikel 98 dan 99 Tataurusan Pertubuhan Syarikat ("Tataurusan") memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Pengarah hendaklah bersara dari memegang jawatan mengikut giliran pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan dan semua Pengarah hendaklah bersara dari memegang jawatan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun, namun mereka adalah layak dan boleh menawarkan diri untuk pemilihan semula.

Artikel 103 Tataurusan memperuntukkan bahawa sesiapa yang dilantik sebagai pengarah tambahan hendaklah memegang jawatan sehingga Mesyuarat Agung biasa syarikat yang berikutnya dan layak untuk dipilih semula.

Berdasarkan saranan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat, para Pengarah berikut akan bersara pada AGM ke-19 Syarikat yang akan datang, dan kerana layak, telah menawarkan diri untuk dipilih semula:-

i. YBhg Tan Sri Rozali Ismail, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan;

ii. YBhg Datuk Haji Syed Hisham Syed Wazir, bersara menurut Artikel 103 Tataurusan;

iii. YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan; dan

iv. YAM Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud, bersara menurut Artikel 98 Tataurusan.

Maklumat tentang para Pengarah yang tampil untuk pemilihan semula pada AGM ke-19 yang akan datang terkandung dalam Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Meneruskan peranan sebagai Pengarah Bebas setelah berkhidmat untuk tempoh melebihi sembilan (9) tahun

Seperti yang dinyatakan dalam perkara (b) di atas, Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menyarankan supaya kedua-dua YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh dan YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy, yang telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Syarikat untuk tempoh terkumpul melebihi sembilan (9) tahun diberi kuasa untuk terus berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat dan memegang jawatan sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang berikutnya.

Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965

Menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat, 1965 ("Akta"), para Pengarah yang mencapai atau melebihi usia 70 tahun hendaklah bersara pada setiap mesyuarat agung tahunan dan boleh menawarkan diri masing-masing untuk pelantikan semula bagi memegang jawatan sehingga mesyuarat agung tahunan yang berikutnya.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan Syarikat yang melebihi usia 70 tahun, akan bersara pada AGM ke-19 yang akan datang menurut Seksyen 129(2) Akta.

ms.246

Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat telah menyarankan pelantikan semula YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh menurut Seksyen 129(6) Akta, pada AGM ke-19 Syarikat yang akan datang. Sila rujuk Agenda 4 dalam Notis AGM ke-19 pada muka surat 246 dalam Laporan Tahunan ini.

Saranan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah Syarikat adalah berdasarkan sumbangan berterusan YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh yang tidak ternilai kepada Syarikat dan telah terbukti boleh dipercayai sebagai seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, Pengerusi Jawatankuasa Audit, Pengerusi CICR dan Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran Syarikat dengan penyertaan aktif beliau dalam semua mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga dan beliau menyediakan input yang tidak ternilai sebagai Ahli Lembaga, Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Lembaga Ahli Jawatankuasa dengan profesionalisme, kemahiran serta sudut pandangan beliau yang luas terhadap perniagaan.

GANJARAN PENGARAH

(a) PROSEDUR, PERINGKAT DAN KANDUNGAN GANJARAN

Syarikat mempunyai prosedur yang dikaji rasmi untuk menentukan ganjaran setiap ahli Lembaga Pengarah, yang dikaji dari masa ke semasa dan membandingkannya dengan amalan yang terdapat dalam pasaran. Bagi Pengarah Eksekutif, ganjaran mereka dirangka supaya dapat mengaitkan ganjaran kepada prestasi korporat dan individu dan pakej ganjaran mereka merangkumi gaji, elaun, bonus dan manfaat-manfaat lain yang lazimnya diberikan kepada jawatan yang sama dalam syarikat lain yang setanding dan cukup menarik untuk mengekalkan mereka yang berkaliber tinggi. Prestasi dukur berbanding keuntungan serta sasaran lain yang ditetapkan berdasarkan belanjawan tahunan dan rancangan perniagaan Syarikat serta pencapaian pulangan yang disasarkan untuk para pemegang saham.

Bagi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, ganjaran mereka mencerminkan pengalaman, tahap tanggungjawab dan sumbangan mereka serta masa yang diluangkan untuk mengendali hal ehwal Kumpulan dan mereka dibayar elaun bulanan tetap, tambang cuti serta elaun mesyuarat bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang dihadiri oleh mereka.

Jawatankuasa Ganjaran bertanggungjawab mengesyorkan pakej ganjaran para Pengarah kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah, secara keseluruhannya, menentukan ganjaran Pengarah Bukan Eksekutif. Setiap Pengarah hendaklah mengecualikan diri daripada perbincangan dan pengundian terhadap ganjaran mereka masing-masing pada Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

(b) PENDEDAHAN GANJARAN PENGARAH

Butiran mengenai ganjaran yang diterima dan belum diterima oleh para Pengarah Syarikat daripada Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Yuran (RM'000)	Gaji (RM'000)	Bonus (RM'000)	Tambang Cuti (RM'000)	Elaun (RM'000)	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (RM'000)	Manfaat Barangan (RM'000)	Jumlah (RM'000)
YBhg Tan Sri Rozali Ismail	-	-	-	-	-	-	-	-
YBhg Datuk Haji Syed Hisham Syed Wazir (dilantik berkuatkuasa mulai 6 November 2015)	-	160	-	14	8	20	2	204
YBhg Dato' Ruslan Hassan	-	-	-	80	16	-	-	96
YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi	-	-	-	55	16	-	-	71
YBhg Dato' Syed Danial Syed Ariffin (meletak jawatan berkuatkuasa mulai 6 November 2015)	-	-	-	-	-	-	-	-
YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy	-	-	-	60	80	-	-	140
YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	-	-	-	60	136	-	-	196
YAM Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud	-	-	-	-	20	-	-	20
YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak	-	-	-	60	124	-	-	184
Encik Ng Wah Tar	-	-	-	-	-	-	-	-

Pakej ganjaran para Pengarah Syarikat yang diterima dan belum diterima daripada Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, dikategorikan mengikut komponen yang bersesuaian seperti berikut:-

	Pengarah Eksekutif (RM'000)	Pengarah Bukan Eksekutif (RM'000)
Gaji	8,756	194
Bonus	3,390	98
Tambang Cuti	393	320
Elaun & Lain-lain	1,226	377
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	2,594	35
Manfaat Barangan	109	13
Jumlah	**16,468**	**1,037**

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Butiran Ganjaran Pengarah di peringkat Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, dalam kelompak RM50,000 disenaraikan seperti berikut:-

Lingkungan Ganjaran Setahun	Peringkat Syarikat		Peringkat Kumpulan
	Bil. Pengarah Eksekutif	Bil. Pengarah Bukan Eksekutif	Bil. Pengarah
RM1 hingga RM50,000	-	1	-
RM50,001 hingga RM100,000	1	1	1
RM100,001 hingga RM150,000	-	1	1
RM150,001 hingga RM200,000	-	2	2
RM200,001 hingga RM250,000	1	-	1
RM400,001 hingga RM450,000	-	-	1
RM750,001 hingga RM800,000	-	-	1
RM1,200,001 hingga RM1,250,000	-	-	1
RM14,250,001 hingga RM14,300,000	-	-	1

(c) OPSYEN SAHAM PENGARAH

Tiada Skim Opsyen Saham Pengarah dalam Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

(d) LATIHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah menyedari betapa pentingnya pembelajaran berterusan agar mereka dapat mengikuti perkembangan mutakhir tentang kawalselia dan tadbir urus korporat, selain dapat meningkatkan profesionalisme dan pengetahuan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan berkesan. Setiap Pengarah telah menghadiri sekurang-kurangnya satu program latihan pada tahun ini.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, para Pengarah telah menghadiri program latihan, seminar dan persidangan yang dianjurkan oleh Syarikat dan pelbagai pihak penyedia latihan yang meliputi bidang seperti:-

- Memaksimumkan Keberkesanan Lembaga Pengarah Menerusi Peranan Pengawasan Risiko Lembaga Pengarah Yang Mantap Melangkaui Prestasi Kewangan
- Membentuk Semula Jangkaan Lembaga Pengarah Dalam Menilai & Melaksanakan Pelaburan Di Luar Negara
- Program Jawatankuasa Pencalonan Bahagian 2: Penilaian yang Berkesan oleh Lembaga Pengarah
- Perbincangan Lembaga Pengarah Dengan Jawatankuasa Audit Tentang Pengawasan Audit
- Bengkel Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Adakah Barisan Pertahanan Kita Memuaskan Dan Berkesan?
- Seminar Reka Bentuk & Pembinaan Terowong ke-6 Di Singapura
- Seminar IWSA-NEA-WMRAS mengenai Sisa-Kepada-Tenaga 2015 Di Singapura
- Persidangan Jawatankuasa Audit 2015: Menghadapi Cabaran Baharu
- Siri Pengerusi Lembaga Pengarah Bahagian 2: Kecemerlangan Kepimpinan Daripada Pengerusi
- Program Latihan Pengarah berkenaan Pasaran Modal (CMDP) 2015
- Perbankan Perbendaharaan Global & Urus Niaga Global OCBC
- Seminar Makan Tengah Hari Tinjauan Pasaran Credit Suisse
- Pasaran Modal Asean - Sidang Kemuncak CEO 2015
- Sidang Kemuncak Antarabangsa untuk Pengarah 2015
- Program Ulang Kaji Maybank berkenaan AMLATFPUAA
- Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) ke-11
- Persidangan Meja Bulat Mengetengahkan IMAN-Habibie Mengenai Peranan Media dalam Menangani Fahaman Pelampau Agama
- Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (MFRS) Dipermudahkan Untuk Pengarah & Pengurusan Kanan
- AMLATFPUAA 2011: Undang-undang & Pematuhan
- Latihan Keusahawanan Graduan WIEF ke-2
- Persidangan Meja Bulat WIEF Phnom Penh

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- Sidang Kemuncak CSR Antarabangsa 2015
- Persidangan Antarabangsa PGPF Mengenai Nasib Rohingya
- Persidangan Meja Bulat WIEF-AFF
- Program Latihan Peraturan FEA Bank Negara Malaysia
- Persidangan Meja Bulat WIEF- Cordoba
- Seminar untuk Pengarah Syarikat
- Persidangan Biojisim Antarabangsa Malaysia 2015

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Pencalonan dengan bantuan Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran telah menjalankan penilaian terhadap program latihan yang dihadiri oleh para Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 serta keperluan latihan setiap Pengarah pada masa hadapan.

DASAR KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM DAN PERHUBUNGAN PELABUR

Lembaga Pengarah mengakui perlunya para pemegang saham dan pelabur Syarikat dimaklumkan tentang semua urusan dan perkembangan korporat yang penting berkaitan Kumpulan tepat pada masanya. Selain daripada pelbagai pengumuman yang telah dibuat pada tahun ini, keputusan suku tahunan kewangan Kumpulan yang digabungkan dan yang dikemukakan tepat pada masanya memberi para pemegang saham dan pelabur gambaran yang menyeluruh tentang prestasi kewangan dan operasi Kumpulan.

Syarikat mengekalkan komunikasi secara kerap dan berkesan dengan para pemegang saham dan pemegang kepentingannya melalui sesi dialog satu-sama-satu atau berkumpulan, penyertaan dalam persidangan pelabur anjuran institusi tempatan dan luar negara, menjawab pertanyaan para pemegang saham dan pelabur melalui e-mel dan panggilan telefon, Mesyuarat Agung Syarikat dan acara-acara Syarikat yang lain. Notis Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat mengandungi maklumat yang relevan termasuk hak pemegang saham untuk menuntut diadakan pungutan suara bagi membolehkan mereka melaksanakan hak mereka.

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat turut dimuatkan ke dalam pautan Perhubungan Pelabur - Laporan Tahunan di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my*.

Laporan Tahunan Puncak Niaga yang dihasilkan sejajar dengan amalan tadbir urus korporat yang terbaik turut memainkan peranan sebagai saluran komunikasi utama dengan para pemegang saham dan pelabur.

Satu lagi kaedah komunikasi yang berkesan untuk berkomunikasi para pemegang saham dan pelabur menggunakan teknologi maklumat adalah melalui laman web korporat kami, *www.puncakniaga.com.my* yang boleh diakses dengan mudah dan cepat bagi mendapatkan maklumat mengenai Kumpulan sebagai iltizam berterusan kami untuk menyediakan lebih banyak maklumat yang mudah diakses kepada para pemegang saham dan pelabur.

Dasar & Laporan Perhubungan Pelabur Syarikat dibentangkan pada muka surat 111 hingga 113 dalam Laporan Tahunan ini dan Dasar Perhubungan Pelabur dimuatkan ke dalam pautan Perhubungan Pelabur - Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my*.

ms.111

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

(a) LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap kualiti dan kesempurnaan laporan kewangan yang didedahkan kepada umum. Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, laporan suku tahunan dan laporan tahunan kepada para pemegang saham Syarikat, Lembaga Pengarah mengambil langkah yang wajar untuk mengemukakan penilaian yang jelas dan seimbang berhubung kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini turut diamalkan dalam pengumuman awam dan laporan kepada pihak berkuasa pengawalseliaan mengenai perkara sensitif harga.

Penyata kewangan dan pengumuman suku tahunan Kumpulan yang disedia menggunakan dasar perakaunan yang bersesuaian secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat, akan dikaji dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit dengan kehadiran Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman Syarikat dan Pengarah Eksekutif Bahagian Kewangan, sebelum ia disyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk diterima pakai. Jawatankuasa Audit memastikan bahawa maklumat yang akan didedahkan adalah tepat, mencukupi dan mematuhi pelbagai keperluan pendedahan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan. Lembaga Pengarah membincangkan dan mengkaji saranan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Audit sebelum ia diterima pakai. Lembaga Pengarah turut memastikan keputusan kewangan suku tahunan dan keputusan kewangan tahunan Kumpulan yang tepat dikemukakan kepada Bursa Securities bertepatan pada masanya.

Penyata Tanggungjawab Pengarah berhubung dengan penyediaan Penyata Kewangan Beraudit Tahunan Kumpulan dikemukakan pada muka surat 116 dalam Laporan Tahunan ini.

ms.116

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

(b) HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah mengekalkan hubungan yang telus dan profesional dengan Juruaudit Luar Kumpulan. Juruaudit Luar telah menghadiri 4 daripada 5 mesyuarat Jawatankuasa Audit Syarikat yang diadakan sepanjang tahun kewangan ini. Mesyuarat suku tahunan ini membuka ruang untuk bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu yang memerlukan perhatian sewajarnya.

Suatu mekanisme rasmi telah diwujudkan oleh Jawatankuasa Audit bagi memastikan wujudnya dialog yang jujur dan berterus terang dengan Juruaudit Luar. Jawatankuasa Audit bermesyuarat dengan Juruaudit Luar dua kali setahun tanpa kehadiran para Pengarah Eksekutif dan pihak Pengurusan. Ini membolehkan Jawatankuasa Audit dan Juruaudit Luar bertukar pandangan dan pendapat dalam suasana bebas dan jujur mengenai perkara berkaitan audit dan penemuan Juruaudit Luar.

Jawatankuasa Audit telah mempertimbangkan penyediaan khidmat bukan-audit yang diberikan oleh Juruaudit Luar sepanjang tahun ini dan berpendapat bahawa perkhidmatan tersebut tidak menjejaskan kebebasan dan objektiviti Juruaudit Luar kerana amaun yuran yang dibayar bagi perkhidmatan ini adalah tidak banyak berbanding jumlah yuran yang telah dibayar kepada Juruaudit Luar.

ms.102

Laporan oleh Jawatankuasa Audit berserta Ringkasan Terma-terma Rujukan Utama dibentangkan pada muka surat 102 hingga 107 dalam Laporan Tahunan ini.

(c) KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengakui tanggungjawabnya yang menyeluruh bagi mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mantap yang memberi jaminan munasabah dalam memastikan keberkesanan dan kecekapan operasi Kumpulan serta melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset serta kepentingannya, demi mematuhi undang-undang dan peraturan serta tatacara dan garis panduan pentadbiran kewangan dalaman yang relevan.

Jawatankuasa Audit mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Jabatan Audit Dalaman yang dipimpin oleh Ketua Audit Dalaman akan menjalankan audit dalaman yang meliputi kawalan kewangan, operasi dan pematuhan, proses bagi mengenal pasti dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh Kumpulan termasuk proses tadbir urus, pengurusan risiko dan proses kawalan dalaman Syarikat. Laporan Jabatan Audit Dalaman akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk dikaji dan dibincangkan.

ms.96

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 96 hingga 101 dalam Laporan Tahunan ini.

(d) RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah menyedari bahawa pengurusan risiko melibatkan pendekatan tersusun yang menggabungkan usaha daripada semua fungsi dalam Kumpulan untuk meminimumkan kemungkinan dan kesan kerosakan yang tidak dijangka agar dapat menyumbang kepada kecekapan yang lebih tinggi dan proses membuat keputusan yang lebih mantap. Profil Risiko Seluruh Perusahaan Kumpulan dikaji setiap tahun untuk mengambil kira perubahan dalam persekitaran perniagaan, strategi dan aktiviti yang berfungsi dalam Kumpulan bagi menentukan tahap toleransi risiko Kumpulan dan mengenal pasti, menilai serta memantau risiko perniagaan yang utama agar dapat melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Syarikat.

ms.96

Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman Kumpulan dibentangkan pada muka surat 96 hingga 101 dalam Laporan Tahunan ini.

(e) TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Lampiran 9C (Bahagian A, Perenggan 29) MMLR Bursa Securities menghendaki sesebuah syarikat senarai awam untuk menyediakan huraian dalam laporan tahunannya berhubung aktiviti dan amalan tanggungjawab sosial korporat yang dijalankan oleh syarikat senarai awam tersebut dan subsidiarinya.

ms.58

Laporan Kumpulan mengenai ekonomi, alam sekitar dan isu sosial dibentangkan pada bahagian “Penyata Kemampanan” pada muka surat 58 hingga 75 dalam Laporan Tahunan ini.

ms. 108/114

Dasar Pendedahan Korporat dan Dasar Kualiti, masing-masing dibentangkan pada muka surat 108 dan 114 dalam Laporan Tahunan ini dan dasar-dasar tersebut turut dimuatkan ke dalam pautan Perhubungan Pelabur - Tadbir Urus Korporat di laman web Syarikat, *www.puncakniaga.com.my*.

PENYATA USAHA NIAGA BERTERUSAN

Sekiranya tiada perkara-perkara di luar jangkaan dan selepas membuat kajian yang wajar serta munasabah terhadap hal ehwal Kumpulan, Lembaga Pengarah amat yakin bahawa Kumpulan akan terus kekal beroperasi sebagai perniagaan usaha niaga berterusan pada masa hadapan yang boleh diramalkan.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNHB pada 30 Mac 2016.

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN

Menurut Lampiran 9C Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad:-

(a) PENGGUNAAN HASIL YANG DIPEROLEHI DARIPADA CADANGAN KORPORAT

Tidak ada hasil yang diperolehi daripada cadangan korporat di sepanjang tahun kewangan.

(b) PEMBELIAN BALIK SAHAM

Syarikat tidak melaksanakan sebarang pembelian balik atau penjualan semula atau pembatalan sebarang saham perbendaharaan Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. Pada 31 Disember 2015, jumlah bilangan saham perbendaharaan Syarikat kekal sebanyak 2,036,800 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

(c) OPSYEN, WARAN ATAU SEKURITI BOLEH TUKAR

1. Waran

Pada 2013, sejumlah 40,910,609 Waran telah diterbitkan, disenarai dan disebut harga di Pasaran Utama Bursa Securities. Setiap Waran memberi hak kepada pemegang(-pemegang) berdaftar untuk menerbitkan satu (1) saham baharu PNHB pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Laksana pada Harga Laksana. Terma utama Waran tersebut adalah seperti berikut:-

Tarikh Penerbitan	:	23 Julai 2013
Tarikh Penyenaraian	:	26 Julai 2013
Tarikh Matang	:	20 Julai 2018
Tempoh Laksana	:	Lima tahun dari 23 Julai 2013
Harga Laksana	:	RM1.00 setiap Waran
Nisbah Pelaksanaan	:	1:1

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, sejumlah 32,574,007 Waran telah dilaksanakan dan sebanyak 32,574,007 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham dalam modal Syarikat telah diterbitkan. Setakat 31 Disember 2015, modal saham yang diterbitkan dan berbayar Syarikat adalah sebanyak RM449,283,784.00 yang dibahagikan kepada 449,283,784 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dan baki waran belum tukar adalah sebanyak 5,269,720.

2. Sukuk Ijarah Boleh Tukar

Pada 2013, Syarikat telah menerbitkan Sukuk Ijarah Boleh Tukar sebanyak RM165.0 juta dalam nilai nominal. Pemegang Sukuk Ijarah Boleh Tukar adalah berhak untuk menukar pada Harga Penukaran, kesemua atau mana-mana bahagian Sukuk Ijarah Boleh Tukar kepada saham biasa baharu PNHB yang berbayar penuh pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Penukaran (kecuali dan melainkan berlakunya penggantian Aset Pajakan di bawah Aku Janji Penggantian) dengan tertakluk kepada tempoh notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari. Terma utama Sukuk Ijarah Boleh Tukar adalah seperti berikut:-

Tarikh Penerbitan	:	17 September 2013
Tarikh Matang	:	Lima tahun dari Tarikh Penerbitan
Harga Penukaran	:	Harga penukaran adalah RM2.00, yang mewakili premium kira-kira 12.0% terhadap harga teori ex-waran bernilai RM1.7854 berdasarkan volum harga pasaran purata berwajaran selama lima hari bagi saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam PNHB sehingga dan termasuk 28 Jun 2013, bernilai RM1.8639 sesaham PNHB.

Syarikat mempunyai hak untuk melaksanakan hak Aku Janji Penggantian pada harga laksana mengikut agregat nilai nominal belum lunas Sukuk Ijarah Boleh Tukar belum berbayar, apa-apa Pengagihan Berkala dan perbelanjaan pemilikan belum lunas.

Syarikat atau mana-mana subsidiarinya atau syarikat yang berkaitan boleh pada bila-bila masa membeli balik Sukuk Ijarah Boleh Tukar pada apa-apa harga dalam pasaran terbuka atau secara triti persendirian.

Syarikat boleh menebus Sukuk Ijarah Boleh Tukar secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya sebagaimana saling dipersetujui di antara Syarikat dan para Pemegang Sukuk Ijarah Boleh Tukar menurut resolusi luar biasa. Melainkan sebelumnya ia telah ditebus, ditukar, dibeli dan dibatalkan, Sukuk Ijarah Boleh Tukar hendaklah ditebus oleh Syarikat pada nilai nominalnya pada Tarikh Matang.

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN

Pada 26 November 2015, Sukuk Ijarah Boleh Tukar telah dilaksanakan pada amaun RM1,500,000.00 dan sebanyak 750,000 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham dalam modal Syarikat telah diterbitkan. Syarikat telah membeli semula sepenuhnya kesemua Sukuk Ijarah Boleh Tukar yang belum dilunaskan sebanyak RM160.0 juta dalam nilai nominal. Bayaran pembelian bagi Pembelian Semula Sukuk Ijarah Boleh Tukar ialah sebanyak RM200.0 juta sahaja. Berikutan penyempurnaan Pembelian Semula Sukuk Ijarah Boleh Tukar oleh Syarikat, Sukuk Ijarah Boleh Tukar telah dibatalkan dengan sewajarnya pada 3 Disember 2015.

(d) PROGRAM RESIT DEPOSITORI

Syarikat tidak menaja sebarang program resit depositori sepanjang tahun kewangan.

(e) SEKATAN DAN/ATAU DENDA

Syarikat dan subsidiari-subsidiari, para Pengarah dan pihak Pengurusannya tidak dikenakan sebarang sekatan dan/atau denda oleh badan kawal selia yang berkaitan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

(f) YURAN BUKAN AUDIT

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, Kumpulan telah membayar sebanyak RM382,000.00 untuk yuran bukan-audit kepada Juruaudit Luar.

Yuran bukan-audit yang perlu dibayar kepada Juruaudit Luar, iaitu Tetuan KPMG berkaitan dengan semakan Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman serta perkhidmatan profesional lain termasuk khidmat nasihat.

(g) PERBEZAAN DALAM KEPUTUSAN

Tiada perbezaan yang ketara dalam Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2015 yang terkandung di dalam Laporan Tahunan ini berbanding dengan keputusan digabungkan belum diaudit Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 yang telah diumumkan kepada Bursa Securities pada 25 Februari 2016.

(h) JAMINAN KEUNTUNGAN

Syarikat tidak menyediakan sebarang jaminan keuntungan kepada mana-mana pihak bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

(i) URUS NIAGA BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN

Syarikat tidak memeterai sebarang urus niaga berulang dengan pihak berkaitan yang memerlukan mandat para pemegang saham pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN

(j) KONTRAK PENTING YANG MEMBABITKAN PARA PENGARAH DAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

Kontrak penting yang dimeterai oleh Syarikat dan Kumpulan, yang melibatkan kepentingan para Pengarah dan pemegang saham utama Syarikat serta subsidiarinya dan kontrak penting yang masih sah pada akhir tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2015, adalah seperti berikut:-

Tarikh	Bentuk Kontrak	Pihak	Bayaran/ Kaedah Penyelesaian	Hubungan dengan Pengarah/Pemegang Saham Utama
29 Februari 2012	Perjanjian Kemudahan Pinjaman (berkaitan dengan Kemudahan Pinjaman Bertempoh Bersindiket sebanyak USD36.0 juta). (Tujuan: Untuk membayar balik pendahuluan para pemegang saham sebanyak USD31.0 juta dan juga untuk modal kerja) Butirannya adalah seperti yang dibentangkan dalam Penyata Kewangan Beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 pada muka surat 190 dalam Laporan Tahunan ini.	KGL Ltd. (Peminjam), OCBC Bank (Malaysia) Berhad dan Hong Leong Bank Berhad (Pemberi Pinjaman)	Tidak Berkaitan	YBhg Tan Sri Rozali adalah pemegang saham utama PNHB melalui kepentingan secara langsung atas nama beliau dan juga kepentingan secara tidak langsung melalui kepentingan anak lelakinya serta 100% kepentingan ekuitinya dalam Central Plus (M) Sdn Bhd dan Corporate Line (M) Sdn Bhd. PNHB sebaliknya mempunyai 100% kepentingan ekuiti dalam Puncak Oil & Gas Sdn Bhd, syarikat induk KGL Ltd.

ms.190

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Perenggan 15.26 (b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad mengkehendaki Lembaga Pengarah ("Lembaga") mendedahkan dalam Laporan Tahunan penyata mengenai keadaan kawalan dalaman serta Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia ("MCCG 2012") dan seterusnya mengkehendaki Lembaga Pengarah mewujudkan sebuah rangka kerja sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap. Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah Kumpulan Puncak Niaga Holdings Berhad dengan sukacitanya mengemukakan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang telah disediakan menurut Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Syarikat Senarai Awam ("Garis Panduan").

TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah mengesahkan keseluruhan tanggungjawabnya dalam mewujudkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap serta dalam mengkaji semula kemampuan dan keberkesanannya agar dapat melindungi pelaburan para pemegang saham serta aset Kumpulan. Sistem kawalan dalaman ini, berdasarkan sifatnya, hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah tetapi bukan muktamad terhadap salah nyata kewangan, penipuan atau kerugian ketara.

Lembaga Pengarah mengakui bahawa terdapat proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan menguruskan risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah telah memberi mandat kepada pihak Pengurusan untuk melaksanakan sistem kawalan yang dirangka bagi mengenal pasti dan menguruskan risiko-risiko yang dihadapi oleh Kumpulan dalam usaha mencapai objektif perniagaannya. Hasil daripada proses ini dipantau oleh Lembaga Pengarah PNHB melalui Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang khusus, iaitu Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko ("CICR"), yang memperuntukkan masanya untuk perbincangan mengenai perkara ini pada setiap suku tahun. Laporan mesyuarat CICR dikemukakan dengan sewajarnya untuk pertimbangan dan makluman Lembaga Pengarah.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan Risiko telah menjadi sebahagian penting dalam sistem pengurusan Kumpulan dan ia merupakan tanggungjawab setiap kakitangan. Pada bulan Oktober 2001, Lembaga Pengarah PNHB secara rasminya telah meluluskan struktur dan proses pengurusan risiko yang sistematik bagi Kumpulan. Sejak itu, struktur dan proses tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Pengurusan dan kakitangan Kumpulan.

DASAR PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad telah meluluskan Penyata Dasar Pengurusan Risiko Kumpulan berikut:-

"Dasar Pengurusan Risiko Kumpulan PNHB adalah untuk mengenal pasti, mengukur dan mengawal risiko yang boleh menghalang Kumpulan daripada mencapai objektif-objektifnya.

Cabaran kami adalah untuk mengamalkan pengurusan risiko dalam semua bidang perniagaan kami bagi memastikan risiko perniagaan dapat dikurangkan dan peluang-peluang dipertingkatkan.

Kami akan mencapai, mengekalkan dan mengkaji satu sistem pengurusan risiko yang wajar yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan dan diperluaskan kepada semua kakitangan Kumpulan. Ini adalah komitmen Lembaga Pengarah.

Penyata dasar ini menetapkan tanggungjawab pengurusan risiko kepada semua kakitangan Kumpulan PNHB dan mengakui bahawa tanggungjawab korporat terletak pada Lembaga Pengarah Kumpulan PNHB."

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

JAWATANKUASA PEMATUHAN, KAWALAN DALAMAN DAN DASAR RISIKO

CICR telah ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah pada Oktober 2001. Buat masa ini, ahli-ahli CICR terdiri daripada:-

Pengerusi : YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Ahli-ahli : Ketua Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko
YBhg Datuk Haji Syed Hisham Syed Wazir - dilantik pada 6 Januari 2016
Pengarah Urusan, Kumpulan PNHB

YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi - dilantik pada 6 Januari 2016
Pengarah Eksekutif, Bahagian Operasi PNHB/Pengarah Urusan, Puncak Niaga Construction Sdn Bhd

Puan Wong Ley Chan
Ketua Pegawai Kewangan

Encik Ng Wah Tar
Pengarah Eksekutif, Bahagian Kewangan Korporat

Puan Tan Bee Lian
Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat

Encik Azlan Shah Tan Sri Rozali - dilantik pada 6 Januari 2016
Pengarah Gantian kepada Pengerusi Eksekutif

Tuan Haji Sonari Solor
Pengurus Besar Kanan, Jabatan Audit Dalaman

Setiausaha : Puan Johty Priyatharashani Tiagarajah
Pengurus Kanan, Jabatan Audit Dalaman

TERMA-TERMA RUJUKAN CICR

CICR akan membantu Lembaga Pengarah PNHB dalam pelaksanaan tanggungjawab-tanggungjawab fidusiarinya yang berkaitan dengan perlindungan pelaburan para pemegang saham dan aset-aset Kumpulan melalui pendekatan Pengurusan Risiko yang berstruktur. Tanggungjawab-tanggungjawab utama CICR adalah:-

- Merumus strategi jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang bagi mengurus keseluruhan risiko berkaitan aktiviti-aktiviti Kumpulan.
- Mengesyorkan dasar-dasar dan prosedur-prosedur pengurusan risiko bersesuaian yang akan dikaji secara kerap bagi memastikan ia selaras dengan perubahan penting ekonomi, keadaan pasaran dan peraturan.
- Mengkaji dan menilai portfolio risiko semasa dan menentukan pendedahan yang dikehendaki bagi setiap bidang risiko utama agar sejajar dengan objektif-objektif Kumpulan secara keseluruhan.
- Memantau dan menilai komposisi portfolio risiko bagi aktiviti-aktiviti dan segmen perniagaan penting Kumpulan.
- Sentiasa mengikuti perkembangan terkini berhubung dengan teknik-teknik dan teori-teori pengurusan risiko, serta sebarang kemungkinan perubahan atau perubahan sebenar yang berlaku dalam persekitaran peraturan dan mengesyorkan tindakan yang sewajarnya.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

AKTIVITI-AKTIVITI JAWATANKUASA PEMATUHAN, KAWALAN DALAMAN DAN DASAR RISIKO

Sepanjang tahun 2015, CICR telah mengadakan empat (4) mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, Pengerusi CICR.

Dalam mesyuaratnya, CICR mengkaji Laporan Kemajuan yang disediakan oleh Seksyen Pengurusan Risiko, Jabatan Audit Dalaman. Isu-isu yang bincang dalam Mesyuarat CICR meliputi isu-isu berikut:-

- Tahap kesediaan Kumpulan PNHB berhubung dengan keperluan "Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman".
- Perkembangan perlaksanaan penilaian dan pemantauan risiko di peringkat Kumpulan dan Seluruh Perusahaannya. Risiko utama, pelan tindakan kawalan dan pengurusan telah diketengahkan oleh Setiausaha CICR kepada CICR untuk dipertimbangkan.
- Kajian status jaminan dan pengesahan yang diberikan oleh Pemilik-pemilik Kad Skor Risiko Kumpulan PNHB melalui Modul Jaminan Digital Korporat yang menggunakan perisian Q-Radar.
- Penggunaan perisian Kad Skor Risiko Korporat Q-Radar secara berkesan untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko dan kawalan dalaman yang telah dikenal pasti dalam Kumpulan PNHB.
- Status Borang Audit Penilaian Sendiri yang dikemukakan oleh Bahagian/Jabatan yang berkaitan dalam Kumpulan PNHB yang menyatakan sama ada kawalan dalaman utama telah dipatuhi.
- Adalah menjadi amalan Pengerusi CICR dan/atau Ahli-ahli CICR untuk menjemput Pemilik-pemilik Kad Skor Risiko yang berkaitan untuk menghadiri Mesyuarat CICR, jika perlu.
- Pada tahun 2015, CICR telah melaksanakan perkara berikut:-

  i) Mengarahkan Sino Water Pte Ltd untuk menilai semula risikonya berdasarkan persekitaran perniagaan yang sedia ada dan memastikan pelan tindakan kawalan/pengurusan terlaksana bagi memastikan risiko diurus secara memuaskan. Jawatankuasa CICR kemudiannya telah mengkaji dan mengambil perhatian terhadap pelan tindakan yang dikemukakan oleh Sino Water pada Mesyuarat CICR yang diadakan pada 6 Mei 2015.

  ii) Mengarahkan pengeluaran Kad Skor Risiko khusus untuk setiap projek yang dijalankan oleh syarikat subsidiari milik penuh PNHB, iaitu Puncak Niaga Construction Sdn Bhd seperti Projek Paip Pembetungan D44 dan Projek Pakan & Sarikei (Sarawak) bagi memastikan risiko tertentu yang berkaitan dengan projek telah dikenal pasti, dinilai dan dipantau. Kad Skor Risiko ini telah dikenal pasti, dinilai dan dipantau. Kad Skor Risiko ini telah dikaji dan diluluskan pada Mesyuarat CICR yang diadakan pada 5 November 2015.

  iii) Mengarahkan Jabatan Pembangunan Perniagaan untuk menilai semula penarafan risikonya pada Mesyuarat CICR yang diadakan pada 5 November 2015.

  iv) Mengarahkan pengeluaran Kad Skor Risiko untuk unit perniagaan baharu Kumpulan PNHB, iaitu Unggul Raya (M) Sdn Bhd (Bahagian Hartanah) dan Murni Estate Sdn Bhd (Bahagian Perladangan) bagi memastikan risiko baharu untuk unit perniagaan baharu dalam Kumpulan ini dikenal pasti, dinilai dan dipantau dengan sewajarnya. Kad Skor Risiko kemudiannya telah disediakan dan diserahkan pada suku berakhir 31 Disember 2015 dan telah dikaji serta diluluskan pada Mesyuarat-mesyuarat CICR yang diadakan pada 4 Februari 2016 dan 16 Februari 2016.

KUMPULAN KERJA KAD SKOR PENGURUSAN RISIKO ("RMSWG") DAN RISIKO SELURUH PERUSAHAAN

Lembaga Pengarah mengiktiraf bahawa Pengurusan Risiko melibatkan pendekatan yang tersusun dengan menggabungkan usaha kesemua fungsi di dalam Kumpulan PNHB bagi meminimumkan ketidaktentuan agar dapat mencapai objektif-objektif perniagaan Kumpulan PNHB. Bersandarkan pandangan ini, Mesyuarat RMSWG diadakan setiap tahun dan dihadiri oleh Pengarah Eksekutif/ Pengurusan Kanan Kumpulan PNHB. Pada Mesyuarat RMSWG, Profil Risiko Seluruh Perusahaan Kumpulan PNHB dipertimbang dengan mengambil kira rancangan perniagaan strategik Kumpulan PNHB dan persekitaran perniagaan yang sedia wujud serta segmen perniagaan di mana Kumpulan beroperasi, termasuk isu semasa yang mungkin mempunyai impak risiko terhadap operasi Kumpulan PNHB.

Bagi tahun 2016, Mesyuarat RMSWG yang dipengerusikan oleh Pengarah Urusan yang juga merupakan Ketua CICR, telah diadakan pada 3 Februari 2016 untuk mempertimbangkan risiko-risiko yang diketengahkan oleh sektor perniagaan yang berbeza dan untuk menentukan Profil Risiko Seluruh Perusahaan Kumpulan PNHB bagi tempoh dari 15 Oktober 2015 hingga tahun 2016.

Pertimbangan yang dibuat oleh Mesyuarat RMSWG telah dikaji kemudiannya oleh CICR pada Mesyuarat CICR yang dipengerusikan oleh Ketua CICR dan Pengerusi CICR, masing-masing pada 4 Februari 2016 dan 16 Februari 2016. Kemudiannya, satu Kertas Lembaga Pengarah yang terperinci berkaitan "Sebelas (11) Risiko Seluruh Perusahaan Utama yang Dihadapi oleh Puncak Niaga pada Tahun 2016" telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah PNHB ke-93 yang diadakan pada 25 Februari 2016.

Profil Risiko Seluruh Perusahaan Kumpulan akan dinilai semula oleh RMSWG pada setiap tahun.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

LAPORAN KAD SKOR RISIKO SUKU TAHUN

Pemilik-pemilik Kad Skor Risiko yang terdiri daripada Ketua-ketua Bahagian/Ketua-ketua Jabatan/Pengarah-pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Subsidiari PNHB, adalah bertanggungjawab menilai dan mengurus risiko syarikat masing-masing.

Perisian Kad Skor Risiko Korporat ("CRS") Q-Radar digunakan oleh Pemilik-pemilik Kad Skor Risiko untuk mengemukakan laporan terperinci kad skor risiko kepada Seksyen Pengurusan Risiko pada setiap suku tahun. Seksyen Pengurusan Risiko menganalisis dan meringkaskan laporan-laporan kad skor risiko yang diterima untuk perbincangan selanjutnya oleh CICR.

PERISIAN KAD SKOR RISIKO KORPORAT Q-RADAR

Kumpulan PNHB menggunakan satu kaedah pengurusan risiko iaitu perisian Q-Radar CRS bagi mengenal pasti, mengukur dan menguruskan semua risiko yang menjejaskan Kumpulan PNHB. Perisian ini adalah berasaskan web dan membolehkan para pengguna sah memantau risiko masing-masing secara atas talian dari mana-mana lokasi. Q-Radar turut menyediakan kemudahan modul Jaminan Digital Korporat yang memerlukan Pemilik Kad Skor Risiko membuat pengesahan dan memberi jaminan tentang risiko yang berkaitan, pelan tindakan kawalan dan pengurusan.

Setakat 31 Disember 2015, perisian Q-Radar mempunyai 111 pengguna sah yang meliputi 26 Kad Skor Risiko. Sebanyak sepuluh (10) sesi latihan dan program kesedaran perisian Q-Radar CRS telah diadakan pada tahun 2015 yang melibatkan 32 pengguna.

SISTEM KAWALAN DALAMAN

Unsur-unsur penting sistem kawalan dalaman dan proses jaminan bagi Kumpulan, antara lain, meliputi perkara-perkara berikut:-

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Persekitaran Kawalan

- Syarikat subsidiari Kumpulan PNHB yang beroperasi mempunyai struktur organisasi rasmi dengan struktur pelaporan dan tanggungjawab yang ditentukan dengan jelas. Ia menggalakkan pemilikan dan kebertanggungjawaban terhadap tugas yang diserahkan kepada kakitangan syarikat subsidiari yang beroperasi.
- Tatakelakuan dan Tataetika Kumpulan PNHB mencakupi Lembaga Pengarah serta kakitangan Kumpulan dan ia terkandung dalam Piagam Lembaga Pengarah serta Buku Panduan Kakitangan PNHB. Tatakelakuan dan Tataetika menetapkan prinsip dan piawaian amalan yang baik.
- Peranan serta tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah dikawal oleh Piagam Lembaga Pengarah.
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran, Jawatankuasa Pencalonan, CICR dan EXCO telah ditubuhkan bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas fidusiarinya. Tanggungjawab serta kuasa Jawatankuasa Lembaga Pengarah dikawal oleh Terma-terma Rujukan masing-masing, sebagaimana yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Semua keputusan penting memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Eksekutif ("EXCO") dalam Kumpulan PNHB. EXCO ini ditubuhkan di PNHB, Puncak Niaga Construction Sdn Bhd ("PNCSB") serta Kumpulan Puncak Oil and Gas Sdn Bhd ("Kumpulan POG") dan terdiri daripada Ketua Bahagian syarikat masing-masing. Pihak Pengurusan yang berkaitan dijemput menghadiri mesyuarat seandainya pihak EXCO memerlukan maklumat lanjut. Lembaga Pengarah/EXCO masing-masing menerima maklumat yang dikemaskini yang meliputi Bahagian/Jabatan bagi setiap syarikat dalam Kumpulan.
- Prosedur-prosedur dan dasar-dasar bertulis di mana termaktub di dalam tatacara kawalan serta skop tanggungjawab telah disediakan untuk semua syarikat subsidiari Kumpulan PNHB yang beroperasi. Tatacara dan dasar bertulis ini dikemas kini mengikut kesesuaian bagi memasukkan unsur yang perlu disebabkan oleh perubahan dalam rang undang-undang, amalan terbaik industri serta dinamik perniagaan.
- Lembaga Pengarah telah meluluskan Had Kuasa ("LOA") baharu untuk PNHB serta syarikat subsidiarinya yang beroperasi pada 6 April 2015. LOA untuk PNHB dan syarikat subsidiarinya yang beroperasi dengan jelas menyatakan hal-hal operasi dengan tahap kuasa ditetapkan yang diberi kepada pihak Pengurusan, hal-hal kritikal yang dikhaskan untuk kelulusan Lembaga Pengarah/EXCO serta hal-hal yang diwakilkan kepada pihak Pengurusan syarikat subsidiari PNHB yang beroperasi.

Penilaian Risiko

- Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko, yang dipengerusikan oleh YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif PNHB telah ditubuhkan pada Oktober 2001. Jawatankuasa ini memantau dengan teliti proses pengurusan risiko dalam Kumpulan dan tahap pematuhannya terhadap keperluan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.

Aktiviti Kawalan

- Rancangan Perniagaan Tahunan disediakan oleh Syarikat-syarikat Subsidiari PNHB. Rancangan Perniagaan Tahunan tersebut dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah/EXCO masing-masing.
- Suatu proses pembelanjawanan yang terperinci telah diwujudkan untuk Kumpulan PNHB bagi menyediakan belanjawan tahunan mereka masing-masing. Belanjawan ini kemudiannya dikaji dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah/EXCO masing-masing sebelum pelaksanaan sebenarnya pada setiap tahun. Pemantauan prestasi sebenar berbanding belanjawan dengan perbezaan yang besar akan diikuti dengan tindakan susulan yang dilakukan pada setiap bulan oleh Bahagian Kewangan dan bilamana perlu, pihak Pengurusan akan bertindak untuk membetulkan sebarang kelemahan.
- Pada tahun 2015, lima (5) Jawatankuasa Tender telah ditubuhkan, masing-masing di PNHB, Kumpulan POG dan PNCSB. Jawatankuasa Tender ini diberikan had kuasa mereka masing-masing untuk membuat keputusan dan mengikut kesesuaian, adalah mandatori untuk membuat saranan kepada Lembaga Pengarah bagi mendapatkan kelulusan. Jawatankuasa Tender memainkan peranan yang kritikal untuk memastikan ketelusan dan penetapan harga yang kompetitif dalam pemberian kontrak bagi Kumpulan PNHB.
- Kumpulan PNHB telah menyediakan program-program insuran untuk melindungi aset Kumpulan daripada sebarang kejadian yang tidak diingini yang boleh mengakibatkan kerugian material.
- Borang Audit Penilaian Sendiri (yang menyenaraikan kawalan dalaman yang utama) telah dirangka secara dalaman untuk Jabatan-jabatan berkaitan dalam syarikat subsidiari PNHB yang beroperasi. Setiap Jabatan dikehendaki mengistiharkan kepada Jabatan Audit Dalaman pada setiap suku tahun sama ada kawalan dalaman yang utama telah dipatuhi. Berkuatkuasa mulai suku tahun berakhir pada 30 September 2012, Borang Audit Penilaian Sendiri dikemukakan dan dipantau dalam talian melalui Sistem Pemantauan Audit. Ciri-ciri khas dalam Borang Audit Penilaian Sendiri ini memerlukan jaminan bertulis daripada peringkat operasi sehingga kepada Ketua Bahagian. Bagi tahun 2015, kira-kira 85% daripada kawalan dalaman utama yang diisytiharkan dalam Borang Audit Penilaian Sendiri telah mematuhi Tatacara Pengendalian Piawai ("SOP") Syarikat dan Peraturan yang boleh diguna pakai. Baki sebanyak 15% telah dinilai sendiri sebagai tidak berkenaan dengan bidang-bidang operasi tertentu.
- Program latihan telah dikendali secara dalaman dan luaran bagi para Pengarah, pihak Pengurusan Kanan serta kakitangan PNHB. Sepanjang tahun ini, dua (2) latihan telah dikendalikan oleh pelatih luar yang diiktiraf dan diperakui oleh Pembangunan Sumber Manusia ("HRDF") untuk para Pengarah dan pihak Pengurusan Kanan Kumpuan PNHB, iaitu masing-masing pada 10 Ogos 2015 dan 6 Oktober 2015 berkenaan "Memaksimumkan Keberkesanan Lembaga Pengarah menerusi Peranan Pengawasan Risiko Lembaga Pengarah yang Mantap melangkaui Prestasi Kewangan" dan "Membentuk Semula Jangkaan Lembaga Pengarah Dalam Menilai Peluang Apabila Melaksanakan Pelaburan di Luar Negara".

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Maklumat dan Komunikasi

- Kumpulan PNHB telah mewujudkan Dasar Pemberian Maklumat bagi kakitangan untuk mendedahkan sebarang bentuk amalan seleweng atau salahlaku. Dasar Pemberitahuan Maklumat ini telah menyediakan saluran komunikasi yang jelas untuk kakitangan membuat laporan secara bebas dan selamat.

Pemantauan

- Jabatan Audit Dalaman Kumpulan telah mengkaji secara bebas proses kawalan yang dijalankan oleh pihak Pengurusan menurut Rancangan Audit Tahunan dan melaporkan penemuan serta saranannya kepada Jawatankuasa Audit PNHB sebanyak lima (5) kali pada 2015. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit PNHB diperincikan dalam Bidang Tugas Jawatankuasa Audit PNHB. Dengan menimbangkan kedua-dua Laporan Audit Dalaman dan Luar, Jawatankuasa Audit dapat mengukur keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman untuk mengemukakan penemuannya kepada Lembaga Pengarah.
- Jabatan Audit Dalaman Kumpulan menjalankan audit untuk pengisytiharan yang dilakukan dalam Borang Audit Penilaian Sendiri.
- Semua Ketua Bahagian dikehendaki memberi jaminan bertulis (Penyata Jaminan) dalam Laporan Audit Dalaman bahawa semua isu-isu yang diketengahkan akan diperbetulkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Audit susulan turut dijalankan antara tiga (3) bulan hingga setahun setelah semakan akhir audit.

PENILAIAN

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan bagi tahun di bawah tinjauan dan pada tarikh penyata ini disediakan berada dalam keadaan yang mantap dan memadai untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset-aset Kumpulan.

Lembaga Pengarah telah menerima jaminan daripada Ketua Bahagian syarikat masing-masing serta Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pegawai Kewangan/Naib Presiden Kewangan/Ketua Bahagian Perkhidmatan Korporat setiap syarikat, bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan telah beroperasi dengan memuaskan dan berkesan di syarikat-syarikat operasi masing-masing. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini telah disediakan selaras dengan Garis Panduan dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNHB.

KAJIAN JURUAUDIT LUAR TERHADAP PENYATA

Juruaudit luar telah mengkaji Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini menurut skop yang ditetapkan dalam Panduan Amalan yang Disarankan ("RPG") 5 (Semakan 2015), *Panduan untuk Juruaudit berkenaan Penglibatan untuk Melaporkan tentang Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan* yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("MIA") untuk dirangkumkan ke dalam laporan tahunan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada apa-apa yang disampaikan ke pengetahuan mereka sehingga menyebabkan mereka percaya bahawa penyata tersebut bermaksud untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan Kumpulan, dari segala aspek penting:

(a) tidak disediakan selaras dengan pendedahan yang diperlukan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan bagi Pengarah Syarikat Senarai Awam, atau
(b) tidak tepat dari segi faktanya.

RPG 5 (Semakan 2015) tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman para Pengarah mencakupi semua risiko dan kawalan, atau membentuk pendapat tentang kemampuan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan, termasuk penilaian dan pendapat Lembaga Pengarah serta pihak Pengurusan mengenainya. Juruaudit juga tidak perlu mempertimbangkan sama ada proses yang dihuraikan untuk mengendalikan aspek penting kawalan dalaman bagi apa-apa masalah penting yang didedahkan dalam laporan tahunan akan, malah, menyelesaikan masalah tesebut.

Untuk dan bagi pihak Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad

Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh
Pengerusi
Jawatankuasa Pematuhan, Kawalan Dalaman dan Dasar Risiko
30 Mac 2016

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Pengarah Puncak Niaga Holdings Berhad dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan 2015.

1. KEAHLIAN DAN MESYUARAT

Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli-ahli berikut dan butiran kehadiran setiap ahli di Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan sepanjang tahun kewangan 2015 adalah seperti berikut:

Komposisi Jawatankuasa	Bilangan Mesyuarat Diadakan	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratus (%)
YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh Pengerusi/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5	5	100
YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan Govindasamy Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5	4	80
YAM Tengku Dato' Rahimah Almarhum Sultan Mahmud Ahli/Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	5	3	60
YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak Ahli/Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5	5	100

Ketua Pegawai Kewangan, Pengurus Besar Kanan (Jabatan Audit Dalaman) dan ahli-ahli Pengurusan Kanan yang lain telah menghadiri mesyuarat-mesyuarat ini atas jemputan Pengerusi Jawatankuasa Audit. Juruaudit luar Kumpulan turut dijemput menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Audit apabila perkara-perkara yang berkaitan dengan audit akaun-akaun berkanun, keputusan kewangan suku tahunan dan/atau berkaitan juruaudit luar akan dibincangkan. Setiausaha-setiausaha kepada Jawatankuasa Audit ialah Setiausaha-setiausaha Syarikat.

2. RINGKASAN AKTIVITI

Pada tahun kewangan 2015, Jawatankuasa Audit telah menjalankan tugas-tugasnya seperti yang dinyatakan dalam Terma-terma Rujukan Jawatankuasa Audit. Aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan ini merangkumi perkara berikut:-

Keputusan Kewangan

- Mengkaji keputusan kewangan Kumpulan tidak beraudit bagi suku tahunan dan tahunan sehingga kini sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan dan diluluskan.
- Mengkaji laporan dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi Syarikat dan Kumpulan bersama-sama dengan juruaudit luar sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.
- Diperhatikan bahawa Kumpulan PNHB telah menerima pakai sepenuhnya dasar-dasar perakaunan dan kaedah pengiraan yang selaras dengan semua Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang berkaitan. Terima pakai piawaian dan interpretasi ini tidak mendatangkan kesan ketara terhadap penyata kewangan kecuali bagi MFRS 10 (Penyata Kewangan Disatukan) dan MFRS 5 (Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Dihentikan).
- Membincangkan isu-isu kewangan yang penting yang mempengaruhi Kumpulan, iaitu:

  i. Berikutan penandatanganan Perjanjian Jual Beli bersyarat antara PNHB dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd ("Air Selangor") bertarikh 11 November 2014 berkenaan cadangan penjualan PNSB Water Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Puncak Niaga (M) Sdn Bhd) ("PNSB") dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd, perniagaan konsesi air tersebut perlu dimasuk kira menurut MFRS 5 (Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Dihentikan) yang menyebabkan keputusan kewangan serta aset dan liabiliti perniagaan konsesi tersebut, masing-masing dikelaskan sebagai "operasi dihentikan" dan "dipegang untuk jualan".

  ii. Perubahan dalam dasar perakaunan berhubung dengan pengukuran kemudian hartanah pelaburan daripada model kos kepada model nilai saksama bagi menyediakan pembentangan yang lebih relevan dan agar sejajar dengan dasar penilaian semula terhadap hartanah, loji dan peralatan.

  iii. Tuntutan kos pembinaan oleh subkontraktor yang terkurang akruan telah menjejaskan peratusan penyiapan dan akibatnya, hasil pembinaan Kumpulan turut terjejas. Terkurang akruan ini kemudiannya dimasuk kira dan hasil pembinaan Kumpulan telah dilaras dengan sewajarnya.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Audit Luar

- Mengkaji bidang kerja dan rancangan audit juruaudit luar bagi tahun 2015 dan mengemukakan saranan berkenaan pelantikan dan upah mereka kepada Lembaga Pengarah.
- Mengkaji dan membincangkan laporan audit juruaudit luar dan hal-hal yang memerlukan perhatian dalam surat Pengurusan, termasuk maklum balas pihak Pengurusan berkaitan hal-hal yang dibangkitkan oleh juruaudit luar.
- Membincangkan tentang isu-isu perakaunan dan pengauditan penting, kesan daripada perubahan piawaian perakaunan dan keperluan penguatkuasaan baharu atau yang dicadangkan.
- Mengadakan Perbincangan Tidak Rasmi dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan Syarikat sebanyak dua kali pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit ke-88 dan Mesyuarat Jawatankuasa Audit ke-91, di mana masing-masing telah diadakan pada 6 April 2015 dan 24 November 2015.
- Pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit ke-88 yang diadakan pada 6 April 2015, Jawatankuasa Audit menilai kesesuaian dan kebebasan Juruaudit Luar, Tetuan KPMG berkenaan kalibernya, proses-proses kualiti, skop, yuran serta komunikasi dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk melantik semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Luar selaras dengan perakuan 5.2 di bawah Prinsip 5 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (Menegakkan Integriti di dalam Laporan Kewangan).
- Mengkaji sejauh mana bantuan yang diberikan oleh pihak Pengurusan kepada Juruaudit Luar.

Audit Dalaman

- Jabatan Audit Dalaman dikendali oleh para profesional yang cekap daripada pelbagai disiplin seperti Perakaunan dan Kejuruteraan dengan memiliki pengalaman kerja serta pengalaman audit dalaman yang diperlukan.
- Mengkaji kecekapan, sumber dan menilai prestasi Jabatan Audit Dalaman.
- Mengkaji laporan Audit Dalaman yang mengetengahkan isu-isu audit, saranan dan maklum balas pihak Pengurusan serta mengarahkan tindakan yang perlu diambil oleh pihak Pengurusan bagi memperbetulkan dan menambahbaikkan sistem kawalan dalaman.
- Bagi perkara yang kritikal, Jawatankuasa Audit telah menjemput Ketua Bahagian dan/atau Ketua syarikat subsidiari beroperasi yang berkaitan untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Audit.
- Mengkaji dan meluluskan Rancangan Audit Dalaman Tahunan, bagi tahun 2016 pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit ke-91 yang diadakan pada 24 November 2015.
- Memantau perlaksanaan yang disarankan oleh Jabatan Audit Dalaman yang timbul daripada auditnya untuk mendapatkan jaminan bahawa semua risiko penting dan hal-hal yang berkaitan dengan kawalan telah ditangani sepenuhnya.
- Mengkaji laporan kemajuan Jabatan Audit Dalaman dua kali setahun, iaitu pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit ke-90 dan 91, di mana masing-masing telah diadakan pada 25 Ogos 2015 serta 24 November 2015 bagi memastikan bahawa kemajuan adalah selaras dengan Rancangan Audit Tahunan 2015 yang telah diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit ke-86 yang diadakan pada 27 November 2014.

Urus Niaga Pihak Berkaitan

- Mengkaji semua urus niaga pihak berkaitan yang telah dimeterai oleh Syarikat dan Kumpulan.

Pelaporan

- Mengkaji Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Laporan Jawatankuasa Audit dan menyarankan agar perkara yang sama diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Mengkaji Terma-terma Rujukan Jawatankuasa Audit yang telah disemak dan menyarankan perkara yang sama diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Lawatan Kerja Jawatankuasa Audit ke Tapak Projek Kumpulan di Sarikei, Sarawak yang diketuai oleh Pengerusinya

- Jawatankuasa Audit telah mengadakan Lawatan Kerja ke Sarikei, Sarawak dari 18 hingga 20 Ogos 2015 bagi melawat “Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air Sarikei, Sarawak” yang diselenggara oleh syarikat subsidiari milik penuh PNHB, Puncak Niaga Construction Sdn Bhd. Lawatan Kerja tersebut membolehkan ahli Jawatankuasa Audit lebih memahami operasi/projek PNCSB dan menyaksikan sendiri perkembangan kerja yang dijalankan di Tapak Projek selain mengunjungi kakitangan Kumpulan PNHB yang ditempatkan di Tapak Projek di Sarawak.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

3. FUNGSI AUDIT DALAMAN

PNHB telah menubuhkan Jabatan Audit Dalaman yang bebas yang melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit. Jabatan Audit Dalaman membantu Jawatankuasa Audit melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Tanggungjawab utama Jabatan Audit Dalaman adalah untuk menyediakan jaminan bebas berhubung dengan kemampuan serta keberkesanan pengurusan risiko, tadbir urus dan kawalan dalaman.

Jabatan Audit Dalaman memfokus kepada kajian yang kerap serta sistematik dan telah menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, sistem maklumat pengurusan serta pematuhan dengan prosedur yang telah ditetapkan termasuk sistem bagi pematuhan dengan undang-undang, penguatkuasaan, peraturan, arahan dan garis panduan yang berkenaan.

Rancangan Audit Dalaman Tahunan 2015 Jabatan Audit Dalaman (yang dirangka berdasarkan pendekatan berasaskan risiko), telah diluluskan oleh Jawatankuasa Audit pada Mesyuarat Jawatankuasa Audit Syarikat ke-86 yang diadakan pada 27 November 2014. Laporan Audit Dalaman yang mengetengahkan kelemahan kawalan dalaman telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit dan saranan yang dikemukakan telah diambil tindakan sewajarnya oleh pihak Pengurusan.

Pada tahun 2015, Jabatan Audit Dalaman telah menyempurnakan sejumlah 60 tugasan audit meliputi kesemua Loji Pembersihan Air (sebelum penjualan PNSB kepada Air Selangor berkuatkuasa 15 Oktober 2015), Kumpulan POG, audit Operasi dan IT serta tugasan audit yang diminta oleh pihak Pengurusan Kanan. Semua audit telah dijalankan secara dalaman.

Perkara utama yang telah diaudit pada tahun 2015 adalah Projek Talian Pembetungan D44, Projek Pakan & Sarikei (Sarawak), Penyelenggaraan & Perolehan DLB 264, Keselamatan dan Infrastruktur Rangkaian LAN Dalaman dan Pentadbiran Aset IT, Aset Tetap serta Aset Projek.

ms.96

Peranan Jabatan Audit Dalaman berhubung rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan diterangkan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang dibentangkan pada muka surat 96 hingga 101 dalam Laporan Tahunan ini.

Jumlah kos yang ditanggung oleh Jabatan Audit Dalaman berkaitan pelaksanaan fungsi audit dalaman Kumpulan PNHB (tidak termasuk Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd) sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 adalah sebanyak kira-kira RM1.96 juta.

RINGKASAN TERMA-TERMA RUJUKAN UTAMA JAWATANKUASA AUDIT

Ringkasan Terma-terma Rujukan utama Jawatankuasa Audit sepertimana yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-91 yang diadakan pada 25 Ogos 2015 adalah seperti berikut:

A. KOMPOSISI

A.1 Pihak Lembaga Pengarah hendaklah melantik Jawatankuasa Audit daripada kalangan para Pengarah dan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli, yang mana kesemuanya mestilah Pengarah Bukan Eksekutif Syarikat dengan majoritinya merupakan Pengarah Bebas. Pengarah Gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

A.2 Sekurang-kurangnya seorang (1) ahli Jawatankuasa Audit:

(a) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia;

(b) jika beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mestilah mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun dan:

- beliau mestilah telah lulus peperiksaan yang ditentukan dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
- beliau mestilah merupakan ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang ditentukkan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau

(c) memenuhi keperluan lain sebagaimana yang telah ditetapkan atau diluluskan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

A.3 Ahli Jawatankuasa Audit hendaklah melantik seorang Pengerusi daripada kalangan mereka yang merupakan seorang Pengarah Bebas.

A.4 Ahli Jawatankuasa Audit hendaklah memiliki pertimbangan yang wajar, objektiviti, pengalaman pengurusan serta pengetahuan tentang pelbagai segmen perniagaan Kumpulan. Semua ahli Jawatankuasa Audit perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang kewangan.

A.5 Semua ahli Jawatankuasa Audit, termasuk Pengerusi, akan hanya memegang jawatan selama mana mereka masih menjadi Pengarah Syarikat.

A.6 Jika bilangan ahli Jawatankuasa Audit, atas sebarang sebab, menjadi kurang daripada tiga (3) orang, maka Lembaga Pengarah, atas saranan Jawatankuasa Pencalonan PNHB hendaklah dalam tempoh tiga (3) bulan daripada kejadian tersebut, melantik ahli baharu menurut bilangan yang diperlukan oleh Jawatankuasa Audit bagi memenuhi bilangan minimum ahli iaitu seramai tiga (3) orang.

B. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Bagi mencapai objektif utamanya, Jawatankuasa Audit perlu menjalankan tugas dan tanggungjawab berikut:

B.1 Juruaudit Luar

Dalam menyelia semua perkara berkaitan dengan Juruaudit Luar, Jawatankuasa Audit hendaklah:

B.1.1 Menimbang dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah PNHB, pelantikan (dan pelantikan semula) firma perakaunan yang sesuai untuk bertindak sebagai Juruaudit Luar termasuk yuran audit yang perlu dibayar kepadanya dan antara faktor yang perlu dipertimbangkan untuk pelantikan adalah kebebasan, kelayakan, kecukupan dari segi pengalaman dan sumber firma dan rakan kongsi firma serta sumber yang teruntuk kepada audit.

B.1.2 Mengkaji sebarang surat peletakan jawatan daripada Juruaudit Luar dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah PNHB.

B.1.3 Sebelum bermulanya audit, Rancangan Audit Tahunan dikaji dan membincangkan tentang bentuk, pendekatan serta skop audit dan memastikan penyelarasan dilakukan apabila terdapat lebih daripada satu firma audit yang terlibat.

B.1.4 Mengkaji penilaian sistem kawalan dalaman bersama dengan Juruaudit Luar.

B.1.5 Mengkaji Laporan Audit Juruaudit Luar serta Surat Pengurusan dan membincangkan sebarang masalah dan keraguan yang timbul daripada audit interim dan audit akhir.

B.1.6 Mengkaji bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh para pegawai Kumpulan PNHB kepada Juruaudit Luar.

B.1.7 Memantau setakat mana kerja bukan audit dilaksanakan oleh Juruaudit Luar untuk memastikan bahawa kebebasan Juruaudit Luar tidak terjejas oleh peruntukan perkhidmatan bukan audit kepada Kumpulan PNHB.

B.1.8 Mendapatkan jaminan bertulis daripada Juruaudit Luar yang mengesahkan kebebasan mereka sepanjang tempoh mereka diambil berkhidmat dan bagi tahun kewangan terbabit, demi mematuhi keperluan badan profesional dan badan kawal selia yang berkaitan.

B.1.9 Juruaudit luar berhak menghadiri dan menyuarakan pendapat dalam sebarang mesyuarat Jawatankuasa Audit dan hendaklah tampil di hadapan Jawatankuasa Audit apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa Audit.

B.1.10 Atas permintaan Juruaudit Luar, Pengerusi Jawatankuasa Audit hendaklah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit bagi mempertimbangkan sebarang perkara yang mana Juruaudit Luar percaya, perlu dibawa kepada perhatian Jawatankuasa Audit.

B.1.11 Jawatankuasa Audit boleh mengadakan mesyuarat dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif, pihak Pengurusan dan kakitangan Kumpulan PNHB, pada bila-bila masa dianggap perlu.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

B.2 Juruaudit Dalaman

Dalam menyelia Jabatan Audit Dalaman, Jawatankuasa Audit hendaklah:

B.2.1 Mengkaji rancangan audit dalaman tahunan, skop dan objektif, sumber, kelayakan, kebebasan, struktur pelaporan serta prestasi audit dalaman.

B.2.2 Memantau pelaksanaan rancangan audit, dan apabila perlu, pastikan:

i. Bahawa tindakan yang sesuai diambil terhadap saranan yang dibuat oleh Juruaudit Dalaman.
Ii. Bahawa skop, fungsi, kecekapan dan sumber Juruaudit Dalaman adalah mencukupi dan ia memiliki kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya.

B.2.3 Mengkaji sebarang penilaian atau penaksiran prestasi kakitangan Jabatan Audit Dalaman.

B.2.4 Meluluskan sebarang pelantikan atau pemberhentian Ketua Jabatan Audit Dalaman.

B.2.5 Mengambil perhatian tentang peletakan jawatan Ketua Jabatan Audit Dalaman dan anggota kakitangan Jabatan Audit Dalaman serta sebab mereka meletakkan jawatan seperti yang dinyatakan dalam Borang(-borang) Temu Duga Berhenti Kerja.

B.2.6 Juruaudit Dalaman berhak menghadiri dan menyuarakan pendapat dalam sebarang mesyuarat Jawatankuasa Audit dan hendaklah tampil di hadapan Jawatankuasa Audit apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa Audit.

B.2.7 Atas permintaan Juruaudit Dalaman, Pengerusi Jawatankuasa Audit hendaklah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang mana Juruaudit Dalaman percaya, perlu dibawa kepada perhatian Jawatankuasa Audit.

B.2.8 Jawatankuasa Audit boleh mengadakan mesyuarat dengan Juruaudit Dalaman tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif, pihak Pengurusan dan kakitangan Kumpulan PNHB, pada bila-bila masa dianggap perlu.

B.2.9 Jabatan Audit Dalaman hendaklah melaksanakan kebebasan, kesaksamaan, kecekapan dan kecermatan profesional yang sewajarnya dalam mengendali auditnya terhadap aktiviti Kumpulan PNHB.

B.3 Pelaporan dan Proses Kewangan

Dalam mengawasi semua perkara yang berkaitan dengan pelaporan dan proses kewangan Kumpulan PNHB, Jawatankuasa Audit hendaklah:

B.3.1 Memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah mengenai kualiti dan keandalan maklumat kewangan yang digunakan oleh Lembaga Pengarah dan maklumat kewangan yang disiarkan secara umum oleh Kumpulan PNHB.

B.3.2 Menilai sama ada laporan kewangan mengemukakan pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan dan prestasi kewangan Kumpulan PNHB serta mematuhi keperluan pengawalseliaan.

B.3.3 Mengkaji keputusan suku tahunan dan penyata kewangan akhir tahun yang telah diaudit bagi Kumpulan PNHB sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dengan memberi tumpuan khusus kepada:

i. perubahan atau pelaksanaan perubahan yang besar dalam dasar perakaunan;
ii. peristiwa penting dan luar biasa;
iii. sebarang bentuk komitmen atau liabiliti luar jangka yang luar biasa atau penting;
iv. andaian usaha berterusan; dan
v. pematuhan terhadap piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

B.3.4 Mengkaji sebarang keadaan urus niaga dengan pihak berkaitan dan situasi yang melibatkan konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan, termasuk sebarang urus niaga, prosedur atau tatacara kendalian yang menimbulkan persoalan terhadap kewibawaan pihak Pengurusan.

B.3.5 Mengkaji kemampuan dan keberkesanan tatacara dan dasar perakaunan Kumpulan PNHB, kemampuan dan keberkesanan pengurusan risiko serta sistem kawalan dalaman dan juga piawaian pelaporan kewangan Kumpulan PNHB.

B.4 Perkara-perkara Lain

Melaksanakan sebarang perkara-perkara atau fungsi-fungsi lain seperti yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

C. BIDANG KUASA JAWATANKUASA AUDIT

Dalam melaksanakan tugas-tugas serta tanggungjawabnya, Jawatankuasa Audit hendaklah memiliki kuasa dan autoriti berikut, menurut tatacara yang akan ditentukan oleh Lembaga Pengarah dan dengan kos tertanggung kepada Syarikat:

i. memiliki kuasa untuk menyiasat sebarang perkara yang terangkum dalam Terma-terma Rujukan;
ii. memiliki sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
iii. mempunyai akses yang sepenuhnya dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat yang berkaitan dengan Kumpulan PNHB;
iv. mempunyai saluran komunikasi secara terus dengan Juruaudit Luar dan individu(-individu) yang menjalankan fungsi atau aktiviti Audit Dalaman;
v. boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
vi. boleh mengadakan mesyuarat dengan Juruaudit Luar dan individu(-individu) yang menjalankan fungsi atau aktiviti Audit Dalaman, atau kedua-duanya, tanpa kehadiran Pengarah Eksekutif, pihak Pengurusan dan kakitangan Kumpulan PNHB, pada bila-bila masa dianggap perlu.

D. MELAPORKAN PELANGGARAN KEPADA BURSA

Apabila Jawatankuasa Audit berpandangan bahawa perkara yang dilaporkannya kepada Lembaga Pengarah tidak diselesaikan secara memuaskan dan mengakibatkan pelanggaran terhadap Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan perkara tersebut dengan segera kepada pihak Bursa.

Teks penuh berkenaan Terma-terma Rujukan Jawatankuasa Audit boleh dilayari di laman web PNHB, www.puncakniaga.com.my di bawah pautan Hubungan Pelabur.

DASAR PENDEDAHAN KORPORAT

SEBAGAI WARGA KORPORAT YANG BERTANGGUNGJAWAB, PUNCAK NIAGA KOMITED SEPENUHNYA UNTUK MENDUKUNG PIAWAIAN KETELUSAN, KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN INTEGRITI YANG TERTINGGI DALAM PENDEDAHAN SEMUA MAKLUMAT PENTING SYARIKAT KEPADA MASYARAKAT PELABUR DENGAN SECARA TEPAT, JELAS, LENGKAP DAN MENEPATI MASA MENURUT KEPERLUAN PENDEDAHAN KORPORAT, SEPERTIMANA YANG DITETAPKAN OLEH KEPERLUAN PENYENARAIAN BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD ("BURSA SECURITIES") UNTUK PASARAN UTAMA.

Objektif utama Dasar Pendedahan Korporat Puncak Niaga adalah:-

1. Untuk menggalakkan dan mengekalkan integriti pasaran dan keyakinan pelabur.
2. Untuk memberikan akses yang sama rata ke atas maklumat-maklumat penting Syarikat secara tepat, jelas, menepati masa dan lengkap dan mengelakkan berlakunya pendedahan secara berpilih-pilih terhadap masyarakat pelabur.
3. Untuk melaksanakan usaha wajar supaya maklumat yang disebarkan kepada masyarakat pelabur, sebaik mungkin adalah tepat, jelas, menepati masa dan lengkap.
4. Untuk mengadakan tatacara pengurusan maklumat yang cekap ke arah menggalakkan kebertanggungjawaban dalam penyebaran maklumat penting kepada masyarakat pelabur.
5. Untuk menjalinkan hubungan baik dengan masyarakat pelabur berdasarkan kepada prinsip-prinsip amanah, kejujuran, keterbukaan, ketelusan dan kefahaman yang mendalam terhadap Syarikat.

Untuk mencapai objektif-objektifnya, Syarikat akan berusaha melaksanakan perkara-perkara berikut:-

1. MEWUJUDKAN DASAR DAN TATACARA

- Memastikan dasar dan tatacara bertulis Syarikat ("Dasar dan Tatacara Pendedahan Korporat Puncak Niaga") yang merangkumi Dasar Pendedahan Korporat dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan dengan pendedahan korporat, adalah seperti yang ditetapkan di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Securities untuk Pasaran Utama.
- Melantik seorang pegawai kanan Syarikat untuk mengawasi dan menyelaraskan keperluan pendedahan bagi memastikan Syarikat mematuhi Keperluan Penyenaraian Bursa Securities untuk Pasaran Utama.
- Memastikan hanya individu-individu yang dilantik sahaja berperanan menjadi jurucakap Syarikat.
- Memastikan pematuhan yang sewajarnya dengan Dasar Dan Tatacara Pendedahan Korporat Puncak Niaga.

2. MENGAMALKAN USAHA WAJAR DAN PERSEDIAAN

- Memastikan supaya individu-individu yang bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat penting kepada masyarakat pelabur, mengamalkan usaha wajar dalam memastikan supaya maklumat yang akan dikeluarkan adalah tepat, jelas, menepati masa dan lengkap.
- Memastikan sikap berwaspada diamalkan semasa memberikan taklimat dan maklum balas kepada penganalisis, pelabur institusi, media dan masyarakat pelabur.

3. MEMANFAATKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Memanfaatkan teknologi maklumat semasa untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat pelabur.

Komitmen kami dalam melaksanakan Dasar di atas didorong oleh Lembaga Pengarah Kumpulan PNHB dan dilaksanakan oleh Pihak Pengurusan.

DASAR TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD ("PNHB") MENYEDARI KEPENTINGAN UNTUK MENJADI SEBUAH ORGANISASI YANG MENGAMALKAN PIAWAIAN ETIKA KERJA TERTINGGI. SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PARA PEMEGANG SAHAMNYA, RAKAN-RAKAN SEKUTU PERNIAGAAN, PEMBEKAL, KAKITANGAN DAN PELBAGAI PEMEGANG KEPENTINGAN, KAMI MEMANDANG SERIUS TERHADAP TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT KERANA VISI KAMI ADALAH UNTUK MENJADI PENERAJU SERANTAU PENYEDIAAN PENYELESAIAN BERSEPADU PERKHIDMATAN AIR, AIR SISA DAN ALAM SEKITAR DENGAN PENGLIBATAN DALAM SEKTOR MINYAK DAN GAS, DAN MUNCUL SEBAGAI ENTITI PERNIAGAAN PENTING DALAM SEKTOR PERLADANGAN DAN PEMBANGUNAN HARTANAH.

ALAM SEKITAR

Kami menyokong kemampanan alam sekitar melalui pengurusan operasi dan aktiviti harian kami secara bertanggungjawab untuk meminimumkan aktiviti yang boleh menjejaskan alam sekitar dan alam semulajadi. Kami menyokong pendekatan berjaga-jaga terhadap cabaran alam sekitar, melaksanakan inisiatif yang mendorong sikap lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan menggalakkan pembangunan serta penyebaran teknologi yang bersifat mesra alam.

KOMUNITI

Kami menyokong sifat dermawan dan sumbangan kebajikan, sokongan dan penglibatan aktif dengan komuniti setempat melalui inisiatif kesukarelawanan dan program-program lain. Kami juga menyokong dan menggalakkan kakitangan kami membantu organisasi dan aktiviti komuniti setempat di kawasan di mana kami beroperasi.

PEMEGANG KEPENTINGAN

Kami menjaga kepentingan dan keutamaan para pemegang kepentingan kami serta mengurus risiko untuk memaksimumkan keuntungan demi kejayaan dan pertumbuhan Syarikat.

KAKITANGAN

Kami menghormati hak dan kepelbagaian kakitangan kami, tanpa mengira bangsa serta jantina, sambil menyediakan tempat kerja yang dinamik dan kesamarataan peluang, meninggikan lagi kepuasan kakitangan serta mempertingkatkan modal intelek melalui pelaburan berterusan dalam latihan dan pembangunan kemahiran kakitangan bagi pertumbuhan kuantum Syarikat.

USAHA SAMA STRATEGIK DAN PENINGKATAN PENGETAHUAN DI SEMUA PERINGKAT

Kami menggalakkan pembelajaran berterusan dan peningkatan pengetahuan di semua peringkat melalui usaha sama dengan institusi pengajian tinggi dan perbadanan tempatan dan antarabangsa.

KAMI JUGA BERAZAM BUKAN HANYA UNTUK MENGEKALKAN PIAWAIAN ETIKA TERTINGGI, MALAH MENCAPAI KEMAMPANAN DALAM OPERASI DAN IMPAK KAMI TERHADAP ALAM SEKITAR UNTUK FAEDAH PARA PELANGGAN, PEMEGANG SAHAM, PEMEGANG KEPENTINGAN DAN RAKAN SEKUTU PERNIAGAAN KAMI. KAMI PERCAYA BAHAWA AMALAN PERNIAGAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB DAPAT MENAMBAHKAN NILAI, MENINGKATKAN DAYA SAING, MEMANTAPKAN REPUTASI SERTA MENAMBAHBAIK JENAMA DAN NILAI PEMEGANG KEPENTINGAN DEMI KECEMERLANGAN PERNIAGAAN DAN KEMAMPANAN KORPORAT.

DASAR KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

ADALAH MENJADI DASAR PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD DAN ANAK SYARIKATNYA (KUMPULAN PUNCAK NIAGA) UNTUK MENYEDIAKAN SETAKAT YANG PRAKTIK, TEMPAT KERJA YANG SIHAT, SELAMAT DAN MESRA ALAM UNTUK SEMUA KAKITANGAN, KONTRAKTOR, PELAWAT, AHLI-AHLI PERTUBUHAN YANG BERMINAT DAN LAIN-LAIN, DAN DI ATAS SEMANGAT PERUNDINGAN SERTA KERJASAMA, PIHAK PENGURUSAN DAN JUGA KAKITANGAN AKAN BERSAMA-SAMA BERUSAHA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT DAN OBJEKTIF DASAR INI.

Tanpa prasangka terhadap kenyataan umum di atas, Dasar Kumpulan Puncak Niaga adalah:-

- untuk menyedia dan mengekalkan tempat dan sistem kerja yang sihat, selamat dan mesra alam, dan juga akan sentiasa melaksanakan penambahbaikan berterusan ke atas prestasi alam sekitar dan keselamatan;
- untuk sentiasa menekankan pencegahan kecederaan, penyakit pekerjaan dan pencemaran di dalam semua aktiviti;
- untuk memastikan objektif dan sasaran keselamatan dan alam sekitar dirangka dan disemak;
- untuk memastikan semua kakitangan adalah diberitahu, diarah, dilatih dan diselia mengenai kaedah melaksanakan tugas dengan selamat tanpa sebarang risiko kepada kesihatan dan kemudaratan ke atas alam sekitar;
- untuk menyiasat semua insiden kesihatan, keselamatan pekerjaan dan alam sekitar, dan melaksanakan langkah pembetulan untuk memastikan insiden-insiden tersebut tidak berulang;
- untuk mematuhi undang-undang dan lain-lain peraturan yang berkaitan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar, dan juga amalan baik lain yang dipatuhi Kumpulan;
- untuk mengkaji dasar bila perlu dan memastikan ia difahami oleh semua kakitangan dan boleh diperolehi oleh pihak-pihak yang berminat.

DASAR & LAPORAN PERHUBUNGAN PELABUR

SEBAGAI WARGA KORPORAT YANG BERTANGGUNGJAWAB, PUNCAK NIAGA KOMITED SEPENUHNYA UNTUK MENDOKONG PIAWAIAN KETELUSAN, AKAUNTABILITI DAN KEWIBAWAAN PALING TINGGI DALAM TATALAKU AKTIVITI PERNIAGAAN KAMI DEMI KEPENTINGAN PARA PEMEGANG SAHAM DAN JUGA UNTUK MEMBOLEHKAN PELABUR YANG BERPOTENSI MEMBUAT KEPUTUSAN PELABURAN SECARA TELITI DAN TERMAKLUM BERASASKAN KEPADA PENDEDAHAN MAKLUMAT YANG LENGKAP DAN TELUS.

DASAR PERHUBUNGAN PELABUR PUNCAK NIAGA BERTUJUAN UNTUK MEMBINA HUBUNGAN DAN KREDIBILITI JANGKA PANJANG DENGAN PARA PEMEGANG SAHAM SERTA BAKAL PELABUR KAMI BERDASARKAN KEPERCAYAAN, KEJUJURAN, KETERBUKAAN, KETELUSAN DAN PEMAHAMAN YANG KUKUH MENGENAI SYARIKAT.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Syarikat akan berusaha untuk melaksanakan langkah-langkah berikut:-

1. **MENGADAKAN DIALOG YANG BERKUALITI**
   - Untuk mewujudkan suasana komunikasi dua hala yang berkesan antara Syarikat dengan para pemegang saham serta pelabur kami yang memaklumi dan mendidik melalui penyediaan maklumat yang berkaitan dan berharga secara kerap, terbuka dan telus bagi tempoh jangka panjang yang dapat membina hubungan jangka panjang yang menguntungkan kedua-dua pihak di samping memupuk kefahaman yang lebih jelas mengenai jangkaan para pemegang saham dan pelabur terhadap Syarikat.
   - Untuk mengadakan sesi dialog yang berkualiti dengan para pemegang saham dan pelabur kami di mana perhubungan tersebut dijalin berlandaskan kepada prinsip kejujuran, keterbukaan dan ketelusan sambil bertujuan untuk memupuk persefahaman antara Syarikat dan para pemegang saham dan pelabur kami.
   - Untuk memperolehi manfaat daripada penglibatan dalam dialog berkualiti:-

     - Tanggapan terhadap risiko Syarikat kami dikurangkan;
     - Meningkatkan maklum balas berkaitan prestasi Syarikat kami;
     - Penilaian saham Syarikat kami menjadi lebih realistik;
     - Membina keyakinan terhadap pasukan Pengurusan dan cara pengurusan kami; dan
     - Berfungsi sebagai panduan dalam penilaian strategi perniagaan Syarikat kami.

2. **PENYATA KOMUNIKASI PELABUR**
   - Untuk melaksanakan Program Perhubungan Pelabur secara cekap dan berkesan sebagai sebahagian daripada kewajipan berterusan kami terhadap komunikasi para pemegang saham dan pelabur kami.
   - Untuk menyediakan maklumat yang berkualiti tinggi, bermakna dan tepat pada masanya sepertimana yang dikehendaki dan diperlukan oleh undang-undang agar dapat mempertingkatkan pemahaman para pemegang saham dan pelabur Syarikat kami.
   - Untuk berusaha mencapai tahap kecekapan teras dalam bidang perhubungan pelabur profesional melalui sumber dan kemampuan yang mencukupi.
   - Untuk mendapatkan kepercayaan, penghormatan dan keyakinan daripada para pemegang saham dan pelabur kami yang sedia ada.
   - Untuk membina dan mengekalkan perhubungan jangka panjang dengan para pemegang saham dan pelabur kami yang sedia ada.
   - Untuk menjalin perhubungan jangka panjang dengan bakal pemegang saham dan pelabur.

Komitmen kami terhadap Dasar di atas didorong oleh Lembaga Pengarah Kumpulan PNHB dan dilaksanakan oleh pihak Pengurusan.

DASAR & LAPORAN PERHUBUNGAN PELABUR

LAPORAN PERHUBUNGAN PELABUR

Perhubungan pelabur merupakan satu kaedah di mana syarikat-syarikat tersenarai mengekalkan dialog dengan para pemegang saham dan bakal pelabur mereka yang sedia ada. Ia menjadi tanggungjawab strategik pihak pengurusan untuk memberikan gambaran yang tepat mengenai prestasi dan prospek korporat, justeru membolehkan masyarakat pelabur menentukan harga saham secara realistik melalui sebuah pasaran yang termaklum. Hasilnya, perhubungan pelabur mampu membawa impak positif kepada nilai pasaran dan kos modal Syarikat berbanding dengan sektor industrinya serta suasana ekonomi secara keseluruhan.

Justeru, Lembaga Pengarah Puncak Niaga dengan sukacitanya melaporkan aktiviti perhubungan pelabur Syarikat pada tahun 2015 seperti berikut:-

DIALOG DENGAN PARA PELABUR

Pihak Pengurusan Tertinggi Kumpulan terlibat secara aktif dalam mesyuarat, dialog dan sesi taklimat dengan kumpulan institusi tempatan dan antarabangsa. Pada tahun 2015, sebanyak 5 dialog dan sesi taklimat berkumpulan telah diadakan dengan para pelabur sedia ada dan bakal pelabur, para pengurus dana tempatan dan asing serta penganalisis kewangan dari firma-firma penyelidikan dan pengurusan aset.

AKSES PARA PELABUR KEPADA MAKLUMAT

Selaras dengan Dasar Perhubungan Pelabur kami, Puncak Niaga sentiasa memastikan pendedahan maklumat dibuat bertepatan dengan masanya melebihi keperluan pendedahan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa pengawal selia peraturan bagi membolehkan masyarakat pelabur membuat keputusan pelaburan secara teliti dan termaklum terhadap sekuriti Syarikat. Para pemegang saham dan pelabur boleh menghubungi kami di *investors@puncakniaga.com.my* dan mendapatkan maklumat serta pengumuman korporat Kumpulan di laman web kami, *www.puncakniaga.com.my*. Semua pengumuman yang dibuat kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") disiarkan sejurus selepas ia disiarkan di laman web Bursa Securities. Semua pertanyaan pemegang saham akan diterima oleh Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat/Setiausaha Syarikat Kumpulan yang akan memberi maklum balas dan respon yang berkaitan kepada pertanyaan pemegang saham di mana maklumat sedemikian boleh disediakan kepada orang ramai.

ms.108

Sejak 22 Oktober 2004, dalam usaha kami untuk memenuhi kewajipan pendedahan maklumat kepada para pemegang saham, pelabur dan pemegang kepentingan kami, Kumpulan kami telah mengamal dan melaksanakan Dasar Pendedahan Korporat Puncak Niaga (seperti yang dibentangkan di muka surat 108 dalam Laporan Tahunan ini) yang dirumuskan selaras dengan 'Panduan Amalan Terbaik Berkaitan Pendedahan Korporat' yang dikeluarkan oleh Pasukan Petugas Bursa Securities bagi Amalan Terbaik Pendedahan Korporat.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN ("AGM")

Lembaga Pengarah Puncak Niaga percaya sepenuhnya bahawa AGM adalah forum terbaik untuk memupuk perhubungan yang lebih erat dengan para pemegang saham kami bagi membolehkan kami meneruskan proses penglibatan kami dengan mereka.

Semenjak tahun 2003, AGM kami telah dimulakan dengan Pembentangan Syarikat diikuti dengan Sesi Soal Jawab. Para pemegang saham kami dimaklumkan mengenai prestasi korporat dan kewangan Kumpulan, perkembangan terkini dan isu-isu yang menjadi perhatian para pemegang saham. Puncak Niaga mengambil pendekatan 'Kami menghargai pandangan anda' dan 'Kami bersedia untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik'. Pada masa yang sama, maklum balas para pemegang saham kami yang ada kaitan dengan operasi kami diberi pertimbangan semasa kami membuat keputusan berkaitan perniagaan. Laporan Tahunan PNHB dalam bentuk CD-ROM dihantar kepada para pemegang saham Syarikat yang layak sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh AGM diadakan seperti yang diperlukan oleh Akta Syarikat, 1965 dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

AGM 2016 akan diadakan pada hari Rabu, 25 Mei 2016, di Concorde Hotel Shah Alam. Notis AGM ada dilampirkan bersama Laporan Tahunan ini. Semua keputusan resolusi yang akan disyorkan di AGM 2016 akan disiarkan melalui laman web Bursa Securities dan laman web Syarikat pada petang 25 Mei 2016.

DASAR & LAPORAN PERHUBUNGAN PELABUR

UNIT PERHUBUNGAN PELABUR

Unit Perhubungan Pelabur ("IRU") mengendalikan satu pangkalan data bagi para pemegang saham dan pelabur yang ingin dimaklumkan mengenai perkembangan dan prestasi korporat Kumpulan melalui e-mel.

Sila e-mel butiran anda kepada kami untuk perhatian Puan Tan Bee Lian, Pengarah Eksekutif, Bahagian Perkhidmatan Korporat/Setiausaha Syarikat Kumpulan di *investors@puncakniaga.com.my* atau melalui pos ke Unit Perhubungan Pelabur d/a Jabatan Kesetiausahaan, Puncak Niaga Holdings Berhad, Tingkat 10, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, sekiranya anda ingin nama anda dimasukkan ke dalam pangkalan data kami.

Pada masa yang sama, bagi membolehkan kami menambahbaik lagi tahap perkhidmatan kami kepada komuniti dan pemegang kepentingan, sila hantarkan komen, pandangan dan kemusykilan anda kepada kami di *pr@puncakniaga.com.my* untuk pertanyaan awam dan *investors@puncakniaga.com.my* untuk pertanyaan pelabur.

DASAR KUALITI

ADALAH MENJADI DASAR PUNCAK NIAGA UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN DAN PRODUK YANG BERKUALITI YANG DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN SERTA KEPUASAN PELANGGAN.

Puncak Niaga akan berusaha bersungguh-sungguh secara konsisten dalam mengaplikasi dan menyelenggara sistem pengurusan kualiti berdasarkan kepada keperluan yang dikuatkuasakan, piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang memastikan pendekatan yang terancang, sistematik dan proaktif terhadap kualiti dalam semua aspek kerja.

Puncak Niaga juga komited dalam menyediakan suasana kerja yang selamat, harmoni dan kondusif serta melengkapkan kakitangan dengan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan untuk mempertingkatkan kualiti kerja kami secara sistematik.

Pengurusan Kualiti Puncak Niaga akan bercirikan kepada perkara-perkara berikut:-

- Budaya peningkatan dan kerjasama berpasukan secara berterusan.
- Bersikap proaktif di semua peringkat.
- Mengaplikasikan prinsip ‘Right First Time Every Time’ secara konsisten.
- Kakitangan berkeupayaan menyelesaikan masalah dalam masa yang singkat.

Semua kakitangan haruslah bersama-sama bertanggungjawab dalam memahami dan mengaplikasikan Dasar Kualiti dengan penuh kesungguhan.

DASAR KEPELBAGAIAN JANTINA

1.0 PENYATA DASAR

Puncak Niaga Holdings Berhad serta Kumpulan Syarikat ("Kumpulan") komited terhadap kepelbagaian di tempat kerja. Kumpulan mengiktiraf kepelbagaian jantina sebagai cara untuk memantapkan prestasi Kumpulan, menambah baik usaha pengekalan kakitangan, memperoleh sudut pandangan dan idea-idea berbeza serta meraih manfaat daripada semua bakat sedia ada.

Kepelbagaian jantina ini meliputi, tetapi tidak terhad kepada umur, etnik dan latar belakang budaya. Ia melibatkan usaha mengiktiraf dan menghargai sumbangan, kemahiran, pengalaman serta bakat dari pelbagai latar belakang dan kemahiran yang berbeza.

2.0 MATLAMAT-MATLAMAT

Kumpulan mengiktiraf kepelbagaian jantina dan menyokong aspirasi-aspirasi negara dalam menyediakan peluang sama rata kepada kedua-dua kakitangan lelaki dan perempuan. Kumpulan percaya bahawa kejayaan serta daya saing Kumpulan bergantung kepada keupayaannya untuk menghayati kepelbagaian dan merealisasikan manfaat-manfaat seperti berikut:-

- Kumpulan bebas daripada diskriminasi jantina di mana peluang sama rata diberikan sewaktu pengambilan kerja, melatih dan memajukan kerjaya para pengarah, pegawai dan kakitangan.
- Tenaga kerja yang pelbagai daripada pelbagai latar belakang akademik, pengalaman, kemahiran, bahasa dan fahaman budaya boleh membekalkan lebih banyak penyelesaian terhadap masalah di tempat kerja dan membolehkan sesebuah syarikat menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan secara global.

3.0 TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah bertanggungjawab memupuk persekitaran di mana setiap individu dihormati dan peluang sama rata diberi kepada semua kakitangan berhubung dengan pembangunan kerjaya berdasarkan prestasi dengan tumpuan khusus terhadap penglibatan kakitangan wanita dalam Lembaga Pengarah dan di peringkat Pengurusan Kanan Kumpulan. Lembaga Pengarah akan menetapkan hala tujuan berkenaan kepelbagaian jantina dari semasa ke semasa demi mencapai matlamat-matlamat Dasar ini.

PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN KUMPULAN DAN SYARIKAT TELAH DISEDIAKAN SELARAS DENGAN PIAWAIAN PERAKAUNAN YANG DILULUSKAN DAN BOLEH DIGUNA PAKAI DI MALAYSIA DAN MENURUT PERUNTUKAN AKTA SYARIKAT, 1965. PARA PENGARAH BERTANGGUNGJAWAB MEMASTIKAN BAHAWA PENYATA KEWANGAN TERSEBUT MEMBERI GAMBARAN YANG BENAR DAN SAKSAMA TENTANG KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN DAN SYARIKAT SETAKAT 31 DISEMBER 2015 SERTA KEPUTUSAN DAN ALIRAN TUNAI KUMPULAN DAN SYARIKAT BAGI TAHUN KEWANGAN YANG BERAKHIR PADA TARIKH TERSEBUT.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

- Memilih dasar perakaunan yang bersesuaian dan menggunakannya secara konsisten;
- Membuat pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat;
- Memastikan semua piawaian perakaunan yang boleh diguna pakai telah diikuti; dan
- Telah membuat penilaian terhadap kemampuan Kumpulan dan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai sebuah syarikat usaha niaga berterusan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan untuk mengambil langkah yang munasabah dan yang tersedia buat mereka untuk melindungi aset Kumpulan demi mencegah dan mengesan penipuan dan ketidaknalaran lain.

0 9

PENYATA KEWANGAN

118 Takrifan

121 Laporan Pengarah

126 Penyata Kedudukan Kewangan

128 Penyata Untung Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain-lain

130 Penyata Perubahan Ekuiti

134 Penyata Aliran Tunai

138 Nota kepada Penyata Kewangan

231 Maklumat tambahan mengenai Pecahan Butiran keuntungan dan kerugian yang direalisasi dan tidak direalisasi

232 Penyata Pengarah

233 Akuan Berkanun

234 Laporan Juruaudit Bebas

TAKRIFAN

Takrifan yang dinyatakan di bawah hendaklah diguna pakai di seluruh Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, kecuali di mana konteks tersebut menyatakan sebaliknya:

"ACQUA"	:	Acqua SPV Berhad
"Air Selangor"	:	Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Temasek Tiasa Sdn. Bhd.)
"BAIDS"	:	Sekuriti Hutang Islam Al-Bai' Bithaman Ajil 10-Tahun bernilai RM1,020,000,000 Bon Utama bersama-sama dengan Bon Sekunder Tidak Boleh Asing
"Bursa Sekuriti"	:	Bursa Malaysia Securities Berhad
"CCOA"	:	Perjanjian Pembinaan Merangkap Operasi
"CCRPS"	:	Saham Keutamaan Boleh Tebus Boleh Tukar Kumulatif
"CGU"	:	Unit Penjanaan Tunai
"CLMSB"	:	Corporate Line (M) Sdn. Bhd.
"Syarikat"	:	Puncak Niaga Holdings Berhad
"CPMSB"	:	Central Plus (M) Sdn. Bhd.
"EGM"	:	Mesyuarat Agung Luar Biasa
"Kerajaan Persekutuan"	:	Kerajaan Malaysia
"GOM Resources"	:	GOM Resources Sdn. Bhd.
"GOL"	:	GOM Resources Limited
"Kumpulan"	:	Kumpulan Syarikat Puncak Niaga Holdings Berhad
"Hebei Sino"	:	Hebei Sino Panlong Industrial Water Supply Co. Ltd.
"JNA"	:	Nota Junior A, Tidak Boleh Tukar Boleh Tebus 15 Tahun 2001/2016 diterbitkan oleh PNSB
"JVA"	:	Perjanjian Usaha Sama
"KDEB"	:	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
"KGL"	:	KGL Ltd.
"KHEC"	:	Kris Heavy Engineering & Construction Sdn. Bhd.
"KeTTHA"	:	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
"LUWEI"	:	Luwei (Pingdingshan) Water Co. Ltd.

TAKRIFAN (SAMBUNGAN)

"MCPs"	:	Kertas Perdagangan Al-Murabahah
"MMTNs"	:	Nota Jangka Sederhana Al-Murabahah
"MOF"	:	Kementerian Kewangan Diperbadankan
"O&M"	:	Operasi & Penyelenggaraan
"PAAB"	:	Pengurusan Aset Air Berhad
"PCCA"	:	Perjanjian Penswastaan Merangkap Konsesi
"PNOC"	:	Puncak Niaga Overseas Capital Pte. Ltd.
"PNIPPL"	:	Puncak Niaga Infrastructures and Projects Pte. Ltd.
"PNHB"	:	Puncak Niaga Holdings Berhad
"PNSB"	:	PNSB Water Sdn. Bhd. (dahulu dikenali sebagai Puncak Niaga (M) Sdn. Bhd.)
"POG"	:	Puncak Oil & Gas Sdn. Bhd.
"PRC"	:	Republik Rakyat China
"PUAS"	:	Perbadanan Urus Air Selangor Berhad
"PNCSB"	:	Puncak Niaga Construction Sdn. Bhd.
"PNMSSB"	:	Puncak Niaga Management Services Sdn. Bhd.
"RCULS"	:	Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus
"RCSSI"	:	Sukuk Ijarah Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus 5 tahun
"RM"	:	Ringgit Malaysia
"RMB"	:	Renminbi China
"RSBs"	:	Bon Bercagar Boleh Tebus Sepuluh (10) Tahun Bernilai Nominal RM435,000,000 PNSB
"RZ Management"	:	RZ Management Services Sdn. Bhd.
"Serba Tiara"	:	Serba Tiara Sdn. Bhd.
"SGD"	:	Dolar Singapura
"SINO"	:	Sino Water Pte. Ltd.
"Sino Water (Shanghai)"	:	Sino Water Environmental Consultancy (Shanghai) Co. Ltd.

TAKRIFAN (SAMBUNGAN)

"SPAN"	:	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
"SPLASH"	:	Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn. Bhd.
"SSP 2"	:	Skim Bekalan Air Sungai Selangor Fasa 2, Peringkat I dan II
"Kerajaan Negeri"	:	Kerajaan Negeri Selangor
"SYABAS"	:	Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.
"SYABAS Concession Agreement"	:	Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004 di antara SYABAS, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
"USD"	:	Dolar Amerika Syarikat
"XINNUO"	:	Xinnuo Water (Binzhou) Co. Ltd.

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan, manakala aktiviti utama subsidiarinya adalah seperti yang dikemukakan dalam Nota 7 penyata kewangan.

Tiada perubahan ketara dalam bentuk aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Keputusan	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan	63,058	1,162,753
Keuntungan boleh diatribut kepada:		
Pemilik Kumpulan/Syarikat	65,576	1,162,753
Kepentingan bukan kawalan	(2,518)	-
	63,058	1,162,753

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan dalam semakan selain daripada yang dikemukakan dalam penyata kewangan.

DIVIDEN

Dividen Khas bernilai RM1.00 sesaham biasa berjumlah RM447,171,674 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 telah dibayar oleh Syarikat kepada pemilik saham Syarikat pada 23 Disember 2015 selepas selesainya pelupusan PNSB dan SYABAS kepada Air Selangor.

Melainkan perkara di atas, para Pengarah tidak mencadangkan apa-apa dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

PARA PENGARAH SYARIKAT

Para Pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan lepas ialah:

Tan Sri Rozali Bin Ismail
Dato' Ruslan Bin Hassan
Dato' Ir Lee Miang Koi
Ng Wah Tar
Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh
Tengku Dato' Rahimah Binti Almarhum Sultan Mahmud
Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak
Datuk Haji Syed Hisham Bin Syed Wazir (dilantik pada 6 November 2015)
Dato' Syed Danial Bin Syed Ariffin (meletakkan jawatan pada 6 November 2015)
Azlan Shah Bin Rozali (dilantik sebagai Pengarah Alternatif kepada Tan Sri Rozali bin Ismail pada 6 Januari 2016)

LAPORAN PENGARAH
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

PARA PENGARAH SYARIKAT (SAMBUNGAN)

Menurut Artikel 98 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, YBhg Tan Sri Rozali bin Ismail, YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan a/l Govindasamy dan YAM Tengku Dato' Rahimah binti Almarhum Sultan hendaklah bersara daripada jawatan mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan Kesembilan Belas Syarikat yang akan datang dan, oleh sebab layak, mereka menawarkan diri untuk pemilihan semula.

Menurut Artikel 103 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, YBhg Datuk Haji Syed Hisham Bin Syed Wazir hendaklah bersara daripada jawatan mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan Kesembilan Belas Syarikat yang akan datang dan, oleh sebab layak, beliau menawarkan diri untuk pemilihan semula.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN WARAN

Bagi mereka yang merupakan Pengarah pada akhir tahun kewangan seperti yang direkodkan dalam Daftar Pegangan Saham Pengarah, yang memiliki kepentingan dan dianggap berkepentingan dalam saham dan waran Syarikat serta badan korporat yang berkaitan dengannya (selain daripada subsidiari milik penuh) adalah seperti yang berikut:

	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham			
	1.1.2015	Diperoleh/ Dipindahkan	Dijual/ Dipindahkan	31.12.2015
Nama Pengarah				
Kepentingan Langsung:				
Saham biasa Syarikat				
Tan Sri Rozali Bin Ismail	1,729,000	172,900#	-	1,901,900
Dato' Ir Lee Miang Koi	10,000	1,000#	-	11,000
Dianggap Berkepentingan:				
Saham biasa Syarikat				
Tan Sri Rozali Bin Ismail	167,037,114*	8,103,710#	-	175,140,824*
	354,000+	35,400#	-	389,400+
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	42,000**	4,200#	-	46,200**

LAPORAN PENGARAH
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN WARAN (SAMBUNGAN)

	Bilangan waran			
	1.1.2015	Diperoleh/ Dipindahkan	Dijual/ Dipindahkan	31.12.2015
Nama Pengarah				
Kepentingan Langsung:				
Saham biasa Syarikat				
Tan Sri Rozali Bin Ismail	172,900	-	(172,900)#	-
Dato' Ir Lee Miang Koi	1,000	-	(1,000)#	-
Dianggap Berkepentingan:				
Saham biasa Syarikat				
Tan Sri Rozali Bin Ismail	16,703,710*	-	(8,103,710)#	-
			(8,600,000)	
	35,400+	-	(35,400)#	-
Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	4,200**	-	(4,200)#	-

* Dianggap berkepentingan oleh sebab 100% kepentingan pegangan saham dalam CPMSB dan CLMSB, yang kedua-duanya ialah pemegang saham korporat utama/pemegang waran Syarikat, yang 55% dipegang atas nama sendiri dan 45% atas nama pasangan dan anak-anak beliau.

** Dianggap berkepentingan oleh sebab saham/waran yang dipegang oleh isteri beliau, Tay Boon Ling menurut Seksyen 134 Akta Syarikat 1965.

\+ Dianggap berkepentingan oleh sebab saham/waran dipegang atas nama anak lelaki beliau.

\# Pertukaran waran kepada saham biasa pada nilai tara RM1.00 sesaham.

Oleh sebab kepentingan beliau dalam saham Syarikat, YBhg Tan Sri Rozali bin Ismail turut dianggap berkepentingan dalam saham subsidiari pada tahun kewangan, setakat mana Puncak Niaga Holdings Berhad mempunyai kepentingan.

Tiada Pengarah lain yang memegang jawatan pada 31 Disember 2015 mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham Syarikat dan syarikat yang berkaitan dengannya pada tahun kewangan.

MANFAAT PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau berhak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam amaun agregat emolumen yang diterima atau sampai tempoh dan akan diterima oleh para Pengarah atau gaji tetap sebagai seorang kakitangan sepenuh masa Syarikat seperti yang tertera dalam penyata kewangan) disebabkan oleh suatu kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau sebuah badan korporat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah berkenaan merupakan ahli, atau sebuah syarikat di mana Pengarah berkenaan mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Tidak wujud pengaturan di sepanjang tahun dan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai objek bagi membolehkan para Pengarah Syarikat memperoleh manfaat melalui pengambilalihan saham atau debentur dalam Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

LAPORAN PENGARAH

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

PENERBITAN SAHAM DAN DEBENTUR

Pada tahun kewangan, modal saham diterbitkan dan berbayar Syarikat telah meningkat daripada 415,959,777 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham kepada 449,283,784 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham; masing-masing menerusi penerbitan 32,574,007 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham menurut pertukaran waran ("Pertukaran Waran") dan penerbitan 750,000 saham biasa baharu bernilai RM1.00 sesaham menurut pertukaran RCSSI ("Pertukaran RCSSI"). Penerbitan waran dan RCSSI telah diluluskan oleh pemegang saham Syarikat di EGM yang telah diadakan pada 28 Mei 2013.

Pada 31 Disember 2015, bilangan waran belum jelas Syarikat ialah 5,269,720 (2014: 37,843,727) waran, bertarikh matang pada 20 Julai 2018 dan pada harga laksana RM1.00 per waran dengan nisbah 1:1.

Tiada perubahan lain dalam modal saham dibenarkan, diterbitkan dan berbayar Syarikat pada tahun kewangan.

OPSYEN DIBERI KE ATAS SAHAM BELUM DITERBITKAN

Tiada opsyen diberikan kepada mana-mana individu untuk mengambil saham Syarikat yang belum diterbitkan pada tahun kewangan.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa:

(i) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu, dan

(ii) apa-apa aset semasa yang tidak berkemungkinan direalisasi dalam perjalanan biasa perniagaan telah dikurangkan kira nilainya kepada amaun yang dijangka boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

(i) yang boleh menyebabkan amaun yang dihapus kira bagi hutang lapuk atau amaun peruntukan bagi hutang ragu dalam Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi ke tahap yang ketara, atau

(ii) yang boleh menyebabkan nilai yang diberi kepada aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan, atau

(iii) yang telah timbul yang boleh menyebabkan pematuhan terhadap kaedah penilaian sedia ada bagi aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai, atau

(iv) melainkan ia telah pun diuruskan dalam laporan ini atau penyata kewangan, yang boleh menyebabkan apa-apa amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

(i) apa-apa tuntutan terhadap aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan dan menjamin liabiliti mana-mana pihak lain, atau

(ii) apa-apa liabiliti luar jangka berhubung dengan Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Pada pendapat para Pengarah, tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain bagi mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah berkuatkuasa atau berkemungkinan akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang pada pendapat para Pengarah akan atau mungkin akan menjejaskan dengan ketara kemampuan Kumpulan dan Syarikat dalam memenuhi obligasinya apabila sampai masanya.

Pada pendapat para Pengarah, kecuali seperti yang dikemukakan dalam Nota 4, 6, 7, 10, 13 dan 23 kepada penyata kewangan, prestasi kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 tidak terjejas dengan ketara oleh apa-apa perkara, urus niaga atau peristiwa penting dan berbentuk luar biasa mahupun ada apa-apa perkara, urus niaga atau peristiwa yang sedemikian yang terjadi dalam selang masa antara akhir tahun kewangan dan pada tarikh laporan ini.

LAPORAN PENGARAH
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

PERISTIWA PENTING

Peristiwa penting dinyatakan dalam Nota 36 kepada penyata kewangan

PERISTIWA BERIKUTNYA

Butiran mengenai peristiwa berikutnya dikemukakan dalam Nota 38 kepada penyata kewangan.

JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan KPMG telah menyatakan kesediaan mereka untuk menerima pelantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para Pengarah:

.....
TAN SRI ROZALI BIN ISMAIL

.....
DATUK HAJI SYED HISHAM BIN SYED WAZIR

Shah Alam

Tarikh: 30 Mac 2016

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2015

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Aset					
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan kelengkapan	4	195,194	244,414	1,244	1,224
Hartanah pelaburan	5	181,557	181,495	109,695	32,195
Aset konsesi perkhidmatan	6	61,203	64,512	-	-
Pelaburan dalam subsidiari	7	-	-	181,878	47,950
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	8	2	46	9	51
Pelaburan dalam usaha sama	9	739	814	-	-
Muhibah	10	1,249	26,351	-	-
Aset cukai tertunda	11	25,722	18,227	-	-
		465,666	535,859	292,826	81,420
Aset semasa					
Inventori	12	106	1,211	-	-
Perdagangan belum terima dan lain-lain	13	97,063	239,318	185,848	254,566
Pelaburan jangka pendek	14	922,146	10,269	922,146	10,269
Cukai diperoleh semula		2,433	6,799	6	303
Tunai dan kesamaan tunai	15	378,549	446,347	286,367	354,236
		1,400,297	703,944	1,394,367	619,374
Aset dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan	16	-	3,618,098	-	760,990
		1,400,297	4,322,042	1,394,367	1,380,364
Jumlah aset		1,865,963	4,857,901	1,687,193	1,461,784

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2015

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Ekuiti dan liabiliti					
Ekuiti diatribut kepada pemilik ekuiti Syarikat					
Modal saham		449,284	415,960	449,284	415,960
Premium saham		105,379	104,629	105,379	104,629
Saham perbendaharaan		(5,941)	(5,941)	(5,941)	(5,941)
Komponen ekuiti RCSSI		-	6,410	-	6,410
Rizab		99,807	(221,719)	16,305	16,547
Perolehan tertahan		1,029,871	1,776,609	1,111,208	440,115
	17	1,678,400	2,075,948	1,676,235	977,720
Kepentingan bukan kawalan		(4,183)	(1,967)	-	-
Jumlah ekuiti		1,674,217	2,073,981	1,676,235	977,720
Liabiliti bukan semasa					
Pinjaman dan peminjaman	18	31,694	191,380	-	138,548
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	19	-	150	-	-
Liabiliti cukai tertunda	11	9,720	21,235	4,119	27,837
		41,414	212,765	4,119	166,385
Liabiliti semasa					
Pinjaman dan peminjaman	18	39,488	29,981	-	-
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	19	110,700	269,518	6,839	317,679
Cukai kena bayar		144	306	-	-
		150,332	299,805	6,839	317,679
Liabiliti dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan	16	-	2,271,350	-	-
		150,332	2,571,155	6,839	317,679
Jumlah liabiliti		191,746	2,783,920	10,958	484,064
Jumlah ekuiti dan liabiliti		1,865,963	4,857,901	1,687,193	1,461,784

Nota pada muka surat 138 hingga 231 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

PENYATA UNTUNG RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Operasi berterusan					
Hasil	20	188,694	606,635	-	-
Pendapatan lain		77,966	36,113	1,426,563	33,011
Butiran perbelanjaan					
Bahan mentah, bahan gunaan dan penyelenggaraan		(4,539)	(4,527)	-	-
Kontrak pembinaan					
- Perkhidmatan minyak dan gas		(28,846)	(361,919)	-	-
- Lain-lain		(108,696)	(111,793)	-	-
Perbelanjaan manfaat pekerja	21	(79,440)	(95,741)	(3,849)	(1,735)
Kerugian kejejasan		(107,456)	(6,887)	(249,257)	(4,661)
Perbelanjaan lain		(45,682)	(41,492)	(14,681)	(8,761)
Perbelanjaan susut nilai dan pelunasan		(21,214)	(11,161)	(555)	(423)
Kos kewangan	22	(23,139)	(18,067)	(18,518)	(11,645)
Bahagian keputusan ekuiti diambil kira		(78)	(45)	-	-
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai	24	(152,430)	(8,884)	1,139,703	5,786
Cukai kredit/(perbelanjaan)	25	17,160	1,659	23,050	(4,971)
(Kerugian)/Keuntungan daripada operasi berterusan		(135,270)	(7,225)	1,162,753	815
Operasi dihentikan					
Keuntungan daripada operasi dihentikan, bersih selepas cukai	23	198,328	255,177	-	-
Kentungan bagi tahun kewangan		63,058	247,952	1,162,753	815

PENYATA UNTUNG RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Keuntungan bagi tahun kewangan (sambungan)		63,058	247,952	1,162,753	815
(Perbelanjaan)/pendapatan komprehensif lain					
Butiran yang telah atau mungkin dikelaskan semula kemudiannya kepada keuntungan atau kerugian					
Terjemahan matawang asing		1,416	(5,453)	-	-
(Kerugian)/laba nilai saksama daripada pelaburan jangka pendek		(242)	213	(242)	213
Butiran yang mungkin tidak dikelaskan semula kemudiannya kepada keuntungan atau kerugian					
Penilaian semula tanah dan bangunan, bersih selepas cukai	17.5	-	50,631	-	7,223
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		64,232	293,343	1,162,511	8,251
Keuntungan diatribut kepada:					
Pemilik Kumpulan/Syarikat		65,576	248,383	1,162,753	815
Kepentingan bukan kawalan		(2,518)	(431)	-	-
Keuntungan bagi tahun kewangan		63,058	247,952	1,162,753	815
Jumlah pendapatan komprehensif diatribut kepada:					
Pemilik Kumpulan/Syarikat		66,448	293,103	1,162,511	8,251
Kepentingan bukan kawalan		(2,216)	240	-	-
		64,232	293,343	1,162,511	8,251
Asas (kerugian)/perolehan sesaham (sen sesaham):	26				
Daripada operasi berterusan		(31.56)	(1.66)		
Daripada operasi dihentikan		47.14	62.17		
		15.58	60.51		

Nota pada muka surat 138 hingga 231 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

		Boleh diatribut kepada pemilik Syarikat				
		Tidak boleh atribut				
Kumpulan	**Nota**	**Modal saham RM'000**	**Premium saham RM'000**	**Saham Perbenda-haraan RM'000**	**Rizab terjemahan matawang asing RM'000**	
Pada 1 Januari 2014		411,261	102,879	(5,941)	5,387	
Terjemahan matawang asing		-	-	-	(6,308)	
Laba nilai saksama daripada pelaburan jangka pendek		-	-	-	-	
Penilaian semula tanah dan bangunan, bersih selepas cukai		-	-	-	-	
Jumlah (perbelanjaan)/pendapatan komprehensif lain		-	-	-	(6,308)	
Keuntungan/(kerugian) bagi tahun kewangan		-	-	-	-	
Jumlah (perbelanjaan)/pendapatan komprehensif		-	-	-	(6,308)	
Sumbangan oleh dan pengagihan kepada pemilik Syarikat						
Pelaksanaan waran		2,949	-	-	-	
Pertukaran RCSSI	18.2	1,750	1,750	-	-	
Jumlah urus niaga dengan pemilik Syarikat		4,699	1,750	-	-	
Pada 31 Disember 2014		415,960	104,629	(5,941)	(921)	
Pada 1 Januari 2015		415,960	104,629	(5,941)	(921)	
Terjemahan matawang asing		-	-	-	1,132	
Kitaran semula keuntungan atau kerugian atas pelupusan pelaburan		-	-	-	-	
Jumlah pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif lain		-	-	-	1,132	
Keuntungan/(kerugian) bagi tahun kewangan		-	-	-	-	
Jumlah pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif lain		-	-	-	1,132	
Sumbangan oleh dan pengagihan kepada pemilik Syarikat						
Pelaksanaan waran		32,574	-	-	-	
Merealisasikan rizab atas pelupusan subsidiari		-	-	-	-	
Dividen dibayar	28	-	-	-	-	
Pembelianbalik RCSSI	18.2	-	-	-	-	
Pertukaran RCSSI	18.2	750	750	-	-	
Jumlah urus niaga dengan pemilik Syarikat		33,324	750	-	-	
Pada 31 Disember 2015		449,284	105,379	(5,941)	211	

Nota pada muka surat 138 hingga 231 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

				Boleh atribut			
Rizab penilaian semula RM'000	Komponen ekuiti RCSSI RM'000	Rizab lain RM'000	Rizab tersedia untuk jualan RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah RM'000	Kepentingan bukan kawalan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
69,088	6,770	(340,943)	29	1,528,226	1,776,756	(2,207)	1,774,549
-	-	184	-	-	(6,124)	671	(5,453)
-	-	-	213	-	213	-	213
50,631	-	-	-	-	50,631	-	50,631
50,631	-	184	213	-	44,720	671	45,391
-	-	-	-	248,383	248,383	(431)	247,952
50,631	-	184	213	248,383	293,103	240	293,343
-	-	-	-	-	2,949	-	2,949
-	(360)	-	-	-	3,140	-	3,140
-	(360)	-	-	-	6,089	-	6,089
119,719	6,410	(340,759)	242	1,776,609	2,075,948	(1,967)	2,073,981
119,719	6,410	(340,759)	242	1,776,609	2,075,948	(1,967)	2,073,981
-	-	(18)	-	-	1,114	302	1,416
-	-	-	(242)	-	(242)	-	(242)
-	-	(18)	(242)	-	872	302	1,174
-	-	-	-	65,576	65,576	(2,518)	63,058
-	-	(18)	(242)	65,576	66,448	(2,216)	64,232
-	-	-	-	-	32,574	-	32,574
-	-	320,654	-	(320,654)	-	-	-
-	-	-	-	(447,172)	(447,172)	-	(447,172)
-	(6,410)	-	-	(44,488)	(50,898)	-	(50,898)
-	-	-	-	-	1,500	-	1,500
-	(6,410)	320,654	-	(812,314)	(463,996)	-	(463,996)
119,719	-	(20,123)	-	1,029,871	1,678,400	(4,183)	1,674,217

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

Syarikat	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000
Pada 1 Januari 2014		411,261	102,879
Keuntungan nilai saksama atas pelaburan jangka pendek		-	-
Penilaian semula tanah dan bangunan, bersih selepas cukai		-	-
Jumlah pendapatan komprehensif lain		-	-
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-
Jumlah pendapatan komprehensif		-	-
Sumbangan oleh dan pengagihan kepada pemilik Syarikat			
Pelaksanaan waran		2,949	-
Pertukaran RCSSI	18.2	1,750	1,750
Jumlah urus niaga dengan pemilik Syarikat		4,699	1,750
Pada 31 Disember 2014		415,960	104,629
Pada 1 Januari 2015		415,960	104,629
Kitaran semula keuntungan atau kerugian atas pelupusan pelaburan		-	-
Jumlah perbelanjaan komprehensif lain		-	-
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	-
Jumlah (perbelanjaan)/pendapatan komprehensif		-	-
Sumbangan oleh dan pengagihan kepada pemilik Syarikat			
Pelaksanaan waran		32,574	-
Dividen dibayar	28	-	-
Pembelianbalik RCSSI	18.2	-	-
Pertukaran RCSSI	18.2	750	750
Jumlah urus niaga dengan pemilik Syarikat		33,324	750
Pada 31 Disember 2015		449,284	105,379

Nota pada muka surat 138 hingga 231 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

Boleh diatribut kepada pemilik Syarikat						
Tidak boleh atribut					Boleh atribut	
	Saham perbendaharaan RM'000	Rizab penilaian semula RM'000	Komponen ekuiti RCSSI RM'000	Rizab tersedia untuk jualan RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
	(5,941)	9,082	6,770	29	439,300	963,380
	-	-	-	213	-	213
	-	7,223	-	-	-	7,223
	-	7,223	-	213	-	7,436
	-	-	-	-	815	815
	-	7,223	-	213	815	8,251
	-	-	-	-	-	2,949
	-	-	(360)	-	-	3,140
	-	-	(360)	-	-	6,089
	(5,941)	16,305	6,410	242	440,115	977,720
	(5,941)	16,305	6,410	242	440,115	977,720
	-	-	-	(242)	-	(242)
	-	-	-	(242)	-	(242)
	-	-	-	-	1,162,753	1,162,753
	-	-	-	(242)	1,162,753	1,162,511
	-	-	-	-	-	32,574
	-	-	-	-	(447,172)	(447,172)
	-	-	(6,410)	-	(44,488)	(50,898)
	-	-	-	-	-	1,500
	-	-	(6,410)	-	(491,660)	(463,996)
	(5,941)	16,305	-	-	1,111,208	1,676,235

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000 Dinyatakan semula	2015 RM'000	2014 RM'000
Operasi berterusan					
Aliran tunai daripada aktiviti operasi					
Penerimaan daripada pelanggan		344,279	652,740	-	-
Pendapatan lain		3,884	2,303	72	81
Bayaran untuk perbelanjaan operasi		(110,615)	(124,647)	(7,430)	(11,904)
Bayaran kepada kontraktor		(311,098)	(498,870)	-	-
Tunai (digunakan dalam)/dijana daripada operasi		(73,550)	31,526	(7,358)	(11,823)
Cukai dibayar balik/(dibayar)		3,554	(290)	(371)	(235)
Faedah diterima		14,550	11,116	12,138	9,236
Tunai (digunakan dalam)/dijana daripada operasi		(55,446)	42,352	4,409	(2,822)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan					
Pengambilalihan subsidiari		-	-	-	(55)
Pelaburan dalam saham keutamaan boleh tebus		-	-	(53,000)	-
Perolehan hartanah, loji dan kelengkapan	(iii)	(7,949)	(1,698)	(575)	(1,245)
Tambahan aset konsesi perkhidmatan		(1,872)	(159)	-	-
(Pendahuluan kepada)/pembayaran balik bersih daripada subsidiari		-	-	(47,344)	96,135
Pendahuluan bersih kepada syarikat bersekutu		(5)	(2)	(4)	(2)
Pendahuluan bersih kepada usaha sama		-	(179)	-	(179)
Aliran tunai (digunakan dalam)/dijana daripada operasi aktiviti pelaburan dibawa ke hadapan		(9,826)	(2,038)	(100,923)	94,654

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000 Dinyatakan semula	2015 RM'000	2014 RM'000
Operasi berterusan (sambungan)					
Aliran tunai (digunakan dalam)/dijana daripada operasi aktiviti pelaburan dibawa ke hadapan		(9,826)	(2,038)	(100,923)	94,654
Pelupusan operasi dihentikan – Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam subsidiari dan usaha sama, bersih tunai dan kesamaan tunai dilupuskan	23	1,442,906	-	1,552,000	-
Pelupusan subsidiari - Perolehan daripada pelupusan bersih tunai dan kesamaan tunai dilupuskan		(112)	111	-	-
Bersih (dalam pelaburan)/perolehan daripada pelaburan jangka pendek		(902,402)	40,529	(902,402)	40,529
Perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		1,846	-	-	-
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		532,412	38,602	548,675	135,183
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan					
Penerimaan daripada pinjaman dan peminjaman		26,176	160,114	-	-
Penerimaan daripada penukaran waran kepada saham biasa		32,574	2,949	32,574	2,949
Dividen dibayar		(447,172)	-	(447,172)	-
Faedah dibayar		(9,509)	(11,861)	(6,379)	(6,518)
Pengurangan dalam deposit sandaran		50,193	704	-	-
Bayaran balik pinjaman dan peminjaman		(256,340)	(265,124)	(200,000)	-
Bayaran balik obligasi di bawah pajakan kewangan		(2,440)	(1,158)	-	-
Aliran tunai digunakan dalam aktiviti pelaburan		(606,518)	(114,376)	(620,977)	(3,569)

PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000 Dinyatakan semula	2015 RM'000	2014 RM'000
Operasi berterusan (sambungan)					
(Penurunan)/peningkatan bersih dalam tunai dan kesamaan tunai daripada operasi berterusan		(129,552)	(33,422)	(67,893)	128,792
Operasi dihentikan					
Tunai bersih daripada aktiviti operasi		16,998	120,703	-	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(2,398)	(13,403)	-	-
Tunai bersih daripada/(digunakan dalam) aktiviti pembiayaan		4,823	(130,100)	-	-
Peningkatan/(penurunan) bersih dalam tunai dan kesamaan tunai daripada operasi dihentikan		19,423	(22,800)	-	-
(Penurunan)/peningkatan bersih dalam tunai dan kesamaan tunai		(110,129)	(56,222)	(67,893)	128,792
Kesan perubahan kadar pertukaran terhadap tunai yang dipegang		700	5,261	24	6
Tunai dan kesamaan tunai pada 1 Januari		487,951	538,912	354,236	225,438
Tunai dan kesamaan tunai pada 31 Disember	(i)	378,522	487,951	286,367	354,236

(i) Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan kesamaan tunai yang termasuk dalam penyata aliran tunai merangkumi kedudukan kewangan berikut berjumlah:

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000 Dinyatakan semula	2015 RM'000	2014 RM'000
Deposit dengan bank berlesen		301,075	427,002	233,589	332,720
Tunai dan baki bank		77,474	187,106	52,778	21,516
	(ii)	378,549	614,108	286,367	354,236
Tolak: Sandaran tunai dan baki bank		(27)	(126,157)	-	-
		378,522	487,951	286,367	354,236

PENYATA ALIRAN TUNAI
bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015

(ii) Tunai dan kesamaan tunai adalah seperti yang berikut:

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Deposit dengan bank berlesen	15	301,075	391,427	233,589	332,720
Tunai dan baki bank	15	77,474	54,920	52,778	21,516
		378,549	446,347	286,367	354,236
Aset dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan	16	-	167,761	-	-
		378,549	614,108	286,367	354,236

(iii) Perolehan hartanah, loji dan kelengkapan

Pada tahun kewangan, Kumpulan telah memperoleh hartanah, loji dan kelengkapan dengan kos agregat RM12,933,000 (2014: RM14,851,000) yang mana RM4,984,000 (2014: RM Nil) telah diperoleh menerusi cara pajakan kewangan.

(iv) Penyataan semula bagi perbandingan

Perbandingan penyata aliran tunai Kumpulan telah dinyatakan semula supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa, di mana aliran tunai bagi operasi dihentikan, dikemukakan secara berasingan daripada aliran tunai operasi berterusan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Puncak Niaga Holdings Berhad adalah sebuah syarikat liabiliti terhad awam, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan tersenarai di Pasaran Utama Bursa Sekuriti. Alamat tempat utama perniagaan dan pejabat berdaftar Syarikat adalah seperti yang berikut:

TEMPAT UTAMA PERNIAGAAN

Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 10, Wisma Rozali, No. 4, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Penyata kewangan disatukan pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 merangkumi Syarikat dan subsidiarinya (secara bersama dirujuk sebagai "Kumpulan" dan secara individu dirujuk sebagai "entiti Kumpulan") serta kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan usaha sama. Penyata kewangan Syarikat pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 tidak termasuk mana-mana entiti lain.

Aktiviti utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan, manakala aktiviti utama entiti Kumpulan lain dikemukakan dalam Nota 7 penyata kewangan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah pada 30 Mac 2016.

1. ASAS PENYEDIAAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Berikut ialah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat:

MFRSs, Tafsiran dan pindaan bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016

- MFRS 14, *Akaun Penundaan Kawal Selia*
- Pindaan kepada MFRS 5, *Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Dihentikan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan,* MFRS 12*, Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain* dan MFRS 128*, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Entiti Pelaburan: Penggunaan Pengecualian Penyatuan*
- Pindaan kepada MFRS 11, *Pengaturan Bersama – Perakaunan untuk Pemerolehan Kepentingan dalam Operasi Bersama*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan – Inisiatif Pendedahan*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Kelengkapan* dan MFRS 138*, Aset Tidak Ketara – Penjelasan Kaedah Diterima untuk Susut Nilai dan Pelunasan*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Kelengkapan* dan MFRS 141*, Pertanian – Pertanian: Tanaman Pembawa*
- Pindaan kepada MFRS 119, *Manfaat Pekerja (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan kepada MFRS 127, *Penyata Kewangan Berasingan – Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan*
- Pindaan kepada MFRS 134, *Laporan Kewangan Interim (Penambahbaikan Tahunan Kitaran 2012-2014)*

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(a) Penyata pematuhan (sambungan)

MFRSs, Tafsiran dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9, *Instrumen Kewangan (2014)*
- MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*

MFRSs, Tafsiran dan pindaan berkuatkuasa bagi tarikh yang belum disahkan

- Pindaan kepada MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128*, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutunya atau Usaha Sama*

Kumpulan dan Syarikat merancang untuk mengguna pakai piawaian, pindaan dan tafsiran perakaunan yang dinyatakan di atas:

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2016 bagi piawaian, pindaan atau tafsiran perakaunan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016.

- dari tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2018 bagi piawaian, pindaan atau tafsiran perakaunan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018.

Guna pakai piawaian, pindaan atau tafsiran di atas pada peringkat awal tidak dijangka akan mempunyai apa-apa impak ketara terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tempoh semasa dan tempoh sebelumnya kecuali seperti yang dinyatakan di bawah:

i) MFRS 15*, Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*

MFRS 15 menggantikan panduan dalam MFRS 111, *Kontrak Pembinaan*, MFRS 118, *Hasil*, Tafsiran IC 13, *Program Kesetiaan Pelanggan*, Tafsiran IC 15, *Perjanjian Pembinaan Hartanah*, Tafsiran IC 18, *Pemindahan Aset daripada Pelanggan* dan Tafsiran IC 131, *Hasil–Urus Niaga Barter melibatkan Perkhidmatan Pengiklanan*. Kumpulan sedang menilai impak kewangan yang mungkin timbul akibat menerima pakai MFRS 15.

ii) MFRS 9*, Instrumen Kewangan*

MFRS 9 menggantikan panduan dalam MFRS 139, *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* berkenaan pengelasan dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan serta perakaunan lindung nilai.

Kumpulan dan Syarikat belum menilai impak menerima pakai piawaian daripada penggunaan MFRS 9.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan telah disediakan atas dasar kos sejarah selain daripada apa yang didedahkan dalam Nota 2 penyata kewangan.

(c) Matawang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan dibentangkan dalam RM, yang merupakan matawang fungsian Syarikat. Semua maklumat kewangan dikemukakan dalam RM dan telah dibulatkan ke ribuan terdekat, kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan yang akur kepada MFRSs memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi guna pakai dasar perakaunan serta amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian yang menjadi pendasar dikaji secara berterusan. Semakan terhadap anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut dikaji semula dan pada mana-mana tempoh masa depan yang terjejas.

Tidak wujud hal ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal yang penting dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara terhadap amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang didedahkan dalam nota berikut:

(i) Cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua kerugian cukai dan elaun modal yang tidak digunakan ke tahap yang berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai akan tersedia bagi kerugian dan elaun modal yang boleh digunakan. Pertimbangan yang wajar diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai/liabiliti tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan masa dan tahap keuntungan bercukai pada masa hadapan bersama dengan strategi perancangan cukai pada masa depan.

Jumlah nilai bersih dibawa bagi aset cukai tertunda yang diiktiraf oleh Kumpulan pada 31 Disember 2015 ialah RM25,722,000 (2014: RM18,227,000). Maklumat lanjut dikemukakan dalam Nota 11.

(ii) Amaun kena bayar daripada pelanggan

Pada tarikh pelaporan, penentuan kos sehingga siapnya kontrak Kumpulan telah melibatkan anggaran yang penting, di mana ia ada kaitan dengan pengiraan tahap penyiapan. Tahap penyiapan memerlukan pihak pengurusan membuat anggaran yang boleh diharap tentang tahap kemajuan ke arah siapnya projek.

Kerja ini adalah tertakluk kepada kelulusan muktamad setiap pelanggan. Terdapat jeda masa antara kelulusan akhir dan siapnya kerja yang dilakukan oleh Kumpulan. Oleh itu, kos sebenar hanya boleh ditentukan secara andal setelah sempurna kontrak tersebut, yang mana ia mungkin mengakibatkan pelarasan terhadap keuntungan kontrak.

(iii) Kejejasan aset

Kumpulan dan Syarikat telah membuat pertimbangan penting dalam menentukan andaian utama seperti dikemukakan dalam nota berikut:

- Nota 4 - Kejejasan hartanah, loji dan peralatan
- Nota 6 - Kejejasan aset perkhidmatan konsesi
- Nota 7 - Kejejasan pelaburan dalam subsidiari
- Nota 10 - Kejejasan muhibah
- Nota 13.4 - Kejejasan kena bayar daripada subsidiari

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan yang dikemukakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten terdapat tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Asas penyatuan

(i) Subsidiari

Subsidiari ialah entiti, termasuk entiti berstruktur, yang dikawal oleh Syarikat. Penyata kewangan subsidiari dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan dari tarikh kawalan bermula sehingga tarikh kawalan terhenti.

Kumpulan mengawal entiti apabila berhadapan dengan pendedahan, atau mempunyai hak, terhadap pulangan yang berubah-ubah daripada penglibatannya dengan entiti dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut menerusi kuasanya terhadap entiti.

Potensi hak mengundi dipertimbangkan semasa menilai kawalan hanya apabila hak sedemikian adalah substantif.

Kumpulan menganggap ia mempunyai kuasa de facto terhadap penerima pelaburan apabila, sungguhpun tidak mempunyai majoriti hak mengundi, ia mempunyai keupayaan semasa untuk mengarahkan aktiviti penerima pelaburan yang boleh memberi kesan ketara terhadap pulangan penerima pelaburan.

Pelaburan dalam subsidiari diukur dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat pada kos ditolak apa-apa kerugian kejejasan, melainkan pelaburan tersebut dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan atau pengedaran. Kos pelaburan adalah termasuk kos urus niaga.

Gabungan perniagaan diambil kira menggunakan kaedah pengambilalihan dari tarikh pengambilalihan, yang merupakan tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan.

Untuk pengambilalihan baru, Kumpulan mengukur kos muhibah pada tarikh pengambilalihan sebagai:

- nilai saksama pertimbangan yang dipindahkan; ditambah
- amaun yang diiktiraf bagi mana-mana kepentingan bukan kawalan dalam entiti diperoleh; ditambah
- jika gabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai saksama kepentingan ekuiti sedia ada dalam entiti yang diperoleh; ditolak
- amaun diiktiraf bersih (umumnya nilai saksama) bagi aset yang boleh dikenal pasti yang diperoleh serta liabiliti yang tertanggung.

(ii) Gabungan perniagaan

Apabila lebihan adalah negatif, laba pembelian murah diiktiraf serta-merta dalam untung rugi.

Bagi setiap gabungan perniagaan, Kumpulan memilih sama ada untuk mengukur kepentingan bukan kawalan dalam entiti diperoleh sama ada pada nilai saksama atau mengikut kadar bahagian aset bersih yang boleh dikenal pasti milik entiti diperoleh pada tarikh pengambilalihan.

Kos urus niaga, selain daripada yang berkaitan dengan isu hutang atau sekuriti ekuiti, yang ditanggung oleh Kumpulan berhubung dengan gabungan perniagaan diimbangi sebagai tertanggung.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(iii) Pengambilalihan kepentingan bukan kawalan

Kumpulan menganggap semua perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam sesebuah subsidiari yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan sebagai urus niaga ekuiti di antara Kumpulan dan pemegang kepentingan bukan kawalannya. Apa-apa perbezaan antara bahagian aset bersih Kumpulan sebelum dan selepas perubahan, dan apa-apa pertimbangan yang diterima atau dibayar, dilaraskan kepada atau berbanding rizab Kumpulan.

(iv) Kehilangan kawalan

Semasa kehilangan kawalan terhadap sesebuah subsidiari, Kumpulan tidak mengiktiraf aset dan liabiliti bekas subsidiari tersebut, apa-apa kepentingan bukan kawalan serta komponen ekuiti yang lain berkaitan bekas subsidiari itu. Apa-apa lebihan atau defisit yang timbul daripada kehilangan kawalan diiktiraf dalam untung rugi. Jika Kumpulan mengekalkan apa-apa kepentingan dalam bekas subsidiari itu, maka kepentingan sedemikian diukur pada nilai saksama pada tarikh kehilangan kawalan. Ia kemudiannya diambil kira sebagai penerima pelaburan perakaunan ekuiti atau aset kewangan tersedia untuk jualan, bergantung pada tahap pengaruh yang dikekalkan.

(v) Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu ialah entiti, termasuk entiti tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi bukan kawalan terhadap dasar kewangan dan operasinya.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan disatukan menggunakan kaedah ekuiti ditolak apa-apa kerugian kejejasan. Kos pelaburan merangkumi kos urus niaga. Penyata kewangan disatukan memasukkan bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan serta pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu, selepas pelarasan jika ada, untuk menjajarkan dasar perakaunannya dengan dasar perakaunan Kumpulan, dari tarikh bermulanya pengaruh yang penting sehingga tamatnya tarikh pengaruh penting tersebut.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, amaun bawaan kepentingan itu, termasuk apa-apa pelaburan jangka panjang dikurangkan sehingga sifar, dan pengiktirafan kerugian yang selanjutnya dihentikan kecuali setakat mana Kumpulan mempunyai obligasi atau telah membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan terhenti daripada mempunyai pengaruh penting terhadap sesebuah syarikat bersekutu, apa-apa kepentingan yang dikekalkan dalam bekas syarikat bersekutu pada tarikh hilangnya pengaruh penting diukur pada nilai saksama dan amaun ini dianggap sebagai amaun bawaan permulaan aset kewangan. Perbezaan antara nilai saksama apa-apa kepentingan dikekalkan berserta perolehan daripada kepentingan dilupuskan dan amaun bawaan pelaburan pada tarikh kaedah ekuiti dihentikan diiktiraf dalam untung rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurangan tetapi tidak mengakibatkan kehilangan pengaruh penting, apa-apa kepentingan yang dikekalkan tidak diukur semula. Apa-apa laba atau kerugian yang timbul daripada pengurangan dalam kepentingan diiktiraf dalam untung rugi. Apa-apa laba atau kerugian yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain turut dikelaskan semula mengikut kadar keuntungan atau kerugian jika laba atau kerugian tersebut perlu dikelaskan semula kepada untung rugi sewaktu pelupusan aset atau liabiliti berkaitan.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai. Kos pelaburan adalah termasuk kos urus niaga.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyatuan (sambungan)

(vi) Pengaturan bersama

Pengaturan bersama ialah pengaturan di mana Kumpulan mempunyai kawalan bersama yang ditetapkan oleh kontrak yang memerlukan persetujuan sebulat suara untuk keputusan berkenaan aktiviti yang mempengaruhi dengan ketara pulangan pengaturan bersama tersebut. Pelaburan dalam syarikat bersekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai. Kos pelaburan adalah termasuk kos urus niaga.

Pengaturan bersama dikelaskan dan diambil kira seperti yang berikut:

- Sesuatu pengaturan bersama dikelaskan sebagai “operasi bersama” apabila Kumpulan atau Syarikat mempunyai hak terhadap aset dan obligasi terhadap liabiliti yang berkaitan dengan sesuatu pengaturan. Kumpulan dan syarikat mengambil kira setiap bahagian aset, liabiliti dan urus niaganya, termasuk bahagian yang dipegang atau tertanggung secara bersama dengan pelabur lain, berhubung dengan operasi bersama.

- Pengaturan bersama dikelaskan sebagai “usaha sama” apabila Kumpulan hanya mempunyai hak terhadap aset bersih pengaturan itu. Kumpulan mengambil kira kepentingannya dalam usaha sama menggunakan kaedah ekuiti.

(vii) Kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan pada akhir tahun pelaporan, yang merupakan ekuiti dalam sesebuah subsidiari yang tidak boleh diatribut secara langsung atau tidak langsung kepada pemegang ekuiti Syarikat, dikemukakan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan dan penyata perubahan ekuiti dalam ekuiti, secara berasingan daripada ekuiti yang boleh diatribut kepada pemilik Syarikat. Kepentingan bukan kawalan dalam keputusan Kumpulan dikemukakan dalam penyata untung rugi disatukan dan pendapatan komprehensif lain sebagai peruntukan untung rugi dan pendapatan komprehensif bagi tahun antara kepentingan bukan kawalan dan pemilik Syarikat.

Kerugian yang boleh diguna pakai kepada kepentingan bukan kawalan dalam sesebuah subsidiari diperuntukkan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun dengan melakukannya boleh menyebabkan kepentingan bukan kawalan tersebut mempunyai baki defisit.

(viii) Penyingkiran urus niaga semasa penyatuan

Baki dan urus niaga antara kumpulan, serta apa-apa pendapatan dan perbelanjaan belum direalisasi yang timbul daripada urus niaga antara kumpulan, disingkir dalam menyediakan penyata kewangan disatukan.

Laba belum direalisasi yang terbit daripada urus niaga dengan syarikat bersekutu dan usaha sama yang dikira secara ekuiti disingkirkan berbanding pelaburan sehingga ke tahap kepentingan Kumpulan dalam penerima pelaburan. Kerugian belum direalisasi disingkirkan sepertimana laba belum direalisasi tetapi hanya setakat mana tidak terdapat bukti kejejasan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Matawang asing

(i) Urus niaga matawang asing

Urus niaga dalam matawang asing diterjemahkan kepada matawang fungsian entiti Kumpulan masing-masing mengikut kadar pertukaran pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan dalam denominasi matawang asing pada akhir tempoh pelaporan diterjemahkan semula kepada matawang fungsian mengikut kadar pertukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam denominasi matawang asing tidak diterjemahkan semula pada akhir tarikh pelaporan kecuali bagi yang diukur pada nilai saksama diterjemahkan semula kepada matawang fungsian mengikut kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan matawang asing yang terbit daripada penterjemahan semula diiktiraf dalam untung rugi, kecuali bagi perbezaan yang timbul daripada penterjemahan semula instrumen kewangan tersedia untuk jualan atau instrumen kewangan yang ditetapkan sebagai lindung nilai risiko matawang, yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Dalam penyata kewangan disatukan, apabila tiada rancangan mahupun kemungkinan sejauh yang dapat diramal, untuk menyelesaikan item kewangan belum terima daripada ataupun belum bayar kepada sesebuah operasi asing, laba dan kerugian pertukaran asing yang timbul daripada item kewangan sedemikian dianggap membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih dalam operasi asing dan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, dan dikemukakan dalam rizab terjemahan matawang asing (“FCTR”) dalam ekuiti.

(ii) Operasi dalam denominasi matawang fungsian selain daripada Ringgit Malaysia

Aset dan liabiliti operasi dalam denominasi matawang fungsian selain daripada RM, termasuk pelarasan muhibah dan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan, diterjemahkan kepada RM mengikut kadar pertukaran pada akhir tempoh pelaporan. Pendapatan dan perbelanjaan operasi asing diterjemahkan kepada RM mengikut kadar pertukaran pada tarikh urus niaga.

Perbezaan matawang asing diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam FCTR dalam ekuiti. Walau bagaimanapun, sekiranya operasi tersebut ialah subsidiari bukan milik penuh, maka bahagian perbezaan terjemahan mengikut kadar yang relevan diperuntukkan kepada kepentingan bukan kawalan. Apabila operasi asing dilupuskan sehingga hilangnya kawalan, pengaruh besar atau kawalan bersama, amaun kumulatif dalam FCTR yang berkaitan dengan operasi asing tersebut dikelaskan semula kepada untung rugi sebagai sebahagian daripada laba atau kerugian daripada pelupusan.

Apabila Kumpulan melupuskan hanya sebahagian daripada kepentingannya dalam sesebuah subsidiari yang mencakupi operasi asing, amaun kumulatif mengikut kadar yang relevan diatribut semula kepada kepentingan bukan kawalan. Apabila Kumpulan melupuskan hanya sebahagian daripada pelaburannya dalam sesebuah syarikat bersekutu atau usaha sama yang merangkumi operasi asing manakala mengekalkan pengaruh yang besar atau kawalan bersama, amaun kumulatif mengikut kadar yang relevan dikelaskan semula kepada untung rugi.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila Kumpulan atau Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf di awalnya, pada nilai saksamanya ditambah, bagi keadaan instrumen kewangan bukan pada nilai saksama menerusi untung rugi, kos urus niaga yang boleh diatribut secara langsung kepada pengambilalihan atau penerbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf berasingan daripada kontrak utama dan diambil kira sebagai derivatif jika, dan hanya jika, ia tidak berkait rapat dengan ciri dan risiko ekonomi kontrak utama dan kontrak utama tersebut tidak dikategorikan pada nilai saksama menerusi untung rugi. Dalam keadaan di mana derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, kontrak utama dikira menurut dasar yang boleh diguna pakai terhadap sifat kontrak utama tersebut.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran kemudiannya

Kumpulan dan Syarikat mengkategorikan instrumen kewangan seperti yang berikut:

Aset kewangan

(a) ***Aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung rugi***

Nilai saksama menerusi kategori untung rugi merangkumi aset kewangan yang dipegang untuk dagangan, termasuk derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang telah ditentukan dan berkesan) atau aset kewangan yang telah ditentukan secara khusus dalam kategori ini sewaktu pengiktirafan awal.

Derivatif yang dikaitkan dan perlu diselesaikan dengan penyerahan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang nilai saksamanya tidak boleh diukur secara andal, diukur pada kos.

Aset kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian akan kemudiannya diukur mengikut nilai saksama mereka, di mana laba atau kerugian diiktiraf dalam untung rugi.

(b) ***Pinjaman dan belum terima***

Kategori pinjaman dan belum terima merangkumi instrumen hutang yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif.

Aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan belum terima akan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Instrumen kewangan (sambungan)

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran kemudiannya (sambungan)

(c) ***Aset kewangan tersedia untuk jualan***

Kategori tersedia untuk jualan merangkumi pelaburan dalam instrumen ekuiti dan sekuriti hutang yang tidak dipegang untuk dagangan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak mempunyai harga pasaran disebut harga dalam pasaran aktif dan yang nilai saksamanya tidak boleh diukur secara andal, diukur pada kos. Aset kewangan lain yang dikategorikan sebagai tersedia untuk jualan diukur kemudiannya pada nilai saksama mereka dengan laba atau kerugian diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali bagi kerugian kejejasan, laba dan kerugian pertukaran asing yang terbit daripada item kewangan serta laba dan kerugian item lindung nilai yang boleh diatribut kepada risiko lindung nilai bagi lindung nilai saksama yang diiktiraf dalam untung rugi. Sewaktu penyahiktirafan, laba atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula daripada ekuiti kepada untung rugi. Faedah yang dikira untuk instrumen hutang menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung rugi.

Semua aset kewangan, kecuali bagi yang diukur pada nilai saksama menerusi untung rugi, adalah tertakluk kepada kajian kejejasan (lihat Nota 2(l)(i)).

Liabiliti kewangan

Semua liabiliti kewangan akan kemudiannya diukur pada kos terlunas selain daripada yang dikategorikan pada nilai saksama menerusi untung rugi.

Nilai saksama menerusi kategori untung rugi mencakupi liabiliti kewangan yang merupakan derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang telah ditentukan dan berkesan) atau liabiliti kewangan yang ditentukan secara khusus dalam kategori ini sewaktu pengiktirafan awal.

Derivatif yang dikaitkan dan perlu diselesaikan dengan penyerahan instrumen ekuiti yang tidak mempunyai sebut harga dalam pasaran aktif untuk instrumen yang seiras dan yang nilai saksamanya tidak boleh diukur secara andal, diukur pada kos.

Liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama menerusi untung rugi akan diukur kemudiannya pada nilai saksama dengan laba atau kerugian diiktiraf dalam untung rugi.

(iii) Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan merupakan kontrak yang memerlukan penerbitnya membuat pembayaran yang telah ditetapkan bagi membayar balik pemegang di atas kerugian yang ditanggungnya kerana penghutang yang telah ditentukan gagal membayar apabila genap masa kena bayar menurut terma instrumen kewangan asal atau yang telah diubah suai.

Nilai saksama yang timbul daripada kontrak jaminan kewangan dikelaskan sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan kepada untung rugi menggunakan kaedah garis lurus sepanjang tempoh berkontrak atau apabila tiada tempoh berkontrak tertentu, diiktiraf dalam untung rugi semasa pelepasan jaminan. Apabila penyelesaian kontrak jaminan kewangan adalah berkemungkinan, suatu anggaran dibuat terhadap obligasi tersebut. Sekiranya amaun bawaan kontrak jaminan kewangan adalah lebih rendah daripada obligasi, maka nilai bawaan dilaraskan kepada amaun obligasi dan dikira sebagai peruntukan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Instrumen kewangan (sambungan)

(iv) Pembelian atau penjualan aset kewangan mengikut cara biasa

Pembelian atau penjualan mengikut cara biasa merupakan pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak yang termanya memerlukan penyerahan aset dalam kerangka masa yang telah ditetapkan secara umum mengikut peraturan atau kelaziman pasaran terbabit.

Pembelian atau penjualan aset kewangan mengikut cara biasa diiktiraf dan penyahiktirafan, sepertimana yang boleh diguna pakai, menggunakan perakaunan tarikh dagangan. Perakaunan tarikh dagang merujuk kepada:

(a) pengiktirafan sesuatu aset untuk diterima dan liabiliti untuk membayarnya pada tarikh dagangan; dan

(b) penyahiktirafan sesuatu aset yang telah dijual, pengiktirafan apa-apa laba atau kerugian daripada pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk bayaran pada tarikh dagangan.

(v) Penyahiktirafan

Sesuatu aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak berkontrak terhadap aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau sebahagian besar daripada kesemua risiko dan ganjaran aset tersebut. Semasa penyahiktirafan sesuatu aset kewangan, perbezaan antara amaun bawaan dan jumlah bayaran yang diterima (termasuk apa-apa aset baharu yang diperoleh tolak apa-apa liabiliti baharu yang tertanggung) dan apa-apa laba atau kerugian kumulatif yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung rugi.

Sesuatu liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang ditentukan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau tamat tempoh. Sewaktu penyahiktirafan sesuatu liabiliti kewangan, perbezaan antara amaun bawaan liabiliti kewangan yang dilunaskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang dibayar, termasuk apa-apa aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang tertanggung, diiktiraf dalam untung rugi.

(d) Hartanah, loji dan kelengkapan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Item hartanah, loji dan kelengkapan diukur pada kos/penilaian semula ditolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa kerugian kejejasan terkumpul.

Kos termasuklah perbelanjaan yang boleh diatribut secara langsung kepada pengambilalihan aset dan apa-apa kos lain yang boleh diatribut secara langsung dalam membawa aset tersebut kepada keadaan boleh beroperasi mengikut kegunaan yang dimaksudkan untuknya, dan kos merombak serta memindahkan item dan memasangnya semula di tapak di mana ia ditempatkan. Kos bagi aset swabina turut mencakupi kos bahan dan tenaga buruh langsung. Untuk aset yang layak, kos peminjaman dipermodalkan selaras dengan dasar perakaunan berkenaan kos peminjaman. Kos juga boleh mencakupi pindahan daripada ekuiti bagi apa-apa laba atau kerugian daripada lindung nilai aliran tunai yang layak bagi pembelian hartanah, loji dan kelengkapan menggunakan matawang asing.

Pembelian perisian yang perlu supaya kelengkapan berkaitan boleh berfungsi dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kelengkapan tersebut.

Apabila bahagian penting sesuatu item hartanah, loji dan kelengkapan mempunyai tempoh hayat berguna yang berbeza, ia dikira sebagai item berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan kelengkapan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Hartanah, loji dan kelengkapan (sambungan)

(i) Pengiktirafan dan pengukuran (sambungan)

Laba atau kerugian daripada pelupusan sesuatu item hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan penerimaan daripada pelupusan dengan amaun bawaan hartanah, loji dan kelengkapan serta diiktiraf bersih, masing-masing di bawah "pendapatan lain" atau "perbelanjaan lain" dalam untung rugi.

Hartanah, loji dan kelengkapan di bawah model penilaian semula

Kumpulan menilai semula hartanahnya yang mencakupi tanah dan bangunan setiap 3 tahun dan pada selang masa yang lebih pendek apabila nilai saksama bagi aset yang dinilai semula dijangka akan jauh berbeza daripada amaun bawaannya.

Lebihan yang timbul daripada penilaian semula dimasukkan ke dalam akaun rizab penilaian semula. Apa-apa defisit yang timbul diimbangi dengan rizab penilaian semula sehingga setakat peningkatan terdahulu untuk hartanah yang sama. Dalam semua keadaan lain, pengurangan dalam nilai bawaan diiktiraf dalam untung rugi. Apabila aset dinilai semula dijual, amaun yang termasuk dalam rizab lebihan penilaian semula dipindahkan ke perolehan tertahan.

(ii) Kos kemudiannya

Kos menggantikan komponen sesuatu item hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam amaun bawaan item tersebut jika terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi masa depan yang terdapat pada komponen tersebut akan mengalir kepada Kumpulan atau Syarikat, dan kosnya boleh diukur secara andal. Amaun bawaan komponen yang diganti dinyahiktiraf kepada untung rugi. Kos harian bagi menyelenggarakan hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam untung rugi sebagai tertanggung.

(iii) Susut nilai

Susut nilai adalah berdasarkan kos sesebuah aset ditolak nilai sisanya. Komponen penting sesebuah aset individu ditaksir, dan jika sesebuah komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada baki aset tersebut, maka komponen tersebut disusut nilai secara berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam untung rugi mengikut asas garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna setiap komponen item hartanah, loji dan kelengkapan. Aset yang dipajak disusut nilai sepanjang tempoh pajakan dan hayat bergunanya, bergantung pada yang lebih pendek, melainkan wujud kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperoleh pemilikan menjelang penghujung tempoh pajakan. Tanah pegangan kekal tidak disusut nilai. Hartanah, loji dan kelengkapan yang sedang dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut siap untuk kegunaan yang dimaksudkan untuknya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Hartanah, loji dan kelengkapan (sambungan)

(iii) Susut nilai (sambungan)

Anggaran hayat berguna bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti yang berikut:

• Tanah pegangan pajak jangka panjang	sepanjang tempoh pegangan pajak dari 82 hingga 92 tahun
• Bangunan	10 hingga 50 tahun
• Vesel	12 tahun
• Loji dan kelengkapan	4 hingga 25 tahun
• Komputer, perisian dan kelengkapan	3 hingga 5 tahun
• Perabot dan kelengkapan	5 hingga 10 tahun
• Kenderaan bermotor	3 hingga 10 tahun
• Pengubahsuaian	3 hingga 10 tahun

Kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa dikaji semula pada akhir tempoh pelaporan dan dilaraskan mengikut kesesuaian.

(e) Hartanah pelaburan

(i) Hartanah pelaburan dibawa pada nilai saksama

Hartanah pelaburan ialah hartanah yang dimiliki untuk meraih pendapatan sewa atau untuk menaikkan nilai modal atau kedua-duanya, tetapi bukan untuk dijual dalam perjalanan biasa perniagaan, digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan atau untuk pentadbiran.

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur berdasarkan nilai kos dan seterusnya berdasarkan nilai saksama dengan sebarang perubahan dalam keuntungan atau kerugian diiktiraf bagi tempoh ia berlaku. Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan harta pelaburan.

Penyahiktirafan berlaku pada hartanah pelaburan ke atas pelupusannya, atau apabila ia tidak lagi digunakan dan tiada faedah ekonomi pada masa depan dijangka daripada pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa diiktiraf dalam tempoh item menghadapi penyahiktirafan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Hartanah pelaburan (sambungan)

(ii) Klasifikasi semula kepada/daripada hartanah pelaburan

Apabila item hartanah, loji dan kelengkapan dipindahkan ke hartanah pelaburan berikutan perubahan dalam penggunaannya, apa-apa perbezaan yang wujud pada tarikh pemindahan antara item amaun dibawa tersebut sejurus sebelum dipindahkan dan nilai saksamanya diiktiraf secara langsung dalam ekuiti sebagai penilaian semula hartanah, loji dan kelengkapan. Walau bagaimanapun, sekiranya laba nilai saksama menterbalikkan kerugian penjejasan sebelumnya, laba itu diiktiraf dalam untung rugi. Apabila terdapat pelupusan hartanah pelaburan, mana-mana lebihan yang direkodkan sebelum ini dalam ekuiti dipindahkan ke perolehan tertahan; pemindahan itu tidak dibuat melalui untung rugi.

Apabila penggunaan harta berubah sehingga ia dikelaskan semula sebagai hartanah, loji dan kelengkapan atau inventori, nilai saksamanya pada tarikh pengklasifikasian semula menjadi kosnya untuk perakaunan berikutnya.

(f) Perkhidmatan konsesi

Sebahagian daripada aset Kumpulan digunakan dalam rangka kerja Perjanjian Konsesi yang diberikan oleh Kerajaan Negeri (“pemberi konsesi”). Ciri Perjanjian Konsesi secara umumnya mensyaratkan, secara langsung atau tidak langsung, penglibatan pelanggan dalam menentukan perkhidmatan serta ganjarannya, dan pemulangan aset yang perlu dalam pelaksanaan perkhidmatan di penghujung kontrak.

Kumpulan membina atau menaik taraf infrastruktur yang digunakan bagi menyediakan perkhidmatan awam dan mengendali serta menyelenggarakan infrastruktur tersebut untuk tempoh masa yang telah ditentukan. Kumpulan mengiktiraf dan mengukur hasil menurut dasar perakaunan bagi kontrak pembinaan seperti yang dihuraikan dalam Nota 2(j) dan Nota 2(r)(ii).

Hasil untuk perkhidmatan membina atau menaik taraf diukur pada nilai saksama dan pertimbangannya adalah berkemungkinan hak kepada aset kewangan (“model aset kewangan”) dan/atau aset tidak ketara (“model aset tidak ketara”) bergantung pada komitmen ganjaran yang diberi oleh pemberi.

Pilihan terhadap model aset kewangan atau aset tidak ketara bergantung pada kewujudan jaminan pembayaran yang diberikan oleh pemberi konsesi. Dalam keadaan ini, amaun pelaburan yang dijamin oleh pemberi konsesi diiktiraf di bawah model aset kewangan dan baki sisanya diiktiraf di bawah model aset tidak ketara.

Aset tidak ketara yang terhasil daripada konsesi perkhidmatan dicatatkan dalam penyata kedudukan kewangan di bawah tajuk “Aset konsesi perkhidmatan” dan dilunaskan sepanjang tempoh konsesi menggunakan kaedah garis lurus ditolak kerugian kejejasan, jika ada.

(g) Muhibah

Muhibah yang timbul daripada gabungan perniagaan diukur pada kos ditolak apa-apa kerugian kejejasan terkumpul.

Muhibah tidak dilunaskan tetapi diuji untuk kejejasan pada setiap tahun dan apabila terdapat tanda bahawa ia mungkin terjejas.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(h) Aset pajakan

(i) Pajakan kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan dan Syarikat menanggung sebahagian besar daripada kesemua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Semasa pengiktirafan awal, aset pajakan diukur pada amaun yang setara dengan nilai saksama serta nilai kini bayaran pajakan minimum, bergantung pada yang lebih rendah. Selepas pengiktirafan awal, aset dikira menurut dasar perakaunan yang boleh diguna pakai terhadap aset tersebut.

Bayaran pajakan minimum yang dibuat di bawah pajakan kewangan diperuntukkan antara perbelanjaan kewangan dan pengurangan liabiliti belum lunas. Perbelanjaan kewangan diperuntukkan kepada setiap jangka masa sepanjang tempoh pajakan agar menghasilkan kadar faedah berkala yang malar terhadap baki liabiliti yang masih ada. Bayaran pajakan luar jangka dikira dengan menyemak bayaran pajakan minimum berbanding baki tempoh pajakan apabila pelarasan pajakan disahkan.

Tanah pegangan pajak yang pada amnya ialah pajakan kewangan dikelaskan sebagai hartanah, loji dan kelengkapan, atau sebagai hartanah pelaburan jika dipegang bagi memperoleh pendapatan sewa atau menaikkan nilai modal atau kedua-duanya.

(ii) Pajakan operasi

Pajakan, yang mana Kumpulan dan Syarikat tidak menanggung sebahagian besar daripada kesemua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan operasi dan aset yang dipajak tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Bayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi diiktiraf dalam untung rugi mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diterima diiktiraf dalam untung rugi sebagai sebahagian penting jumlah perbelanjaan pajakan, sepanjang tempoh pajakan. Sewa luar jangka dicaj kepada untung rugi pada tempoh pelaporan ia tertanggung.

Tanah pegangan pajak yang pada amnya ialah pajakan operasi dikelaskan sebagai bayaran pajakan prabayar.

(i) Inventori

Inventori diukur pada kos yang lebih rendah dan nilai boleh direalisasi bersih.

Kos inventori diukur berdasarkan formula kos purata berwajaran, dan merangkumi perbelanjaan yang tertanggung dalam memperoleh inventori, kos pengeluaran atau penukaran serta kos lain yang tertanggung dalam membawanya ke lokasi atau keadaan sedia ada.

Nilai boleh direalisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang diperlukan untuk melakukan jualan.

(j) Kerja pembinaan sedang dijalankan

Kerja pembinaan sedang dijalankan mewakili amaun kasar belum bil yang dijangka dipungut daripada pelanggan untuk kerja kontrak yang telah dilaksanakan sehingga kini. Ia diukur pada kos, ditambah keuntungan yang diiktiraf sehingga kini, tolak pengebilan kemajuan dan kerugian diiktiraf. Kos merangkumi semua perbelanjaan yang berkait secara langsung dengan projek tertentu serta peruntukan overhed tetap dan berubah yang ditanggung oleh aktiviti kontrak Kumpulan berdasarkan keupayaan operasi biasa.

Kerja pembinaan sedang dijalankan dikemukakan sebagai sebahagian daripada perdagangan belum terima yang lain, iaitu sebagai amaun kena bayar daripada pelanggan kontrak dalam penyata kedudukan kewangan untuk semua kontrak yang kos tertanggung ditambah keuntungan diiktiraf melebihi pengebilan kemajuan. Jika pengebilan kemajuan melebihi kos tertanggung ditambah keuntungan diiktiraf, maka perbezaan tersebut dikemukakan sebagai amaun kena bayar kepada pelanggan kontrak, iaitu sebagai sebahagian daripada perdagangan belum bayar yang lain dalam penyata kedudukan kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(k) Tunai dan kesamaan tunai

Tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki dan deposit dengan bank serta pelaburan berkecairan tinggi di mana risiko perubahan dalam nilai saksama adalah tidak penting, dengan kematangan asal selama tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat dalam pengurusan komitmen jangka pendek mereka. Untuk tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan kesamaan tunai dikemukakan bersih daripada overdraf bank dan deposit sandaran.

(l) Kejejasan

(i) Aset kewangan

Semua aset kewangan (kecuali bagi aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama menerusi untung rugi, pelaburan dalam subsidiari dan pelaburan dalam syarikat bersekutu) ditaksir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat apa-apa bukti objektif kejejasan akibat daripada satu atau lebih kejadian yang memberi impak terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset. Kerugian yang dijangka akibat kejadian pada masa depan, tidak kira bagaimana berkemungkinannya ia, tetap tidak diiktiraf. Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti, kemerosotan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kosnya, merupakan bukti objektif kejejasan. Jika wujud apa-apa bukti objektif sedemikian, maka kerugian kejejasan aset kewangan akan dianggarkan.

Kerugian kejejasan berhubung dengan pinjaman dan belum terima serta pelaburan dipegang sehingga matang diiktiraf dalam untung rugi dan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan terdiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset tersebut. Amaun bawaan aset dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun.

Kerugian kejejasan berhubung dengan aset kewangan tersedia untuk jualan diiktiraf dalam untung rugi dan diukur sebagai perbezaan antara kos pengambilalihan aset (bersih daripada apa-apa pembayaran balik pokok dan pelunasan) serta nilai saksama semasa aset tersebut, ditolak apa-apa kerugian kejejasan yang dahulunya diiktiraf. Apabila kemerosotan dalam nilai saksama aset kewangan tersedia untuk jualan telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kerugian kumulatif dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula daripada ekuiti kepada untung rugi.

Kerugian kejejasan berhubung dengan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dibawa pada kos diiktiraf dalam untung rugi dan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset kewangan dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan terdiskaun pada kadar pulangan pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa.

Kerugian kejejasan yang diiktiraf dalam untung rugi bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti, yang dikelaskan sebagai tersedia untuk jualan, tidak dibalikkan melalui untung rugi.

Jika dalam tempoh kemudiannya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada kejadian yang berlaku selepas kerugian kejejasan diiktiraf dalam untung rugi, maka kerugian kejejasan dibalikkan, hingga setakat mana amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang seharusnya ada jika kejejasan tersebut tidak diiktiraf pada tarikh kejejasan dibalikkan. Amaun pembalikan diiktiraf dalam untung rugi.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Kejejasan (sambungan)

(ii) Aset lain

Amaun bawaan aset lain (kecuali bagi inventori, amaun kena bayar daripada pelanggan kontrak dan aset cukai tertunda) dikaji pada setiap akhir tempoh pelaporan bagi menentukan sama ada terdapat tanda kejejasan. Jika wujud tanda sedemikian, maka amaun boleh dapat balik dianggarkan. Untuk muhibah, amaun boleh dapat balik dianggar pada setiap tempoh pada masa yang sama.

Bagi tujuan menguji kejejasan, aset dikumpulkan bersama kumpulan aset terkecil yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya bebas daripada aliran masuk tunai aset lain atau CGU. Bagi tujuan menguji kejejasan muhibah, dan tertakluk kepada ujian takat siling segmen operasi, CGU yang muhibah telah diperuntukkan diagregatkan supaya tahap yang ujian kejejasan dijalankan mencerminkan tahap terendah pemantauan muhibah untuk pelaporan dalaman. Bagi tujuan menguji kejejasan, muhibah yang diperoleh dalam gabungan perniagaan diperuntukkan kepada kumpulan CGU yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi penggabungan.

Amaun boleh dapat balik bagi sesebuah aset atau CGU ialah nilai gunanya dan nilai saksamanya, bergantung pada yang lebih besar ditolak kos pelupusan. Dalam menaksir nilai guna, anggaran aliran tunai masa depan didiskaun pada nilai kini mereka menggunakan kadar diskaun pracukai yang mencerminkan taksiran pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset atau CGU tersebut.

Kerugian kejejasan diiktiraf jika amaun bawaan sesebuah aset atau CGU yang berkaitan melebihi anggaran amaun boleh dapat baliknya.

Kerugian kejejasan harus diikitiraf serta merta dalam untung rugi, melainkan aset dibawa pada amaun yang dinilai semula. Sebarang kerugian kejejasan terhadap aset yang dinilai semula hendaklah dianggap sebagai pengurangan penilaian semula. Kerugian kejejasan terhadap aset yang tidak dinilai semula diiktiraf dalam untung rugi. Walau bagaimanapun, kerugian kejejasan pada aset yang dinilai semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain setakat mana kerugian kekurangan tidak melebihi amaun lebihan penilaian pada aset yang sama. Kerugian kejejasan pada aset yang dinilai semula seperti ini mengurangkan lebihan penilaian semula terhadap aset tersebut.

Kerugian kejejasan yang diiktiraf berhubung dengan CGU diperuntukkan pertamanya untuk mengurangkan amaun bawaan apa-apa muhibah yang diperuntukkan kepada CGU (kumpulan CGU) dan seterusnya mengurangkan amaun bawaan aset lain dalam CGU (kumpulan CGU) atas dasar *pro rata*.

Kerugian kejejasan berhubung dengan muhibah tidak dibalikkan. Berhubung dengan aset lain, kerugian kejejasan yang diiktiraf pada tempoh terdahulu ditaksir pada setiap akhir tempoh pelaporan sebagai petunjuk bahawa kerugian itu telah telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian kejejasan hanya dibalikkan jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun yang boleh dapat balik sejak kerugian kejejasan terakhir diiktiraf. Kerugian kejejasan dibalikkan hanya setakat mana amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang telah ditetapkan, bersih daripada susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian kejejasan diiktiraf. Pembalikan kerugian kejejasan ini dikreditkan kepada untung rugi dalam tahun kewangan pembalikan itu diiktiraf.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(m) Aset/Liabiliti dipegang untuk jualan

Aset bukan semasa, atau aset dan liabiliti yang dijangka akan diperoleh semula terutamanya melalui jualan berbanding penggunaan berterusan, terkelas sebagai pegangan untuk jualan.

Sebaik sahaja dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan, aset dan liabiliti diukur semula menurut dasar perakaunan Kumpulan. Kemudiannya, secara umum aset tersebut diukur lebih rendah daripada amaun bawaan dan nilai saksama ditolak kos pelupusan.

Sebarang kerugian kejejasan terhadap pelupusan kumpulan pada mulanya diperuntukkan kepada nama baik, dan kemudiannya baki aset atau liabiliti atas dasar *pro rata*; kecuali tiada kerugian diperuntukkan kepada inventori, aset kewangan, aset cukai tertunda, aset faedah pekerja dan pelaburan harta, terus diukur sebagaimana yang ditetapkan oleh dasar perakaunan Kumpulan. Kerugian kejejasan pada kelas pegangan untuk jualan awalan dan laba atau rugi yang seterusnya pada pengukuran semula diiktiraf dalam untung rugi. Laba tidak diiktiraf sebagai lebihan pada kerugian kejejasan kumulatif.

Apabila aset tidak ketara dan hartanah, loji dan kelengkapan apabila terkelas sebagai pegangan untuk jualan, ia tidak boleh dilunaskan atau disusut nilai. Sebagai tambahan, perakaunan ekuiti syarikat bersekutu dan usaha sama mengikut perkiraan ekuiti terhenti apabila dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan.

(n) Instrumen Ekuiti

Instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diukur pada kos semasa pengiktirafan awal dan tidak diukur semula kemudiannya.

(i) Perbelanjaan penerbitan

Kos yang boleh diatribut secara langsung kepada penerbitan instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diiktiraf sebagai potongan daripada ekuiti.

(ii) Saham biasa

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti dan dinyatakan pada kos.

(iii) Waran

Waran dikelaskan sebagai ekuiti dan dinyatakan pada kos.

(iv) Pembelian balik, pelupusan dan penerbitan semula modal saham (saham perbendaharaan)

Bila mana modal saham yang diiktiraf sebagai ekuiti dibeli balik, maka amaun bagi pertimbangan yang dibayar, termasuk kos yang boleh diatribut secara langsung, bersih daripada apa-apa kesan cukai, diiktiraf sebagai potongan daripada ekuiti. Saham yang dibeli balik yang tidak dibatal kemudiannya dikelaskan sebagai saham perbendaharaan dalam penyata perubahan ekuiti.

Bila mana saham perbendaharaan dijual atau diterbitkan semula kemudiannya, perbezaan di antara pertimbangan jualan bersih daripada kos yang boleh diatribut secara langsung serta amaun bawaan saham perbendaharaan diiktiraf dalam ekuiti.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(o) Instrumen Kewangan Majmuk

Instrumen kewangan majmuk ialah instrumen kewangan bukan derivatif yang mengandungi kedua-dua komponen liabiliti dan ekuiti.

Komponen liabiliti sesuatu instrumen kewangan majmuk diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama bagi liabiliti yang serupa dan tidak mempunyai opsyen penukaran ekuiti. Komponen ekuiti diiktiraf pada awalnya pada perbezaan di antara nilai saksama instrumen kewangan majmuk secara keseluruhan dan nilai saksama komponen liabiliti. Apa-apa kos urus niaga yang boleh diatribut secara langsung diperuntukkan kepada komponen liabiliti dan ekuiti mengikut kadar amaun bawaan mereka pada awalnya.

Selepas daripada pengiktirafan awal, komponen liabiliti bagi instrumen kewangan majmuk diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Komponen ekuiti instrumen kewangan majmuk tidak diukur semula selepas pengiktirafan awal.

Faedah dan kerugian serta laba yang berkaitan dengan liabiliti kewangan diiktiraf dalam untung rugi. Semasa penukaran, liabiliti kewangan dikelaskan semula kepada ekuiti; tiada laba atau kerugian diiktiraf semasa penukaran.

(p) Faedah pekerja

(i) Faedah pekerja jangka pendek

Obligasi faedah pekerja jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur mengikut asas tidak terdiskaun dan dibelanjakan apabila perkhidmatan berkaitan diberi.

Liabiliti diiktiraf bagi amaun yang dijangka dibayar di bawah bonus tunai jangka pendek atau pelan perkongsian untung jika Kumpulan mempunyai obligasi perundangan kini atau konstruktif untuk membayar amaun ini akibat daripada perkhidmatan lampau yang telah diberikan oleh pekerja dan obligasi boleh dianggarkan secara andal.

(ii) Pelan caruman wajib

Kumpulan menyertai skim persaraan kebangsaan sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang negara di mana ia beroperasi. Kumpulan membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, iaitu skim persaraan caruman wajib. Sumbangan kepada skim persaraan caruman wajib diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan yang berkaitan dilaksanakan.

(iii) Pelan faedah wajib

Kumpulan melaksanakan tanpa dana, faedah wajib Pelan Faedah Persaraan (“Pelan tersebut”) kepada pekerja yang layak mengikut terma perkerjaan dan amalan. Kewajipan Kumpulan di bawah Pelan tersebut ditentukan secara dalaman berdasarkan anggapan tertentu dimana amaun faedah yang akan diperolehi oleh pekerja sebagai balasan kepada perkhidmatan mereka akan dianggarkan.

Peruntukan penuh telah diiktiraf untuk faedah persaraan boleh bayar kepada kesemua pekerja yang layak. Sekiranya pekerja menamatkan perkhidmatan sebelum mencapai umur persaraan, peruntukan dibuat untuk pekerja tersebut akan dimasukkan semula.

(iv) Faedah penamatan

Faedah penamatan dibelanjakan pada awal apabila Kumpulan tidak berupaya lagi menarikbalik tawaran terhadap faedah tersebut dan apabila Kumpulan mengiktiraf kos untuk penstrukturan semula.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(q) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, akibat kejadian masa lalu, Kumpulan mempunyai obligasi perundangan masa kini atau konstruktif obligasi yang boleh dianggar secara andal, dan terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar faedah ekonomi akan diperlukan untuk penyelesaian obligasi. Peruntukan ditentukan dengan memberi diskaun aliran tunai masa depan yang dijangka pada kadar pracukai dan mencerminkan penaksiran pasaran semasa bagi nilai masa wang serta risiko yang khusus kepada liabiliti tersebut. Perungkaian diskaun diiktiraf sebagai kos kewangan.

(r) Hasil dan pendapatan lain

(i) Hasil daripada pengaturan konsesi

Hasil bagi perkhidmatan pembinaan yang diperuntukkan di bawah pengaturan konsesi untuk loji pembersihan air diiktiraf berdasarkan peratus penyiapan.

Apabila Kumpulan menginbois pelanggan semasa fasa operasi dalam tempoh konsesi, ia akan mengagihkan amaun yang akan dipungut daripada inbois di antara:

(a) pembayaran balik aset kewangan operasi, yang akan diguna bagi mengurangkan amaun bawaan aset kewangan operasi dalam penyata kedudukan kewangan;

(b) pendapatan faedah, yang akan diiktiraf sebagai pendapatan kewangan dalam untung rugi; dan

(c) Hasil daripada penjualan pukal air terawat, dan pengendalian serta penyelenggaraan loji dalam untung rugi.

(ii) Kontrak pembinaan

Hasil kontrak merangkumi amaun awal yang dipersetujui dalam kontrak berserta apa-apa variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif, sehingga setakat mana terdapat kemungkinan ia akan menjanakan hasil dan boleh diukur secara andal. Sebaik sahaja kesudahan hasil sesuatu kontrak pembinaan dapat dianggar secara andal, hasil kontrak dan kos kontrak diiktiraf dalam untung rugi mengikut tahap penyiapan kontrak. Perbelanjaan kontrak diiktiraf sebagai tertanggung kecuali jika ia mewujudkan aset yang berkaitan dengan aktiviti kontrak pada masa depan.

Tahap penyiapan dinilai dengan merujuk kepada kadar kos kontrak yang tertanggung untuk kerja yang telah dilaksanakan hingga tarikh terkini berkaitan dengan anggaran jumlah kos kontrak.

Apabila kesudahan kontrak pembinaan tidak dapat dianggar secara andal, hasil kontrak diiktiraf hanya setakat mana kos kontrak tertanggung yang berkemungkinan boleh dikutip semula. Jangkaan kerugian terhadap kontrak diiktiraf serta-merta dalam untung rugi.

(iii) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf dalam untung rugi pada tarikh hak bagi Kumpulan atau Syarikat menerima bayaran ditetapkan, yang mana dalam hal sekuriti yang disebut harga adalah tarikh tanpa dividen.

(iv) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru dengan menggunakan kaedah faedah berkesan dalam untung rugi kecuali bagi pendapatan faedah yang timbul daripada pelaburan sementara peminjaman yang diambil secara khusus bagi tujuan memperolehi aset layak yang diambil kira menurut dasar perakaunan terhadap kos peminjaman.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(r) Hasil dan pendapatan lain (sambungan)

(v) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diambil kira mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Kos agregat insentif yang diperuntukkan kepada pemegang pajakan diiktiraf sebagai pengurangan pendapatan sewa sepanjang tempoh pajakan mengikut asas garis lurus.

(vi) Fi Pentadbiran

Pendapatan fi pentadbiran diiktiraf dalam untung rugi apabila servis pentadbiran telah diberikan dengan mengunakan kaedah kos tambahan.

(s) Kos peminjaman

Kos peminjaman yang tidak diatribut secara langsung kepada pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak diiktiraf dalam untung rugi menggunakan kaedah faedah berkesan.

Kos peminjaman yang diatribut secara langsung kepada pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset layak, iaitu aset yang perlu mengambil tempoh masa yang agak lama untuk disiapkan bagi kegunaan atau penjualan yang dimaksudkan, dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset tersebut.

Permodalan kos peminjaman sebagai sebahagian daripada kos aset layak bermula apabila perbelanjaan untuk aset tersebut sedang ditanggung, kos peminjaman sedang ditanggung dan aktiviti yang perlu untuk menyediakan aset bagi kegunaan atau penjualan yang dimaksudkan untuknya sedang dijalankan. Permodalan kos peminjaman tergantung atau terhenti apabila sebahagian besar daripada kesemua aktiviti yang perlu untuk menyediakan aset layak bagi kegunaan atau penjualan yang dimaksudkan untuknya, terganggu atau siap.

Pendapatan pelaburan yang diperolehi daripada pelaburan sementara dari peminjaman tertentu sementara menunggu perbelanjaan terhadap aset layak, dipotong daripada kos peminjaman yang layak untuk dipermodalkan.

(t) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan tertunda. Cukai semasa dan tertunda diiktiraf dalam untung rugi kecuali hingga setakat mana ia berkait dengan gabungan perniagaan atau item yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa merupakan jangkaan cukai perlu bayar atau belum terima daripada pendapatan boleh cukai atau kerugian bagi tahun berkenaan, menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal menjelang akhir tempoh pelaporan, dan apa-apa pelarasan kepada cukai perlu bayar berhubung dengan tahun kewangan terdahulu.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, yang menyediakan perbezaan sementara di antara amaun bawaan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara yang berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan gabungan perniagaan dan tidak menjejaskan perakaunan mahupun keuntungan boleh cukai atau kerugian. Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka diguna pakai terhadap perbezaan sementara apabila ia dibalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal menjelang akhir tempoh pelaporan.

Dimana pelaburan harta dibawa pada nilai saksama berpandukan dasar perakaunan yang terkandung dalam Nota 2(e), amaun cukai tertunda diiktiraf diukur dengan mengunakan kadar cukai yang digunakan dalam jualan aset tersebut pada nilai bawaan pada tarikh laporan kecuali harta tersebut boleh disusutnilai dan dipegang dengan objektif untuk digunakan sebahagian besarnya untuk faedah ekonomi yang merangkumi harta tersebut mengikut masa, melainkan melalui jualan. Dalam keadaan lain, amaun cukai tertunda diiktiraf diukur berdasarkan kepada keadaan penghasilan yang dijangka atau sebahagiannya terkandung dalam tarikh pelaporan. Cukai tertunda aset dan liabiliti tidak didiskaun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(t) Cukai pendapatan (sambungan)

Cukai tertunda aset dan liabiliti diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkait dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama terhadap entiti boleh cukai yang sama, atau terhadap entiti cukai berbeza, tetapi ia bermaksud untuk menyelesaikan liabiliti dan aset cukai semasa atas dasar bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasi secara serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf hingga setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai pada masa hadapan akan tersedia berbanding perbezaan sementara yang boleh digunakan. Aset cukai tertunda dikaji pada setiap akhir tempoh laporan dan dikurangkan hingga setakat mana tiada lagi kemungkinan bahawa faedah cukai berkaitan akan direalisasi.

Elaun pelaburan semula dan elaun cukai pelaburan yang belum diguna, yang merupakan insentif cukai dan bukan asas cukai sesebuah aset, diiktiraf sebagai aset cukai tertunda hingga setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai pada masa hadapan akan tersedia berbanding insentif cukai yang belum digunakan, boleh digunakan.

(u) Operasi dihentikan

Operasi dihentikan adalah komponen perniagaan Kumpulan yang mewakili garis utama perniagaan berasingan atau operasi kawasan geografi yang telah dilupuskan atau dipegang untuk jualan. Klasifikasi sebagai operasi dihentikan terjadi apabila pelupusan atau apabila operasi menemui kriteria yang dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan, jika lebih awal. Apabila suatu operasi dikelaskan sebagai operasi dihentikan, perbandingan penyata untung rugi atau pendapatan komprehensif yang lain dibentangkan semula seolah-olah operasi telah dihentikan pada awal tempoh perbandingan.

(v) Perolehan sesaham biasa

Kumpulan mengemukakan data perolehan asas dan dicairkan sesaham untuk saham biasanya (“EPS”).

EPS asas dikira dengan membahagikan keuntungan atau kerugian yang boleh diatribut kepada para pemegang saham biasa Syarikat dan bilangan purata berwajaran saham biasa diterbitkan sepanjang tahun kewangan, dilaras untuk saham sendiri yang dipegang.

EPS dicairkan ditentukan dengan melaras untung rugi yang boleh diatribut kepada pemegang saham biasa dan bilangan purata berwajaran saham biasa yang diterbitkan dan dilaras bagi saham sendiri yang dipegang untuk kesan kesemua saham biasa yang berpotensi dicairkan, yang merangkumi waran serta nota boleh tukar.

(w) Segmen operasi

Segmen operasi merupakan komponen Kumpulan yang terlibat dalam aktiviti perniagaan di mana ia boleh memperoleh hasil dan menanggung perbelanjaan, termasuk hasil dan perbelanjaan yang berkaitan urus niaga dengan mana-mana komponen Kumpulan yang lain. Keputusan operasi sesebuah segmen operasi dikaji secara kerap oleh Lembaga Pengarah Kumpulan, bagi membuat keputusan mengenai peruntukan sumber kepada segmen dan menilai prestasinya, dan yang mana maklumat kewangan yang berasingan boleh didapati.

(x) Liabiliti luar jangka

Apabila tidak ada kemungkinan bahawa aliran keluar faedah ekonomi akan diperlukan, atau amaunnya tidak dapat dianggar secara andal, obligasi tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan dikemukakan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi adalah jauh. Kemungkinan wujudnya obligasi, yang mana kewujudannya hanya boleh disahkan dengan terjadinya atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa pada masa hadapan, turut dikemukakan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi adalah jauh.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(y) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, kecuali bagi bayaran berasaskan saham dan urus niaga pajakan, ditentukan sebagai harga yang akan diterima bagi menjual sesuatu aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut mengandaikan bahawa urus niaga untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau dengan ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana faedah ekonomi menggunakan aset menurut penggunaan tertinggi dan terbaiknya atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran yang lain yang akan menggunakan aset mengikut penggunaan tertinggi dan terbaiknya.

Apabila mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, Kumpulan menggunakan data pasaran yang boleh dianggar sejauh yang mungkin. Nilai saksama dikategorikan kepada beberapa tahap di dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: harga sebutan (tidak boleh ubah) dalam pasaran aktif untuk aset serupa atau liabiliti yang mana boleh diakses oleh kumpulan pada tarikh pengukuran.

Tahap 2: input selain daripada harga sebutan yang dinyatakan di dalam Tahap 1 yang boleh dianggar untuk aset dan liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3: input yang tidak boleh dianggar untuk aset dan liabiliti.

Kumpulan mengiktiraf perpindahan antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau pertukaran keadaan yang menyebabkan perpindahan tersebut.

3. PENGANUGERAHAN KONSESI

(a) LUWEI telah diperbadankan pada 28 Januari 2005 untuk melaksanakan Projek Bekalan Air di Daerah Lushan bagi tempoh konsesi selama tiga puluh (30) tahun bermula dari 1 Mei 2008. Di bawah konsesi tersebut, LUWEI akan melabur, membiaya, membina, mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara m^3 loji pembersihan air 50,000 sehari beserta dengan saluran paip di Daerah Lushan, Wilayah Henan, China.

Kumpulan telah menyelesaikan pengambilalihan LUWEI pada 19 Ogos 2008.

(b) XINNUO telah diperbadankan pada 7 April 2008 untuk melaksanakan Projek Rawatan Air Sisa Pusat Perindustrian dan Perdagangan Chenluo, Daerah Yangxin (dahulu dikenali sebagai Pusat Perdagangan Daerah Yangxin) untuk tempoh konsesi selama dua puluh lapan (28) tahun bermula dari 8 November 2007. Di bawah konsesi tersebut, XINNUO hendaklah memperoleh, melabur, membiaya, membina, mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara 30,000 m^3 loji pembersihan air sisa sehari di bandar Laodian (dahulu dikenali sebagai Kampung Laodian), Daerah Yangxin, Wilayah Shandong, China.

Kumpulan telah menyelesaikan pengambilalihan XINNUO pada 2 Julai 2008.

(c) PNSB telah dianugerahkan konsesi berikut oleh Kerajaan Negeri:

(i) di bawah PCCA bertarikh 22 September 1994, untuk mengambil alih, mengendali, menyelenggara, mengurus, memulih dan mempertingkatkan loji pembersihan air sedia ada di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tarikh PCCA sehingga 31 Disember 2020;

(ii) Di bawah CCOA bertarikh 22 Mac 1995, untuk merekabentuk, membina, mengendali, menyelenggara dan mengurus kemudahan pembersihan air baharu, iaitu SSP 2 dari tarikh CCOA sehingga 31 Disember 2020; dan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

3. PENGANUGERAHAN KONSESI (SAMBUNGAN)

(c) PNSB telah dianugerahkan konsesi berikut oleh Kerajaan Negeri (sambungan):

(iii) Pada 17 Januari 1998, PNSB telah diberikan hak oleh Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan loji pembersihan air dan kemudahan yang berkaitan dengannya di Wangsa Maju. Kerja pembinaan bermula pada Januari 1998 dan telah disiapkan pada bulan Julai 1998. Selepas selesai, PNSB telah mengurus, mengendali dan menyelenggara loji pembersihan air tersebut. Perjanjian Konsesi berkaitan dengan loji pembersihan air ini adalah untuk tempoh 30 tahun berakhir 17 Julai 2028 dan telah diputus serta ditandatangani dengan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2004 ("Perjanjian Konsesi LPA Wangsa").

PNSB memeterai perjanjian berikut berhubung dengan penswastaan perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya:

(i) Perjanjian Novasi kepada PCCA dan CCOA di antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS, di mana SYABAS akan memikul kewajipan Kerajaan Negeri di bawah PCCA dan CCOA tersebut, berhubung dengan perkara berikut, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005:

- pembelian dan pembayaran air terawat kepada PNSB;
- kualiti air terawat; dan
- semua perkara operasi yang berkaitan dengan pembelian, pembayaran dan kualiti air terawat.

(ii) Perjanjian Novasi kepada Perjanjian Konsesi LPA Wangsa Maju di antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS, di mana SYABAS hendaklah memikul kewajipan Kerajaan Negeri di bawah Perjanjian Konsesi LPA Wangsa Maju berhubung dengan perkara berikut berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005:

- pembelian dan pembayaran air terawat kepada PNSB;
- kualiti air terawat; dan
- semua perkara operasi yang berkaitan dengan pembelian, pembayaran dan kualiti air terawat.

(iii) Perjanjian Tambahan (berhubung dengan PCCA bertarikh 22 September 1994) di antara Kerajaan Negeri dan PNSB. Kumpulan bersetuju terhadap pengurangan dua peratus (2%) dalam amaun tertunggak dan terhutang kepada Kumpulan di bawah PCCA setakat 30 Jun 2004. PNSB selanjutnya bersetuju terhadap pengurangan lapan peratus (8%), berkuat kuasa mulai 1 Julai 2004 dalam pengebilan bulanan kepada Kerajaan Negeri di bawah PCCA.

Sebagai tambahan, PNSB hendaklah bertanggungjawab terhadap pengurusan dan operasi Empangan Klang Gates, Tasik Subang dan Sungai Langat.

(iv) Perjanjian Tambahan (berhubung dengan CCOA bertarikh 22 Mac 1995) di antara Kerajaan Negeri dan PNSB. PNSB bersetuju kepada pengurangan dua peratus (2%) dalam amaun tertunggak dan terhutang kepada PNSB di bawah CCOA setakat 30 Jun 2004. PNSB selanjutnya bersetuju kepada pengurangan lapan peratus (8%), berkuat kuasa mulai1 Julai 2004 dalam pengebilan bulanan kepada Kerajaan Negeri di bawah CCOA.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

3. PENGANUGERAHAN KONSESI (SAMBUNGAN)

(c) PNSB telah dianugerahkan konsesi berikut oleh Kerajaan Negeri (sambungan):

Pada 16 Ogos 2007, PNSB dan SYABAS telah memeterai dua (2) perjanjian:

(i) Perjanjian O&M Loji Pembersihan Air Sungai Lolo (Lanjutan) ["Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan)"] di antara Kerajaan Negeri dan PNSB berhubung dengan pelantikan PNSB sebagai Pengendali untuk mengendali, mengurus, menyelenggara dan membaik pulih muka sauk air mentah dan loji pembersihan yang diperluaskan bertempat di atas sebidang tanah seluas 0.5 ekar yang terletak di Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan dan kerja-kerja berkaitan seperti yang dinyatakan dengan lebih terperinci dalam Lampiran 2 Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan), untuk tempoh konsesi bermula pada 1 Disember 2006 dan tamat pada 31 Disember 2034; dan

(ii) Perjanjian Novasi kepada Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan) di antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS ("Perjanjian Novasi") berhubung dengan penanggungan semua hak, manfaat, liabiliti dan obligasi di bawah Perjanjian O&M LPA Sg Lolo (Lanjutan) oleh SYABAS (kecuali mengenai perkara yang berkaitan dengan tanah dan penyelenggaraan kualiti air mentah termasuk perkara yang tidak mampu dilaksanakan atau diberikan oleh SYABAS di bawah undang-undang).

Pada 7 Mac 2008, PNSB dan SYABAS telah memeterai dua (2) perjanjian berikut:

(i) Perjanjian O&M Loji Pembersihan Air Sungai Sireh ["Perjanjian O&M LPA Sg Sireh"] di antara Kerajaan Negeri dan PNSB berhubung dengan pelantikan PNSB sebagai Pengendali untuk mengendali, mengurus dan menyelenggara muka sauk air mentah dan loji pembersihan bertempat di atas sebidang tanah seluas 6.72 ekar yang terletak di sebelah terusan berhampiran Sungai Sireh, Tanjung Karang dalam Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan dan kerja-kerja berkaitan menurut Fasal 3(a)(vi) Perjanjian Konsesi bertarikh 15 Disember 2004 di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan SYABAS, untuk tempoh konsesi selama dua puluh tujuh (27) tahun, bermula pada 1 April 2007 dan tamat pada 30 April 2034; dan

(ii) Perjanjian Novasi kepada Perjanjian O&M LPA Sg Sireh di antara Kerajaan Negeri, PNSB dan SYABAS berhubung dengan penanggungan semua hak, manfaat, liabiliti dan obligasi di bawah Perjanjian O&M LPA Sg Sireh oleh SYABAS (melainkan dan kecuali mengenai perkara yang berkaitan dengan tanah dan penyelenggaraan kualiti air mentah termasuk perkara yang tidak mampu atau berkeupayaan dilaksanakan oleh atau diberi kepada SYABAS di bawah undang-undang).

PNSB dan SYABAS sebagai subsidiari dan usaha sama Syarikat telah dilupuskan pada 15 Oktober 2015 seperti yang didedahkan pada Nota 16 dan 23 kepada penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN

Kumpulan	Tanah milik bebas RM'000	Tanah pegangan pajakan jangka panjang RM'000	Bangunan RM'000	Bangunan RM'000
	← Berdasarkan Penilaian →			←
Kos/Penilaian				
Pada 1 Januari 2014	2,800	180,660	42,669	10,174
Penambahan	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-
Pelupusan subsidiari	-	-	-	-
Penghapusan susut nilai terkumpul dan kerugian kejejasan atas penilaian semula	-	(5,743)	(6,695)	-
Pengelasan semula	-	-	10,174	(10,174)
Penilaian semula lebihan	365	35,613	2,071	-
Pemindahan ke aset kewangan operasi	-	-	-	-
Pemindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 16)	-	-	-	-
Pemindahan kepada hartanah pelaburan (Nota 5)	(3,165)	(175,530)	(2,800)	-
Hapus kira	-	-	-	-
Perbezaan pertukaran	-	-	16	-
Pada 31 Disember 2014/1 Januari 2015	-	35,000	45,435	-
Penambahan	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-
Pelupusan subsidiari	-	-	-	-
Hapus kira	-	-	-	-
Pengelasan semula	-	-	-	-
Perbezaan pertukaran	-	-	51	-
Pada 31 Disember 2015	-	35,000	45,486	-

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Vesel RM'000	Loji dan kelengkapan RM'000	Komputer, perisian dan Kelengkapan RM'000	Perabot dan lekapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Pengubah-suaian RM'000	Pembinaan dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Berdasarkan Kos							
138,877	31,608	27,269	6,680	46,524	46,001	4,811	538,073
-	3,892	2,981	170	331	160	7,317	14,851
-	-	(450)	-	(239)	(14)	-	(703)
-	(301)	(23)	-	(127)	(46)	-	(497)
-	-	-	-	-	-	-	(12,438)
-	-	(56)	1,251	-	9,762	(10,957)	-
-	-	-	-	-	-	-	38,049
-	(33,930)	-	-	-	(10,904)	-	(44,834)
-	-	(3,187)	(1,159)	(4,489)	-	-	(8,835)
-	-	-	-	-	-	-	(181,495)
-	(42)	(329)	(157)	(264)	(24,514)	(134)	(25,440)
7,682	(28)	12	12	15	9	-	7,718
146,559	1,199	26,217	6,797	41,751	20,454	1,037	324,449
3,690	73	1,184	227	5,962	262	1,535	12,933
-	-	-	-	(9,741)	-	-	(9,741)
-	-	(5)	(3)	-	-	-	(8)
-	-	(263)	(259)	(32)	(115)	-	(669)
-	-	-	-	-	1,036	(1,036)	-
30,205	662	41	11	68	(90)	98	31,046
180,454	1,934	27,174	6,773	38,008	21,547	1,634	358,010

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Tanah milik bebas RM'000	Tanah pegangan pajakan jangka panjang RM'000	Bangunan RM'000	Bangunan RM'000
	← Berdasarkan Penilaian →			←
Susut nilai dan kerugian kejejasan				
Pada 1 Januari 2014				
Susut nilai terkumpul	-	3,789	3,449	868
Kerugian kejejasan terkumpul	-	-	1,455	-
	-	3,789	4,904	868
Susut nilai bagi tahun	-	1,954	830	158
Pelupusan	-	-	-	-
Pelupusan subsidiari	-	-	-	-
Penghapusan susut nilai terkumpul dan kerugian kejejasan atas penilaian semula	-	(5,743)	(6,695)	-
Pengelasan semula	-	-	1,026	(1,026)
Pemindahan ke aset kewangan operasi	-	-	-	-
Pemindahan kepada aset dipegang untuk jualan (Nota 16)	-	-	-	-
Hapus kira	-	-	-	-
Perbezaan pertukaran	-	-	4	-
Pada 31 Disember 2014/1 Januari 2015				
Susut nilai terkumpul	-	-	69	-
Kerugian kejejasan terkumpul	-	-	-	-
	-	-	69	-
Susut nilai bagi tahun	-	131	227	-
Pelupusan	-	-	-	-
Pelupusan subsidiari	-	-	-	-
Kerugian kejejasan (Nota 4.4)	-	-	-	-
Hapus kira	-	-	-	-
Perbezaan pertukaran	-	-	15	-
Pada 31 Disember 2015				
Susut nilai terkumpul	-	131	311	-
Kerugian kejejasan terkumpul	-	-	-	-
	-	131	311	-
Amaun bawaan				
Pada 31 Disember 2015	-	34,869	45,175	-
Pada 31 Disember 2014/1 Januari 2015	-	35,000	45,366	-
Pada 1 Januari 2014	2,800	176,871	37,765	9,306

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Vesel RM'000	Loji dan kelengkapan RM'000	Komputer, perisian dan Kelengkapan RM'000	Perabot dan lekapan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Pengubah-suaian RM'000	Pembinaan dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Berdasarkan Kos							
10,336	14,346	22,386	4,814	19,500	31,097	-	110,585
-	-	-	-	-	-	-	1,455
10,336	14,346	22,386	4,814	19,500	31,097	-	112,040
4,470	2,482	2,171	525	5,241	5,148	-	22,979
-	-	(448)	-	(145)	(6)	-	(599)
-	(145)	(1)	-	(90)	(9)	-	(245)
-	-	-	-	-	-	-	(12,438)
-	(187)	(506)	292	-	401	-	-
-	(15,997)	-	-	-	(1,056)	-	(17,053)
-	-	(2,432)	(930)	(2,877)	-	-	(6,239)
-	(15)	(302)	(156)	(99)	(19,192)	-	(19,764)
930	582	(6)	10	15	5	-	1,540
15,736	1,066	20,862	4,555	21,545	16,388	-	80,221
-	-	-	-	-	-	-	-
15,736	1,066	20,862	4,555	21,545	16,388	-	80,221
9,018	40	1,123	307	4,418	2,206	-	17,470
-	-	-	-	(3,051)	-	-	(3,051)
-	-	(4)	(3)	-	-	-	(7)
63,562	-	20	294	-	146	-	64,022
-	-	(213)	(1)	-	(4)	-	(218)
4,093	225	38	15	56	(63)	-	4,379
28,847	1,331	21,806	4,873	22,968	18,527	-	98,794
63,562	-	20	294	-	146	-	64,022
92,409	1,331	21,826	5,167	22,968	18,673	-	162,816
88,045	603	5,348	1,606	15,040	2,874	1,634	195,194
130,823	133	5,355	2,242	20,206	4,066	1,223	244,414
128,541	17,262	4,883	1,866	27,024	14,904	4,997	426,219

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

Syarikat	Tanah pegangan pajakan jangka panjang RM'000	Komputer, perisian dan kelengkapan RM'000	Pengubah-suaian RM'000	Pembinaan dalam pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
	Berdasarkan penilaian	← Berdasarkan kos		→	
Kos/Penilaian					
Pada 1 Januari 2014	19,600	-	892	-	20,492
Penambahan	-	209	-	1,036	1,245
Penyingkiran susut nilai terkumpul atas penilaian semula	(624)	-	-	-	(624)
Penilaian semula lebihan	2,219	-	-	-	2,219
Pemindahan kepada hartanah pelaburan (Nota 5)	(21,195)	-	-	-	(21,195)
Pada 31 Disember 2014/1 Januari 2015	-	209	892	1,036	2,137
Penambahan	-	575	-	-	575
Pengelasan semula	-	-	1,036	(1,036)	-
Pada 31 Disember 2015	-	784	1,928	-	2,712
Susut nilai					
Pada 1 Januari 2014	416	-	892	-	1,308
Susut nilai untuk tahun	208	21	-	-	229
Penyingkiran susut nilai terkumpul atas penilaian semula	(624)	-	-	-	(624)
Pada 31 Disember 2014/1 Januari 2015	-	21	892	-	913
Susut nilai untuk tahun	-	210	345	-	555
Pada 31 Disember 2015	-	231	1,237	-	1,468
Amaun bawaan					
Pada 31 Disember 2015	-	553	691	-	1,244
Pada 31 Disember 2014/1 Januari 2015	-	188	-	1,036	1,224
Pada 1 Januari 2014	19,184	-	-	-	19,184

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

4.1 Aset disandar sebagai cagaran

Hartanah, loji dan kelengkapan subsidiari dengan jumlah amaun bawaan sebanyak RM88,203,000 (2014: RM130,963,000) telah dicaj sebagai cagaran untuk peminjaman Kumpulan seperti yang dikemukakan dalam Nota 18 pada penyata kewangan.

4.2 Aset dipegang di bawah pajakan kewangan

Amaun bawaan kenderaan bermotor Kumpulan yang dipegang di bawah pajakan kewangan pada tarikh pelaporan adalah sebanyak RM6,656,000 (2014: RM4,234,000).

4.3 Penilaian semula tanah pegangan pajakan dan bangunan

Semasa tahun kewangan yang lalu, tanah pegangan pajakan dan bangunan dinilai semula kepada nilai saksama. Nilai saksama ini diperoleh dengan merujuk kepada keterangan harga transaksi pasaran untuk hartanah yang sama dan dilaksanakan oleh penilai bertauliah dan bebas yang mempunyai kelayakan professional sewajarnya yang diiktiraf dan mempunyai pengalaman semasa bagi lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

Nilai saksama tanah pegangan pajakan dan bangunan ditentukan berdasarkan perbandingan hartanah yang serupa dalam lokasi yang sama dan/atau kos atau kaedah kontraktor di mana bangunan itu dibangunkan dengan menganggarkan kos pembinaan bangunan baru yang serupa dan ditolak daripada itu kesemua susut nilai akibat daripada fizikal, reka bentuk dan ekonomi telah lapuk. Nilai saksama tanah pegangan pajakan dan bangunan dikategorikan pada Tahap 3 hierarki nilai saksama dan dianggarkan dengan menggunakan input tidak tercerap pada hartanah.

Jadual berikut menunjukkan teknik penilaian berdasarkan kepada nilai saksama dalam Tahap 3, serta input-input utama tidak tercerap ketara yang digunakan dalam model penilaian.

Huraian teknik penilaian	Input tidak tercerap ketara	Saling berhubungan antara input tidak tercerap ketara dan ukuran nilai saksama
Pendekatan perbandingan: Kaedah ini meliputi penentuan nilai pasaran dengan membandingkan secara langsung hartanah yang dinilai dengan hartanah yang serupa yang telah dijual, dengan mencari nilai melalui transaksi ini. Kaedah ini adalah berdasarkan kepada prinsip nilai pasaran hartanah adalah sejajar dengan nilai pasaran hartanah yang serupa pada lokasi yang sama sebagai harta subjek, nilai dinyatakan melalui transaksi jualan hartanah tersebut. Dalam membuat penilaian, penilai profesional bebas telah membuat pelarasan kepada faktor, yang akan memberi kesan kepada nilai pasaran pelaburan hartanah termasuk, tetapi tidak terhad kepada lokasi, saiz, kemudahan tersedia, keadaan pasaran dan faktor lain bagi mencapai dasar kesamaan untuk perbandingan.	Nilai boleh ubah tanah adalah berdasarkan asas kaki persegi.	Anggaran nilai saksama akan meningkat/(menurun) jika pelarasan nilai kaki per segi tanah lebih tinggi/(rendah).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

4.3 Penilaian semula tanah pegangan pajakan dan bangunan (sambungan)

Proses penilaian yang digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat untuk nilai saksama Tahap 3

Nilai saksama hartanah ditentukan oleh penilai luar, penilai hartanah bebas, yang mempunyai kelulusan professional yang diiktiraf dan mempunyai pengalaman semasa bagi lokasi dan kategori hartanah yang sedang dinilai.

Jika tanah pegangan bebas dan bangunan diukur dengan menggunakan model kos, nilai bawaan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Tanah pegangan pajakan pada 31 Disember:				
Kos	21,110	21,110	-	-
Susut nilai terkumpul	(3,031)	(2,804)	-	-
Amaun bawaan	18,079	18,306	-	-
Bangunan pada 31 Disember:				
Kos	49,346	49,346	-	-
Susut nilai terkumpul	(4,719)	(4,137)	-	-
Amaun bawaan	44,627	45,209	-	-
	62,706	63,515	-	-

4.4 Kerugian kejejasan pada vesel barj

Kerugian kejejasan pada vesel barj adalah RM63,562,000 (2014: RM Nil) diiktiraf pada tahun semasa ketika amaun bawaan vesel melebihi anggaran amaun boleh pulih. Kerugian kejejasan ini dimasukkan ke dalam kapsyen kerugian kejejasan dalam penyata untung rugi dan pendapatan komprehensif lain.

Pada tahun kewangan semasa, keputusan segmen operasi Minyak dan Gas terjejas teruk disebabkan oleh kemerosotan ekonomi dan penurunan ketara harga minyak. Carter vesel barj dalam tahun semasa telah berubah daripada dasar sewa masa carter kosong kepada dasar carter masa. Dengan perubahan ini, vesel barj akan juga tersedia untuk carter kepada pihak luar, selain daripada semata-semata untuk GOM Resources.

Pengarah menetapkan amaun boleh pulih vesel barj dengan menganggarkan nilai saksama tolak pelupusan kos ("FVLCD"). FVLCD vesel barj diperolehi dengan menggunakan pendekatan pendapatan dalaman, tanpa melibatkan penilai, dengan memberi diskaun jangkaan kepada aliran tunai masa depan pada kadar diskaun 10% setahun. Nilai saksama ini dikategorikan pada nilai saksama Tahap 3 berdasarkan penggunaan input tidak tercerap dalam teknik penilaian.

4. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN (SAMBUNGAN)

4.4 Kerugian kejejasan pada kapal barj (sambungan)

Amaun boleh pulih adalah seperti berikut:

Kumpulan	2015 RM'000
Amaun boleh pulih	88,045

Aliran tunai masa depan ke atas baki hayat berguna vesel barj adalah berdasarkan kepada taksiran Pengarah terhadap aliran masuk tunai daripada anggaran pendapatan masa depan, jangkaan aliran keluar kos operasi dan nilai sisa dengan menggunakan andaian utama yang berikut:

(a) Kadar harian carter masa, sewaan harian dan nilai sisa vesel barj ditentukan berdasarkan kepada anggaran terbaik oleh Pengarah, dengan mengambil kira kitaran industri, sejarah prestasi, data pasaran tersedia, tinjauan masa depan terhadap industri minyak dan gas; dan

(b) Baki hayat berguna vesel barj adalah 11 tahun.

Sorotan daripada kejejasan vesel barj, amaun boleh pulih adalah bersamaan dengan amaun bawaan. Oleh itu, perubahan ketara pada andaian utama mungkin menyebabkan kerugian kejejasan tambahan.

Analisis kepekaan

Tambahan kerugian kejejasan sebanyak RM10,000,000 akan terhasil daripada perubahan andaian utama berikut secara berasingan:

(i) peningkatan sebanyak 2% pada kadar diskaun; atau

(ii) penurunan sebanyak 10% pada kadar harian carter vesel barj; atau

(iii) penurunan sebanyak 5% pada jangkaan sewaan harian vesel barj.

Vesel barj ini termasuk di dalam segmen operasi Minyak dan Gas Kumpulan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

5. HARTANAH PELABURAN

	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Berdasarkan nilai saksama				
Tanah pegangan bebas	3,165	3,165	-	-
Tanah pegangan pajakan jangka panjang	175,530	175,530	98,695	21,195
Bangunan	2,862	2,800	11,000	11,000
	181,557	181,495	109,695	32,195

Pada tahun kewangan yang lepas, beberapa hartanah telah bertukar daripada hartanah, loji dan kelengkapan kepada hartanah pelaburan akibat daripada perubahan niat untuk menggunakannya.

Semasa dalam tahun kewangan semasa, subsidiari telah melupuskan beberapa bidang tanah pegangan pajakan kepada Syarikat pada nilai nominal RM1. Pelupusan oleh subsidiari ini dianggap sebagai agihan kepada Syarikat. Tanah tersebut direkodkan pada nilai saksama oleh Syarikat dengan kemasukan sepadan sebagai agihan daripada subsidiari.

5.1 Nilai saksama hartanah pelaburan

Jadual berikut menunjukkan teknik penilaian yang digunakan dalam menentukan nilai saksama dalam Tahap 3, serta input-input tidak tercerap ketara yang digunakan dalam model penilaian.

Huraian teknik penilaian	Input tidak tercerap ketara	Saling berhubungan antara input tidak tercerap ketara dan ukuran nilai saksama
Pendekatan perbandingan: Kaedah ini meliputi penentuan nilai pasaran dengan membandingkan secara langsung hartanah yang dinilai dengan hartanah yang sama yang telah dijual, nilai dicari melalui transaksi ini. Kaedah ini adalah berdasarkan kepada prinsip nilai pasaran hartanah adalah sejajar dengan nilai pasaran hartanah yang serupa pada lokasi yang sama sebagai harta subjek, nilai yang dinyatakan melalui transaksi jualan hartanah tersebut. Dalam membuat penilaian, penilai profesional bebas telah membuat pelarasan kepada faktor, yang akan memberi kesan kepada nilai pasaran pelaburan hartanah termasuklah tetapi tidak terhad kepada lokasi, saiz, kemudahan tersedia, keadaan pasaran dan faktor lain bagi mencapai dasar kesamaan untuk perbandingan.	Nilai pembolehubah tanah adalah berdasarkan asas kaki persegi.	Anggaran nilai saksama akan meningkat/(menurun) jika nilai pembolehubah tanah per kaki persegi lebih tinggi/(rendah).

Proses penilaian yang digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat untuk nilai saksama Tahap 3

Nilai saksama hartanah ditentukan oleh penilai luar, penilai hartanah bebas, yang mempunyai kelulusan professional yang diiktiraf dan mempunyai pengalaman semasa bagi lokasi dan kategori hartanah yang sedang dinilai.

6. ASET KONSESI PERKHIDMATAN

	Nota	Kumpulan 2015 RM'000	Kumpulan 2014 RM'000
Kos			
Pada 1 Januari		75,929	117,199
Penambahan		1,872	464
Pelupusan		(36)	(521)
Pelupusan subsidiari	6.1	(10,663)	-
Pemindahan kepada aset dipegang untuk jualan	16	-	(44,207)
Perbezaan pertukaran		17,326	2,994
Pada 31 Disember		84,428	75,929
Pelunasan dan kerugian kejejasan			
Pada 1 Januari		11,417	32,637
Caj pelunasan untuk tahun		3,744	3,268
Pelupusan		(17)	(59)
Pelupusan subsidiari	6.1	(7,773)	-
Kerugian kejejasan	6.2	12,000	5,847
Pemindahan kepada aset dipegang untuk jualan	16	-	(29,878)
Perbezaan pertukaran		3,854	(398)
Pada 31 Disember			
Pelunasan terkumpul		11,225	5,570
Kerugian kejejasan terkumpul		12,000	5,847
		23,225	11,417
Amaun bawaan		61,203	64,512

Aset konsesi perkhidmatan mewakili hak Kumpulan untuk mengambil alih, melabur, membiaya, membina, mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara loji rawatan air dan air sisa seperti yang dijelaskan dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

6.1 Pelupusan subsidiari

Pada 8 Disember 2015, subsidiari Syarikat, SINO telah melupuskan 80% daripada faedah ekuitinya di Hebei Sino seperti yang dijelaskan dalam Nota 7 dan 35 kepada penyata kewangan.

6.2 Kerugian kejejasan pada aset konsesi perkhidmatan

Pada tahun kewangan ini, keputusan operasi segmen Air dan Air sisa terjejas teruk akibat dari kelewatan perlaksanaan oleh kerajaan tempatan untuk menutup telaga persendirian dan penggantungan entiti perkilangan dalam bidang di mana konsesi beroperasi. Keadaan ini dijangkakan akan terus memberi kesan buruk kepada pengendalian segmen operasi Air dan Air Sisa pada masa akan datang.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

6. ASET KONSESI PERKHIDMATAN (SAMBUNGAN)

6.2 Kerugian kejejasan pada aset konsesi perkhidmatan (sambungan)

Kerugian kejejasan atas aset konsesi perkhidmatan berjumlah RM12,000,000 (2014: RM Nil) diiktiraf pada tahun semasa sebagai amaun CGU bawaan, di mana ia dimasukkan ke dalamnya, melebihi anggaran amaun boleh pulih. Kerugian kejejasan ini dimasukkan ke dalam kapsyen kerugian kejejasan dalam penyata untung rugi dan pendapatan komprehensif lain.

Pengarah menentukan nilai guna tunai yang menghasilkan aset dengan mendiskaun aliran tunai masa depan dijangka dihasilkan daripada aset konsesi perkhidmatan ke atas baki tempoh konsesi berdasarkan kepada penilaian aliran masuk tunai oleh Pengarah daripada anggaran pendapatan masa depan dan jangkaan aliran keluar kos kendalian.

Amaun boleh dapat balik bagi aset konsesi perkhidmatan adalah berdasarkan kaedah nilai gunanya, seperti berikut:

Kumpulan	2015 RM'000
Amaun diperoleh semula	
- LUWEI	40,596
- XINNUO	20,607
	61,203

(a) LUWEI

LUWEI memegang konsesi untuk melabur, membiaya, membina, mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara 50,000 m^3 sehari loji pembersihan air beserta dengan saluran paip di Daerah Lushan, Wilayah Henan, China seperti yang dinyatakdan dalam Nota 3(a).

Bagi tujuan menguji kejejasan, aset konsesi perkhidmatan LUWEI dikumpulkan bersama dengan aset LUWEI yang lain menjadi satu CGU.

Aliran masuk tunai yang hendak dicapai pada nilai gunanya, didiskaun pada 14% setahun, disediakan dengan andaian utama yang berikut:

(i) Unjuran tempoh aliran tunai adalah berdasarkan kepada tempoh konsesi selama 30 tahun bermula 2016 sehingga 2038; dan

(ii) Kadar tarif air, kapasiti optimum loji dan bahagian bukan hasil air ditetapkan secara anggaran oleh Pengarah, dengan mengambil kira sejarah prestasi, perlaksanaan kerajaan tempatan, data pasaran sedia ada dan tinjauan masa depan industri air.

Analisis kepekaan:

Tambahan kerugian kejejasan sebanyak RM10,000,000 akan terhasil daripada perubahan andaian utama secara berasingan:

(i) peningkatan 2% dalam kadar diskaun; atau

(ii) pengurangan dalam aliran masuk tunai dalam 1 tahun untuk mencapai kapasiti optimum.

6. ASET KONSESI PERKHIDMATAN (SAMBUNGAN)

6.2 Kerugian kejejasan pada aset konsesi perkhidmatan (sambungan)

(b) XINNUO

XINNUO memegang konsesi untuk memperoleh, melabur, membiaya, membina, mereka bentuk, mengendali dan menyelenggara 30,000 m^3 sehari loji pembersihan air sisa di bandar Laodian, Daerah Yangxin, Wilayah Shandong, China seperti yang dihuraikan dalam Nota 3(b).

Bagi tujuan menguji kejejasan, aset konsesi perkhidmatan XINNUO dikumpulkan bersama dengan aset XINNUO yang lain menjadi satu CGU.

Aliran masuk tunai yang hendak dicapai pada nilai gunanya, didiskaun pada 14% setahun, disediakan dengan andaian utama yang berikut:

(i) Unjuran tempoh aliran tunai adalah berdasarkan kepada tempoh konsesi selama 28 tahun bermula 2016 sehingga 2036; dan

(ii) Kadar tarif air sisa dan kapasiti optimum loji ditentukan oleh anggaran terbaik Pengarah, dengan mengambil kira sejarah prestasi, perlaksanaan kerajaan tempatan, data pasaran sedia ada dan tinjauan masa depan industri air.

Analisis kepekaan

Tambahan kerugian kejejasan sebanyak RM10,000,000 akan terhasil dengan kenaikan 4% kadar diskaun.

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

	Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000
Kos		
Saham tidak disebut harga		
- Dalam Malaysia	283,709	47,700
- Luar Malaysia	3,904	3,904
	287,613	51,604
Tolak: Kerugian kejejasan terkumpul	(105,735)	(3,654)
	181,878	47,950

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butiran subsidiari adalah seperti berikut:

Nama	Aktiviti Utama	Kepentingan pemilikan dan kepentingan pengundian berkesan	
		2015 %	2014 %
Diperbadankan di Malaysia			
PNSB (dihentikan menjadi subsidiari pada 15 Oktober 2015)	Mengendali, menyelenggara, mengurus, membina, membaiki, memperbaharui kemudahan pembersihan air	-	100
Puncak Niaga (India) Sdn. Bhd.*	Tidak aktif	100	100
Puncak Research Centre Sdn. Bhd.*	Penyelidikan dan pembangunan serta pembangunan teknologi bagi sektor air, air sisa dan alam sekitar	100	100
Puncak Seri (M) Sdn. Bhd.*	Aktiviti berkaitan makanan dan minuman	100	100
PNMSSB	Perkhidmatan pengurusan, khidmat nasihat dan rundingan	100	100
POG	Pegangan pelaburan dan peruntukan bagi perkhidmatan logistik luar pesisir dan pengurusan marin	100	100
Murni Estate Sdn. Bhd.*	Tidak aktif	100	100
PNCSB	Kerja pembinaan, kontrak am dan aktiviti berkaitan	100	100
Magnum Nature Sdn. Bhd.*	Tidak aktif	100	100
Ideal Water Resources Sdn. Bhd.*	Tidak aktif	100	100
Unggul Raya (M) Sdn. Bhd.*	Tidak aktif	100	100
Diperbadankan di Singapura			
SINO**	Pelaburan dalam projek air dan air sisa di PRC	98.65	98.65
PNOC**	Tidak aktif	100	100

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

Butiran subsidiari adalah seperti berikut (sambungan):

Nama	Aktiviti Utama	Kepentingan pemilikan dan kepentingan pengundian berkesan	
		2015 %	2014 %
Diperbadankan di India			
PNIPPL*	Tidak aktif	100	100
Diperbadankan di PRC			
Subsidiari SINO			
LUWEI*	Pembersihan dan pengagihan air dan perkhidmatan berkaitan	92.54	91.59
XINNUO*	Pembersihan air sisa dan perkhidmatan berkaitan	98.65	98.65
Sino Water (Shanghai)**	Khidmat rundingan untuk projek air dan air sisa	98.65	98.65
Hebei Sino (dihentikan menjadi subsidiari pada 8 Disember 2015)	Pengagihan air kepada kawasan perindustrian	-	78.92
Diperbadankan di Malaysia			
Subsidiari POG			
GOM Resources	Menyediakan khidmat pemasangan pesisir luar pengangkutan bersepadu dan pemasangan kemudahan pesisir luar	100	100
KGL	Melibatkan pajakan vessel di luar pesisir berasaskan pada carter masa	100	100
Diperbadankan di Myanmar			
Subsidiari POG			
GOL*	Tidak aktif	100	100

* Diaudit oleh firma selain KPMG
** Diaudit oleh anggota firma KPMG International

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI (SAMBUNGAN)

7.1 Peningkatan dalam pelaburan subsidiari

Pada tahun ini, hartanah, loji dan kelengkapan dan pelaburan hartanah berjumlah RM160,956,000 yang telah diagihkan oleh PNSB kepada Syarikat telah disuntik kedalam beberapa subsidiari. Amaun kena bayar kepada PNSB oleh subsidiari adalah RM21,552,000 telah diketepikan oleh PNSB dan dianggap sebagai suntikan modal oleh Syarikat kepada subsidiari (Nota 24.2).

Pada tahun ini, Syarikat juga telah melabur lagi dalam Saham Keutamaan Boleh Tebus dalam segmen operasi Minyak dan Gas sebanyak RM53,000,000 dan amaun modal kena bayar daripada subsidiari sebanyak RM500,000.

7.2 Pelupusan saham dalam subsidiari

(i) PNSB dihentikan menjadi subsidiari Syarikat pada 15 Oktober 2015 seperti yang dinyatakan dalam Nota 35 penyata kewangan.

Pada 15 Oktober 2015, PNSB telah memindahkan kesemua saham yang dipegang dalam dua (2) anak syarikat milik penuhnya, Ideal Water Resources Sdn. Bhd. dan Unggul Raya (M) Sdn. Bhd. Kepada Syarikat berdasarkan terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam kontrak jual beli bersyarat bertarikh 11 November 2014 di antara Syarikat dan Air Selangor seperti yang dinyatakan dalam Nota 35 penyata kewangan.

(ii) Hebei Sino dihentikan menjadi subsidiari SINO pada 8 Disember 2015 seperti yang dinyatakan dalam Note 35 penyata kewangan.

7.3 Kerugian kejejasan pada pelaburan dalam subsidiari

Pada peringkat Syarikat, peningkatan dalam kerugian kejejasan pada tahun semasa berjumlah RM102,081,000 pada dasarnya, diatribut lebih kepada anak anak syarikat di dalam segmen operasi Minyak dan Gas.

Amaun boleh pulih pelaburan dalam subsidiari adalah berdasarkan kepada nilai saksama tolak kos pelupusan dengan menganggarkan secara dasar nilai saksama aset dan liabiliti subsidiari. Dasar utama aset yang dipegang oleh subsidiari ini adalah vesel barj yang nilai saksama kos pelupusan dianggarkan dengan menggunakan kaedah pendapatan seperti yang dihuraikan dalam Nota 4.4.

Amaun bawaan pelaburan dalam subsidiari berjumlah RM283,959,000 (2014: RM51,604,000) telah ditetapkan lebih tinggi daripada amaun boleh pulih iaitu RM181,878,000 (2014: RM47,950,000) dan kerugian kejejasan sebanyak RM102,081,000 (2014 : RM3,654,000) telah pun diiktiraf. Kerugian kejejasan ini termasuk dalam kapsyen kerugian kejejasan di dalam penyata untung rugi dan pendapatan komprehensif yang lain.

Berikutan daripada kejejasan kos pelaburan dalam subsidiari, amaun boleh pulih adalah sama dengan amaun bawaan. Oleh itu, perubahan ketara dalam anggaran utama akan menjadikan kerugian kejejasan lanjut.

Analisis kepekaan:

Tambahan kerugian kejejasan sebanyak RM10,000,000 akan terhasil daripada pengurangan dalam nilai saksama vesel barj sebanyak 12%.

8. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Saham tidak sebut harga, pada kos	-	42	-	42
Pendahuluan kepada syarikat bersekutu	11	10	9	9
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	(9)	(6)	-	-
	2	46	9	51

Nama	Aktiviti utama	Kepentingan pemilikan dan Kepentingan pengundian berkesan	
		2015 %	2014 %
Diperbadankan di Malaysia			
Oasis Water Resources Sdn. Bhd. (dihentikan daripada menjadi syarikat bersekutu pada 5 November 2015)	Tidak aktif	-	40
Purnama Persada Sdn. Bhd.	Tidak aktif	50	50

9. PELABURAN DALAM USAHA SAMA

	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Pendahuluan untuk usaha sama	5,448	5,338	5,448	5,338
Tolak: Kerugian kejejasan terkumpul	(5,448)	(5,338)	(5,448)	(5,338)
	-	-	-	-
Bahagian rizab selepas pengambilalihan	739	814	-	-
	739	814	-	-

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

10. MUHIBAH

	Nota	Kumpulan 2015 RM'000	Kumpulan 2014 RM'000
Pada 1 Januari		26,351	26,254
Kerugian kejejasan		(25,240)	-
Perbezaan pertukaran		138	97
Pada 31 Disember		1,249	26,351
Muhibah diuntukkan kepada CGU dalam segmen berikut:			
Minyak dan Gas	10.1	-	21,458
Air dan Air sisa	10.2	159	3,803
Pembinaan		1,090	1,090
		1,249	26,351

10.1 Minyak dan Gas

Di peringkat Kumpulan, muhibah berjumlah RM21,458,000 terbit daripada pengambilalihan GOM Resources yang telah disempurnakan pada 30 Jun 2011 dan muhibah ini diperuntukkan kepada segmen operasi Minyak dan Gas.

Pengarah telah menilai kejejasan segmen operasi Minyak dan Gas secara keseluruhannya (meliputi muhibah). Ujian kejejasan CGU mengenai segmen operasi Minyak dan Gas adalah berdasarkan kepada nilai gunanya, ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa depan yang akan dihasilkan oleh segmen operasi CGU Minyak dan Gas, diperolehi daripada belanjawan kewangan yang diluluskan oleh Pengarah dan/atau berdasarkan kepada anggaran terbaik Pengarah.

Berikut adalah huraian berkenaan setiap andaian utama yang digunakan dalam unjuran aliran tunai terhadap ujian kejejasan muhibah:

(i) Penetapan belanjawan bagi margin dan pertumbuhan kasar

Pihak Pengurusan menetapkan hasil belanjawan, margin kasar dan keputusan berdasarkan kontrak yang telah diperolehi dan/atau buku pesanan yang dijangkakan selaras dengan jangkaan terhadap perkembangan pasaran berkaitan.

(ii) Kadar diskaun

Kadar diskaun yang digunakan dalam unjuran aluran wang tunai adalah 10% (2014: 8%) setahun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

10. MUHIBAH (SAMBUNGAN)

10.1 Minyak dan Gas (sambungan)

Pada tahun kewangan semasa, dengan kemerosotan ekonomi pada industri minyak dan gas dan penurunan ketara harga minyak, Pengarah menganggap aliran tunai masa depan akan dihasilkan dari segmen operasi CGU Minyak dan Gas. Amaun bawaan unit tersebut telah ditetapkan lebih tinggi daripada amaun boleh pulih ditentukan melalui nilai gunanya. Kerugian kejejasan sebanyak RM21,458,000 (2014: RM Nil) telah diiktiraf. Kerugian kejejasan ditetapkan sepenuhnya kepada muhibah dan di masukkan ke dalam kapsyen kerugian kejejasan dalam penyata untung rugi dan pendapatan komprehensif lain. Aset lain merangkumi sebahagian besarnya vesel barj dinyatakan dalam anggaran nilai saksama tolak kos pelupusan (Nota 4.4).

10.2 Air dan Air Sisa

Pada peringkat Kumpulan, muhibah berjumlah RM3,803,000 terbit daripada pengambilalihan LUWEI dan XINNUO dan muhibah ini diletakkan dalam segmen operasi Air dan Air Sisa.

Segmen operasi Air dan Air Sisa telah terjejas ekoran daripada kelewatan kerajaan tempatan untuk melaksakan penutupan telaga persendirian dan penggantungan kepada entiti perkilangan dalam bidang di mana konsesi beroperasi.

Ujian kerugian kejejasan CGU segmen operasi Air dan Air Sisa adalah berdasarkan nilai gunanya, ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa depan yang akan dihasilkan oleh segmen operasi Air dan Air Sisa CGU seperti yang dihuraikan dalam Nota 6.2.

Atas keputusan nilai bawaan kejejasan CGU bagi LUWEI dan XINNUO seperti yang dibincangkan dalam Nota 6.2, muhibah yang diletakkan kepada segmen operasi Air dan Air Sisa berjumlah RM3,782,000 (2014: RM Nil) ialah kejejasan tahun semasa. Kerugian kejejasan ini dimasukkan ke dalam kapsyen kerugian kejejasan dalam penyata untung rugi dan pendapatan komprehensif lain.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

11. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA

Aset/(liabiliti) cukai tertunda yang diiktiraf

Aset dan liabiliti cukai tertunda boleh diatributkan seperti berikut:

Kumpulan	Setakat pada 1 Januari 2014 RM'000	Diiktiraf dalam untung rugi (Nota 25) RM'000	Diktiraf dalam ekuiti dan pendapatan komprehensif yang lain RM'000	Pindah kepada liabiliti dipegang untuk jualan (Nota 16) RM'000	Setakat pada 31 Disember 2014/ 1 Januari 2015 RM'000	Diiktiraf dalam untung rugi (Nota 25) RM'000	Setakat pada 31 Disember 2015 RM'000
(Liabiliti)/aset cukai tertunda							
Pinjaman dan peminjaman	(29,014)	3,854	761	23,609	(790)	790	-
Faedah belum terima	(13,841)	4,255	-	-	(9,586)	9,586	-
Aset konsesi perkhidmatan	(1,633)	106	-	-	(1,527)	(31)	(1,558)
Aset operasi kewangan	(159,931)	2,858	-	157,073	-	-	-
Perdagangan belum terima	(458,652)	(112,247)	-	573,472	2,573	(151)	2,422
Hartanah, loji dan kelengkapan	(10,664)	34,621	11,048	(42,857)	(7,852)	1,514	(6,338)
Kerugian cukai belum guna	64,073	24,182	-	(73,373)	14,882	2,531	17,413
Elaun pelaburan semula	142,598	-	-	(142,598)	-	-	-
Lain-lain	6,794	(3,301)	(678)	(3,523)	(708)	4,771	4,063
	(460,270)	(45,672)	11,131	491,803	(3,008)	19,010	16,002
Syarikat							
(Liabiliti)/aset cukai tertunda							
Faedah belum terima	(20,146)	(2,782)	-	-	(22,928)	22,928	-
Hartanah, loji dan kelengkapan	(2,967)	(1,996)	2,028	-	(2,935)	-	(2,935)
Pinjaman dan peminjaman	(1,390)	(161)	761	-	(790)	790	-
Lain-lain	-	(565)	(619)	-	(1,184)	-	(1,184)
	(24,503)	(5,504)	2,170	-	(27,837)	23,718	(4,119)

11. ASET/(LIABILITI) CUKAI TERTUNDA (SAMBUNGAN)

Aset/(liabiliti) cukai tertunda yang diiktiraf (sambungan)

	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Dibentangkan selepas pengimbangan yang bersesuaian seperti berikut:				
Aset cukai tertunda	25,722	18,227	-	-
Liabiliti cukai tertunda	(9,720)	(21,235)	(4,119)	(27,837)
	16,002	(3,008)	(4,119)	(27,837)

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk elaun modal tidak diserap, kerugian cukai belum guna dan elaun pelaburan semula belum guna yang dibawa ke hadapan setakat mana realisasi faedah cukai yang berkaitan, tersedia menerusi keuntungan boleh cukai masa depan. Para Pengarah berpendapat bahawa Kumpulan akan dapat mengurangkan cukai kena bayar memandangkan keuntungan dan faedah masa depan yang terakru kepada Kumpulan yang mana aset cukai tertunda ini berkait. Elaun modal tidak diserap, kerugian cukai belum guna dan elaun pelaburan semula belum guna, tersedia untuk tempoh masa yang tidak pasti untuk diseimbangkan berbanding keuntungan boleh cukai masa depan bagi entiti masing-masing dalam Kumpulan.

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf untuk item berikut:

	Kumpulan	
	2015 RM'000	2014 RM'000
Kerugian cukai dan elaun modal	4,320	2,296

12. INVENTORI

	Kumpulan	
	2015 RM'000	2014 RM'000
Kos		
Bahan kimia pembersih air	96	119
Bahan api	10	1,092
	106	1,211

Pada tahun ini, amaun inventori yang diiktiraf dalam untung rugi Kumpulan adalah RM828,000 (2014: RM9,434,000) dan di masukkan dalam garis item berikut:

	Kumpulan	
	2015 RM'000	2014 RM'000
Kontrak pembinaan bagi minyak dan gas	828	9,434

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

13. PERDAGANGAN BELUM TERIMA DAN LAIN-LAIN

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Perdagangan					
Perdagangan belum terima	13.1	17,003	49,206	-	-
Amaun kena bayar daripada pelanggan kontrak	13.2	39,883	164,780	-	-
Jumlah tahanan dipegang oleh pelanggan	13.3	4,355	1,247	-	-
Pendahuluan kepada sub-kontraktor		7,363	12,426	-	-
		68,604	227,659	-	-
Tolak: Kerugian kejejasan pada perdagangan belum terima		-	(5,021)	-	-
		68,604	222,638	-	-
Bukan perdagangan					
Amaun kena bayar daripada subsidiari	13.4	-	-	331,959	258,968
Prabayaran		9,260	7,883	468	412
Belum terima yang lain		30,745	13,207	14,492	11,327
Deposit		3,779	4,721	2,686	439
		43,784	25,811	349,605	271,146
Tolak: Kerugian kejejasan pada bukan perdagangan belum terima		(15,325)	(9,131)	(163,757)	(16,580)
		28,459	16,680	185,848	254,566
		97,063	239,318	185,848	254,566

13.1 Perdangan belum terima

Perdagangan belum terima adalah tanpa faedah dan secara umumnya adalah dalam lingkungan tempoh 30 hingga 90 hari (2014: 30 hingga 90 hari). Tempoh kredit lain dinilai dan diluluskan berdasarkan kes demi kes.

13.2 Amaun kena bayar daripada pelanggan kontrak

	Kumpulan	
	2015 RM'000	2014 RM'000
Kos kontrak pembinaan yang tertanggung hingga kini	658,734	890,747
Tambah: Keuntungan boleh diatribut	14,524	67,137
	673,258	957,884
Tolak: Pengebilan kemajuan	(633,375)	(793,104)
	39,883	164,780

13. PERDAGANGAN BELUM TERIMA DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

13.3 Jumlah tahanan yang dipegang oleh pelanggan

Jumlah tahanan yang dipegang oleh pelanggan adalah berkaitan dengan kontrak pembinaan dan tidak bercagar dan tanpa faedah.

13.4 Amaun kena bayar oleh subsidiari

Amaun kena bayar oleh subsidiari adalah tanpa faedah, tidak bercagar dan kena bayar balik apabila diminta. Penyebab utama peningkatan ketara dalam kerugian kejejasan ini disebabkan oleh pendahuluan kepada subsidiari yang beroperasi dalam segmen Minyak dan Gas.

14. PELABURAN JANGKA PENDEK

	Kumpulan dan Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000
Pada 31 Disember/Nilai pasaran	922,146	10,269

Pelaburan jangka pendek menggambarkan penempatan dana di institusi-institusi kewangan

15. TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI

	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Deposit dengan bank berlesen	301,075	391,427	233,589	332,720
Tunai dan baki di bank	77,474	54,920	52,778	21,516
Pada 31 Disember	378,549	446,347	286,367	354,236

Termasuk dalam tunai dan kesamaan tunai Kumpulan ialah amaun sebanyak RM27,000 (2014: RM85,000) yang disandar dan ditetapkan sebagai cagaran untuk peminjaman seperti yang dikemukakan dalam Nota 18.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

16. ASET/LIABILITI DIKELASKAN SEBAGAI DIPEGANG UNTUK JUALAN

Pada tahun kewangan yang lepas, berikutan komitmen Kumpulan untuk menjual keseluruhan pegangan saham dalam PNSB dan SYABAS masing-masing pada 11 November 2014, aset dan liabiliti untuk aktiviti konsesi yang berkaitan telah dibentangkan sebagai aset/liabiliti yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan.

Jualan PNSB dan SYABAS telah lengkap pada 15 Oktober 2015. Kesan kepada pelupusan tersebut dianalisa dalam Nota 23.

Pada tahun kewangan yang lepas, aset dan liabiliti sebagai dipegang untuk jualan adalah seperti berikut:

		Kumpulan	Syarikat
	Nota	2014 RM'000	2014 RM'000
Aset dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan			
Hartanah, loji dan kelengkapan	16.1	2,596	-
Aset kewangan operasi		780,058	-
Aset konsesi perkhidmatan	6	14,329	-
Pelaburan dalam subsidiari	7	-	412,532
Pelaburan dalam usaha sama		-	150,789
Perdagangan belum terima dan lain-lain	16.2	2,567,324	197,669
Inventori		5,857	-
Cukai boleh dapat balik		80,173	-
Tunai dan kesamaan tunai	16.3	167,761	-
		3,618,098	760,990
Liabiliti dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan			
Peruntukan untuk faedah persaraan		2,130	-
Pinjaman dan peminjaman	16.4	1,725,899	-
Perdagangan belum bayar dan lain-lain	16.5	51,518	-
Liabiliti cukai tertunda	11	491,803	-
		2,271,350	-

16.1 Hartanah, loji dan kelengkapan

Kumpulan	Kos (Nota 4) RM'000	Susut nilai terkumpul (Nota 4) RM'000	Amaun bawaan RM'000
2014			
Perabot dan lekapan	1,159	(930)	229
Kenderaan bermotor	4,489	(2,877)	1,612
Komputer, perisian dan kelengkapan	3,187	(2,432)	755
	8,835	(6,239)	2,596

16. ASET/LIABILITI DIKELASKAN SEBAGAI DIPEGANG UNTUK JUALAN (SAMBUNGAN)

16.2 Perdagangan belum terima dan lain-lain

	Kumpulan 2014 RM'000	Syarikat 2014 RM'000
Perdagangan		
Amaun kena bayar daripada Serba Tiara	91,866	-
Amaun kena bayar daripada usaha sama, SYABAS	2,469,913	-
	2,561,779	-
Bukan perdagangan		
Usaha sama RCULS	-	102,135
Usaha sama – faedah belum terima	-	95,534
	-	197,669
Prabayaran	2,865	-
Belum terima yang lain	498	-
Faedah belum terima	135	-
Runcit belum terima	521	-
Deposit	1,526	-
	5,545	197,669
	2,567,324	197,669

Menurut Perjanjian Novasi di antara PNSB, Kerajaan Negeri dan SYABAS, SYABAS mempunyai hak untuk membayar operator pembersih air mengikut pembahagian apabila SYABAS tidak mempunyai dana yang mencukupi. Pampasan telah dikenakan berdasarkan bayaran lewat tertunggak pada kadar 8.60% - 8.85% setahun. Pada tahun kewangan yang lalu, PNSB menganggarkan bahawa amaun kena bayar daripada SYABAS akan diterima sepenuhnya menjelang akhir tahun 2018 bergantung kepada kesudahan litigasi yang memuaskan yang diambil terhadap Kerajaan Negeri oleh SYABAS berhubung dengan tuntutan pampasan tarif.

16.3 Tunai dan kesamaan tunai

	Kumpulan 2014 RM'000
Deposit dengan bank berlesen	35,576
Tunai dan baki di bank	132,185
	167,761

Termasuk dalam tunai dan kesamaan tunai adalah RM Nil (2014: RM126,045,000) yang disandar dan ditetapkan sebagai cagaran untuk peminjaman.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

16. ASET/LIABILITI DIKELASKAN SEBAGAI DIPEGANG UNTUK JUALAN (SAMBUNGAN)

16.4 Pinjaman dan peminjaman

	Kumpulan 2014 RM'000
Pinjaman bantuan kerajaan	24,410
BAIDS/MCPs/MMTNs	1,017,477
JNA	229,755
RSBs	453,723
Obligasi di bawah pajakan kewangan	534
	1,725,899

16.5 Perdagangan belum bayar dan lain-lain

	Kumpulan 2014 RM'000
Perdagangan	
Pihak ketiga	11,075
	11,075
Bukan perdagangan	
Kos kewangan belum bayar	15,634
Akruan	24,809
	40,443
	51,518

16.6 Komitmen modal

	Kumpulan 2014 RM'000
Perbelanjaan modal:	
Kontrak yang diluluskan dan berkontrak	12,425

17. MODAL DAN RIZAB

17.1 Modal saham

	Kumpulan dan Syarikat			
	2015		2014	
	Amaun RM	Bilangan Saham	Amaun RM	Bilangan Saham
Dibenarkan:				
Saham biasa berharga RM1 sesaham	1,300,000,000	1,300,000,000	1,300,000,000	1,300,000,000
Diterbitkan dan berbayar penuh:				
Pada 1 Januari	415,959,777	415,959,777	411,260,838	411,260,838
Terbitan saham di bawah penukaran waran	32,574,007	32,574,007	2,948,939	2,948,939
Terbitan saham menurut penukaran RCSSI	750,000	750,000	1,750,000	1,750,000
Pada 31 Disember	449,283,784	449,283,784	415,959,777	415,959,777

(a) Saham biasa

Para pemegang saham biasa berhak menerima dividen yang diisytiharkan dari semasa ke semasa dan berhak kepada satu undian bagi setiap saham pada mesyuarat Syarikat. Berhubung dengan saham perbendaharaan Syarikat yang dipegang oleh Syarikat (lihat di bawah), semua hak digantung sehingga saham-saham tersebut diterbitkan semula.

(b) Waran

Pada 23 Julai 2013, Syarikat telah menerbitkan 40,910,609 waran percuma dengan harga laksana RM1.00 setiap satu atas dasar satu (1) waran bagi setiap sepuluh (10) saham biasa sedia ada berharga RM1.00 sesaham dalam Syarikat yang dipegang oleh para pemegang saham Syarikat yang berhak. Waran tersebut tersenarai di Pasaran Utama Bursa Securities pada 26 Julai 2013.

Waran ini akan tamat tempoh pada penghujung lima tahun dari tarikh terbitannya.

Waran yang dilaksanakan sepanjang tahun kewangan telah menghasilkan 32,574,007 (2014: 2,948,939) saham biasa baharu berharga RM1.00 sesaham diterbitkan.

Pada 31 Disember 2015, 5,269,720 (2014: 37,843,727) waran masih belum dilaksanakan.

(c) RCSSI

Pada tahun berakhir 31 Disember 2015, terdapat terbitan 750,000 (2014: 1,750,000) saham biasa baru berharga RM1.00 sesaham menurut penukaran RCSSI berjumlah RM1,500,000 (2014: RM3,500,000).

Pada 3 Disember 2015, Syarikat telah membeli balik sepenuhnya kesemua RCSSI tertunggak berjumlah RM160.0 juta dalam nilai nominal Syarikat bagi bayaran pertimbangan berjumlah RM200.0 juta sahaja (“Pembelian balik RCSSI”). Berikutan selesainya Pembelian balik RCSSI oleh Syarikat, RCSSI telah dibatalkan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

17. MODAL DAN RIZAB (SAMBUNGAN)

17.2 Premium saham

Premium saham merangkumi premium yang dibayar untuk langganan saham dalam Syarikat yang melebihi nilai tara saham.

17.3 Saham perbendaharaan

Saham perbendaharaan berkait dengan saham biasa Syarikat yang dipegang oleh Syarikat. Amaunnya terdiri daripada kos pengambilalihan saham perbendaharaan bersih daripada penerimaan yang diterima semasa penjualan atau penerbitan kemudiannya. Para Pengarah Syarikat komited untuk meningkatkan nilai Syarikat buat para pemegang sahamnya dan percaya bahawa rancangan pembelian balik boleh diguna pakai demi kebaikan Syarikat dan para pemegang sahamnya.

Tidak ada pembelian balik modal saham diterbitkan pada tahun kewangan semasa.

Bagi tujuan penyata kewangan ini, pihak yang diangggap berkaitan dengan Kumpulan jika Kumpulan atau Syarikat mempunyai keupayaan secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal secara bersama pihak tersebut atau melaksanakan pengaruh yang besar terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan berkenaan kewangan dan operasi, atau begitu juga sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Syarikat dan pihak itu tertakluk kepada kawalan yang sama. Pihak berkaitan boleh merupakan individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga adalah termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrif sebagai mereka yang mempunyai kuasa serta tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Kumpulan, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama termasuklah para Pengarah Kumpulan, dan anggota pengurusan kanan tertentu di dalam Kumpulan.

Kumpulan mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan syarikat pegangan, pelabur penting, subsidiari, syarikat bersekutu serta kakitangan pengurusan utamanya.

Urus niaga pihak berkaitan yang penting

Urus niaga pihak berkaitan telah dimeterai dalam perjalanan biasa perniagaan di bawah terma perdagangan biasa. Urus niaga pihak berkaitan yang penting bagi Kumpulan dan Syarikat dikemukakan di bawah. Baki berkaitan urus niaga di bawah dikemukakan dalam Nota 13 dan 19.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

34. PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Urus niaga pihak berkaitan yang penting (sambungan)

	Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000
A. Subsidiari		
Sewa daripada SINO	1,083	911
Pendapatan komisyen daripada PNCSB	1,991	574
Pendahuluan daripada PNSB	-	111,634
Pendahuluan kepada PNSB	-	14,932
Pembayaran balik kepada PNSB	-	14,039
Pendahuluan kepada POG	-	100,879
Pembayaran balik daripada POG	-	101,477
Pendahuluan kepada SINO	12,896	14,430
Pendahuluan kepada PNCSB	32,807	13,453
Pendahuluan daripada PNCSB	78,517	67,335
Pembayaran balik kepada PNCSB	62,229	54,694
Pendahuluan kepada PNMSSB	17,629	300
Caj yuran pengurusan oleh PNMSSB	5,070	-
Pendahuluan kepada PRCSB	300	195

		Kumpulan		Syarikat	
	Nota	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
B. Usaha sama*					
Faedah RCULS belum terima		12,016	14,950	12,016	14,950
Pampasan pembayaran lewat		144,893	169,814	-	-
Caj yuran penyimpanan		497	575	504	248
Penjualan kuantiti air bersih secara pukal		557,682	694,509	-	-
C. Kakitangan pengurusan utama					
Faedah jangka pendek pekerja		23,057	27,325	758	434
Pelan caruman wajib		3,951	4,509	44	-
Perbelanjaan lain berkaitan kakitangan		2,600	1,993	358	330
		29,608	33,827	1,160	764
Termasuk dalam jumlah kakitangan pengurusan utama adalah:					
Ganjaran pengarah	27	17,505	18,286	911	764

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

34. PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Urus niaga pihak berkaitan yang penting (sambungan)

	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
D. Syarikat berkait dengan Pengarah				
Caj yuran kesetiausahaan oleh RZ Management	-	240	-	-

* Urus niaga pihak berkaitan adalah meliputi sehingga tarikh penyelesaian pelupusan SYABAS pada 15 Oktober 2015

Kakitangan pengurusan utama lain terdiri daripada individu selain daripada para Pengarah entiti Kumpulan, yang mempunyai kuasa serta tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti entiti Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Urus niaga pihak berkaitan telah dimeterai mengikut perjalanan biasa peniagaan di bawah terma yang telah dirundingkan.

Maklumat mengenai baki belum lunas yang timbul daripada urus niaga pihak berkaitan didedahkan dalam Nota 13 dan Nota 19 kepada penyata kewangan.

35. PERUBAHAN KOMPOSISI KUMPULAN

(a) SINO telah menambah pelaburan sejumlah USD1,020,000 dalam LUWEI, subsidiari liabiliti terhad dengan 92.84% pemilikan di Daerah Lushan, Wilayah Henan, di Republik Rakyat China di bawah Undang-undang Syarikat China.

Setakat 6 Februari 2015, modal berdaftar berbayar LUWEI meningkat daripada USD6,530,000 kepada USD7,550,000, lalu menjadikan LUWEI subsidiari SINO dengan 93.81% pemilikan dengan pelaburan berjumlah USD7,082,500.

(b) Pada 15 Oktober 2015, Lembaga Pengarah Syarikat mengumumkan bahawa Syarikat telah menerima baki harga pembelian berjumlah RM1,554.3 juta daripada Air Selangor. Cadangan pelupusan telah disempurnakan pada 15 Oktober 2015. Justeru itu, PNSB dan Syabas telah terhenti menjadi subsidiari dan syarikat usaha sama PNHB masing-masing berkuat kuasa 15 Oktober 2015. Kesan daripada pelupusan didedahkan dalam Nota 23.

(c) Pada 15 Oktober 2015, PNSB telah memindahkan kesemua saham dipegang dalam dua (2) subsidiari milik penuhnya, iaitu, Ideal Water Resources Sdn. Bhd. dan Unggul Raya (M) Sdn. Bhd. terdiri daripada dua (2) saham biasa berharga RM1.00 sesaham dan satu ratus (100) saham biasa berharga RM1.00 sesaham masing-masing kepada Syarikat pada pertimbangan tunai sebanyak RM2.00 dan RM100.00 masing-masing menurut terma dan syarat seperti yang ditetapkan dalam perjanjian jual beli bersyarat bertarikh 11 November 2014 di antara Syarikat dan Air Selangor.

(d) Pada 12 Ogos 2015, subsidiari Syarikat, SINO telah memeterai Perjanjian Pemindahan Ekuiti dengan Panlong Industrial Water Supply Co., Ltd, Daerah Yuanshi ("Pembeli") bagi pelupusan 80% kepentingan ekuiti dalam Hebei Sino dengan pertimbangan tunai sebanyak RMB500,000 (bersamaan RM306,500).

Pada 8 Disember 2015, Syarikat telah dimaklumkan oleh Hebei Sino bahawa pada 8 Disember 2015 pihak berkuasa di PRC telah mengeluarkan Lesen Perniagaan yang memberi kelulusan kepada subsidiari Syarikat, SINO memindahkan 80% kepentingan ekuitinya dalam Hebei Sino. Justeru itu, Hebei Sino terhenti menjadi subsidiari kepada SINO berkuat kuasa 8 Disember 2015.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

36. PERISTIWA PENTING

(I) Pelupusan PNSB dan SYABAS

Pada 11 November 2014, Syarikat telah memeterai perjanjian jual beli bersyarat dengan Air Selangor, subsidiari milikan penuh KDEB bagi cadangan pelupusan oleh Syarikat, semua kepentingan ekuiti dan CCRPS dipegang dalam PNSB dan cadangan pelupusan oleh Syarikat pada kadar 70% kepentingan ekuiti dan RM212.0 juta nilai nominal RCULS dipegang dalam SYABAS ("SPA") untuk pertimbangan tunai berjumlah RM1,555.3 juta.

Cadangan pelupusan tersebut melibatkan pelupusan oleh Syarikat kepada Air Selangor seperti berikut:

(i) seluruh kepentingan ekuiti dalam PNSB yang meliputi 10,000,000 saham biasa berharga RM1.00 setiap satu dalam PNSB ("Saham PNSB") dan 48,000,000 CCRPS berharga RM0.10 setiap satu dalam PNSB ("CCRPS PNSB") dengan pertimbangan tunai berjumlah RM1,117.5 juta, yang merupakan diskaun antara 14.1% dan 24.8% kepada penilaian indikatif antara RM1,301.0 juta dan RM1,486.0 juta; dan

(ii) 70% kepentingan ekuiti yang dipegang dalam SYABAS yang terdiri daripada 45,500,000 saham biasa berharga RM1.00 setiap satu dalam SYABAS ("Saham SYABAS") dengan pertimbangan tunai berjumlah RM225.8 juta dan RCULS bernilai nominal RM212.0 juta ("RCULS SYABAS") untuk pertimbangan tunai berjumlah RM212.0 juta. Pelupusan saham SYABAS merupakan diskaun antara 65.2% dan 69.5% kepada penilaian indikatif antara RM648.0 juta dan RM740.0 juta.

Terma Cadangan Pelupusan ini adalah seperti berikut:

(i) Air Selangor akan menanggung semua aset konsesi ("CA") (seperti yang diterangkan dalam Nota 1 di bawah) perniagaan yang berkaitan (termasuk semua asset dan liabiliti berkaitan CA), kakitangan PNSB berkaitan CA, kakitangan SYABAS dan kakitangan PUAS selepas penyelesaian Cadangan Pelupusan ini;

(ii) Syarikat akan berusaha dan memastikan PNSB menguatkuasakan perkara-perkara berikut pada hari ke tujuh selepas tarikh akujanji khas terakhir dan syarat terdahulu (yang sebaliknya tidak diketepikan oleh Air Selangor) telah dipenuhi dan ditepati ("Tarikh Penyelesaian"):

(a) pemindahan oleh PNSB semua sahamnya dalam Unggul Raya (M) Sdn. Bhd. dan Ideal Water Resources Sdn. Bhd. kepada Syarikat dan/atau subsidiarinya;

(b) pemindahan hartanah sebenar bukan CA milik PNSB ("Hartanah"), aset berkaitan bukan CA dan kenderaan bermotor berkaitan bukan CA oleh PNSB kepada Syarikat dan subsidiarinya;

(c) novasi kontrak berkaitan bukan CA dan kontrak khusus bukan CA kepada Syarikat dan/atau syarikat-syarikat subsidiarinya berserta dengan semua liabiliti dan/atau belum terima yang timbul daripadanya;

(d) novasi semua liabiliti berkaitan bukan CA kepada Syarikat dan/atau syarikat-syarikat subsidiarinya;

(e) pemindahan kakitangan PNSB bukan berkaitan CA kepada Syarikat dan/atau syarikat subsidiarinya;

(f) pembatalan bon prestasi berkaitan bukan CA PNSB yang dikeluarkan oleh RHB Bank Berhad dan United Overseas Bank Berhad dan penamatan kemudahan yang diberi oleh United Overseas Bank (Malaysia) Berhad kepada PNSB;

(g) pindahan dan/atau novasi tender PNSB bukan berkaitan CA yang diserahkan oleh PNSB sebelum tarikh SPA, dan semua kontrak berkaitan daripada penerimaan tender berkenaan oleh pihak berurusan berkaitan kepada Syarikat dan/ atau syarikat subsidiarinya; dan

(h) penepian oleh PNSB jumlah tidak melebihi RM350.0 juta yang sampai tempoh dan terhutang oleh Syarikat dan subsidiari-subsidiarinya kepada PNSB.

36. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Pelupusan PNSB dan SYABAS (sambungan)

Cadangan Pelupusan adalah bersyarat berdasar kepada syarat terdahulu dipenuhi tidak lewat dari 2 bulan dari tarikh SPA, atau sebarang tarikh lanjutan seperti yang mungkin dipersetujui bersama oleh pihak-pihak berkaitan secara bertulis:

(i) kelulusan tidak bersyarat oleh Kerajaan Malaysia ("Kerajaan Persekutuan") melalui Unit Kerjasama Awam Swasta di Jabatan Perdana Menteri ("UKAS") (bagi memenuhi kelulusan yang diperlukan untuk EGM);

(ii) kelulusan tidak bersyarat oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri ("UPEN") yang telah diperolehi pada 1 Disember 2014;

(iii) kelulusan tidak bersyarat oleh ACQUA SPV Bhd dan pemegang amanah bon yang diterbitkan oleh PNSB dan SYABAS yang telah diperolehi pada 18 Disember 2014;

(iv) kelulusan tidak bersyarat oleh Kementerian Kewangan menurut perjanjian konsesi SYABAS yang diperolehi pada 24 Disember 2014;

(v) kelulusan tidak bersyarat oleh RHB Bank Berhad yang diperolehi pada 5 Januari 2015 dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad yang diperolehi pada 8 Januari 2015;

(vi) kelulusan tidak bersyarat oleh SPAN yang diperolehi pada 6 Januari 2015;

(vii) kelulusan pemegang saham Syarikat yang diperoleh pada EGM yang diadakan pada 7 Januari 2015;

(viii) (a) kelulusan pemegang Sukuk Ijarah bercagar boleh tebus 5 tahun ("RCSSI") bernilai nominal RM165,000,000 yang diterbitkan oleh Syarikat yang diperoleh pada 8 Januari 2015;

(b) pelepasan daripada caj sedia ada ke atas 2,500,000 Saham PNSB dan 16,800,000 daripada Saham SYABAS bagi pihak PB Trustee Services Berhad dan berhubung dengan itu, kelulusan PB Trustee Services Berhad, yang telah diperoleh pada 8 Januari 2015;

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

36. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Pelupusan PNSB dan SYABAS (sambungan)

Cadangan Pelupusan adalah bersyarat berdasar kepada syarat terdahulu dipenuhi tidak lewat dari 2 bulan dari tarikh SPA, atau sebarang tarikh lanjutan seperti yang mungkin dipersetujui oleh pihak-pihak berkaitan secara bertulis (sambungan):

(ix) pelaksanaan setiap daripada:-

(a) perjanjian antara Kerajaan Negeri dan Air Selangor bagi pemindahan asset berkaitan bekalan air kepada Air Selangor;

(b) perjanjian induk dilaksanakan oleh Air Selangor, PAAB, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk memindahkan aset berkaitan bekalan air kepada PAAB ("Perjanjian Induk"); dan

(c) perjanjian pajakan dan kemudahan antara Air Selangor dan PAAB bagi pajakan balik aset bekalan air yang diperolehi PAAB (bersama-sama dirujuk sebagai "Perjanjian Pemindahan");

(x) penerimaan oleh Air Selangor satu (1) pelepasan bertulis oleh Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("KPS") daripada hak awalannya di bawah perjanjian pemegang saham bertarikh 31 Disember 2004 yang dimeterai antara Syarikat, KDEB dan SYABAS, melalui tambahan kepada perjanjian pemegang saham tambahan bertarikh 20 Februari 2009 yang dimeterai antara Syarikat, KDEB, SYABAS dan KPS ("Perjanjian Pemegang Saham"); dan (2) persetujuan bertulis KPS untuk menamatkan Perjanjian Pemegang Saham berkuat kuasa pada Tarikh Penyelesaian;

(xi) penerimaan oleh Air Selangor satu jumlah yang tidak kurang daripada Pertimbangan Pelupusan (seperti yang ditakrif di bawah) yang dibayar oleh PAAB kepada Air Selangor di bawah Perjanjian Induk ("Jumlah PAAB"); dan

(xii) penerimaan oleh Air Selangor pengesahan daripada PAAB bahawa ia berpuas hati dengan keputusan siasatan usaha wajar yang dijalankan ke atas PNSB, SYABAS dan PUAS.

Nota 1:
Operasi dan perniagaan yang dijalankan oleh PNSB berhubung dengan perjanjian berikut yang dimeterai antara PNSB dan Kerajaan Negeri (termasuk semua pindaan dan perjanjian tambahan yang dipersetujui bersama secara bertulis):-

(i) Perjanjian Penswastaan Merangkap Konsesi bertarikh 22 September 1994;

(ii) Perjanjian Konsesi Loji Pembersihan Air Wangsa Maju bertarikh 31 Disember 2004;

(iii) Perjanjian Pembinaan Merangkap Operasi bertarikh 22 Mac 1995;

(iv) Perjanjian Operasi & Penyenggaraan Loji Pembersihan Air Sg Sireh bertarikh 7 Mac 2008; dan

(v) Perjanjian Operasi & Penyenggaraan Loji Pembersihan Air Sg Lolo (Lanjutan) bertarikh 16 Ogos 2007;

dan termasuk semua hak berkaitan dengan loji pembersihan air Kerja Turus Sungai Bernam (Baru) seperti yang diberikan oleh SPAN atau mana-mana pihak berkuasa awam lain (bersama-sama secara kolektif selepas ini dirujuk sebagai "CA").

36. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Pelupusan PNSB dan SYABAS (sambungan)

Di EGM Syarikat pada 7 Januari 2015, pemegang saham Syarikat telah meluluskan resolusi Cadangan Pelupusan dan Cadangan Pengagihan seperti yang dibentangkan dalam Notis EGM bertarikh 16 Disember 2014:-

(a) Resolusi Khas 1

Cadangan Pelupusan oleh Syarikat adalah seperti berikut:

(i) Seluruh kepentingan ekuiti dan CCRPS yang dipegang dalam PNSB kepada Air Selangor; dan

(ii) 70% kepentingan ekuiti yang dipegang dalam SYABAS dan RCULS bernilai nominal RM212.0 juta kepada Air Selangor

untuk pertimbangan tunai sebanyak RM1,555.3 juta ("Pertimbangan Pelupusan").

(b) Resolusi Biasa 1

Cadangan Pengagihan jumlah minimum RM1.00 sesaham biasa berharga RM1.00 setiap satu dalam modal saham diterbit dan berbayar Syarikat sehingga kepada pengagihan maksimum RM534.3 juta hanya melalui pembayaran dividen tunai khas kepada pemegang saham Syarikat yang layak pada tarikh kelayakan yang akan ditentukan dan diumumkan kemudian oleh Lembaga Pengarah Syarikat ("Cadangan Pengagihan").

Pada 13 Januari 2015, Syarikat mengumumkan bahawa syarat terdahulu yang digariskan dalam SPA belum dipenuhi dan Syarikat telah berbincang dengan Air Selangor tentang tarikh yang dipersetujui bagi pelanjutan tarikh untuk memenuhi syarat terdahulu tersebut.

Pada 14 Januari 2015, Syarikat dan Air Selangor mencapai persetujuan pelanjutan sehingga 9 Februari 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam SPA.

Pada 10 Februari 2015, berikutan permintaan bertulis daripada Air Selangor, Syarikat dan Air Selangor bersetuju kepada pelanjutan kedua sehingga 9 Mac 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam SPA.

Pada 16 Mac 2015, berasaskan permintaan bertulis daripada Air Selangor, Syarikat dan Air Selangor bersetuju kepada pelanjutan ketiga sehingga 9 April 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam SPA.

Pada 9 April 2015, Syarikat dan Air Selangor mencapai persetujuan pelanjutan sehingga 11 Mei 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam SPA. ("Lanjutan Masa ke-4").

Ahli Lembaga Syarikat pada mesyuarat yang diadakan pada 21 Mei 2015, mencapai persetujuan dengan Air Selangor kepada pelanjutan tambahan sehingga 11 Jun 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam SPA. ("Lanjutan Masa ke-5").

Pada 15 Jun 2015, Syarikat mengumumkan bahawa ahli Lembaga Syarikat telah mencapai persetujuan dengan Air Selangor kepada pelanjutan tambahan sehingga 13 Julai 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam SPA. ("Lanjutan Masa ke-6").

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

36. PERISTIWA PENTING (SAMBUNGAN)

(I) Pelupusan PNSB dan SYABAS (sambungan)

Ahli Lembaga Syarikat pada 14 Julai 2015 telah saling mencapai persetujuan dengan Air Selangor kepada pelanjutan tambahan selama dua bulan sehingga 14 September 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam SPA. ("Lanjutan Masa ke-7"). Keputusan Lembaga Pengarah Syarikat adalah bersandarkan kepada hakikat bahawa kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah menandatangani Perjanjian Induk Tambahan pada 10 Julai 2015.

Lembaga Pengarah Syarikat pada 14 September 2015 telah saling mencapai persetujuan dengan Air Selangor kepada pelanjutan tambahan sehingga 15 Oktober 2015 untuk memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam perjanjian jual beli bersyarat SPA ("Lanjutan Masa ke-8"). Keputusan Ahli Lembaga PNHB adalah bersandarkan kepada hakikat bahawa kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah memenuhi syarat terdahulu yang tercatat dalam Perjanjian Induk pada 8 September 2015.

Pada 8 Oktober 2015, Lembaga Pengarah Syarikat telah menerima pengesahan daripada Air Selangor terhadap perkara berikut:-

(i) Tarikh tidak berbatas bagi SPA, menjadi tarikh akhir bagi Akujanji Khas Terakhir dan Syarat Terdahulu (seperti yang ditakrifkan dalam SPA) yang telah dilaksanakan dengan sepenuhnya, adalah pada 8 Oktober 2015; dan

(ii) Tarikh Penyelesaian (seperti yang tertakrif dalam SPA) adalah pada 15 Oktober 2015.

Pada 15 Oktober 2015, Lembaga Pengarah Syarikat telah mengumumkan bahawa Syarikat telah menerima baki harga belian sebanyak RM1,554.3 juta daripada Air Selangor. Cadangan Pelupusan telah disempurnakan pada pada 15 Oktober 2015. Oleh itu, PNSB dan SYABAS telah terhenti menjadi subsidiari dan syarikat usaha sama PNHB berkuatkuasa pada 15 Oktober 2015.

Pada 15 Oktober 2015, PNSB telah memindahkan kesemua saham dalam dua (2) anak syarikat milik penuhnya, iaitu Ideal Water Resources Sdn. Bhd. dan Unggul Raya (M) Sdn. Bhd. yang terdiri daripada dua (2) saham biasa berharga RM1.00 sesaham dan satu ratus (100) saham biasa berharga RM1.00 sesaham masing-masing kepada Syarikat pada pertimbangan tunai masing-masing bernilai RM2.00 dan RM100.00 ("Pemindahan") selaras dengan terma dan syarat yang terkandung dalam SPA.

Setelah pelupusan PNSB dan SYABAS diselesaikan pada 15 Oktober 2015, Kumpulan dan Syarikat telah merealisasikan peningkatan ke atas pelupusan PNSB dan SYABAS masing-masing bernilai RM Nil dan RM782,293,000.

(II) Sekuriti Syarikat ("PUNCAK") telah dikelaskan semula daripada sektor 'Syarikat Projek Infrastruktur' kepada sektor 'Pembinaan' berkuatkuasa pada 9.00 pagi, Jumaat, 13 November 2015.

Oleh itu, sektor bagi struktur waran yang berkaitan dengan PUNCAK juga telah berubah pada masa yang sama.

Nombor Stok dan Nama Ringkas Saham iaitu PUNCAK sekuriti dan waran struktur kekal tidak berubah.

(III) Pada 3 Disember 2015, Syarikat telah membuat pembelian semula sepenuhnya baki belum lunas RCSSI bernilai RM160.0 juta pada nilai nominal Syarikat untuk pertimbangan pembelian bernilai RM200.0 juta sahaja. Berikutan selesainya Pembelian Semula RCSSI oleh Syarikat, maka RCSSI telah dibatalkan dengan sewajarnya.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

37. LITIGASI PENTING

(I) KHEC

(i) Prosiding Timbang Tara Pertama

KHEC, sub-kontraktor bagi Projek Augmentasi Bekalan Air Chennai 1 - Pakej III ("Projek Chennai"), pada mulanya telah merujuk pertikaian tuntutan tertentu berjumlah Rs8,44,26,981 (bersamaan dengan lebih kurang RM6.75 juta) terhadap PNHB-LANCO-KHEC JV ("Konsortium"), entiti kawalan bersama Syarikat di India.

Bermula dari prosiding timbang tara yang diambil oleh KHEC, KHEC dan Konsortium masing-masing telah melantik jurutera awam berkelayakan sebagai penimbang tara mereka, dan kedua-dua penimbang tara telah memilih seorang pesara Hakim Mahkamah Tinggi Chennai, India sebagai penimbang tara ketiga yang juga akan bertindak sebagai pengerusi penimbang tara bagi tribunal timbang tara. Tribunal timbang tara telah dibentuk secara rasmi pada 24 September 2005. Pada 28 September 2005, Syarikat telah dimaklumkan bahawa tribunal timbang tara telah menetapkan tarikh berikut untuk memfailkan kertas alasan timbangtara sebagai sebahagian formaliti prosedur permulaan:

(i) tuntutan oleh pihak menuntut, KHEC akan difailkan sebelum 4 Oktober 2005;

(ii) jawapan oleh responden, Konsortium akan difailkan sebelum 18 November 2005; dan

(iii) jawapan balas oleh penuntut, KHEC akan difailkan sebelum 5 Disember 2005.

Pada 2 Januari 2006, Konsortium telah memfailkan tuntutan balasnya berjumlah Rs13,61,61,931 (bersamaan lebih kurang RM10.89 juta) terhadap tuntutan KHEC yang berjumlah Rs8,44,26,981 (bersamaan lebih kurang RM6.75 juta) kepada tribunal timbang tara di India.

Pernyataan Tuntutan yang diserahkan oleh KHEC kemudiannya disemak semula dari Rs8,44,26,981 (bersamaan lebih kurang RM6.75 juta) kepada Rs9,84,58,245 (bersamaan lebih kurang RM7.88 juta) sementara tuntutan balas yang diserahkan oleh Konsortium juga telah disemak semula sepertimana jawapan, dari Rs13,61,61,931 (bersamaan lebih kurang RM10.89 juta) kepada Rs13,63,39,505 (bersamaan lebih kurang RM10.91 juta).

Syarikat telah dimaklumkan pada 4 Mac 2009 oleh peguam yang bertindak bagi pihak Konsortium bahawa pada mesyuarat yang diadakan pada 26 Februari 2009, Panel Timbang Tara telah menerima surat penarikan daripada Panel Timbang Tara bertarikh 18 Februari 2009 daripada penimbang tara yang dicalonkan oleh KHEC. Oleh itu, tarikh untuk mesyuarat selanjutnya bagi Panel Timbang Tara adalah untuk memaklumkan pelantikan penimbang tara gantian yang akan dicalonkan oleh KHEC di bawah Seksyen 15(2) Akta Timbang Tara dan Perdamaian, 1996 India.

Syarikat telah dimaklumkan pada 25 Jun 2009 bahawa perbicaraan pertama Panel Timbang Tara yang baharu dibentuk bagi Prosiding Timbang Tara Pertama yang terdiri daripada Pengerusi Penimbang Tara, penimbang tara yang dicalonkan oleh Konsortium dan penimbang tara pengganti yang dicalonkan oleh KHEC telah diadakan pada 20 Jun 2009.

Tarikh bagi Prosiding Timbang Tara Pertama yang akan didengar seterusnya telah ditetapkan pada 31 Ogos 2013, 28 September 2013 dan 29 September 2013, 9 November 2013 serta 10 November 2013.

Semasa perbicaraan yang diadakan pada 10 November 2013, Panel Penimbang Tara telah menetapkan buat sementara waktu sambungan perbicaraan Prosiding Timbang Tara Pertama pada 4 Januari 2014 dan 5 Januari 2014.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

37. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(I) KHEC (sambungan)

(i) Prosiding Timbang Tara Pertama (sambungan)

Sambungan perbicaraan yang telah dijadualkan buat sementara waktu pada 4 Januari 2014 dan 5 Januari 2014 tidak berlangsung seperti yang dijadualkan.

Pada 29 Januari 2014, Panel Timbang Tara telah menetapkan sambungan perbicaraan bagi Prosiding Timbang Tara Pertama diadakan, masing-masing pada 8 Februari 2014 dan 9 Februari 2014.

Sambungan perbicaraan berlangsung pada 8 Februari 2014 tetapi tarikh perbicaraan pada 9 Februari 2014 telah dibatal disebabkan ketiadaan Ketua Penimbang Tara. Panel Timbang Tara telah menetapkan tarikh sambungan perbicaraan bagi Prosiding Timbang Tara Pertama pada 29 Mei 2014 dan 30 Mei 2014.

Perbicaraan bagi Prosiding Timbang Tara Pertama telah ditetapkan pada 29 Mei 2014 dan 30 Mei 2014 tidak berlangsung seperti yang dijadualkan dan pada 4 Julai 2014 Panel Penimbang Tara telah menetapkan perbicaraan pada 16 Ogos 2014 dan 17 Ogos 2014.

Perbicaraan bagi Prosiding Timbang Tara Pertama yang ditetapkan pada 16 Ogos 2015 dan 17 Ogos 2014 berlangsung seperti yang dijadualkan.

Panel Penimbang Tara telah menetapkan buat sementara waktu sambungan perbicaraan 24 Oktober 2014 dan 25 Oktober 2014.

Perbicaraan bagi Prosiding Timbang Tara Pertama yang ditetapkan pada 24 Oktober 2014 and 25 Oktober 2014 berlangsung seperti yang dijadualkan.

Pada 17 November 2014, Panel Timbang Tara telah menetapkan sambungan perbicaraan bagi Prosiding Timbang Tara Pertama diadakan, masing-masing pada 6 and 7 Disember 2014.

Pada 26 November 2014, Panel Timbang Tara telah menetapkan semula tarikh sambungan perbicaraan bagi Prosiding Timbang Tara Pertama yang ditetapkan pada asalnya pada 6 Disember 2014 dan 7 Disember 2014 kepada masing-masing 24 Januari 2015 dan 25 Januari 2015.

Pada 7 Januari 2015, Panel Timbang Tara telah menangguhkan tarikh sambungan perbicaraan bagi Prosiding Timbang Tara Pertama yang ditetapkan pada asalnya pada 24 Januari 2015 dan 25 Januari 2015. Panel ini masih belum menetapkan tarikh perbicaraan yang baru bagi sambungan perbicaraan.

Pada 14 Disember 2015, peguam Konsortium telah memaklumkan Pengerusi Penimbang Tara bahawa Penimbang Tara yang bertanggungjawab tidak dapat meneruskan tugas sebagai Penimbang Tara kerana masalah kesihatan yang berterusan. Penimbang Tara alternatif akan dilantik secepat mungkin.

Pada 3 Mac 2016, nama pengganti Penimbang Tara telah dikemukakan oleh peguam Konsortium kepada Panel Penimbang Tara untuk dipertimbangkan dan membuat keputusan. Panel Penimbang Tara masih belum lagi menetapkan tarikh baru bagi perbicaraan sambungan bagi Prosiding Timbang Tara Pertama.

37. LITIGASI PENTING (SAMBUNGAN)

(I) KHEC (sambungan)

(ii) Prosiding Timbang Tara Kedua

KHEC telah memulakan prosiding timbang tara kedua terhadap ahli Konsortium PNHB-Lanco ("Timbang Tara Kedua") masing-masing berdasarkan terma JVA bertarikh 13 Februari 2003 dan Perjanjian Tambahan kepada JVA tersebut bertarikh 26 Mac 2003, yang telah dimeterai di antara Syarikat, Lanco Infratech Limited ("Lanco") dan KHEC, di mana KHEC menuntut kehilangan keuntungan (termasuk faedah dan kos lain) berjumlah Rs5,44,32,916 (bersamaan lebih kurang RM4.35 juta) yang mana mereka menyatakan, walaupun mereka merupakan 10% pemilik saham, tetapi hanya menerima 4.31% daripada jumlah nilai kerja kontrak Projek Chennai. KHEC kemudiannya memfailkan satu tuntutan pindaan bagi ganti rugi dan kehilangan keuntungan daripada Rs5,44,32,916 kepada Rs55,44,32,916 (bersamaan kira-kira RM4.35 juta kepada RM44.3 juta). Peguam PNHB-Lanco telah memfailkan permohonan interim untuk menolak tuntutan sebanyak Rs50,00,00,000 (bersamaan kira-kira RM39.9 juta) bagi pampasan untuk kerugian peluang atas dasar ia tidak masuk akal dan tidak munasabah.

Prosiding Timbang Tara Kedua yang telah dibicarakan oleh seorang penimbang tara telah selesai di mana pihak yang terlibat telah mengemukakan penghujahan bertulis masing-masing pada 1 Disember 2012.

Pada 1 April 2013, ahli Konsortium PNHB-Lanco telah menerima Keputusan Akhir Penimbang Tara bertarikh 29 Mac 2014 di mana ahli Konsortium PNHB-Lanco dikehendaki membayar faedah untuk kelewatan pembayaran kos pengupayaan sebanyak Rs.58 Lakhs yang berjumlah Rs14,62,503 (kira-kira RM83,627.38) sahaja kepada penuntut, KHEC pada atau sebelum 30 April 2013 dan semua tuntutan lain oleh penuntut telah ditolak.

Pada 27 April 2013 ahli Konsortium PNHB-Lanco telah mematuhi Keputusan Akhir Penimbang Tara bertarikh 29 Mac 2013 dengan membayar faedah untuk kelewatan pembayaran kos pengupayaan sebanyak Rs.58 Lakhs yang berjumlah Rs.14,62,503 kepada KHEC.

KHEC telah memaklumkan Syarikat mengenai hasratnya untuk mencabar Keputusan Akhir Penimbang Tara bertarikh 29 Mac 2013. Walau bagaimanapun, sehingga tarikh terkini, tiada dokumen yang dihantar oleh KHEC terhadap ahli Konsortium PNHB-LANCO.

Pihak menuntut, KHEC, pada 4 November 2013 telah menghantar kepada ahli Konsortium PNHB-Lanco sesalinan Petisyen yang difailkan di Mahkamah Tinggi Madras bagi merayu terhadap keputusan Penimbang Tara bertarikh 29 Mac 2013. Mahkamah Tinggi Madras menetapkan perbicaraan Petisyen pada 2 Disember 2013.

Pada 2 Disember 2013, Mahkamah Tinggi Madras telah menangguhkan perbicaraan Petisyen yang difailkan oleh KHEC kepada 3 Disember 2013.

Pada 3 Disember 2013, Mahkamah Tinggi Madras telah menetapkan sambungan perbicaraan petisyen yang difailkan oleh KHEC pada 10 Disember 2013.

Pada 10 Disember 2013, Mahkamah Tinggi Madras telah menangguhkan perbicaraan Petisyen yang difailkan oleh KHEC, di mana tarikh baharu perbicaraan belum lagi ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi Madras.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

38. PERISTIWA BERIKUTAN

Pada 29 Januari 2016, Syarikat telah mengumumkan bahawa anak syarikat milik penuhnya, PNCSB telah memperoleh tender daripada KeTTHA bagi mengendali dan menyelenggara loji pembersihan air di Beaufort, Sabah seperti berikut:-

Nama projek	:	Kerja-Kerja Operasi dan Penyelenggaraan Secara Komprehensif Loji Rawatan Air di Kampung Lawa Gadong, Beaufort, Sabah
Majikan	:	Jabatan Bekalan Air, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)
Tempoh	:	Tiga (3) tahun bermula 1 Februari 2016 hingga 31 Januari 2019
Skop kerja	:	Untuk mengendali dan menyelenggara kemudahan pembersihan air dengan jumlah kapasiti rekabentuk 76JLH di Kampung Lawa Gadong, Beaufort, bagi membekalkan air secara pukal ke Labuan.
Terma lain	:	Seperti yang dipersetujui secara privat dengan Majikan.

39. MAKLUMAT KEWANGAN TAMBAHAN MENGENAI PECAHAN BUTIRAN KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN DIREALISASI DAN TIDAK DIREALISASI

Pecahan butiran perolehan tertahan Kumpulan dan Syarikat setakat 31 Disember, kepada keuntungan direalisasi dan tidak direalisasi, menurut Perenggan 2.06 dan 2.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia, adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2015 RM'000	2014 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000
Jumlah perolehan tertahan Syarikat dan subsidiarinya				
- direalisasi	954,743	2,646,781	1,076,968	457,299
- tidak direalisasi	78,679	(488,263)	34,240	(17,184)
	1,033,422	2,158,518	1,111,208	440,115
Jumlah bahagian kerugian terkumpul usaha sama				
- direalisasi	-	(348,458)	-	-
Tolak: Pelarasan Penyatuan	(3,551)	(33,451)	-	-
	(3,551)	(381,909)	-	-
Jumlah perolehan tertahan	1,029,871	1,776,609	1,111,208	440,115

Penentuan keuntungan direalisasi dan tidak direalisasi adalah berdasarkan Panduan Perkara Khas No. 1, *Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasi dan Tidak Direalisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad*, yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia pada 20 Disember 2010.

PENYATA PENGARAH

menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 126 hingga 230 telah dirangka menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Pada pendapat para Pengarah, maklumat yang dibentangkan dalam Nota 39 pada muka surat 231 kepada penyata kewangan telah disediakan menurut Garis Panduan mengenai Perkara Khas No. 1, *Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasi dan Tidak Direalisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad*, seperti yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia, dan dibentang berdasarkan format yang ditentukan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para Pengarah:

.....
TAN SRI ROZALI BIN ISMAIL

.....
DATUK HAJI SYED HISHAM BIN SYED WAZIR

Shah Alam

Tarikh: 30 Mac 2016

AKUAN BERKANUN

menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, **Wong Ley Chan**, selaku pegawai utama bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Puncak Niaga Holdings Berhad, mengakui dengan sesungguhnya dan seikhlasnya bahawa penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 126 hingga 231 pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diperakui dengan sesungguhnya oleh penama di atas di Shah Alam pada 30 Mac 2016.

.....

WONG LEY CHAN

Di hadapan saya:

LAPORAN JURUADIT BEBAS

kepada ahli Puncak Niaga Holdings Berhad (Diperbadankan di Malaysia) dan syarikat subsidiarinya

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan Puncak Niaga Holdings Berhad, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2015 bagi Kumpulan dan Syarikat, dan penyata untung rugi, penyata pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai bagi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut, serta ringkasan dasar perakaunan penting dan nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 126 hingga 230.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan agar memberi pandangan yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman sebagaimana yang mereka anggap perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit bagi memperoleh jaminan yang berpatutan sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko salah nyata ketara penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan penyata kewangan oleh entiti tersebut yang memberi pandangan yang benar dan saksama bagi merangka prosedur audit yang sesuai mengikut keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti berkenaan. Sesuatu audit juga meliputi penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh para Pengarah, di samping menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah memadai dan sesuai untuk menjadi asas kepada pendapat audit kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tesebut, selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Laporan berkenaan Keperluan Perundangan dan Kawal Selia yang Lain

Menurut keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan yang berikut:

(a) Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang dikehendaki oleh Akta supaya disimpan oleh Syarikat dan syarikat subsidiarinya yang diaudit oleh kami telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta.

(b) Kami telah mempertimbangkan akaun dan laporan juruaudit syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh kami, seperti yang ditunjukkan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan.

(c) Kami berpuas hati bahawa akaun syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai serta wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan memuaskan yang kami perlukan untuk tujuan tersebut.

(d) Laporan audit mengenai akaun syarikat subsidiari tesebut tidak mengandungi apa-apa keterangan atau apa-apa komen yang bertentangan yang dibuat di bawah Seksyen 174(3) dalam Akta.

LAPORAN JURUADIT BEBAS
kepada ahli Puncak Niaga Holdings Berhad (Diperbadankan di Malaysia) dan syarikat subsidiarinya

Tanggungjawab Pelaporan yang Lain

Audit kami dilaksanakan bagi tujuan membentuk pendapat mengenai penyata kewangan yang diambil secara keseluruhan. Maklumat yang dibentangkan dalam Nota 39 pada muka surat 231 kepada penyata kewangan telah disusun oleh Syarikat seperti yang dikehendaki oleh Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad dan tidak diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia atau Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Kami telah memperluaskan prosedur audit kami untuk melaporkan tentang proses penyusunan maklumat tersebut. Pada pendapat kami, maklumat tambahan telah disediakan, dari segala aspek material, menurut Panduan mengenai Perkara Khas No. 1, *Penentuan Keuntungan atau Kerugian Direalisasi dan Tidak Direalisasi dalam Konteks Pendedahan Menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities*, yang telah dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia dan dikemuka berdasarkan format yang telah ditentukan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad.

Perkara Lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain berhubung kandungan laporan ini.

KPMG
Nombor Firma: AF 0758
Akauntan Bertauliah

THONG FOO VUNG
Nombor Kelulusan: 2867/08/16(J)
Akauntan Bertauliah

Petaling Jaya, Malaysia

Tarikh: 30 Mac 2016

ANALISIS SEKURITI SYARIKAT
PADA 21 MAC 2016

ANALISIS PEGANGAN SAHAM

Modal Saham yang Dibenarkan	:	RM1,300,000,000.00
Modal Saham yang Diterbitkan dan Berbayar	:	RM449,283,784 terdiri daripada 449,283,784 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham
Kelas Saham	:	Saham Biasa bernilai RM1.00 sesaham
Hak Mengundi	:	Satu undi bagi setiap saham biasa
Bilangan Pemegang Saham	:	10,755

AGIHAN PEGANGAN SAHAM

Saiz Pegangan Saham	Bilangan Para Pemegang Saham						Bilangan Saham Dipegang					
	Warganegara Malaysia		Warganegara Asing		Jumlah		Warganegara Malaysia		Warganegara Asing		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Kurang daripada 100	474	4.40	5	0.05	479	4.45	11,973	*	156	*	12,129	*
100-1,000	1,673	15.55	16	0.15	1,689	15.70	1,305,766	0.29	10,425	*	1,316,191	0.29
1,001-10,000	6,450	59.97	101	0.94	6,551	60.91	26,009,774	5.82	453,612	0.10	26,463,386	5.92
10,001-100,000	1,671	15.54	60	0.56	1,731	16.10	52,320,819	11.70	2,036,675	0.46	54,357,494	12.16
100,001-22,362,348 (kurang daripada 5% modal saham yang diterbitkan)	249	2.32	53	0.49	302	2.81	125,462,687	28.05	47,904,748	10.71	173,367,435	38.76
22,362,349 (5% daripada modal saham diterbitkan) dan ke atas	3	0.03	0	0	3	0.03	191,730,349	42.87	0	0	191,730,349	42.87
JUMLAH	**10,520#**	**97.81#**	**235**	**2.19**	**10,755#**	**100.00#**	**396,841,368#**	**88.73#**	**50,405,616**	**11.27**	**447,246,984#**	**100.00#**

Nota:
* Boleh diabaikan
\# Tidak termasuk sejumlah 2,036,800 Saham PNHB yang dibeli balik oleh PNHB dan dikekalkan sebagai saham perbendaharaan pada 21 Mac 2016.

ANALISIS PEGANGAN WARAN

Waran Belum Ditukarkan	:	5,269,720
Kelas Sekuriti	:	Waran
Hak Mengundi	:	Tiada
Bilangan Pemegang Waran	:	4,305

AGIHAN PEGANGAN WARAN

Saiz Pegangan Waran	Bilangan Para Pemegang Waran						Bilangan Waran Dipegang					
	Warganegara Malaysia		Warganegara Asing		Jumlah		Warganegara Malaysia		Warganegara Asing		Jumlah	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Kurang daripada 100	1,032	23.97	10	0.23	1,042	24.20	38,508	0.73	222	*	38,730	0.73
100-1,000	2,792	64.85	33	0.77	2,825	65.62	729,339	13.84	13,888	0.26	743,227	14.1
1,001-10,000	342	7.94	13	0.31	355	8.25	1,250,754	23.73	45,650	0.87	1,296,404	24.6
10,001-100,000	73	1.70	4	0.09	77	1.79	1,910,760	36.26	138,500	2.63	2,049,260	38.89
100,001-263,485 (kurang daripada 5% waran)	4	0.10	1	0.02	5	0.12	706,500	13.41	118,319	2.25	824,819	15.66
263,486 (5% daripada waran) dan ke atas	0	0	1	0.02	1	0.02	0	0	317,280	6.02	317,280	6.02
JUMLAH	**4,243**	**98.56**	**62**	**1.44**	**4,305**	**100.00**	**4,635,861**	**87.97**	**633,859**	**12.03**	**5,269,720**	**100.00**

Nota:
* Boleh diabaikan

ANALISIS SEKURITI SYARIKAT PADA 21 MAC 2016

SENARAI TIGA PULUH PEMEGANG-PEMEGANG AKAUN SEKURITI PALING BESAR MENURUT REKOD PENDEPOSIT (SAHAM BIASA)
(Tanpa menjumlahkan sekuriti dari setiap akaun sekuriti berlainan yang dimiliki oleh Pendeposit yang sama)

Bil.	Nama Pemegang Saham	Bilangan Saham Dipegang	% Modal Saham Diterbitkan Dan Berbayar#
1.	**Central Plus (M) Sdn Bhd**	103,798,260	23.21
2.	**Corporate Line (M) Sdn Bhd**	47,830,489	10.69
3.	**Lembaga Tabung Haji**	40,101,600	8.97
4.	**Corporate Line (M) Sdn Bhd**	21,600,000	4.83
5.	**Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For Citibank New York (Norges Bank 14)	10,495,700	2.35
6.	**Nusmakmur Development Sdn Bhd**	8,600,000	1.92
7.	**Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For Citibank New York (Norges Bank 1)	3,357,100	0.75
8.	**AmSec Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** AmTrustee Berhad For Pacific Pearl Fund (UT-PM-PPF)	3,074,000	0.69
9.	**CIMB Group Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** CIMB Commerce Trustee Berhad – Kenanga Growth Fund	2,979,100	0.67
10.	**HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For The Bank Of New York Mellon (Mellon Acct)	2,861,200	0.64
11.	**HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For JPMorgan Chase Bank, National Association (U.S.A.)	2,706,693	0.61
12.	**Maybank Securities Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Maybank Kim Eng Securities Pte Ltd For Tan Soo Lee	2,704,500	0.60
13.	**HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For JPMorgan Chase Bank, National Association (Australia)	2,610,600	0.58
14.	**Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KNGA SML CAP FD)	2,073,500	0.46
15.	**DB (Malaysia) Nominee (Asing) Sdn Bhd** SSBT Fund SD4N For Government Of The Province Of Alberta	2,053,500	0.46

Nota:
Tidak termasuk sejumlah 2,036,800 Saham PNHB yang dibeli balik oleh PNHB dan dikekalkan sebagai saham perbendaharaan pada 21 Mac 2016.

ANALISIS SEKURITI SYARIKAT PADA 21 MAC 2016

Bil.	Nama Pemegang Saham	Bilangan Saham Dipegang	% Modal Saham Diterbitkan Dan Berbayar#
16.	**AmSec Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** AmTrustee Bhd For Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (Par 1)	1,947,800	0.44
17.	**Lock Kai Sang**	1,939,900	0.43
18.	**Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd** CBNY For DFA Emerging Markets Small Cap Series	1,914,120	0.43
19.	**Central Plus (M) Sdn Bhd**	1,912,075	0.43
20.	**Rozali Bin Ismail**	1,901,900	0.43
21.	**AmSec Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Goh Tai Siang	1,883,900	0.42
22.	**Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Employees Provident Fund Board (KIB)	1,848,400	0.41
23.	**Public Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Wong Sui Yuing (E-BTL)	1,719,000	0.38
24.	**RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Ong Keng Teong	1,580,000	0.35
25.	**Inter-Pacific Equity Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Tan Heng Loon	1,577,100	0.35
26.	**Tan Soo Lee**	1,501,000	0.34
27.	**HLB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Chua Ngeng Hoo @ Cheah Beng Hoh	1,391,600	0.31
28.	**Lim Kian Huat**	1,359,000	0.30
29.	**Kenanga Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Goh Tai Siang	1,339,300	0.30
30.	**Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd** UBS AG	1,331,100	0.30
	TOTAL	**281,992,437**	**63.05**

Nota:
Tidak termasuk sejumlah 2,036,800 Saham PNHB yang dibeli balik oleh PNHB dan dikekalkan sebagai saham perbendaharaan pada 21 Mac 2016.

ANALISIS SEKURITI SYARIKAT PADA 21 MAC 2016

SENARAI TIGA PULUH PEMEGANG-PEMEGANG AKAUN SEKURITI PALING BESAR MENURUT REKOD PENDEPOSIT (WARAN)
(Tanpa menjumlahkan sekuriti dari setiap akaun sekuriti berlainan yang dimiliki oleh Pendeposit yang sama)

Bil.	Nama Pemegang Waran	Bilangan Waran Dipegang	% Waran
1.	**Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For Citibank New York (Norges Bank 1)	317,280	6.02
2.	**Lim Chee Meng**	251,440	4.77
3.	**Ng Yim Hoo**	205,000	3.89
4.	**Public Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Toh Dee Kong (E-JCL)	130,000	2.47
5.	**Poh Tak Kiau @ Poo Tak Kiau**	120,060	2.28
6.	**HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For JPMorgan Chase Bank, National Association (U.S.A.)	118,319	2.25
7.	**Goh Nan Kioh**	100,000	1.90
8.	**Poh Kah Weng**	93,000	1.76
9.	**Yeong Ah Sung**	58,200	1.10
10.	**Ng Chew Geik**	56,300	1.07
11.	**Kenanga Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Koay Ley Hee	52,670	1.00
12.	**HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd** Exempt An For Credit Suisse (SG BR-TST-ASING)	50,000	0.95
13.	**Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Ong Yoke Wan	50,000	0.95
14.	**Tay Chin Kuan**	49,500	0.94
15.	**Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Chee Kah Khuin	46,000	0.87

ANALISIS SEKURITI SYARIKAT PADA 21 MAC 2016

Bil.	Nama Pemegang Waran	Bilangan Waran Dipegang	% Waran
16.	**Ng Ser Peng**	45,000	0.85
17.	**Meng Hin Holdings Sdn Bhd**	41,630	0.79
18.	**Abdul Aziz Bin Hashim**	40,000	0.76
19.	**Cheong Wong Sang**	40,000	0.76
20.	**Tan Tcheow Woei**	40,000	0.76
21.	**Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Kenneth Hee Kang Koon	39,900	0.76
22.	**Lim Lai Sam**	39,700	0.75
23.	**CIMSEC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** CIMB Bank For Teng U Heng (PBCL-0G0181)	37,000	0.70
24.	**Low Han Seng**	35,000	0.66
25.	**Vimala Sgulboonrasi**	35,000	0.66
26.	**Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Syarikat Lui Kim Chock Sdn Bhd	33,110	0.63
27.	**Maybank Securities Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Tan Mooi Kim (RH3 Margin)	32,500	0.62
28.	**Kenanga Nominees (Tempatan) Sdn Bhd** Pledged Securities Account For Tseng Pi Yin (013)	30,000	0.57
29.	**Lai Jone Yin**	30,000	0.57
30.	**Ooi Gim Keong**	30,000	0.57
	TOTAL	**2,246,609**	**42.63**

ANALISIS SEKURITI SYARIKAT PADA 21 MAC 2016

KEPENTINGAN PENGARAH-PENGARAH DALAM SAHAM BIASA DAN WARAN MENURUT DAFTAR PENGARAH BAGI PEGANGAN SAHAM DAN PEGANGAN WARAN

Bil.	Nama Pengarah	Bilangan Saham Dipegang Dalam Syarikat				Bilangan Waran Dipegang Dalam Syarikat			
		Kepentingan Langsung	%#	Kepentingan Tidak Langsung	%#	Kepentingan Langsung	%	Kepentingan Tidak Langsung	%
1.	YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail	1,901,900	0.43	175,530,224+	39.25+	-	-	-	-
2.	YBhg Datuk Haji Syed Hisham Bin Syed Wazir	-	-	-	-	-	-	-	-
3.	YBhg Dato' Ruslan Bin Hassan	-	-	-	-	-	-	-	-
4.	YBhg Dato' Ir Lee Miang Koi	11,000	*	-	-	-	-	-	-
5.	YBhg Tan Sri Dato' Hari Narayanan A/L Govindasamy	-	-	-	-	-	-	-	-
6.	YBhg Tan Sri Dato' Seri Dr Ting Chew Peh	-	-	46,200^	0.01^	-	-	-	-
7.	YAM Tengku Dato' Rahimah Binti Almarhum Sultan Mahmud	-	-	-	-	-	-	-	-
8.	YBhg Tan Sri Dato' Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak	-	-	-	-	-	-	-	-
9.	Encik Ng Wah Tar	-	-	-	-	-	-	-	-
10.	Encik Azlan Shah Bin Rozali (Pengarah Gantian kepada YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail)	389,400	0.09	-	-	-	-	-	-

Nota:
+ Dianggap mempunyai kepentingan dalam saham melalui kepentingan pegangan saham 100% dalam Central Plus (M) Sdn Bhd (No. Syarikat 183535-W) dan Corporate Line (M) Sdn Bhd (No. Syarikat 172689-H) di mana 55% dipegang atas nama sendiri dan 45% dipegang atas nama isteri dan anak-anaknya masing-masing, dan dianggap mempunyai kepentingan melalui saham yang dipegang oleh anak lelakinya.
^ Dianggap mempunyai kepentingan melalui saham yang dipegang oleh isterinya, Tay Boon Ling menurut Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965.
# Tidak termasuk sejumlah 2,036,800 Saham PNHB yang dibeli balik oleh PNHB dan dikekalkan sebagai saham perbendaharaan pada 21 Mac 2016.
* Boleh diabaikan.

PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM UTAMA MENURUT DAFTAR PEMEGANG SAHAM UTAMA

(Tidak Termasuk Pemegang Amanah)

Bil.	Nama Pemegang Saham Utama	Bilangan Saham Dipegang Dalam Syarikat			
		Kepentingan Langsung	%#	Kepentingan Tidak Langsung	%#
1.	YBhg Tan Sri Rozali Bin Ismail	1,901,900	0.43	175,530,224+	39.25+
2.	Central Plus (M) Sdn Bhd	105,710,335	23.64	-	-
3.	Corporate Line (M) Sdn Bhd	69,430,489	15.52	-	-
4.	Lembaga Tabung Haji	40,101,600	8.97	-	-

Nota:
+ Dianggap mempunyai kepentingan melalui kepentingan pegangan saham 100% dalam Central Plus (M) Sdn Bhd (No. Syarikat 183535-W) dan Corporate Line (M) Sdn Bhd (No. Syarikat 172689-H) di mana 55% dipegang atas nama sendiri dan 45% dipegang atas nama isteri dan anak-anaknya masing-masing, dan dianggap mempunyai kepentingan melalui saham yang dipegang oleh anak lelakinya.
# Tidak termasuk sejumlah 2,036,800 Saham PNHB yang dibeli balik oleh PNHB dan dikekalkan sebagai saham perbendaharaan pada 21 Mac 2016.

SENARAI HARTANAH
SETAKAT 31 DISEMBER 2015

Keterangan & Lokasi	Tarikh Pemerolehan Tarikh Penilaian (P)	Keluasan Tanah/ Keluasan Binaan	Nilai Buku Bersih (RM'000) 31.12.2015	Tempoh	Baki Tempoh Pajakan (Tarikh Luput)	Kegunaan Semasa
Bangunan & Tanah Bersebelahan						
